

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 30

Selasa

9 Jun 2015

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL MENANGGUHAKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):

- **Gempa Bumi Di Ranau, Sabah**
- *Datuk Bung Moktar bin Raden (Kinabatangan)* (Halaman 26 & 85)

USUL-USUL:

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 24)
- Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020 (Halaman 30)
- Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M.16(3) (Halaman 169)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

- **Kelulusan Bomba Terhadap Pelan Bangunan Di Pulau Pinang**
- *YB. Tuan Ng Wei Aik (Tanjong)* (Halaman 169)
- **Status Bangunan Vivekananda Ashram**
- *YB. Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)* (Halaman 172)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA

Selasa, 9 Jun 2015

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Soalan No. 1 - Dato' Ahmad Fauzi Zahari (Setiawangsa) tidak hadir]

2. Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah pinjaman pendidikan, bayaran balik dan faedah, upah dan lain-lain bayaran mengikut pecahan kategori yang dibayar kepada PTPTN dari 2001 hingga 2014. Nyatakan jumlah pelajar disenaraihitamkan oleh badan tersebut dalam tempoh yang sama.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 seramai 596,152 pinjaman telah diluluskan dan diterima oleh peminjam melibatkan peruntukan sebanyak RM15.19 bilion. Sehingga 31 Disember 2014, seramai 1,627,236 orang peminjam perlu membayar balik pinjaman berjumlah RM12.64 bilion. Daripada jumlah tersebut seramai 1,046,055 ataupun 64.28% peminjam telah mula membayar balik pinjaman dengan *amount* kutipan sebanyak RM5.69 bilion iaitu 45.02%. Bilangan peminjam yang masih gagal membuat bayaran balik ialah seramai 581,181 melibatkan *amount* tertunggak berjumlah RM4.51 bilion, manakala RM2.44 bilion baki tertunggak adalah oleh 1,046,055 orang peminjam yang membayar balik lebih rendah daripada ansuran yang ditetapkan.

Dalam tempoh yang sama seramai 134,664 orang peminjam telah di senarai hitam daripada meninggalkan negara melalui Jabatan Imigresen Malaysia. Walau bagaimanapun, seramai 49,968 orang peminjam telah datang berbincang dengan PTPTN dan membuat bayaran. Baki peminjam yang masih disenaraihitamkan ialah seramai 84,696. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawatan tersebut tadi. Di sini saya hendak tanya ataupun – hendak tanya kepada kementerian, Tuan Yang di-Pertua. Ada satu Surat Pekeliling

PTPTN Bil. 1/2014 menyatakan bahawa jumlah pembiayaan ataupun pinjaman PTPTN diturunkan sebanyak 5% bagi IPTA dan 15% bagi IPTS. Jadi saya rasa ini merupakan satu perkara yang macam tidak masuk akal kerana dalam keadaan rakyat kena GST, kos sara hidup meningkat dan kos pendidikan pun meningkat, jumlah pinjaman PTPTN yang boleh dipinjam pula menurun.

Jadi saya hendak minta kementerian untuk menjawab bab ini dan memohon supaya kerajaan boleh mengkaji semula supaya *reverse this policy* sebab memang tidak masuk akal di dalam keadaan yang– yuran pendidikan di kolej-kolej swasta pada hari ini meningkat dan memang sebelum ini pun tidak dapat *discover* ataupun ditampung sepenuhnya oleh PTPTN. Sekarang, turun lagi. Jadi akan membawa satu beban yang besar kepada anak-anak muda kita dan keluarga-keluarga terutamanya daripada yang berpendapatan rendah.

Saya nampak tadi jawapan Timbalan Menteri, *collection* ataupun bayaran balik sudah mencecah 45%. Saya rasa ini satu petanda yang baik dan walaupun angka ini boleh dinaikkan lagi tetapi sudah ada *improvement*. Jadi saya rasa mungkin kerajaan patut mempertimbangkan semula penurunan jumlah pinjaman ini. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sentiasa akan memberi pertimbangan yang sewajarnya pada masa-masa yang berkenaan. Sepertimana yang saya telah maklumkan sebentar tadi, walaupun jumlah pembayaran ini lebih baik dari masa yang lalu tetapi kita tidak boleh berpuas hati. Keputusan ini dibuat kerana ramai peminjam yang harus membayar masih belum melakukan pembayaran.

Oleh kerana pembayaran ini tidak dilakukan, maka dana yang ada kepada PTPTN ini tidak dapat diberi seperti mana yang telah diberi sebelum ini. Akan tetapi seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dan juga dicadangkan oleh Yang Berhormat yang lain, Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga PTPTN sedia menerima cadangan-cadangan untuk menambah baik. Di antara sebab mengapa PTPTN diwujudkan ialah untuk membantu anak belia kita untuk melanjutkan pelajar mereka tanpa sebarang masalah. Itu harapan kita dan kita akan sentiasa bersedia menerima pandangan-pandangan untuk menambah baik sistem yang sedia ada di PTPTN. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1010

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu PTPTN ini adalah antara punca sebenarnya sumber kewangan pelajar-pelajar kita untuk melanjutkan pelajaran baik di IPTA mahupun di IPTS. Cuma berdasarkan jawapan daripada Menteri tadi, boleh tidak pihak kementerian memaklumkan kepada kita, berapakah jumlah pelajar yang telah mendapat pengecualian bayaran pinjaman PTPTN ini? Bagaimanakah pelajar-pelajar yang cemerlang ini memohon untuk mendapatkan pengecualian daripada pinjaman PTPTN ini. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang di minta tadi. Ada jawapan. Okey. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Sekijang sebentar tadi memang bertepatan dan soalan yang harus dibangkitkan. Kerajaan sentiasa akan menghargai dan juga memberi ganjaran-ganjaran yang terbaik kepada pelajar-pelajar cemerlang.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 April 2015, seramai 25,277 pelajar telah menerima pengecualian pinjaman PTPTN. Secara tidak langsung ataupun secara langsung, Tuan Yang di-Pertua. Ini merupakan pendidikan percuma. Apabila mereka meminta pendidikan percuma, inilah caranya kementerian dapat memberikan pendidikan percuma, 25,000 pelajar-pelajar ini telah diberi pinjaman PTPTN.

Akan tetapi apabila mereka berjaya mendapat ijazah kelas pertama, PTPTN mengecualikan pinjaman-pinjaman ini. Ini merupakan insentif yang kita akan terus laksanakan dalam masa-masa ini supaya lebih ramai lagi pelajar-pelajar akan mengambil serius tentang pendidikan mereka. Sekiranya mereka mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan, mendapat *First Class Honors*, PTPTN sedia mengecualikan bayaran mereka.

Dari aspek kaedah permohonan pengecualian bayaran balik pinjaman bagi Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama Yang Berhormat, mereka boleh memohon pengecualian bayaran balik pinjaman PTPTN iaitu dengan melengkapkan dokumen-dokumen yang sedia ada, mengisi borang akuan penerimaan pembiayaan yang boleh dimuat turun melalui portal PTPTN, salinan Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama atau setaraf dengannya yang disahkan oleh bahagian akademik IPT berkaitan, salinan transkrip keputusan peperiksaan yang disahkan oleh bahagian akademik IPT berkaitan. Bagi peminjam IPTS, salinan perakaunan ataupun perakuan akreditasi dari MQA dan juga surat pengesahan Kelas Pertama, jika tidak dicatatkan perkataan Kelas Pertama pada ijazah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta Perdana Menteri menyatakan apakah perancangan kerajaan terhadap status pekerja awam kontrak di setiap kementerian.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak meletakkan komitmen pekerja awam kontrak di setiap kementerian akan dilantik atau diserap kepada jawatan tetap. Sebaliknya, menjadi tanggungjawab pegawai lantikan kontrak untuk memohon jawatan secara tetap dengan pihak berkuasa melantik yang berkenaan berdasarkan kelayakan akademik dan juga pengalaman yang dimiliki.

Pengalaman berkhidmat dengan kerajaan boleh dijadikan kelebihan dengan calon lain bagi dipertimbangkan pelantikan secara tetap. Walau bagaimanapun dari semasa ke semasa, kerajaan membantu pegawai lantikan kontrak yang akan menghadiri sesi temu duga bagi tujuan

pelantikan secara tetap seperti melalui program *coaching* dan juga *mentoring* yang disediakan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan. Pada masa yang sama, pegawai tersebut juga didedahkan dengan program latihan bagi meningkatkan lagi kompetensi dalam bidang pekerjaan.

Maka yang tersebut, pendedahan berterusan melalui program latihan dapat membantu pegawai untuk membuat sebarang persediaan bagi temu duga jawatan tetap. Namun begitu, seperti yang telah diumumkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa, kajian dan syor telah pun dibuat untuk dipertimbangkan ke jawatan tetap. Terpulang kepada pihak kerajaan untuk mempertimbangkan penyerapan pegawai-pegawai kontrak tersebut ke jawatan tetap. Ini adalah berdasarkan kepada kedudukan kerajaan dari semasa ke semasa.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan. Apakah pendekatan ataupun langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan berhubung dengan status kakitangan kontrak yang selalu merasakan tiada jaminan perlindungan jika secara tiba-tiba kontrak mereka ditamatkan? Jadi, kerana ini amat memberi kesan kepada mereka kerana mereka berkeluarga dan pada kebiasaannya mempunyai banyak komitmen seperti kenderaan, rumah, persekolahan dan sebagainya.

Kakitangan kontrak juga adalah aset modal insan dengan pengalaman bertugas membantu kecekapan perkhidmatan. Sewajarnya kumpulan kontrak diberikan keutamaan jika ada cadangan mengisi secara tetap. Selain daripada itu, apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan untuk memelihara kebajikan pekerja awam kontrak. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut rekod sekarang ini ialah terdapat 43,861 atau 91.9% lantikan *contract of service*. Manakala, 3,867 orang atau 8.1% adalah lantikan *contract for service*. Untuk tujuan tersebut, perkara ini telah dibincang dengan begitu lama dan pernah dalam bajet, saya kurang pasti itu, tahun 2008 atau tahun 2009, tentang pengumuman yang telah dibuat berhubung dengan perkara ini. Selepas itu terdapat beberapa pengumuman-pengumuman yang dibuat dari semasa ke semasa untuk mempertimbangkan mereka ini ke satu perkhidmatan yang lebih baik.

Untuk tujuan tersebut, pihak JPA telah membuat kajian serta syor telah dihantar kepada kerajaan. Terpulanglah kepada kerajaan untuk mempertimbangkan syor-syor tersebut. Kalau sekiranya baik ataupun sebaliknya, akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri tadi ada memberi jawapan kepada Yang Berhormat Tanjong Piai. Tuan Yang di-Pertua, kita cerita perancangan. Macam mana kita punya perancangan boleh mempercepatkan bila kita mahu ambil pekerja-pekerja atas kontrak? Contoh macam di Kementerian Kesihatan. Bila ada mahu ambil kontrak, doktor, dia kata dia boleh cepat. Akan tetapi apabila melalui JPA ataupun SPA, masa yang akan panjang. Akan ambil masa.

Jadi, saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri, macam mana kita boleh memendekkan masa ini? Macam mana kita hendak lihat sekarang masa terlampau panjang. Kadang-kadang

enam bulan ke lapan bulan belum selesai. Saya rasa kita sudah masuk Wawasan 2020. Macam mana? [Disampuk] Sudahlah soalan. Yang Berhormat Putatan ini macam dia belum bangun lagi, masih tidur. [Ketawa]

■1020

Kita sekarang rakyat semua tanya macam mana kerajaan boleh membantu dan memendekkan ini ambil pekerja tidak kira doktor atau lain-lain punya kementerian. Itu masa boleh dikurangkan. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, kita, saya telah sebutkan tadi kita ada *contract of service* jadi Yang Berhormat bagi penekanan saya percaya *contract for service*. *Contract for service* ini boleh dilantik dari semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan. Saya ingat dalam birokrasi dia menjadi susah kalau sekiranya kita tidak mahu bagi senang tetapi ia mahu menjadi senang kalau kita mahu ia jadi senang.

Kalau sekiranya mereka hendakkan benda itu dilakukan dengan cepat, kalau setakat duduk di meja tulis surat tunggulah surat akan dijawab tetapi ada yang pegawai-pegawai yang proaktif dia bangun daripada tempat duduknya tulis surat selepas itu dia melalui proses-proses kecil dan berjumpa dengan Jabatan Perkhidmatan Awam bahawa ianya ada keperluan dan di tiap-tiap kementerian kita ada Menteri. Jadi semua ini boleh dipercepatkan iaitu *contract for service* sebab ini ada keperluan, doktor ataupun doktor pakar dan sebagainya. Kita boleh berbuat sedemikian.

Akan tetapi pelantikan lain kita kena lalui proses sebab kalau tidak kita akan timbul masalah kalau tidak mengikut proses ini sebab banyaklah pihak akan muncul nanti mengatakan bahawa adilkah atau tidak adil sebab orang yang memohon pekerjaan begitu banyak dan kita kena ikut proses itu. Tetapi untuk kontrak, sebab hari ini jawapannya ialah *contract of service* dan juga *contract for service*.

Contract of service saya sebutkan tadi bahawa melalui Parlimen inilah yang saya tengok banyak menimbulkan perkara ini dan benda ini sudah pun dibuat kajian sebab kerajaan telah bagi komitmen untuk buat kajian dan kajian itu semua sudah lengkap dengan syor-syor sekali dan ianya telah disampaikan kepada pihak kerajaan dan kerajaan akan menentukannya nanti.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya tadi kata macam mana kita boleh mencepatkan, kurangkan macam tadi Yang Berhormat Menteri kata, ada birokrasi. Macam mana kita boleh kurangkan, mencepatkan ini proses.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, saya hendak beritahu Yang Berhormat ada dua perkara tadi. Ini pegawai kontrak, Yang Berhormat bertanya pegawai tetap. Yang mana satu Yang Berhormat hendak tanya?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Pegawai kontrak juga bila kita mahu...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kalau kontrak kita boleh cepatkan...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Mana cepat, 6 bulan sampai 8 bulan belum tentu lagi.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak, pegawai kontrak kalau *contract for service* kalau berlaku kelambatan rujuklah kepada Menteri ini. Jangan ketawa seronok-seronok. Rujuk! Saya belum terima satu surat pun daripada Yang Berhormat mengatakan bahawa ada kelambatan *contract for service*. *Contract of service* lain.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Okey, okey kita faham.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat kalau ada kelambatan, Menteri kena timbulkan dalam Kabinet ataupun di mana-mana. Saya tidak terima apa-apa. Kalau itu, makna kata saya menganggap benda itu telah jalan dengan elok tetapi kalau tidak elok Yang Berhormat kena beritahu. Malah *contract of service* yang menjadi keserabutan "rasa nubari asmarama" sekarang ini ialah 43,861 ini *contract of service* terutamanya pada KEMAS, JASA, Penerangan yang mereka sudah setengahnya cukup umur berhenti, cukup umur berhenti tetapi yang masih berada, tidak tahu hala tuju mereka. Bila cukup tempoh berhenti dan tidak ada apa-apa yang mereka dapat.

Sekarang ini beberapa syor telah pun dibawa kepada kerajaan. Sudah pasti kerajaan sedang mempertimbangkannya dengan hebat sekali dan biarlah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkannya. Saya menjawab JPA ini saya menjawab, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengumumkan apa-apa perkara mengenai perkara tersebut.

Okey, kemudian berhubung dengan pelantikan pegawai tetap, Yang Berhormat boleh tanya sebab soalan ini Tuan Yang di-Pertua tidak ditanya kepada saya. Pelantikan pegawai tetap yang melalui proses SPA, yang itu ada benda yang kita boleh jawab tetapi untuk *contract for service* di mana keperluan kepada jawatan tersebut kita boleh buat dengan cepat tetapi Yang Berhormat kena khususkan di mana kekurangan sebab kalau setakat dengar cakap, kita tidak mampu untuk menjawab secara dengar cakap. Saya harus jawab dengan fakta. *Thank you*, habis jawapan tersebut.

4. **Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah syarikat bumiputera yang telah mendapat pinjaman dari Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. (PPFI); dan
- (b) apakah kadar faedah yang dikenakan oleh EPF dan KWAP ke atas pinjaman yang diberikan kepada Pembinaan Private Finance Initiative (PPFI).

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, Pembinaan PFI Sdn. Bhd. (PPFI) adalah sebuah Syarikat Tujuan Khas, *special purpose vehicle* (SPV) milik penuh Menteri Kewangan

Diperbadankan yang ditubuhkan pada 28 September 2006. Tujuan penubuhan syarikat ini ialah untuk memperoleh dana bagi membiayai projek pembangunan dan program yang dikenal pasti oleh kerajaan. PPFi berperanan mendapatkan dana dan kemudiannya disalurkan ke Akaun Amanah PFI di bawah kendalian Jabatan Akauntan Negara bagi membiayai projek-projek dan program-program yang dikenal pasti.

Proses perolehan, pelaksanaan dan pemantauan projek program termasuk pelantikan kontraktor bagi menjalankan projek pembangunan melalui dana PFI ini dilaksanakan sepenuhnya oleh kementerian atau agensi yang terlibat mengikut prosedur perolehan kerajaan sedia ada. PPFi hanya berperanan mendapat dana untuk membiayai projek program yang telah dikenal pasti dan tidak memberi sebarang pinjaman kepada mana-mana pihak. Oleh hal demikian, isu mengenai jumlah syarikat bumiputera yang telah mendapat pinjaman dari PPFi seperti mana yang dibangkitkan adalah tidak berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, PPFi telah mendapatkan dana daripada KWSP dan Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP) dan kadar faedah adalah berasaskan kepada Malaysian Government Securities pada kadar di antara 3.8% dan 4.6%. Sekian, terima kasih.

Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Kita *basically* secara amnya PPFi ini membiayai 886 projek pinjaman daripada KWAP bersama dengan EPF sebanyak RM30 bilion. Saya hendak tanya kalaulah ini mengikut rekod ada 886 projek yang dibiayai. Jadi saya masih mahu bertanya berapa banyakkah yang telah diberi pinjam kepada syarikat bumiputera memandangkan ada *charter*nya mengatakan bahawa ia akan mendanai projek-projek kecil sedangkan saya mendapat laporan bahawa Persatuan Kontraktor Melayu Kebangsaan seorang ahli pun tidak mendapat pinjaman.

Kemudian soalnya lagi satu ialah kalaulah pinjaman datang daripada KWAP dan EPF, bagaimanakah ianya layak dipanggil sebagai satu perancangan PFI. Mengapakah tidak ada penyertaan daripada pihak swasta untuk membiayai atau memberi pinjaman. Sekian.

Datuk Chua Tee Yong: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya telah jelaskan tadi bahawa PPFi berperanan mendapatkan dana dan kemudiannya disalurkan ke Akaun Amanah PFI di mana dia tidak mempunyai pinjaman, dia tidak memberi pinjaman. Dia hanya membiayai projek-projek pembangunan dan program-program yang dikenal pasti dan ini adalah tertakluk semua kepada kementerian dan agensi yang terlibat.

Maka dari segi peranan MOF kita hanya mendapatkan dana. Dari segi kawal selia, dari segi pelaksanaan yang terbabit ialah EPU dan kementerian yang berkaitan. Oleh hal demikian, isu mengenai jumlah syarikat bumiputera yang sama ada mendapat pinjaman daripada PPFi seperti mana yang dibangkitkan adalah tidak berkaitan.

Dari segi soalan yang dibangkitkan mengenai pelaksanaan projek dan apakah rasional untuk menggunakan jenis *agreement* sebegini, ia bertujuan untuk mempercepatkan dari segi pelaksanaan projek-projek pembangunan kerajaan terutamanya projek-projek infrastruktur seperti

sekolah, universiti, hospital dan sebagainya. Projek-projek yang dikenal pasti ini harus dilaksanakan di mana ia merupakan *spin off* yang meluas ke atas pertubuhan ekonomi negara dan perlu dilaksanakan dengan segera untuk memberi manfaat kepada rakyat. Sekian, terima kasih.

■1030

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terkeliru sedikit jawapan Menteri soal PFI ini. Kalau syarikat ini tidak boleh memberi pinjaman seperti soalan daripada Yang Berhormat Raub, apakah projek-projek yang dilaksanakan jika ia juga melaksanakan projek-projek dan ini menjadi satu bebanan kepada syarikat-syarikat swasta kerana syarikat kerajaan sendiri yang terlibat.

Jadi di mana hala tuju kerajaan yang mana merebut peluang projek-projek kecil kalaulah ia kecil, kalau ia besar juga melepaskan peluang ini kepada syarikat-syarikat lain. Jadi saya tidak faham. Cuba Menteri menjawab secara yang telus supaya kita faham kalau ada projek yang dilaksanakan di mana projek-projek dilaksanakan syarikat ini?

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: Terima kasih atas soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat harus faham bahawa syarikat ini tidak bersaing dengan syarikat swasta. Ia hanya mendapatkan dana untuk pelaksanaan pembangunan kerajaan di mana wang yang diperoleh ini disalurkan kepada kementerian-kementerian berkenaan.

Sebagai contoh kalau Kementerian Dalam Negeri ingin membina kuarters, maka wang ini akan disampaikan kepada kementerian tersebut. Kementerian akan menggunakan dasar yang sedia ada dari segi perolehan untuk mengeluarkan kalau ada tender dan sebagainya supaya syarikat-syarikat swasta yang memasuki untuk mendapatkan projek-projek ini, maka PFI ini tidak bersaing dengan sebarang syarikat swasta. Ia hanya mendapatkan dana sebagai *special purpose vehicle* untuk disalurkan kepada kementerian-kementerian yang berkenaan untuk menjalankan projek-projek infrastruktur untuk manfaat rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Kepala Batas.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apa yang dibuat oleh pihak kerajaan, penjanaan dana ini adalah agak kreatif dan saya fikir adalah cukup baik kerana ia dapat menjadikan jumlah projek dapat dilaksanakan secara *expeditious*, secara lebih cepat. Cuma soalan saya ialah mungkin terdapat kekeliruan yang mana Ahli-ahli Parlimen tidak berapa faham sebab kerana jumlah PFI yang diperuntukkan atau yang diperoleh melalui penjanaan dana ini merupakan *off balance sheet* dan juga merupakan *off budget expenditure*. Maknanya setiap kali pembentangan belanjawan, belanja ini tidak dibentangkan.

Jadi dalam kita hendak mengamalkan perakaunan secara akuan, apakah pihak Kementerian Kewangan akan mengubah dan *to recognize this* sebagai salah satu daripada *contingent liability*. Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: Terima kasih atas soalan tambahan yang dikemukakan. Sebenarnya PFI ini adalah semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan di mana

kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan inisiatif pembiayaan swasta atau PFI dengan dana sebanyak RM20 bilion dan juga sebanyak RM12 bilion pada pembentangan Bajet 2012 dan Bajet 2013. Ini adalah kerana seperti yang saya telah katakan adalah untuk projek-projek melaksanakan sebagai pembaikan sekolah, menaik taraf hospital, rancangan tebatan banjir dan sebagainya.

Memang ini pada masa sekarang merupakan salah satu dari kalau pelaksanaan *accrual accounting*, ia akan dimasukkan dalam *contingent liability*. Itu adalah tepat tetapi pada masa sekarang ia dibiayai melalui SPV yang dimiliki oleh MKD. Sekian terima kasih.

[Soalan No.5 – YB. Dato' Abdul Manan bin Ismail (Paya Besar) tidak hadir]

6. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] meminta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan strategi dan pendekatan yang diambil di masa hadapan bagi pemuliharaan dan pengeluaran air dalam persiapan menghadapi krisis air mengambil kira masalah pemanasan global dan perubahan suhu serta permintaan yang semakin meningkat ke atas air bersih.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Cheras soalan nombor enam. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan melalui pembiayaan di bawah Rancangan Malaysia lima tahun dan juga Pengurusan Aset Air Berhad sentiasa melaksanakan projek-projek bina baru dan naik taraf sistem bekalan air di seluruh negara.

Projek-projek seperti pembinaan empangan, pembinaan muka sauk, loji rawatan air, jajaran paip dan tangki-tangki simpanan sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan Persekutuan supaya kapasiti bekalan air sentiasa mencukupi untuk menampung keperluan semasa dan akan datang. Semua perancangan bagi bekalan air ini telah dibuat berdasarkan Kajian Sumber Air Negara dan Pelan Perniagaan Operator Bekalan Air di negeri masing-masing.

Selain daripada itu kerajaan juga membina infrastruktur untuk mengalirkan air ke kawasan yang mengalami kekurangan air melalui projek pembinaan air antara negeri. Salah satu projek yang sedang giat dilaksanakan ialah skim bekalan air negeri Pahang ke negeri Selangor. Projek ini dilaksanakan kerana Kerajaan Persekutuan menyedari bahawa sumber air mentah di negeri Selangor tidak lagi mampu menampung keperluan semasa bagi kawasan Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Selain daripada pembangunan infrastruktur, kerajaan-kerajaan negeri yang bertanggungjawab kepada sumber bekalan air mentah perlu juga mengambil langkah untuk menjaga kawasan tadahan daripada tercemar. Oleh itu kegiatan seperti penerokaan tanah, pembalakan tidak terancang, perlombongan dan pembangunan tidak terkawal di kawasan tadahan air atau di sepanjang sungai perlu segera dibendung dan sekiranya pencemaran berlaku, kuantiti air mentah tidak akan mencukupi untuk keperluan semasa dan keperluan akan datang.

Di samping itu pengurusan bekalan air yang lestari juga perlu mengambil kira aspek pengurusan penggunaan air di kalangan pengguna agar penggunaan air secara pembaziran dapat dikurangkan. Strategi ini dilihat mampu untuk menangani kadar penggunaan per kapita air yang tinggi iaitu 210 liter sehari di kalangan masyarakat Malaysia pada tahun 2013. Kadar purata penggunaan per kapita yang disyorkan oleh United Nation adalah sekitar 165 liter sehari.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya Yang Berhormat, sama ada apakah purata pertambahan permintaan air tahunan bagi negara kita berbanding dengan purata pertambahan bekalannya dan sehubungan ini saya ingin minta penjelasan kerana saya merasakan berkemungkinan krisis air akan berlaku dalam negara Malaysia dalam jangka panjang jika permintaan air bersih semakin meningkat tetapi tidak dapat dijelaskan tadi disebabkan oleh beberapa faktor seperti pertambahan penduduk, proses pembandaran dan juga kelemahan di pihak kerajaan seperti salah urus air, kehilangan air bukan hasil yang tinggi dan juga penyalahgunaan air yang melampau dan kesemua masalah ini tidak dapat dikendalikan dengan berkesan oleh kerajaan selama ini.

Juga saya ingin tanya Yang Berhormat apakah tindakan atau langkah preventif bagi menangani kesan-kesan El Nino yang dijangka akan mengakibatkan musim kemarau dan juga gelombang panas yang akan menambahkan bertambahnya permintaan air tetapi sebaliknya juga menyebabkan kekurangan bekalannya. Terima kasih.

■1040

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan Yang Berhormat Cheras panjang, soalan tambahan yang semuanya berkaitan mengenai dengan kerisauan masa hadapan mengenai dengan bekalan air negara.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan di sini bahawa operator-operator air yang mengendalikan loji rawatan air adalah di bawah tanggungan kerajaan-kerajaan negeri dan kerajaan-kerajaan negeri juga bertanggungjawab mengenai dengan air mentah atau dari mana sumber air mentah itu. Jadi bila kita bercakap mengenai dengan masa hadapan bekalan air dalam negara kita sebenarnya prioriti ataupun keutamaannya adalah sumber bekalan air mentah dahulu, dari mana sumber bekalan air mentah datang.

Bagaimana sumber bekalan air mentah ini boleh mencukupi untuk membiayai loji-loji rawatan air untuk mendapatkan air yang bersih. Jadi, ini hendaklah dilihat secara holistik oleh kerajaan-kerajaan negeri. Kerajaan-kerajaan negeri sekarang di Malaysia ini telah menubuhkan agensi atau perbadanan masing-masing untuk menguruskan bekalan air mentah, yang tak ada pengurusan air mentah ini hanya satu negeri iaitu negeri Pulau Pinang kerana ia tidak ada sumber bekalan air mentah di negeri Pulau Pinang. Jadi yang dia datang ini hanya dari negeri Kedah dan juga daripada negeri Perak. Di negeri-negeri lain ada agensi masing-masing untuk menguruskan sumber bekalan air mentah. Pulau Pinang sekarang pun memang ambil *free* pun daripada Kedah.
[Disampuk]

Jadi itu yang pertama, kena ada sumber bekalan air mentah. Kemudian yang keduanya, Yang Berhormat sebut tadi mengenai dengan pengurusan bekalan air oleh operator dan pengurusan ini boleh menentukan sama ada jumlah bekalan air itu telah cukup atau tidak. Akan tetapi bagi sesetengah negeri, walaupun ia ada pengurusan tetapi kalau jumlah bekalan air mentahnya tidak cukup, ia akan menghadapi masalah. Contohnya macam di negeri Selangor.

Di negeri Selangor ini, jumlah bekalan air mentahnya tidak cukup kerana ia hanya datang daripada Sungai Selangor, Sungai Tinggi, Klang Gate dan daripada Sungai Langat. Kalaulah kata kita biarkan sahaja di Selangor ini dengan empat sungai ini, Sungai Selangor, Sungai Tinggi dengan Klang Gate dengan Sungai Langat, maka sudah tentulah lima atau enam tahun daripada sekarang, Kuala Lumpur, Selangor dan juga Putrajaya akan kekurangan bekalan air mentah.

Oleh sebab itulah kerajaan ambil keputusan untuk buat *transfer water*, pemindahan air dari negeri Pahang ke negeri Selangor dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Jadi perkara ini mesti dibuat bukan sahaja di Selangor tetapi di negeri-negeri lain pun mesti dibuat. Misalnya antara Johor dan Melaka.

Pada masa yang sama juga Tuan Yang di-Pertua, kita juga kena melihat bagaimana kita hendak tengok pada masa hadapan. Saya bersetuju bahawa proses *urbanisation*, proses perbandaran dalam negara kita begitu cepat berlaku. Contoh di Selangor ini sekarang ini, kita belum boleh meluluskan. SYABAS dan juga SPAN belum boleh meluluskan 593 projek pembangunan yang telah dipohon. Semua sekali 800 lebih projek pembangunan tetapi yang belum boleh dilulus 593, kerana tak cukup bekalan air yang sedia ada. Jadi oleh sebab itu, proses perbandaran yang sedang berlaku begitu pesat, yang keduanya penggunaan air yang banyak. Tadi saya sebut di Malaysia ini *average* 210 liter seorang sedangkan United Nation punya *suggestion* adalah 165 liter.

Jadi kita ini guna air memang tinggi dan yang ketiganya disebut tadi juga dari segi pengurusan dan juga disebut Yang Berhormat sebut tadi mengenai dengan NRW. Semua ini adalah perkara yang membawa kepada bekalan air yang berkurangan. Satu elemen lagi yang penting adalah elemen yang disebut tadi adalah sekiranya terkesan dengan El Nino. El Nino adalah satu jangka waktu musim di mana suhu bertambah panas di laut dan apabila suhu itu bertambah panas di laut dan ia memberi kesan kepada jumlah hujan yang akan turun dan ada di musim El Nino ini kadang-kadang ia boleh jadi sampai enam bulan tidak ada hujan dan sudah tentulah air yang sedia ada di sungai ataupun di kawasan takungan akan berkurangan. Jadi ini sudah tentulah akan menjejaskan.

Kerajaan mengambil kira dan kerajaan di peringkat Persekutuan mempunyai sebuah jawatankuasa tertinggi yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai Pengerusi untuk melihat kesan-kesan jangka panjang dari segi bekalan air kepada negara sekiranya El Nino berlaku dan ada krisis-krisis lain yang mengakibatkan dan kita kena pergi

kepada negeri-negeri. Kita tengok negara secara keseluruhannya tetapi kita juga pergi kepada negeri dan kita juga *spot* kepada kawasan-kawasan yang tertentu.

Misalnya, sekarang ini walaupun hujan tetapi kita ada masalah di Gemenceh, Negeri Sembilan, kita ada masalah di Mersing, kita ada sedikit masalah di Sembrong di Johor. Jadi ada kawasan-kawasan juga yang kita menghadapi masalah.

Disebut tadi adalah purata pertambahan. Kalau saya boleh sebut di sini purata pertambahan yang Yang Berhormat minta tadi lebih kurang dalam 3% kenaikan permintaan dalam tahunan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. saya akui bahawa air merupakan satu elemen yang sangat penting dalam kehidupan rakyat khususnya rakyat Malaysia.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kalau kita lihat dalam konteks yang mana disebut oleh Yang Berhormat Menteri dalam isu penyusutan air di Selangor yang tidak ada kesudahannya sehingga hari ini saya difahamkan. Lebih-lebih lagi dalam konteks bulan Ramadan dan beberapa perayaan yang semakin hampir, saya sering mengalami khususnya di kawasan saya notis-notis catuan air yang sering memberikan satu pemikiran yang meragukan dan juga memeningkan rakyat khususnya di Kuala Selangor.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah benar sekiranya masalah penyusutan air di Selangor ini tidak ada kesudahannya, adakah benar khususnya dalam bulan Ramadan dan juga bulan Syawal yang menjelang akan wujud catuan air di tempat-tempat khususnya di negeri Selangor lebih-lebih lagi seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Menteri, sehingga hari ini terdapat 593 projek khususnya projek pembangunan di negeri Selangor tidak dapat digerakkan kerana kekurangan sumber air. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan yang disebut tadi. Sukalah saya menyatakan bahawa dalam soal bekalan air di negeri Selangor ini dan juga perjanjian antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan seperti mana yang pernah saya jelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa ada dua komponen dalam perjanjian itu.

Yang pertamanya ialah, pengambilalihan syarikat-syarikat bekalan air swasta oleh Kerajaan Negeri Selangor. Yang keduanya adalah pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2. Ini kedua-duanya adalah serentak dan yang boleh saya nyatakan di sini bahawa tarikh sebenar antara Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan itu telah disambung. Tarikh asal itu sudah habis, kemudian rundingan disambung untuk membolehkan rundingan dibuat lagi yang membolehkan penyelesaian secara lebih luas dan sehingga hari ini, pegawai-pegawai di peringkat kementerian (*KeTTHA*) dan juga Kerajaan Negeri Selangor masih mengadakan mesyuarat untuk melihat perkara-perkara yang perlu dihalusi.

Salah satu daripada perkara yang dihalusi adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan hak milik di antara kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Itu bab perjanjianlah.

■1050

Yang keduanya, bekalan air. Saya akui waktu ini barangkali yang serius bekalan air ini adalah - pada minggu lalu pun ada dialog penduduk kampung dengan pihak kerajaan negeri dan juga SYABAS dan kita juga menghantar pegawai daripada SPAN iaitu di Semenyih. Di kawasan Semenyih boleh dikatakan ada masalah yang agak berat daripada segi bekalan air. Tadi Yang Berhormat sebut di kawasan Yang Berhormat pun sama juga. Jadi pada saya, salah satu sebab yang terjadi ini, salah satunya adalah kerana paip yang ada itu adalah paip yang terlampau lama. Paip-paip yang lama dan kerja-kerja penyelenggaraan ini adalah kerja-kerja penggantian paip lama ini baru bermula. Jadi, saya akui ia akan mengambil masa yang agak lama.

Keduanya, seperti mana yang saya sebut tadi bahawa 593 projek yang tidak dapat dilaksanakan itu kerana jumlah bekalan air yang ada sekarang ini tidak mencukupi untuk menampung keseluruhan. Namun boleh saya katakan kepada Yang Berhormat, kali ini tahun ini adalah lebih baik daripada tahun lepas. Bulan Jun tahun 2014, bekalan air di negeri Selangor ini ada lebih kurang 40% tapi pada tahun ini, pada Jun 2015 ini, simpanan lebih kurang dalam 75%. Jadi ia lebih baik daripada tahun lepas, itulah jawapan saya Yang Berhormat Tan Sri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Bakri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang. Mengikut soalan yang dijawab oleh Timbalan Menteri, sila beritahu Dewan yang mulia ini berapa air yang tak bersih atau kotor, siapa yang bertanggungjawab. Adakah pengguna boleh dapat pampasan daripada negeri atau kementerian. Sila memberi jawapan.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Dari Bakri? Boleh faham.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Dari seluruh negeri, pengguna dapat air tak bersih adakah boleh dapat pampasan?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya air sungai itu air bersih. Air mentah itu tak ada masalah tapi ada orang yang datang ataupun pengusaha ataupun syarikat yang mencemarkan sungai itu. Antara yang berlaku, di sungai Muar pun berlaku iaitu ada kilang yang melepaskan sisa kilang itu ke dalam sungai dan menyebabkan sungai tercemar. Di Sungai Selangor, ada sebuah pengusaha dia lepaskan semua minyak hitam itu, kita panggil minyak yang telah diproses daripada lori itu dia lepaskan dalam sungai. Ini tahun lepas dan diambil tindakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan juga Jabatan Alam Sekitar dan didenda di mahkamah.

Itu maknanya ada orang yang tidak bertanggungjawab untuk mencemarkan sungai. Pada masa yang sama juga, kita hendaklah juga menyeru kepada ahli masyarakat supaya program pendidikan menjaga sungai ini mestilah diperluaskan dan diambil bahagian oleh semua orang supaya sungai kita menjadi sungai yang tidak tercemar dan sungai yang cantik. Kedudukan

bekalan air ini akan ditentukan oleh Jabatan Kesihatan sama ada kita boleh guna atau tidak dan boleh diproses atau tidak. Itu dari segi proses air.

Kemudian dari segi yang disebut oleh Yang Berhormat mengenai dengan apa juga denda atau apa juga tuntutan atau juga pampasan, itu sebab operator air ini ada di negeri masing-masing contohnya di Johor di bawah SAJ (Syarikat Air Johor), jadi apa-apa yang berkaitannya sudah tentulah di antara pengguna itu dengan operator air di negeri masing-masing. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam sesi soal jawab sebelah pagi ini, pada kebiasaannya saya sendiri cuma membenarkan dua soalan tambahan tetapi ada kalanya saya benarkan tiga soalan tambahan berasaskan kepada kalau soalan itu penting. Jadi kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mahu soalan tambahan, kalau soalan itu kamu anggap penting, tidak salah berdiri setiap kali berdiri. Tadi ramai yang saya nampak berdiri dalam soalan yang mustahak ini iaitu air tetapi apabila soalan tambahan kedua telah dijawab, tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri, cuma Yang Berhormat Bakri. Jadi saya panggil Yang Berhormat Bakri, itu sebab ambil perhatian kepada soalan-soalan.

7. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa banyak rumah yang telah dibina oleh Kerajaan Persekutuan terhadap mangsa-mangsa yang terjejas akibat banjir pada tempoh hari; dan
- (b) berapakah jumlah keseluruhan mangsa banjir yang musnah tempat tinggal ekoran daripada bencana banjir tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Setelah pencarian dibuat, akhirnya Yang Berhormat berada di sini.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 1 Jun 2015, sebanyak 33 unit rumah kekal baru yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan di seluruh Malaysia telah siap dan diserahkan kepada mangsa-mangsa banjir yang layak. Baru-baru ini dalam Parlimen ini saya menyebut bahawa lima buah rumah siap dan semua orang ketawa dan saya bagi tahu bahawa rumah ini sedang disiapkan dengan sebaik mungkin. Hari ini dalam masa jawab lebih kurang tak sampai dua minggu, 33 unit rumah kekal baru telah pun siap.

Pada masa yang sama, sebanyak 309 unit sedang dalam peringkat pembinaan dan 238 unit lagi dalam peringkat pra pembinaan. Secara keseluruhannya, Kerajaan Persekutuan membina sebanyak 1,412 unit rumah kekal baru manakala kerajaan-kerajaan negeri akan membina sebanyak 573 unit. Jumlah keseluruhan mangsa banjir yang dilaporkan mengalami kemusnahan tempat tinggal ekoran daripada bencana banjir 2014 adalah sebanyak 2,094 ketua isi rumah. Walau bagaimanapun, selepas verifikasi lanjut dilaksanakan, hanya 1,985 unit rumah kekal baru akan dibina.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita dapati dalam banjir tahun lepas 2014, selain daripada ianya satu malapetaka yang amat besar dan kita tahu bahawasanya terlalu ramai mangsa banjir kehilangan tempat tinggal. Selepas daripada banjir, kita tengok kerajaan begitu bersungguh-sungguh.

Komitmen yang telah diberikan oleh kerajaan tidak dapat dinafikan terutama Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri. Dalam usaha memberikan rumah kepada mangsa-mangsa banjir ini, kita dapat melihat bahawasanya ada dua pihak iaitu Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Ramai di kalangan mangsa banjir tidak mempunyai tanah dan kerajaan negeri bersedia untuk memberikan tanah.

Manakala yang mempunyai tanah, Kerajaan Persekutuan bersedia untuk membina rumah-rumah kepada mangsa banjir, tetapi di sini Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat bahawasanya terdapat perbezaan di antara rumah yang akan dibina, disediakan tanah oleh kerajaan negeri kemudian dibina oleh kerajaan negeri dengan rumah yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan yang tanahnya memang mangsa banjir mempunyai tanah. Jurang perbezaan daripada segi reka bentuk ini terlalu jauh. Saya difahamkan rumah yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan mencecah RM50,000 lebih nilainya, rumah yang dibina oleh kerajaan negeri RM30,000 atau lebih.

Jadi saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah atau tidak cara yang boleh dibuat sama ada perbincangan di dalam jawatankuasa bersama kalau di Kelantan antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan membina rumah dengan tanah di sediakan oleh kerajaan negeri kerana beza rumah di antara kerajaan negeri bina dengan Kerajaan Persekutuan bina ini terlalu jauh bezanya. Rakyat terutamanya mangsa yang menjadi mangsa yang hilang rumah di dalam peristiwa banjir baru ini memperkatakan elok kalau Kerajaan Persekutuan yang melaksanakan pembinaan rumah dan tanah disediakan oleh kerajaan negeri. Ada atau tidak perancangan yang boleh dibuat? Terima kasih.

■1100

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk pembinaan rumah yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Kerjasama baik dan malah kerajaan negeri menolong untuk tidak perlu kita mendapat kebenaran pihak berkuasa tempatan ataupun kebenaran merancang. Kita boleh terus membina rumah sebab kita sudah ada pelan yang standard. Jadi, saya ucapkan terima kasih. Kerjasama tersebut baik dan saya percaya sekarang ini kerjasama ini akan bertambah baik, lebih-lebih lagi dengan puak-puak ulama yang menguasai PAS sekarang.

Jadi, saya berharap mereka akan meneruskan usaha ini. Akan tetapi yang menjadi masalah sekarang ini ialah rumah yang dibina oleh kerajaan negeri di tanah kerajaan negeri, harganya rendah daripada rumah yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan yang sudah pasti

perbezaan RM20,000 itu agak ketara. Rumah yang dibina oleh kerajaan negeri tidak mengikut spesifikasi JKR.

Kalau sekiranya kerajaan negeri bercadang untuk memindahkan kepada Kerajaan Persekutuan, itu yang lebih baik. Oleh sebab pada peringkat awalnya memang Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan jumlah peruntukan tetapi di atas sifat kerajaan negeri mereka juga mengambil tanggungjawab untuk sama-sama menolong rakyat, maka mereka juga ingin membina rumah iaitu jumlahnya telah saya sebutkan tadi. Akan tetapi kalau sekiranya mereka membina rumah di atas harga RM30,000 itu, sudah pasti ia tidak mengikut spesifikasi JKR dan kita tidak bolehlah menganggap ianya sebagai rumah kekal.

Ini yang terbaiknya kalau rumah kekal ini ialah mengikut spesifikasi JKR yang berharga dalam persekitaran RM50,000. Saya akan minta jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Antarabangsa dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, dapat bekerjasama untuk memastikan supaya tidak nampak perbezaan yang ketara dari segi rumah yang dibina oleh kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Jadi, begitulah yang saya mampu menjawab di tahap begitu. Sebab apa, jawatankuasa ini harus memaklumkan kepada kita dari semasa ke semasa dan *insya-Allah* kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib ini, dia cukup terbuka dan cukup prihatin tentang permasalahan yang dihadapi oleh mangsa banjir di Kelantan. Baru sekejap, sudah mula cakap macam itu.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri tadi sebanyak 390 buah rumah lagi sedang dibina dan lebih daripada 200 buah dalam pra-pembinaan. Soalnya sekarang ialah kita hanya dalam beberapa hari lagi akan berhadapan dengan Ramadhan dan sudah tentulah ramai lagi keluarga mangsa yang berada di bawah khemah. Jadi, apa jaminan pihak kerajaan untuk memastikan semua mangsa yang berada di bawah khemah ini dapat berada di rumah baru menjelang Ramadan dan menjelang Aidilfitri. Minta penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Sebagaimana saya sebut dalam jawapan-jawapan yang lepas, kelewatan ini berlaku kerana tanah. Oleh kerana tanah kita baru dapat, maka kita segerakan pembinaan melalui sistem IBS yang kita boleh siapkan dalam masa 30 hingga 45 hari. Makna kata, kita boleh segerakan pembinaan kalau sekiranya tanah dapat disediakan.

Berhubung dengan mangsa dalam khemah, kita telah pun bina rumah transit sementara. Satu rumah transit sementara, satu lagi pusat-pusat tertentu latihan, termasuk PLKN yang telah kita sediakan. Akan tetapi ada di kalangan mangsa ini tidak mahu pindah, memang duduk dalam khemah ini dia nampak lapang sedikit, nampak bebas. Kalau pindah ke pusat PLKN atau pun rumah-rumah sementara ini, kadang-kadang mereka rasa tidak selesa.

Akan tetapi bagi kita, tidak bagus mereka berada dalam khemah, mereka kena masuk ke rumah sementara yang telah disediakan sementara menunggu rumah kekal. Sebenarnya, usaha kerajaan untuk menyelesaikan masalah pasca banjir ini, unitnya itu cukup besar. Ia boleh menggerakkan pegawainya untuk menyegerakan pembinaan rumah ini. Oleh sebab apa, unit pasca banjir ini kita berasingan, kemudian yang ini tugasnya adalah untuk menguruskan tanah dan sebagainya. Unit yang bina ini adalah JKR, juga berasingan.

Jadi, kita boleh buat dengan cepat. Kalau sekiranya tanah semua *alright*. Mereka yang berada dalam khemah dinasihatkan untuk pindah ke rumah sementara, sementara menunggu rumah kekal siap. Yang Berhormat, kita buat yang terbaik bukan kerana hendak habuan pilihan raya, tidak. Ini buat kerana Allah. Terima kasih.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya agak risau dengan dakwaan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa rumah-rumah yang dibina oleh kerajaan negeri tidak mengikut spesifikasi JKR. Sememangnya kita melihat *on the ground*, dengan izin, ada perbezaan bentuk rumah, rumah yang dibina oleh Kerajaan Pusat dan juga kerajaan negeri. Kerajaan negeri menetapkan spesifikasi dari segi saiz, jumlah bilik dan bilik air dan sebagainya. Jadi, apakah kerana pelan yang berbeza ini boleh kita rumuskan sebagai kerajaan negeri tidak mengikut spesifikasi.

Kerajaan Pusat ada tujuan tertentu untuk membina bentuk yang lain. Contohnya rumahnya tinggi, lapan kaki dari bumi. Rumah yang dibina oleh kerajaan negeri berada di atas tanah, atas semua sebab dan juga berpunca daripada kos. Cuma kos yang disebut oleh Yang Berhormat Machang tadi RM30 ribu lebih ini saya rasa tidak tepat kerana rumah-rumah yang dibina oleh kerajaan negeri paling tidak pun RM43 ribu sebuah. Jadi, apa hujah Yang Berhormat Menteri mengatakan kerajaan negeri punya rumah tidak mengikut spesifikasi? Oleh sebab itu merupakan satu perkara yang agak besar dan penting dalam konteks ketelusan pembinaan ini, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, saya sebut tadi tidak mengikut spesifikasi JKR. Kalau mungkin ia ikut spesifikasi lain, itu *alright*lah, tidak ada masalah. Oleh sebab apa, kuasa meluluskan CF nanti ialah kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan. Saya menyebut JKR. Sebab kami buat spesifikasi JKR, dia buat spesifikasi lain. Jadi, ada permintaan daripada pihak tertentu supaya dibuat ikut spesifikasi yang sama. Kita tidak ada masalah sebab kerajaan negeri memikirkan bahawa ini spesifikasi kerajaan negeri. Yang Berhormat wakil rakyat di Kuala Krai walaupun orang Selangor.

Jadi, mungkin Yang Berhormat hendak perkenalkan *design* Yang Berhormat kah di Kuala Krai, itu terpulang. Akan tetapi yang ini saya hendak bagi tahu ini adalah spesifikasi JKR. Sebenarnya, kita pernah bawa benda ini untuk dipertimbangkan oleh kerajaan negeri dan kerajaan negeri pada dasarnya bersetuju mengikut spesifikasi JKR. Akan tetapi semasa pelaksanaan itu

tentulah ada kekurangan di sana sini dan kita akan minta jawatankuasa ini supaya mempertimbangkan agar dia ikut spesifikasi JKR.

Sebab JKR ini telah buat spesifikasi yang begitu baik, di mana orang yang membina rumah ini pun tidaklah untung begitu banyak. Spesifikasi yang cukup ketat. Makna kata, lebih banyak rumah yang dibina daripada untung. Kadang-kadang sesuatu projek itu untung terlampau tinggi, projek kurang. Akan tetapi dalam kes ini, rumah itu betul-betul cukup terhad, di mana keuntungannya pun cukup minimum.

■1110

Jadi itu sebab kita bagi tiap-tiap kontraktor itu dua tiga unit untuk membina rumah ini hendak pastikan supaya dia ada sedikit margin keuntungan. Kalau ikut *spec* JKR dia buat betul-betul seperti yang telah ditetapkan, itu dia nasihat kita. Kerajaan sebenarnya pun telah bersetuju pada dasarnya tetapi dari segi pelaksanaan adalah kekurangan di sana sini. Terima kasih.

8. Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah bentuk penambahbaikan sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang dibuat setelah Kementerian menangguhkan pelaksanaan PBS pada 11 Februari 2014 setelah tiga tahun dilaksanakan; dan
- (b) bagaimanakah prestasi semasa pelajar-pelajar yang telah melalui sistem PBS ini yang bermula dari tahun 2011 dan adakah Kementerian ingin menutup kelemahan dalam pelaksanaan sistem ini dengan cara menamatkan perkhidmatan seorang guru yang lantang menegur Kementerian mengenai sistem PBS.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil atas soalan PBS. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia amat prihatin terhadap isu pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang telah dibangkitkan oleh guru-guru. Oleh itu Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat keputusan untuk menangguhkan PBS dan mengkaji semula pelaksanaannya pada 11 Februari 2014 sehingga 31 Mac 2014. Penangguhan ini adalah untuk mengenal pasti permasalahan yang ditimbulkan ekoran daripada rungutan guru dan juga ibu bapa dan mengambil langkah-langkah yang perlu dan segera dalam penambahbaikan PBS.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh kajian semula PBS Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan beberapa siri perbincangan dan pertemuan dengan kesatuan-kesatuan guru serta beberapa kelompok guru. Untuk mendapatkan maklum balas dan juga membantu dalam memberi input kepada penambahbaikan PBS. Hasilnya Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan beberapa penambahbaikan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di antara penambahbaikannya ialah seperti berikut:

- (i) Pengenalan pentaksiran pusat dan pentaksiran sekolah;

- (ii) Mesra guru iaitu yang mana pengurangan *evidence descriptor* dan tiada fail;
- (iii) Proses merekod markah secara *offline*;
- (iv) Guru lebih fokus kepada pengajaran dan pembelajaran;
- (v) Pengenalan pentaksiran psikometrik bertujuan mengukur kebolehan semula jadi *innate ability* dengan izin dan kebolehan yang diperoleh *acquired ability* dengan izin;
- (vi) Pengenalan Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) yang berfokus kepada Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan (SEGAK), mengukur tahap kecergasan dan penyertaan penglibatan dan pencapaian murid dalam aktiviti kokurikulum dan ekstrak kokurikulum di pelbagai peringkat.

Untuk makluman Yang Berhormat, prestasi semasa murid-murid yang telah melalui sistem ini pada tahun 2011 pula ianya boleh diperolehi melalui pelaporan pentaksiran sekolah iaitu penilaian berterusan yang dikeluarkan oleh pihak sekolah dan berupaya mengeluarkan pelaporan yang memaklumkan tentang perkembangan pembelajaran murid. Penilaian yang berterusan ini berupaya dalam membentuk sahsiah murid, menggalakkan murid berfikir dan berbincang, mengembangkan kreativiti murid serta melahirkan murid yang proaktif dan kreatif. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri sebut tadi soal perbincangan dengan Kesatuan Guru-guru. Saya yakin Yang Berhormat Menteri maklum dalam satu forum yang dianjurkan oleh *Sinar Harian*, Menteri Pendidikan II telah mengakui kelemahan PBS yang mana yang dilihat telah membebankan para guru. Saya ingin bertanyakan kepada kementerian, apakah agenda pemerkasaan guru ini secara khusus diberikan tumpuan dalam sistem PBS?

Dalam aspek misalnya nisbah guru dengan murid. Saya difahamkan nisbah guru dengan murid di Malaysia ini satu guru, 40 orang murid. Adalah satu perkara yang membebankan ataupun tidak munasabah kalau kita hendak bandingkan sistem ataupun kekurangan guru di dalam negara kita dengan perkembangan pendidikan di Australia, di Amerika di Finland misalnya 1:12.

Jadi saya ingin bertanyakan kepada kementerian, dalam konteks ini apabila ada kritikan yang keras daripada guru kita lihat kementerian membuat keputusan untuk memecat seorang guru. Saya difahamkan guru ini juga adalah Ahli UMNO daripada Parlimen Hulu Selangor. Jadi saya fikir dalam konteks ini adalah tidak adil untuk kementerian membuat tindakan-tindakan yang drastik seperti itu dalam masa yang sama tidak memperincikan agenda khusus memperkasakan guru.

Mana mungkin dalam kelas 40 orang satu guru hendak beri tumpuan satu minit kepada seorang murid misalnya menghabiskan masa 40 minit. Kelas biasa 30 ke 40 minit Tuan Yang di-

Pertua jadi saya fikir ini satu perkara yang mesti kementerian lakukan kerana pada kita kuncinya ialah guru, guru perkasa barulah anak murid itu boleh mendapat kecemerlangan. Saya minta kerajaan nyatakan apakah kerajaan bersedia untuk mengkaji semula sistem PBS ini dan menghentikan sistem ini sehingga *proper evaluation* dapat dilakukan. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang telah saya maklumkan sebentar tadi apabila kita membuat rujukan kembali kepada guru-guru bila kita menanggung sistem ini. Kita telah menanggungkan daripada Februari 2014 hingga Mac dan kita memanggil semula guru-guru untuk mendapat input. Ini merupakan di antara agenda pemerkasaan guru.

Saya sedar dan ambil maklum tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa kita akan terus menggunakan sistem ini pada masa yang sama kita akan mengambil input-input yang diberi oleh guru-guru dan juga ibu bapa. Kita akan menambah baik sistem ini. Kita sedar pada awalnya ada kelemahan dan oleh kerana itulah kita menanggungkan sistem ini untuk mendapat balik input-input. Kita mendapat input-input daripada guru-guru juga mengikut saluran-saluran yang sedia ada.

Saya juga sedar ada seorang guru telah pun, perkhidmatannya digantung. Ia kerana pegawai itu telah melanggar peraturan 19(1)(b) dan 19(1)(c) Peraturan Pegawai-pegawai Awam. Ini agenda yang lain tetapi apabila seorang guru menggunakan saluran-saluran yang sedia ada dan apabila kita mendapat input-input ini lepas itulah kita dapat membentangkan cara-cara lain. Seperti mana saya telah katakan bagaimana kita hendak menambah baik pentaksiran kerana ada saluran.

Apabila kita menambah pentaksiran ini kita mendapat input-input daripada cikgu-cikgu juga, ada saluran-saluran yang tertentu dan kita akan meneruskan perbincangan ini. Ini kerana pada akhirnya agenda kita ialah untuk memperkasakan sistem pendidikan negara. Kita juga ambil maklum bahawa tentang nisbah murid kepada cikgu. Satu masa dahulu memang nisbah ini satu kepada 40 tetapi telah berkurang sehingga satu kepada 30. Kita juga dalam proses untuk mengurangkan lagi supaya kualiti dalam pengajaran dan pembelajaran akan dimantapkan dalam bilik darjah. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bagaimanakah kerajaan memastikan pertambahan bebanan guru yang disebabkan PBS dapat dikurangkan dalam penambahbaikan ini? Apakah mekanisme yang diambil bagi memastikan guru-guru dapat bersedia sepenuhnya dari segenap aspek dalam melaksanakan PBS pada masa akan datang. Ini kerana sebolehnya kami tidak mahu lagi mendengar rungutan-rungutan daripada guru yang tiada hentinya. Terima kasih Menteri.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang telah dibangkitkan tadi sama juga Yang Berhormat Pasir Gudang dan Yang Berhormat Bukit Katil. Kita semua prihatin atas tanggungjawab guru dan

kita akan terus berdialog, mendapat input-input daripada Kesatuan Guru. Segala program yang kita laksanakan dalam Kementerian Pendidikan Malaysia ini apabila akan mengambil kerjasama dengan guru-guru kita sentiasa ada perbincangan berdialog dengan Kesatuan Guru-guru dan juga guru-guru.

■ **1120**

Kita sentiasa mengadakan *discussion*, diskusi untuk memastikan yang terbaik dan kita sedar apabila kita melaksanakan sesuatu program itu, mungkin ada kelemahan pada awal tetapi kita mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk mengukuhkan dan kita memberi pemahaman bahawa setiap apa yang kita laksanakan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia pada akhirnya harapan kita ialah untuk memperkasakan sistem pendidikan negara. Itu hakikat kita dan kita akan melaksanakan dan semua ini boleh berlaku hanya sekiranya kita mendapat kerjasama dan pencerahan yang jernih kepada guru. Itu kita akan lakukan dan itu merupakan satu proses yang berterusan. Walau apa pun perancangan dasar-dasar ini dibuat ialah untuk menambah baik sistem pendidikan negara. Itu sahaja harapan dan matlamat kita, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

9. Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam] meminta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah cadangan untuk membina loji nuklear bagi menjana tenaga elektrik di negara ini akan dilaksanakan dan setakat manakah pengiktirafan dan keyakinan kepada kepakaran Agensi Nuklear Malaysia dalam membangunkan program tenaga nuklear di negara ini termasuklah dari segi pendidikan dan latihan bagi pembangunan tenaga manusia serta penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mah Siew Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Malaysia Nuclear Power Corporation* (MNPC) sedang menjalankan satu siri kajian yang komprehensif di bawah projek permulaan atau dengan izin *entry point project* ke-11 di bawah sektor minyak, gas dan tenaga dalam Program Transformasi Ekonomi untuk meneliti kesesuaian penggunaan tenaga nuklear bagi membantu memenuhi permintaan tenaga khususnya tenaga elektrik negara untuk tempoh jangka panjang. Kajian dijalankan termasuk kajian kesediaan infrastruktur dan organisasi berkenaan di Malaysia terutamanya industri tempatan, institusi pendidikan dan latihan dan organisasi sokongan teknikal atau dengan izin, *technical support organization*.

Agensi Nuklear Malaysia di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah dikenal pasti sebagai salah satu organisasi sokongan teknikal. Untuk makluman Yang Berhormat, Agensi Nuklear Malaysia mempunyai reaktor penyelidikan nuklear sejak tahun 1982 didapati berkemampuan untuk menyokong pelaksanaan aspek-aspek tertentu seperti pembangunan modal insan dan kepakaran dalam asas teknologi reaktor nuklear, perlindungan sinaran atau dengan izin *radiation protection*, dosimetri sinaran dan pengawasan alam sekitar. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Kepelbagaian sumber tenaga adalah penting bagi sesebuah negara bagi mengelakkan kepada satu ataupun dua sumber sahaja untuk bekalan tenaga.

Soalan tambahan saya, apakah langkah kerajaan bagi merealisasikan sumber tenaga lain terutama yang rendah karbon seperti nuklear berbanding dengan sumber tenaga rendah karbon lain seperti angin, solar dan *biomass* memandangkan tenaga nuklear ini satu-satunya *base load* ataupun sentiasa ada? Kajian tidak rasmi bahawa ada 70% penduduk negara ini berminat kepada sumber industri nuklear.

Soalan tambahan saya, berapakah lokasi ataupun tempat yang sesuai di negara kita untuk langkah keselamatan dan juga nuklear di negara ini? Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, sumber nuklear ini adalah sumber yang sangat penting. Akan tetapi kita dapati bahawa ada beberapa pihak terutama daripada pihak pembangkang yang telah menggunakan bahawa walaupun teknologi nuklear ini sangat penting dan berteknologi tinggi tetapi ada di antara pihak pembangkang menjadikan isu politik terutamanya mungkin di Kuantan. Sekian, terima kasih.

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Ada beberapa soalan tadi. Kita akui bahawa bahan api fosil di Malaysia semakin berkurangan. Oleh itu dari segi aspek tenaga, kita telah mula buat penyelidikan berkaitan dengan *solar energy* dan lain-lain punca yang baru. Akan tetapi saya hendak beritahu bahawa mengikut kajian-kajian, tenaga nuklear adalah sumber tenaga yang lebih murah, bersih, cekap dan boleh membantu mengurangkan pelepasan karbon dan pemanasan global. Pada masa yang sama, kita tahu kekhuatiran, kebimbangan sesetengah pihak berkaitan dengan radiasi pengurusan sisa dan kemalangan nuklear. Oleh itu, sekarang kita sedang buat secara kajian, *feasibility study* secara menyeluruh terhadap semua aspek ini.

Pada masa yang sama, berkaitan dengan lokasi-lokasi tapak nuklear, seperti yang ditegaskan tadi, kami sedang mengkaji kesediaan kita untuk membuat keputusan. Oleh itu kita masih belum mengkaji atau memilih tapak yang muktamad untuk membina loji jana kuasa nuklear. Apa yang kita buat, kita hanya buat kajian berdasarkan peta-peta digital yang dilaksanakan untuk tapak yang sesuai. Seperti yang saya tegaskan tadi, kita masih pada peringkat *feasibility study* yang diperlukan untuk membuat satu keputusan dan kita akan terus memantau perkembangan global dan serantau sebelum membuat keputusan yang muktamad. Terima kasih.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, berkenaan dengan tenaga nuklear ini, di dalam satu keadaan di mana negara-negara maju sudah pun *decommission*, Yang Berhormat Menteri. Kita masih lagi buat *feasibility study*. Saya lihat kita agak terkebelakang dari segi itu. Bukankah, tidak bolehkah, tidak mampukah Malaysia melihat kepada alternatif tenaga yang *renewable* contohnya.

Berkenaan dengan tapak tadi, kita tengok apa yang berlaku di Ranau. Gunung Kinabalu tidak termasuk di dalam tempat yang dikenal pasti sebagai kawasan yang boleh berlaku gempa bumi tetapi tetap juga berlaku. Jadi *feasibility study* kita kalau kita tengok di mana pun, Malaysia memang bukan kawasan berlaku gempa bumi tetapi sekiranya *one in a million chance*, benda itu berlaku, *the disaster, Malaysia will be right out*. Kita harus juga lihat kepada perkara itu.

Saya ucapkan tahniah kerana Yang Berhormat Menteri berani menjawab soalan ini di Parlimen pada hari ini. Akan tetapi sebelum saya beri Yang Berhormat Menteri jawab, saya hendak jelaskan sedikit kepada Yang Berhormat Sabak Bernam. Yang Berhormat Sabak Bernam, Tuan Yang di-Pertua, bila dia berkata berkenaan dengan Kuantan mempunyai kerisauan tentang nuklear, Yang Berhormat Sabak Bernam jelas menunjukkan tidak faham. Yang dekat Kuantan itu ialah loji *rare earth refinery*. *Rare earth refinery* ini mengeluarkan sisa buangan radioaktif dan bukannya loji nuklear. Cakap itu fahamlah sikit. Buat malu sahaja Ahli Parlimen. Terima kasih.

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tadi Ahli Yang Berhormat ada menyentuh beberapa negara seperti misalnya Jepun dan *Germany*. Kita akui telah membuat pengumuman tidak akan teruskan nuklear. Akan tetapi sebenarnya Jepun akan menggunakan balik dua reaktor nuklear pada tahun ini dan sebagai kerja saya, lawatan pertama saya adalah ke Fukushima dan Three Mile Island di New York di mana berlakunya kemalangan. Kita hendak membuat satu penilaian secara menyeluruh.

Pada masa yang sama, saya juga baru melawat UAE. Salah satu negara pengeksport terbesar minyak tetapi UAE juga telah bina reaktor nuklear sebab mereka beri maklum balas kepada saya ini adalah *energy* yang tercekap dan terbersih. Oleh itu Ahli-ahli Yang Berhormat, kita alu-alukan maklum balas. Kita belum buat satu keputusan yang muktamad dan kita akan ambil semua ini apabila membuat keputusan. Sekian, terima kasih.

■1130

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan saya seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi memang ada *feasibility study* yang akan dibuat. Saya rasa rakyat jelata memang mengharapkan dan jika boleh Yang Berhormat Menteri, bolehkah beritahu apakah atau pun di manakah tapak-tapak yang telah pun dicadangkan. Sekurang-kurangnya kita dapat maklum balas kepada rakyat kita di kawasan masing-masing. Terima kasih.

Dato' Mah Siew Keong: Sebenarnya ramai Ahli Yang Berhormat telah beritahu saya bahawa mereka setuju dengan cadangan nuklear. Akan tetapi bukan di tapak kawasan mereka lah. Biasa ini macam. *[Ketawa]* Tadi saya telah menjawab bahawa jika kita hendak pergi satu tapak, kita perlu dapat maklum balas dari masyarakat tempatan. Kita ada *detail environment impact assessment, social impact assessment*, kita belum buat.

Kita sekarang hanya guna peta-peta digital. Ini kerana kita belum buat satu keputusan untuk adakah keputusan mengenai tenaga nuklear. So, kita belum buat keputusan, kita tidak cari

tapak dulu lah. Akan tetapi saya hendak beri jaminan apabila *feasibility study* telah habis dibuat, kita akan memberi lebih maklumat. Sekarang kita mula mengadakan forum-forum dengan semua pihak untuk mendapat maklum balas, terima kasih.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, sikit lagi boleh tidak? Cuma sebenarnya Yang Berhormat Menteri—cuma kita memang mengharapkan satu jawapan di dalam Dewan yang mulia ini di mana *feasibility study* ada dibuat. Memang ada peta digital. Akan tetapi peta digital memang ada cadangan-cadangan atau pun tapak-tapak yang dicadangkan atau pun yang sesuai untuk diadakan pelan nuklear ini. Saya rasa tempat-tempat itu dicadangkan perlu dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, terima kasih.

Dato' Mah Siew Keong: Tadi saya sudah jawab sebab kita belum kenal pasti tempat. So, / tidak boleh jawab apa yang kita belum kenal pasti, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir. Yang Berhormat Arau usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1), sila.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.32 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan yang di-pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.00 malam dan sehingga selesai ucapan penangguhan. Selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 10 Jun 2015.”

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Point of order.* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kami semua baca di surat khabar bahawa ada satu kes yang telah difailkan

di mana Tuan Yang di-Pertua dinamakan sebagai defendan. Di mana institusi Speaker terlibat dan kami harap bahawa dalam sistem membawa pembaharuan yang telah dicadangkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Di antara lain saya harap dimaklumkan bahawa apa yang terjadi kepada kes tersebut diberitahu kepada kita kerana ramai di antara orang ramai yang tanya apakah kandungan perkara tersebut, apakah sebab ia difailkan dan apakah keadaan tersebut. *We are totally in the dark*, nombor satu.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya harap memandangkan keperluan menamakan seorang peguam untuk mewakili institusi Speaker, tradisi di sini adalah tradisi yang salah di mana kita selalu menamakan Peguam Negara sebagai peguam untuk mewakili Tuan Yang di-Pertua. *Institution of Speaker*. Ini adalah beberapa perkara telah ditimbulkan di Dewan ini dan saya harap dalam sistem pembaharuan yang dicadangkan, *the reformation* yang dicadangkan oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri akan mengambil kira bahawa masa telah datang supaya kita tidak melantik Peguam Negara dalam *separation of power*, itu ada satu yang salah, yang tidak boleh diterima.

Maka saya pohon agar kalau seorang peguam dilantik untuk mempertahankan keadaan *Institution of Speaker*, mengadakan seorang peguam yang bebas, yang bukan dari pejabat Peguam Negara. *As usually the Speaker speaks note*. Jadi dalam keadaan beberapa hal ini, mungkin kita boleh *air the views of the public and the interest of the Institution of the Speaker*, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Ipoh Barat, saya tidak perasan, tidak tahu pun mana kes Speaker di sana. *Can you enlighten me in that?* Yang tadi disebut pertama, bahawa Speaker disaman, mana kesnya?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya, kita baca surat khabar bahawa ada kes *injunction* yang telah difailkan...

Tuan Yang di-Pertua: *I am not aware of that*, mana satu?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *That is* ramai di antara orang tanya sama kita. *Many people have bring me out, Bar Council*, peguam-peguam dan orang ramai, *we have kept in the dark*. So, mungkin itu boleh di- kalau tidak sedemikian, *at least we know but the newspaper report says is that*, Tuan Yang di-Pertua adalah di antara satu defendan dalam kes tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, sebagai respons pertama, saya tidak tahu menahu mengenai satu kes yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi. Keduanya mengenai dengan soal reformasi apa yang perlu diambil kira. Oleh kerana perkara itu telah pun dibangkitkan maka saya suka respons pada masa ini dengan perkara-perkara yang telah pun saya buat sebagai pengerusi satu jawatankuasa yang menyelidik perkara ini.

Pertama, kita telah bermesyuarat dua kali, yang kedua pada hari kelmarin. Saya memikirkan bahawa mengenai dengan soal-soal apa yang perlu dibuat oleh Parlimen berhubung dengan perkara yang saya sebut iaitu reformasikan Parlimen ialah saya terpaksa dan jawatankuasa-jawatankuasa bermesyuarat dahulu dan memutuskan *terms of reference* apa yang

perlu kita ubah, tokok tambah, kurangkan dan sedemikiannya. Ini kerana bagi saya kita lah Ahli-ahli Parlimen yang 'expert' dalam hal ini. *Because I know what you is Parliamentarian once for Parliament on both side of the divide.*

Ekoran daripada itu, apabila kita sudah tetapkan apa yang dikehendaki, apa yang perlu ditambah dan apa yang dikurangkan baru lah kita akan jemput pendapat-pendapat dari luar sana. Sama ada dari *academician*, daripada NGOs, daripada pihak-pihak yang berkepentingan dan daripada rakyat jelata. Akan tetapi ini kita buat berfasa-fasa. Saya kasi tempoh sehingga akhir tahun ini.

Fasa pertama ialah kalau perkara-perkara itu cuma menyentuh dengan perubahan peraturan mesyuarat, itu kita buat dahulu. Ada mungkin perubahan yang melibatkan Perlembagaan, itu kita akan buat fasa kedua. Fasa ketiga yang melibatkan cadangan-cadangan apakah kita harus contohi secara total apa yang dibuat di luar negara, di luar Malaysia, di negara-negara Komanwel seperti Kanada, Australia, *House of Commons* dan sedemikiannya, yang itu fasa ketiga.

Jadi terima kasih kepada makluman tadi daripada Yang Berhormat Ipoh Barat. Sila setiausaha.

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

GEMPA BUMI DI RANAU, SABAH

11.39 pg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, *Alhamdulillah* pertama saya ingin merakamkan takziah kepada mangsa gempa bumi yang telah menimpa negeri Sabah di Ranau. Justeru itu saya memikirkan bahawa perlu satu usul diketengahkan iaitu melalui Peraturan Mesyuarat 18(1) meminta Dewan ini membahaskan usul berbunyi menangguhkan mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Kinabatangan iaitu untuk membincangkan kejadian gempa bumi yang melanda di negeri Sabah iaitu di Ranau.

■1140

Boleh saya baca Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bahawa saya Bung Moktar bin Radin, Ahli Parlimen wakil rakyat bagi kawasan Kinabatangan memohon mencadangkan bahawa Majlis ini hendaklah ditangguhkan menurut perkara 18(1) Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat

bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merunding isu mengenai gempa bumi berukuran 5.9 skala Richter yang telah melanda negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, pada 5 Jun 2015 lebih kurang pukul 7.15 pagi dan ketika itu saya sedang berada di Kota Kinabalu juga. Kejadian gempa bumi berlaku 5.9 skala Richter telah melanda negeri Sabah yang berpusat kira-kira 16 kilometer dari Ranau, Sabah dan gegaran tersebut juga turut dirasakan di beberapa kawasan di Sabah seperti Tambunan, Tuaran, Kota Kinabalu, Beaufort, Kota Belud dan kawasan-kawasan yang sekitar dengannya. Akibat daripada bencana alam yang dahsyat ini kawasan Gunung Kinabalu telah mengalami kerosakan yang teruk.

Kita berasa amat sedih kerana Gunung Kinabalu adalah sebahagian daripada warisan dunia dan antara ikon negara yang telah bertukar wajah akibat daripada kejadian tersebut. Lebih menyedihkan lagi sehingga ke hari ini lebih kurang 19 nyawa telah terkorban yang melibatkan warga tempatan dan beberapa orang mangsa dari luar negara. Di antara mangsa-mangsa tersebut adalah golongan kanak-kanak. Pelbagai spekulasi dan cerita yang kurang menarik tersebar di alam siber. Difahamkan sebelum kejadian terdapat beberapa orang pelancong berbogel di puncak Gunung Kinabalu yang dikatakan antara penyebab semangat Kinabalu mengamuk. *[Tepuk]*

Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, mungkin bagi orang Islam ia merupakan syirik tetapi bagi mereka yang tidak beragama Islam dan mereka yang telah menduduki di Gunung Kinabalu sejak lahir lagi, Gunung Kinabalu ini adalah *sacred mountain* macam juga Angkor Wat. Angkor Wat ini Tuan Yang di-Pertua, kalau di sana ambil gambar dia tangkap tetapi kita di sini keterbukaannya sudah terlalu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan, baca dahulu usul itu kerana ada peluang lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Bersemangat sangat Tuan Yang di-Pertua. Macam Yang Berhormat Kuantan. Tadi semua betul. Yang Berhormat Kuantan bukan garang. Keterampilannya memang begitu. Jadi Yang Berhormat Menteri hati-hati ya.

Kita sedia maklum dalam kepercayaan masyarakat tempatan roh-roh orang Kadazandusun akan pulang ke Gunung Kinabalu. Dalam situasi begini saya ingin mengucapkan syabas kepada malim gunung yang telah banyak menyumbang sewaktu operasi mencari dan menyelamatkan. Kerajaan seharusnya memikirkan intensif baru sebagai usaha mengenang jasa mereka ini dan membantu usaha mencari dan menyelamatkan. Pihak kerajaan juga seharusnya mempunyai satu perancangan strategik agar menghadapi situasi-situasi begini pada masa akan datang agar usaha menyelamatkan dan mencari haruslah lebih efisien dan sistematik daripada tersebar luas dalam media sosial.

SMART Team yang dihantar tidak dapat menembusi kawasan nahas kerana kawasannya berbukit-bukit. Dalam masa yang sama malim-malim telah menunjukkan skil mereka dan membantu mengeluarkan mangsa dan menyelamatkan mangsa serta melindungi mangsa. Ini

kerana mangsa banyak bercerita iaitu bagaimana mereka telah diselamatkan oleh malim Kinabalu ini.

Justeru itu kita juga difahamkan untuk sampai ke puncak Gunung Kinabalu ini cuma dilalui satu jalan sahaja iaitu *road map*nya tidak berubah. Mungkin kementerian atau kerajaan atau penguat kuasa terlepas pandang iaitu jalan-jalan ini mungkin ada batu yang bergantung di kiri dan kanan dan batu ini mungkin cuma menunggu gegaran untuk runtuh. Oleh sebab itu apabila ada gegaran yang besar ini berlaku, maka batu-batu di sekitar Gunung Kinabalu itu runtuh seperti hujan batu dan melanda pendaki-pendaki gunung yang sedang mendaki Gunung Kinabalu itu.

Maka oleh sebab itu kepercayaan penduduk tempatan berhubung dengan kejadian ini adalah puncanya mungkin dia kata pelancong luar negara itu tidak bertamadun apabila setelah mereka sampai ke puncak Gunung Kinabalu, mereka membuka baju, berlari-lari dan dia kata sebab itulah antara puncanya. Akan tetapi di samping itu kita percaya dengan kajian sains iaitu pengkaji telah melaporkan melalui akhbar kelmarin dan hari ini iaitu gempa bumi ini akan berlaku lagi di Sabah dan tidak terkecuali di Semenanjung iaitu Kuala Lumpur.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kerajaan membina jalan baru untuk pendaki-pendaki selamat sampai ke Gunung Kinabalu. Kerajaan haruslah menggunakan *extra* kos untuk membina jalan baru ini sebab Gunung Kinabalu ini adalah warisan negara kita yang satu-satunya berada di negara Malaysia. Demikian juga saya mencadangkan kepada kerajaan memandangkan malim Kinabalu seramai lebih 50 orang ini hampir hilang sumber pendapatan mereka supaya mungkin mereka diberi sedikit ganjaran sementara menunggu Gunung Kinabalu ini dibuka untuk beroperasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan yang terakhir supaya Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri mewujudkan sebuah jawatankuasa bencana ataupun pusat bencana gempa bumi. Pusat ini perlu sebab kita tidak tahu bila gempa bumi akan berlaku dan mungkin dengan adanya jawatankuasa ataupun pusat gempa bumi ini ia boleh memaklumkan sekurang-kurangnya satu atau dua jam bila gegaran akan berlaku.

Jika tidak Tuan Yang di-Pertua, bak kata pepatah Melayu, '*Malang tidak berbau*'. Kita bimbang apabila fokus kerajaan tidak serius menangani isu seperti ini saya cukup kluatir ledakan seumpama ini akan berlaku bukan sahaja di Sabah tetapi juga mungkin mengikut laporan akhbar-akhbar tempatan berkata turut tidak terkecuali Semenanjung Malaysia khususnya di Kuala Lumpur. Kebanyakan bangunan di ibu negara dibina berhampiran dengan garis tersebut iaitu garisan yang gempa bumi sentiasa berlaku. Oleh sebab itu sebagai ikhtiar kita, ini petanda awal dari Allah SWT.

Allah SWT ini terlalu adil. Dia tidak menghukum. Kita tidak mahu perkara ini berlaku seperti di Jepun dan baru-baru ini di Nepal di mana ledakan gempa bumi yang begitu dahsyat. Sekurang-kurangnya kerajaan harus membelanjakan wang yang banyak untuk membuat kajian ini. Jika tidak rakyat dan negara kita ini belum tentu selamat daripada ancaman gempa bumi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mencadangkan agar usul ini dapat dipertimbangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Kinabatangan pada 8 Jun 2015. Teks ucapan itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis hari ini saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu. Syarat yang kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai.

■1150

Syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disertakan. Saya telah meneliti perkara ini dan mendapati bahawa pertama tertentu. Perkara ini ialah perkara yang tertentu. Kedua ialah kepentingan orang ramai. Ini adalah bagi kepentingan orang ramai. Ketiga berkehendakkan disegerakan. Perkara ini juga bagi pendapat saya perlu disegerakan. Oleh yang demikian saya membenarkan usul ini dibahaskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3), usul ini hendaklah ditempokkan hingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada pukul 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang untuk membahaskan selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan akan menjawab selama 30 minit. Sekian, terima kasih.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya menerima keputusan Tuan Yang di-Pertua untuk membenarkan usul Yang Berhormat Kinabatangan dan bahawa saya telah pun menerima satu surat daripada Tuan Yang di-Pertua menolak usul saya sebab hanya satu usul sahaja pada satu hari boleh diadakan. Namun begitu saya ingin merayu kepada Tuan Yang di-Pertua untuk mempertimbangkan agar usul saya boleh dibawa kepada esok hari, sebab usul saya melibatkan atau laporan *special branch* yang cukup serius di mana didedahkan 80% daripada pegawai penguat kuasa, sempadan negara kita adalah *corrupt* dan memang satu perkara kepentingan awam yang perlu dibahaskan dalam Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Menurut peraturan mesyuarat kita Yang Berhormat, apabila Speaker menerima dua usul pada satu ketika, usul yang diterima lebih awal itu yang hendak diberi pertimbangan dahulu sama ada diterima atau tidak. Jadi dalam soal ini usul Yang Berhormat Kinabatangan dan usul Yang Berhormat datang pada hari yang sama. Akan tetapi usul Yang Berhormat datang pada ketika ia kemudian. Jadi dalam peraturan mesyuarat itu tidak perlu untuk diambil pertimbangan. Jadi pada kebiasaannya Yang Berhormat sebagai makluman, tolong kemukakan balik usul itu sebagai usul *fresh* supaya pertimbangan nanti dapat diambil sama ada dibenarkan atau tidak.

USUL**RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS 2016-2020**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

Menyedari akan cabaran pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh;

Merestui usaha kerajaan untuk meneruskan Dasar Transformasi Nasional atau DTN dalam rangka dan merencana Rancangan Malaysia Kesebelas seterusnya;

Meluluskan pelaksanaannya bertunjangan falsafah Dasar Transformasi Nasional dalam ikhtiar menjadi sebuah negara maju pada Tahun 2020 menurut Kertas Perintah 23 Tahun 2015;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesebelas, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersama-sama dan berusaha menjayakan matlamatnya.” **[8 Jun 2015]**

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Masih lagi 15 minit. Jadi saya minta senarai mutakhir daripada pihak pembangkang tolong hantar dengan kadar segera. Apa yang saya dapat tadi pagi cuma senarai mutakhir daripada penyokong kerajaan dan dalam senarai tersebut, nama yang tertulis di atas Yang Berhormat Sepanggar. Sila Yang Berhormat Sepanggar.

11.52 pg.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan saya peluang untuk membahaskan usul RMKe-11 pada pagi ini. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah merangka perbelanjaan negara RMKe-11 bermula 2016 hingga 2020 dengan berteraskan enam pelan strategik bagi mencapai sebuah negara maju. Perdana Menteri Keenam, ‘Orang Kaya Besar Pahang’ ke-11 satu kebetulan melancarkan RMKe-11.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kinadee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rangkumkan sebahagian daripada enam teras strategik yang disebut dalam laporan RMKe-11 dan cuba melihat bagaimana rupa bentuk sebuah negeri dalam sebuah negara maju iaitu negeri Sabah menjelang 60 bulan daripada sekarang. Saya dapat simpulkan bahawa amat jauh perbezaan timur dan barat negara ini. Semenanjung di barat dengan pembangunan yang pesat dan hebat sedangkan di timur Sabah dan Sarawak pembangunannya masih terencat-rencat.

Bagi mengukur penerimaan dan sokongan rakyat akan dapat kita lihat kepada pilihan raya ke-14, 36 bulan daripada sekarang. Sejauh mana kejayaan pelaksanaan banyak bergantung

kepada keupayaan jentera kerajaan dan kedudukan kewangan negara. Inti pati kepada kejayaannya akan dapat dilihat apabila tempoh lima tahun itu akan berakhir. Bagi pihak rakyat Sabah dan Sepanggar khususnya, saya ingin membawa beberapa usul dan keperluan rakyat Sepanggar untuk mendapat kelulusan kerajaan.

Dari bidang infrastruktur kita teruja dengan pengumuman kerajaan akan membina 3,000 kilometer jalan luar bandar. Bagi Sepanggar kami hanya memohon sepanjang 68 kilometer untuk menaik taraf jalan seperti berikut:

- (i) Jalan Natai Telonga, 19.8 kilometer dengan anggaran kos RM25 juta;
- (ii) Jalan Poring-Poring ke Ruminding – 17.9 kilometer dengan kos RM20 juta; dan
- (iii) Jalan Kianbalang ke Babagon Toki sepanjang 19 kilometer dengan kos RM25 juta.

Alangkah molek dan cantiknya jika jalan ini dapat dimulakan pada tahun hadapan supaya mampu meyakinkan rakyat dan pengundi sebelum 2017.

Mengenai dengan tebatan banjir pula Tuan Yang di-Pertua, melalui Teras Kelima RMKe-11, sekali lagi saya memohon pihak EPU supaya meluluskan segera permohonan oleh Jabatan Parit dan Saliran Negeri Sabah bagi melebar dan mendalamkan rangkaian Sungai Mensiang, Rampayan, Menggatal dengan kos yang dianggarkan RM150 juta. Peruntukan ini telah pun dimohon sejak tahun lepas.

Walaupun Sepanggar ada pekan bernama Menggatal tetapi orangnya tidak gatal. Mereka masih lagi menyokong Barisan Nasional walaupun mereka telah pun memberi DUN Inanam kepada PKR. Justeru itu, saya mohon sangat supaya permohonan peruntukan oleh Jabatan Parit dan Saliran ini dapat diluluskan di bawah RMKe-11 supaya dapat mengelak bencana banjir berlaku yang sentiasa berlaku setiap musim hujan.

Mengenai dengan kesesakan jalan pula, saya berterima kasih kepada kerajaan pusat yang telah memulakan – JKR telah pun memulakan kerja-kerja pembinaan Jalan Lidor *off* Jalan Lintas, dengan izin, bagi mengatasi kesesakan dalam bandar. Saya ingin mencadangkan pembinaan laluan satu lorong dan sebuah jambatan daripada Pekan Inanam keluar ke kawasan Jalan Lintas bagi menyuraikan trafik terutama sekali di waktu puncak. Bagi jajaran Jalan Pintas Sulaman pula janji pilihan raya untuk membina *flyover* masih lagi ditunggu-tunggu oleh rakyat Sepanggar. Saya mohon pihak JKR menyediakan perancangan dan membina *flyover* ini dalam Rancangan Malaysia Kesebelas bagi mencerminkan Sabah dalam sebuah negara maju.

Saya difahamkan untuk menjadi sebuah negara maju tidak ada lagi kampung, tidak ada lagi rakyat yang tidak menikmati bekalan air bersih. Tuan Yang di-Pertua, amatlah memalukan jika kawasan Sepanggar yang termasuk dalam DBKK *rating area* dengan izin, ada terdapat lebih 30 buah kampung lagi yang tidak mempunyai bekalan air bersih. Bayangkan dalam kawasan *suburban* ini rakyatnya masih belum mendapat bekalan air yang bersih dan hanya bergantung

kepada punca air graviti. Justeru itu saya mohon supaya melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar, pelaksanaan bekalan air bersih ini dapat dilaksanakan dan disempurnakan sebelum berakhir Rancangan Malaysia Kesebelas ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan janji Perdana Menteri yang telah berjanji untuk mempertimbangkan supaya kajian akan dibuat mengenai dengan isu GST ini. Tuan Yang di-Pertua, umum sedia maklum bahawa GST adalah menjadi isu besar di kalangan rakyat pada hari ini. Jika 1MDB mendominasi laporan media massa tetapi GST ini sangat menekan rakyat dan selalu dibincangkan pada setiap masa di mana-mana kawasan di seluruh negara ini. Justeru itu kita berlapang dada mendengar apabila Perdana Menteri dalam penyampaian RMKe-11 berjanji untuk menambah baik pelaksanaan GST.

■1010

Apa yang menjadi masalah dalam GST ini ialah *multiple taxation*. Saya bagi contoh sebagaimana yang saya buat *posting* dalam *Facebook* saya iaitu pihak Hospital KPJ. Saya difahamkan bahawa pendaftaran, *registration* kena GST 6%. *Consultation fees* kena 6%. Kemudian apabila pesakit itu *admitted* dimasukkan di hospital, keluar daripada hospital kena GST. Mahu ambil ubat masuk farmasi kena GST. Bermakna tiga ke empat kali GST dalam satu institusi Hospital KPJ. Jadi inilah yang membebankan.

Selain daripada itu kita pun menjadi hairan kenapa pihak agensi kerajaan seperti Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dikenakan GST oleh Kerajaan Pusat. Ini jelas di mana DBKK juga mengenakan GST kepada rakyat. *Parking* kereta pun mahu kena GST. Jadi kita mohon dari Dewan yang mulia ini supaya kerajaan mengkaji semula sistem pelaksanaan GST ini.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Minta laluan.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Sepanggar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat ? Yang Berhormat Simpang renggam.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sedar bahawa nampaknya ada banyak kelemahan dalam segi pelaksanaan. Dalam dua bulan ini sejak GST dilaksanakan nampaknya kebanyakan harga barang juga naik. Dia menjadi satu beban yang berat kepada rakyat jelata.

Jadi setuju ataupun tidak Yang Berhormat sudah sampai masanya kita juga mengkaji apakah cara dan juga kaedah untuk mengurangkan beban rakyat misal kata *income tax*, cukai persendirian pada tahun depan. Mungkin kita harus turunkan ataupun cukai kereta, *road tax*, macam mana kita kurangkan untuk meringankan beban rakyat. Terima kasih.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Ya, saya setuju dan masukkan sebahagian daripada ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Boleh minta laluan? Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Yang Berhormat.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Ya, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Sepanggar, jikalau GST begitu menekan rakyat, jadi mengapa pada masa kita membahaskan Rang Undang-undang GST ini, kenapa Yang Berhormat Sepanggar sendiri yang menyokong? Sila bagi penjelasan. Terima kasih.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Sepanggar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada lima minit lagi Yang Berhormat.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Isu yang saya sebutkan ialah *multiple taxation*. Saya sebut tadi bahawa GST itu adalah sistem cukai yang terbaik tetapi pelaksanaannya, SOP nya perlu ditambah baik. Terima kasih.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat, boleh sedikit sahaja. Sedikit, berkenaan GST.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Saya ada lima minit Yang Berhormat. Minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pemerksaan Bumiputera pula. Saya menyeru pihak Kerajaan Pusat supaya benar-benar melihat kepada memberi bantuan kepada dewan-dewan perniagaan bumiputera dan persatuan-persatuan perniagaan bumiputera di Sabah khususnya daripada segi pemberian kontrak-kontrak kerajaan.

Hari ini kita melihat bahawa kontrak-kontrak yang besar seperti Pan Borneo dan juga bermacam-macam lagi projek yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini hanya dimonopoli oleh syarikat-syarikat tertentu. Justeru itu saya mohon supaya dewan-dewan perniagaan bumiputera di Sabah juga diberikan sedikit agihan dan bahagian daripada projek-projek ini supaya mereka dapat mengumpul dana untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka.

Mulai dengan industri di negeri Sabah, KKIP sebuah badan yang telah diwujudkan di negeri Sabah dan berada, terletak di kawasan Sepanggar. Saya tidak melihat KKIP ini berfungsi sebagai agen kepada industri di Sabah kerana fungsinya hanya menyediakan infrastruktur dan menjual tanah. Apa yang perlu Kerajaan Pusat lihat di sini ialah bagaimana Kerajaan Pusat menyediakan satu kawasan perindustrian khusus untuk bumiputera dan dalam kawasan KKIP itu sendiri dan memberikan peruntukan kepada kerajaan negeri untuk membangunkan prasarana untuk disewakan oleh bumiputera yang sedang dan ingin bergiat dalam industri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu bangun.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Sepanggar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Sepanggar tadi ada sebut Pan Borneo. Ada cerita jangan lupa bumiputera, kontraktor-kontraktor bumiputera. Yang Berhormat Sepanggar setuju atau tidak ada seperkara lagi penting, lagi mustahak kita mahu nilai. Sekarang kita Pan Borneo jalan

serupa macam ular. Janganlah sampai sekarang kita hendak *upgrade* Pan Borneo cerita lagi kononnya peruntukan tidak cukup. Itu pun jalan sekarang yang ada serupa ular. Bila kita buat jalan macam itu *they will never help*, dengan izin. *Accident* akan berlaku lagi kerana Kementerian Kewangan atau Kementerian Kerja Raya mesti lihat.

Kalau treler kita jalan sampai di selekoh, dia brek *emergency* sekali, treler mesti sapu semua kiri kanan punya kereta. Jadi lagi *accident*. Maka mayat bertambah tinggi lagi. Yang Berhormat Sepanggar setuju atau tidak kita mesti bagi lulus. Macam Bintulu sekarang dia buat, saya nampak dia punya *alignment* ikut lagi *alignment* lama. Kontraktor kata peruntukan itu tidak cukup. Buat macam ular lagi. Sekarang Menteri dan EPU ada di sini. Tolong lihat. Kalau tidak nanti rakyat kata naik taraf ini kongkalikung juga satu kali. Buang wang rakyat. Setuju atau tidak Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya tidak boleh cakap Yang Berhormat. Yang Berhormat Sepanggarlah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [*Ketawa*] Terima kasih.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Terima kasih. Saya bersetuju dan supaya pihak JKR untuk melihat semula cadangan pembinaan Pan Borneo ini. Tuan Yang di-Pertua saya *zoom in* kepada Sepanggar kerana saya ada masa lima minit lagi. Terakhirnya saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah kurang lima minit Yang Berhormat.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Terakhirnya saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan walaupun petang ini kita akan bincang mengenai dengan gempa ini tetapi isu yang ingin saya bawa ialah bagaimana dunia mengiktiraf malim gunung yang telah menyelamatkan pendaki-pendaki gunung apabila gempa bumi berlaku. Apa yang kita hendakkan ialah Kementerian Pelancongan dan Kerajaan Pusat dapat membuat satu kajian dan menyegerakan pembinaan semula kerosakan yang berlaku di atas kawasan gunung ini kerana ianya merupakan salah satu sumber pendapatan negara dan juga pendapatan negeri Sabah.

Mengenai dengan nasib malim gunung ini saya mohon melalui kementerian yang berkenaan supaya mereka ini diserapkan masuk di dalam *smart team* kita kerana terbukti apabila *smart team* kita sampai ke atas gunung mereka sudah pun tidak berdaya kerana keletihan. Akan tetapi malim gunung ini masih mampu untuk melakukan tugas mereka dengan cemerlang walaupun mereka tidak makan dalam sembilan jam.

Jadi saya mohon supaya Kerajaan Pusat melihat nasib mereka ini selain daripada memberikan ganjaran dan mereka juga harus di*upgrad*edkan, dinaik taraf atau menjadi sebahagian daripada ahli kumpulan SMART ataupun SAR kita terutama sekali masa gempa bumi yang melibatkan kawasan tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Dengan yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

12.09 tgh.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rancangan Malaysia Kesebelas.

■1210

Isu pertama yang saya ingin perkenalkan di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan masalah rumah pangsa kos rendah terutama di PJ Selatan dan juga di bandar-bandar raya di mana majoriti penghuni rumah pangsa kos rendah adalah mereka yang berpendapatan rendah iaitu dengan puratanya di bawah garis kemiskinan kota. Selepas dekat menghuni rumah pangsa, penduduk rumah-rumah pangsa terbeban dengan masalah penyelenggaraan iaitu *maintenance*. Perkhidmatan lif tidak berfungsi, tenaga elektrik dipotong dan kesesakan tempat meletak kenderaan, kawasan tidak dibersihkan dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, setiap penghuni rumah pangsa dikehendaki membayar yuran penyelenggaraan di antara RM40 hingga RM60 setiap bulan. Tambah lagi dengan dihipit kos sara hidup yang tinggi dan dengan kenaikan kos harga barangan akibat cukai GST. Perbelanjaan mereka setiap bulan mengatasi masalah isu ruang mereka. Sesungguhnya julat yuran yang dikatakan tadi itu beban buat mereka. Yuran tersebut perlu dibayar kepada JMB iaitu *Joint Management Body* yang berfungsi untuk menyelesaikan masalah penyelenggaraan rumah pangsa. JMB dipilih di kalangan penghuni berpengaruh di kawasan masing-masing dan memberi perkhidmatan secara sukarela.

Ya, saya setuju sekiranya ada hujahan yang mengatakan bahawa pihak JMB mahupun MC diberi kuasa untuk mendakwa mana-mana penghuni yang gagal menjelaskan yuran *maintenance* mereka tetapi JMB yang berfungsi secara sukarela ini amat lemah lebih-lebih lagi mereka mempunyai tugas harian yang lain dan juga berpendapatan rendah. Oleh yang demikian, penguat kuasa yang dijalankan amatlah lemah dan ada yang tidak berfungsi langsung dan banyak penghuni tidak membayar yuran *maintenance* mereka.

Malah Parlimen telah pun meluluskan sebuah akta yang dinamakan Akta 663, Akta Bangunan dan Harta Bersama iaitu penyelenggaraan dan pengurusan 2007 yang memberikan kuasa untuk mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang gagal menjelaskan yuran penyelenggaraan. Malangnya kita tidak ada penguat kuasa dalam mengambil inisiatif undang-undang ini. Oleh yang demikian, jawatankuasa ini sepatutnya ditubuhkan dan dipertanggungjawabkan di bawah akta ini untuk memantau permasalahan penghuni rumah-rumah pangsa.

Akan tetapi malangnya dengan peruntukan yang ada ini pun tidak dapat membantu badan-badan ini kerana mereka tidak mempunyai peruntukan untuk membayar kos guaman bagi mengambil tindakan undang-undang bagi mereka yang gagal membayar yuran. Walaupun ada pihak COB yang diaturkan untuk mengadakan atau menubuhkan JMB ini tetapi COB amat lemah dan COB di banyak tempat di PBT tidak berfungsi langsung dan ada banyak bangunan sampai sekarang walaupun penduduk, penghuni sudah duduk 10 tahun, 20 tahun tetapi masih gagal untuk mengadakan JMB ini.

Bila JMB tidak mengutip yuran ataupun penghuni gagal membayar yuran *maintenance* bulanan mereka bagi satu tempoh dalam masa tunggakan yang ditetapkan. Salah satu akibat ialah tenaga elektrik akan dipotong. Apabila pihak TNB menutup tenaga elektrik para penghuni bukan hanya bergelap tetapi lif tidak dapat berfungsi dan lebih teruk lagi apabila air tidak dapat dipamkan ke tingkat atas rumah pangsa. Mereka tidak perlu tunggu sehingga pihak SYABAS memotong pembekalan air, cukup apabila tenaga elektrik dipotong.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu kebanyakan rumah pangsa menghadapi masalah yang sama iaitu masalah kesesakan *parking* kenderaan. Lokasi rumah-rumah pangsa yang dibina di pinggir kota menyebabkan kurangnya perkhidmatan pengangkutan awam. Akibatnya daripada itu maka mereka terpaksa membeli kenderaan terpakai bagi membolehkan mereka ke tempat kerja. Memandangkan ketidakadaan tempat *parking* yang tidak mencukupi, maka para penghuni terpaksa meletak kenderaan mereka di tempat-tempat yang tidak sepatutnya dan mengganggu kenderaan-kenderaan lain dan laluan.

Halangan-halangan tersebut sering menimbulkan huru-hara di kalangan penghuni dan akibat daripada lorong yang menghalang laluan lori-lori sampah, ambulans menghadapi kesukaran untuk lalu. Apa yang lebih membahayakan apabila kenderaan bomba tidak dapat melakukan kerja-kerja dalam waktu kecemasan.

Seperti yang kita sedia maklum, pembinaan bagi rumah-rumah pangsa ini menggunakan material yang kurang baik mutunya. Pada masa bencana terutama sekali apabila angin kuat dan hujan lebat penghuni di tingkat paling atas akan berada dalam ketakutan bila mana bumbung mereka mempunyai risiko diterbangkan. Kos membetulkan bumbung ini amatlah tinggi kerana ketinggian struktur bangunan. Pihak JMB pula ketiadaan wang untuk membaiki kes-kes seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya sebuah bentuk jana kuasa atau unit khas dibentuk dalam menangani kes *maintenance* rumah-rumah pangsa ini. Suatu bentuk insentif seperti *allowance* sepatutnya diperuntukkan untuk kerja-kerja ini. *Allowance* dengan jumlah yang bertepatan perlu diberikan kepada pengerusi dan juga setiausaha dalam kos pentadbiran mereka.

Selain itu pejabat operasi juga perlu disediakan bersama kerani bagi membolehkan orang ramai membuat laporan dan juga membuat bayaran yuran bulanan. Apa yang berlaku sekarang kebanyakan JMB tiada pejabat langsung. Penghuni tidak dapat membayar yuran

penyelenggaraan. Ada pejabat JMB yang tidak berfungsi, ada banyak bangunan terutama bangunan rumah kos rendah masih gagal untuk mengadakan JMB.

Tuan Yang di-Pertua, tidak salah untuk kita merujuk bagaimana sistem pengurusan dan penyelenggaraan yang dilakukan oleh Singapore. Di negara itu segala yang berkaitan dengan *maintenance* rumah dikendalikan oleh sebuah badan yang dipanggil Lembaga Pembangunan dan Perumahan ataupun dipanggil Housing Development Board, dengan izin di bawah Kementerian Pembangunan Negara Singapore.

Badan ini bertanggungjawab untuk mengutip sewa rumah bagi mereka yang menyewa lebih kurang SGD60 sebulan dan ianya termasuk kos-kos *maintenance*. Lembaga ini juga memantau setiap kerosakan yang berlaku di setiap penjurur rumah-rumah pangsa. Setiap penjurur mempunyai pejabat masing-masing bagi membolehkan semua penghuni berurusan dengan pihak penghuni.

Saya berharap pihak kerajaan janganlah berdiam diri lagi dan perlu melakukan sesuatu untuk membantu pihak JMB yang berfungsi sepenuhnya untuk mengutip yuran *maintenance* di mana saya nampak kerajaan tidak ada inisiatif langsung untuk mengadakan badan JMB di mana sampai sekarang banyak bangunan masih lagi tidak ada JMB di mana kalau tidak JMB maka tiada orang yang boleh mengutip yuran. Kalau tidak penghuni tidak bayar dan tidak bayar yuran ini maka tidak ada kos *maintenance* dan banyak lif yang selalu rosak. So, saya harap kerajaan dapat mengambil langkah-langkah yang tertentu.

Perkara kedua yang saya ingin bangkitkan ialah berkenaan dengan isu lanjutan masa konsesi tol lebuhraya. Menurut perjanjian konsesi tol, Kerajaan Persekutuan akan membenarkan menaikkan kadar tol pada kadar 5%. Kadar tersebut akan naik setiap tiga tahun sehingga satu tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Saya menyambut baik tindakan kerajaan bila menangguhkan kenaikan tol bermula tahun 2009 dan 2010 tetapi penangguhan tersebut akan dibalas dengan pampasan.

Seperti mana yang berlaku di Plaza Tol Sungai Rasau dan Batu Tiga Shah Alam, walaupun Kerajaan Persekutuan tidak memberi pampasan dan kutipan tol, bagi kedua-dua plaza tol ini sepatutnya berakhir pada tahun 2018, 3 tahun lagi tetapi apabila kerajaan tidak membenarkan tol dinaikkan maka kerajaan mengambil tindakan untuk menambah tempoh kutipan tol iaitu melanjutkan kutipan tol selama 20 tahun lagi. Strategi yang dijalankan di Plaza Tol Sungai Rasau dan Batu Tiga, adakah kaedah yang sama iaitu menambahkan tempoh kutipan konsesi tol ini bagi lebuhraya lain terutama Lebuhraya Utara Selatan dan juga LDP, KESAS, NPE, Kerinchi Link dan lain-lain lagi.

Saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri Kerja Raya apakah dasar penstrukturan semula yang ditetapkan dan apakah kaitan dengan lanjutan kenaikan kutipan tol.

■1220

Saya harap tidak ada syarikat konsesi tol yang lain mengikut jejak Tol Sungai Rasau dan Batu Tiga di mana kalau kerajaan tidak membenarkan menaikkan kadar tol maka kerajaan terpaksa melanjutkan kutipan tol untuk konsesi itu.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat boleh sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan isu konsesi tol adalah rintihan hati seluruh rakyat Malaysia khususnya pengguna jalan raya, di mana kerajaan telah membuat satu keputusan yang amat mengecewakan. Konsesi tol Lebuhraya Utara Selatan yang sepatutnya tamat tempoh pada tahun 2018. Dengan kata lain mulai tahun 2018 seluruh rakyat Malaysia berhak dapat menggunakan lebuhraya yang percuma.

Akan tetapi di bawah kerajaan rakyat didahulukan, Kerajaan Barisan Nasional telah membuat keputusan untuk memanjangkan lagi 20 tahun konsesi Lebuhraya Utara Selatan yang jelas bagi saya adalah rompak siang hari kerana kos pembinaan Lebuhraya Utara Selatan adalah setakat RM6 bilion. Dalam tempoh 30 tahun sepanjang konsesi ini, syarikat konsesi telah mengutip RM52 bilion sebagai anggaran. Maka jelas mereka telah membuat keuntungan yang cukup lumayan.

Maka apakah pandangan Yang Berhormat supaya keputusan ini dikaji semula di mana konsesi mesti ikut kontrak tamat tempoh terus diberikan hak percuma kepada rakyat sekalian. Sekian terima kasih.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Taiping. Ya saya amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Taiping di mana kita nampak kutipan tol Lebuhraya Utara Selatan tidak berkesudahan di mana kalau kita tengok keadaan sekarang kerajaan membenarkan penambahan lorong daripada Jalan Duta ke Shah Alam dan Rawang dan daripada tiga lorong tambah empat lorong dan tiga hingga lima lorong. Dari Nilai ke Seremban tambah tiga ke empat lorong.

Dalam fasa pertama kita masih ingat kerajaan membenarkan penambahan lorong daripada Seremban ke Alor Gajah, Air Keroh ke Melaka dan juga dari Rawang ke Slim River di mana walaupun tidak ada kos yang perlu dibayar oleh kerajaan tetapi kerajaan membenarkan untuk tambah lanjutan tujuh tahun.

Saya hendak tanya sekarang tambahan lorong dari Jalan Duta ke Shah Alam, Rawang, Nilai ke Seremban sekarang ini, berapakah jumlah kos yang terlibat dan bentuk bayaran daripada kerajaan kepada kontraktor ataupun kita benarkan lanjutan konsesi tol ini seperti mana yang berlaku di Lebuhraya Sungai Rasau dan Batu Tiga. Adakah kutipan tol tidak berkesudahan? Kalau kita tengok sekarang, daripada Slim River ke Ipoh selalu sesak kalau menjelang hari cuti. Kalau kita benarkan lagi untuk tambah lorong daripada Slim River ke Ipoh, ini akan juga menjejaskan di

mana kita akan bagi lanjutan kutipan tol kepada syarikat konsesi PLUS. So, saya harap kerajaan dapat memberi penjelasan dengan perkara ini. Ketiga saya ingin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Ya tentang lantikan jawatan Penolong Daftar Pemilih (AIO) di mana kerajaan, SPR telah pun untuk tidak benarkan parti politik untuk daftar pemilih di mana sekarang SPR hanya benarkan JKKK ataupun KEMAS ataupun badan NGO untuk mendaftar penolong pemilih. Di kawasan saya di Parlimen Petaling Jaya Selatan, satu bandar dan merangkumi DUN Bukit Gasing, DUN Taman Medan kita tidak ada JKKK, tidak ada kampung. So kita tidak ada badan yang lain untuk mendaftar pemilih. So, kita sudi hendak bantu.

Apakah sebab yang SPR telah pun membatalkan parti politik untuk mendaftarkan pemilih dan pengundi? Saya berharap agar SPR boleh bagi laluan kepada parti-parti tidak hanya khas untuk parti pemerintah seperti UMNO dan juga Barisan Nasional. Mereka mempunyai JKKK dan juga badan KEMAS untuk bantu mereka mendaftar pengundi tetapi untuk pembangkang terutama di negeri yang tidak ada kerajaan pembangkang, kita tidak ada saluran untuk kita daftar pengundi. So, saya haraplah SPR dan kerajaan dapat benarkan, bagi kelonggaran kepada parti-parti politik pembangkang untuk daftar pengundi baru. Itu sahaja, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Simpang Renggam.

12.26 tgh.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan RMKe-11 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tempoh hari dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya berpeluang mengunjungi Taiwan untuk menghadiri satu program kesukanan yang dianjurkan oleh Persatuan Pelajar Malaysia di Taiwan. Ini khususnya untuk mengeratkan hubungan antara pelajar-pelajar universiti Malaysia yang belajar di Taiwan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat ada ikut?

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tidak ikut. Saya mengalu-alukan usaha kerajaan khususnya Perdana Menteri telah pun menyalurkan peruntukan sebanyak RM100,000 kepada Persatuan Pelajar Malaysia bagi menampung sebahagian kos dan ia juga telah membantu menjayakan program tersebut.

Program sukan ini menerima sambutan yang terbaik dalam sejarah dan saya dimaklumkan bahawa seramai 4,000 orang pelajar yang telah mengambil bahagian dalam program tersebut. Dalam masa yang sama juga saya berpeluang untuk berbincang dengan beberapa orang pelajar

tentang permasalahan yang dihadapi oleh mereka. Saya amat terkejut dengan satu angka yang dimaklumkan kepada saya oleh Presiden Persatuan Pelajar Malaysia bahawa bilangan pelajar Malaysia yang kini sedang belajar di Taiwan telah mencecah seramai 15,000 orang dan 99% adalah lepasan sekolah persendirian Cina.

Soalan yang dilontarkan oleh mereka kepada saya adalah bilakah kerajaan boleh menyelesaikan pengiktirafan ijazah mereka dan soalan yang agak susah dan sukar untuk saya menjawab. Maka hari ini saya ingin satu jawapan daripada kementerian, apakah kedudukan *progress* pengiktirafan ijazah Taiwan ini dan dalam masa yang sama juga pengiktirafan ijazah daripada negara China, universiti daripada negara China.

Kerajaan telah pun mengumumkan dalam Dewan yang mulia ini, saya masih ingat pada penggal yang lepas kita bersedia untuk mengiktiraf ijazah negara China dan juga Taiwan tetapi tiga tahun telah pun berlalu dan masih tidak nampak hasil yang memuaskan. Saya mohon jawapan daripada pihak kementerian.

Satu lagi angka yang agak mengejutkan saya di Taiwan sekarang ada seramai 600 orang doktor perubatan yang sedang bekerja di Taiwan dan mereka memilih untuk tidak pulang ke Malaysia. Ini satu isu *brain drain* yang agak serius dan saya lihat dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini kita akan membina beberapa buah hospital dan sudah tentunya kita memerlukan ramai doktor.

Kenapa tidak ada usaha daripada kerajaan untuk memanggil balik doktor-doktor perubatan ini dan saya lihat ini satu kerugian yang sangat besar kepada negara kita. Saya tidak menafikan usaha kerajaan untuk cuba menarik balik bakat yang berkhidmat di luar negara. Itu sebab kita menubuhkan Talent Corporation (TalentCorp.) dengan tujuan ia adalah untuk mencapai objektif tersebut.

■1230

Akan tetapi bukannya lebih baik untuk kita memberikan tumpuan kepada pelajar-pelajar ini memberi peluang kepada mereka supaya balik berkhidmat untuk negara dan mengapa harus kita menunggu sampai mereka sudah bekerja di luar negara barulah kita melalui TalentCorp untuk memanggil mereka balik ke Malaysia.

Oleh itu di kesempatan ini juga saya ingin tahu berapakah orang bakat yang telah pun berjaya dipanggil balik oleh TalentCorp dan berapa ramai orang lagi yang telah pun balik ke Malaysia selepas itu keluar sekali lagi ke luar negara.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Simpang Renggam tadi ada cerita TalentCorp ini. Kita menubuhkan TalentCorp memanglah bertanggungjawab untuk membantu negara jalankan tugas pergi ke seluruh negara-negara luar ambil kita punya *expertise* ataupun rakyat kita balik bertugas ataupun berkhidmat untuk negara kita. Akan tetapi, TalentCorp ini begitu susah. Saya masih ingat lagi, bila saya minta TalentCorp dalam *student* ada aktiviti buat satu *book* bakat ataupun *invite* agensi-agensinya pergi sekali di Taiwan tetapi ini TalentCorp cukup malas. Macam-macam alasan dia bagi. Susah pergi, dia tidak berminat.

Tuan Yang di-Pertua, *for me, I feel TalentCorp is selective country*. Dia mana dia mahu pergi *very selective*. Dia *selective* negara dia suka punya ataupun negara itu ada mewah-mewah dia suka pergi. Pada masa yang sama dia boleh makan angin sana. Dia barulah suka pergi. Macam Taiwan ini dia tak berminat. Setengah mati saya telefon 10 kali, satu kali baru jawab. Bila *you leave message* minta *call* pun tak ada *call* balik.

Yang Berhormat Simpang Renggam, setujuakah tidak, kita ini TalentCorp dia punya pemikiran ataupun *mindset* mesti mahu berubah. Kalau tidak berubah, apa berkhidmat dia boleh bantu negara kita? Minta Yang Berhormat Simpang Renggam komen sikit.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tujuan TalentCorp ini memang baik tetapi ada juga kelemahan dari segi pelaksanaan. Jadi, *point* saya lebih baik daripada kita belanjakan sampai berjuta-juta ringgit untuk memanggil balik, baik kita sekarang menumpukan masa kita kepada pelajar-pelajar yang sedia yang sekarang masih belajar di luar negara, kita memberikan pengiktirafan dan memanggil mereka balik untuk berkhidmat untuk negara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam empat hari semasa saya berada di Taiwan juga, saya juga berkesempatan untuk bertemu dengan beberapa orang peniaga orang Taiwan. Mereka juga menyuarakan hasrat mereka tentang kedudukan rundingan ECA, *Economy Corporation Agreement* antara Malaysia dengan Taiwan. Jadi apakah kedudukan sekarang kerana *agreement* ini akan dapat membantu melonjakkan lagi ekonomi antara dua tempat iaitu Malaysia dengan Taiwan. *[Disampuk]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih, kamu ini Putatan ya kongkalikung. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Ini *economy corporation agreement* memang mustahak untuk negara kita pasal rakyat kita banyak melabur di Taiwan ataupun Taiwanese melabur di Malaysia. Kita kalau bolehlah dalam isu ini jangan kita cuma hanya hari-hari kata the One-China Policy. One-China Policy, antara masuk politik sudah. Kita negara ini dalam usaha ekonomi ini, janganlah kita terlibat dalam One-China Policy, jadi politik. Kita mesti mahu cakap saya sudah timbul ini perkara sudah banyak kali.

Kita mesti mahu jaga rakyat kita dulu. Jangan kita cuma hanya hari-hari cakap One-China Policy. Hujung-hujung, rakyat buang sama kita, apa polisi kita ada? Rakyat ini cukup marah pasal di antara dua pihak, bila dia melabur memang susah antara ini. So, Yang Berhormat Simpang Renggam setujuakah tidak, perkara ini memang kita sekarang dalam perundingan. Bolehkah

ataupun kita bantu MITI ini mempercepat perundingan di atas *economy corporation agreement* ini. Sekian.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Setuju, setuju sangat. Saya minta masukkan hujah Yang Berhormat dalam ucapan saya dan saya kena pujilah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah melantik seorang duta khas yang betul-betul bertanggungjawab dan telah pun menjalankan tugasnya. Saya tahu tak kurang daripada lima kali Yang Berhormat dalam setahun itu mengunjungi Taiwan, Jepun dan Korea. Tahniah Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya alih topik. Semalam, sekeping gambar yang telah pun menjadi *viral* dalam internet. Inilah, inilah gambarnya. *[Sambil menunjukkan sekeping gambar]* Ini mengenai kod pakaian. Seorang wanita yang berumur lebih kurang 50-an bila beliau pergi ke JPJ untuk mengadakan urusan menukar nama hak milik kenderaannya, tiba-tiba tidak dibenarkan masuk JPJ. Alasan yang diberikan oleh pihak JPJ adalah beliau tidak mematuhi garis panduan kod pakaian yang ditentukan oleh pihak JPJ. Ia telah menimbulkan kemarahan di kalangan bukan Muslim. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini telah pun menjadi satu *laughing stock*, satu bahan tawaan, seorang wanita yang biasa kita boleh jumpa di merata tempat tiba-tiba pula tidak dibenarkan masuk ke JPJ.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta sedikit penjelasan. Ini memang banyak sudah, penuh sudah telefon saya Tuan Yang di-Pertua. Soal menyuruh saya bawa isu ini ke dalam Dewan yang mulia ini soal pemakaian. Apa akan terjadi negara kita sekarang? Saya tidak faham dan adakah Yang Berhormat Menteri sedar perkara ini dalam jagaan, dalam seliaan, JPJ dalam seliaan seorang Menteri. Saya harap Yang Berhormat Menteri berkenaan juga datang menjawab adakah ini antara satu arahan beliau ataupun secara sendiri oleh pegawai yang kononnya mahu jadi jabatan-jabatan kita ini sebagai jabatan-jabatan yang bertamadun. Ini bukanlah cara pendekatan yang baik Yang Berhormat.

Saya setuju dengan Yang Berhormat kerana membawa perkara ini kerana rakyat kita di luar sana akan mendengar. Adakah wakil-wakil rakyat kita ini bukan macam hei, hei, daripada ini, tidak. Langsung tidak membawa perkara ini tadi. Semua yang sana itu pun tidak bawa kecuali Yang Berhormat Simpang Renggam. Tahniah Yang Berhormat Simpang Renggam kerana membawa perkara ini. Rakyat mendengar sama kita. Sekian.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua, ini ada juga satu tatacara pakaian pelawat yang dikeluarkan oleh KSN. *[Sambil menunjukkan sekeping gambar]* Akan tetapi sini, dia tulis begini, "*Pelawat mestilah berpakaian kemas, bersih dan sesuai dengan*

amalan masyarakat Malaysia". Masalahnya, amalan masyarakat Malaysia, *auntie* ini yang memang kita selalu boleh jumpa di mana-mana jalan, di restoran, di *supermarket*...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini Kulai diam, diam.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Akan tetapi, tidak juga dibenarkan masuk ke bangunan kerajaan.

■1240

Jadi saya lihat ini satu garis panduan yang tidak munasabah. Mungkin pihak kerajaan perlu kaji semula garis panduan ini. Jangan sampai hari – sebab saya juga ada lihat klip-klip video dalam *Youtube*. Kalau kita masukkan *sport* Iran, di negara Iran, memang sebuah negara Islam yang tidak membenarkan wanita..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kalau garis panduan tidak salah, erti budi bicara pegawai itu yang harus jadi masalah Yang Berhormat.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Masukkan hujah Tuan Yang di-Pertua dalam ucapan saya. Jadi tengok di Iran, wanita tidak dibenarkan untuk mendedahkan tubuh badan atau pun badan mereka. Jadi apa yang disiarkan dalam TV, mereka telah pun buat edit, sudah *modified* dan badan-badan ditutup dengan kotak hitam atau palang hitam sehingga bila kita tengok di televisyen, kita cuma nampak kotak hitam yang tengah bergerak. Adakah ini hala tuju negara kita?

Jadi saya amat berharap supaya perkara ini dapat dikaji semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh habiskan Yang Berhormat. Boleh bangun Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Boleh. Saya hendak tambah sedikit. Kali ini saya setuju dengan Yang Berhormat Simpang Renggam. Saya hendak nyatakan di sini apabila kita cakap bahawa arahan ini perlulah ikut amalan masyarakat Malaysia. Akan tetapi kita perlu faham juga kalau untuk kaum India mereka pakai sari, orang Cina kita pakai Ceongsam. Kebanyakan sari, Ceongsam atau pun baju Punjabi ini *sleeveless* punya atau pun *sleeves* yang pendek.

Jadi ini juga adalah satu amalan masyarakat Malaysia. Akan tetapi isu sekarang adalah saya faham bahawa untuk budaya Islam perlulah tutup aurat tetapi ini bukan satu budaya untuk kesemua masyarakat Malaysia. Jadi untuk isu ini saya setuju dengan Yang Berhormat Simpang Renggam dan saya juga hendak minta penjelasan daripada Menteri Pengangkutan kita semasa jawapan beliau. Terima kasih. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Simpang Renggam boleh habiskan Yang Berhormat.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Okey, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat suatu ketika di negeri Kelantan, seorang pekerja wanita tiba-tiba didenda pula oleh pihak Kerajaan Negeri Kelantan. Ini kerana didapati...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu bangun lagi Yang Berhormat.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Mencuci pinggan mangkuk dan mendedahkan bahagian lengan tangannya. Ada, ada keluar dalam surat khabar. Jadi ini yang berlaku di negeri Kelantan.

Seorang Ahli: Ha, Yang Berhormat Pasir Mas jawab.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ya, boleh.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Jadi yang diurus tadbir oleh parti PAS. Jadi sekiranya Yang Berhormat Serdang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia Yang Berhormat Kulai Yang Berhormat.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: ...Apa yang saya cadangkan sepatutnya DAP harus bercerai dengan PAS dalam pakatan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Boleh?

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Jadi Gerakan hendak bercerai dengan MCA juga?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Isu GST, cerai.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Saya menarik mengenai isu ini. Kita kalau lihat zaman yang dulu, ini tidak ada masalah. Ini tidak ada masalah, kenapa masalah boleh tiba begini? Pembangkang mesti mahu bertanggungjawab juga. Berapa kali dia bermain sama agama, bermain sama bangsa. Ha, cari lah isu ini.

Ini kita tidak boleh dinafikan. Ini isu serius. Kita tidak ada lagi fikir *how to maintain* keharmonian, perpaduan di negara kita. Mereka kalau boleh main politik, politik habis-habis lah. Ini bukan cakap apa dia. Janganlah sampai satu hari kita ada *civil war*, baru lah kita dilihat. Keharmonian kita sudah terjejas. Contohnya macam ini, apa pakaian itu semua, lutut itu, apa kena mengena, dia bukan pakai *swimming suite* ataupun dia pakai bikini. Apa kita hendak susah.

Kalau orang miskin macam mana dia, tidak ada wang mahu beli. Jadi dia tidak payah pergi sudah sama JPJ atau mana-mana jabatan. *Why we make it so particulars? So*, isu ini kita hendak tanya KSN betulkah arahan keluar daripada sana atau pun ini rasis punya atau pun atas agama atau atas bangsa. Ini sengaja guna KSN punya nama. Saya lihat ini KSN sebagai satu pegawai yang cukup tinggi. Dia tidak akan mengeluarkan arahan itu. Kalau dia mengeluarkan arahan itu kenapa lain-lain jabatan tidak ada ini macam isu. Kenapa cuma JPJ sahaja?

Seorang Ahli: JPA pun ada.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jadi, hendak tanya Yang Berhormat Simpang Renggam setuju kah tidak?.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Simpang Renggam, habiskan Yang Berhormat.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Setuju-setuju, masukkan dalam ucapan saya. Jadi itulah sebagai harapan besar saya supaya kerajaan mengkaji semula garis panduan bukan sahaja di JPJ, di semua jabatan kerajaan supaya tidak menimbulkan kekeliruan daripada kalangan masyarakat.

Jadi ada banyak lagi isu yang ingin saya bawa tetapi masa tidak mengizinkan. Jadi saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Kulai.

12.46 tgh.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Sebelum saya mulakan perbahasan saya, saya hendak memperbetulkan Yang Berhormat Bintulu sedikit lah. Saya rasa ini arahan daripada KSN. Kenapa hendak salahkan pembangkang kah? KSN ini dilantik oleh pembangkang kah atau Yang Berhormat Bintulu hendak cakapkan bahawa KSN ini adalah penyokong pembangkang? Kalau itu saya rasa boleh pembangkang ini *take the responsibility* lah.

Okey, beberapa isu yang saya hendak sentuh dalam perbahasan saya. Saya rasa pada bulan yang lalu Mahkamah Rayuan telah membebaskan seorang yang bernama Bunya Jalong berumur 60 tahun yang mengaku rogol seorang remaja seorang perempuan yang baru berusia 14 tahun, empat tahun dahulu tetapi akhirnya mahkamah rayuan membebaskan beliau, walaupun remaja itu melahirkan seorang anak yang DNA sempadan dengan Bunya iaitu lelaki tersebut.

Di sini saya ingin merakamkan kekesalan yang tidak terhingga berhubung isu ini. Pada hari ahad yang lalu, NGOs dan juga banyak Ahli Parlimen pun ada mengambil bahagian termasuk saya, Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Bakri. Kami mengambil bahagian dalam satu perhimpunan 'Hentikan Rogol'. Permintaan kita adalah kita meluaskan definisi rogol di bawah seksyen 375 Kanun Keseksaan supaya seksyen ini dikaji semula untuk memberi perlindungan lebih menyeluruh kepada remaja perempuan yang menjadi mangsa rogol.

Saya rasa kes yang berlaku di Sibu ini bukan satu kes yang tunggal. Akan tetapi dahulu pun ada banyak kes keganasan seksual terhadap budak-budak kita termasuklah mangsa-mangsa berikut seperti Ang Mei Hong, Audrey Melissa George, Nurin Jazlin dan banyak kes ini sampai hari ini yang masih belum selesai lagi. Kalau kita merujuk kepada statistik yang dibekalkan oleh KDN kepada Parlimen.

Di antara tahun 2000 sampai tahun 2009, kes keganasan seksual kanak-kanak yang terlibat adalah kurang daripada 5%. Akan tetapi bagi tahun 2012 dan juga tahun 2013, kes yang melibatkan kanak-kanak ini, mangsa yang belum mencapai umur 18 tahun ini adalah sebanyak

65%. Jadi ini menunjukkan bahawa keganasan seksual terhadap kanak-kanak kita atau remaja-remaja kita telah menjadi satu isu yang semakin merisaukan. Jadi saya harap bahawa Kementerian KDN kah, Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat dan juga Jabatan Perdana Menteri boleh mengkaji semula tentang cara-cara kita untuk menghentikan...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Sikit.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Kes rogol terhadap kanak-kanak.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Ya, Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kulai. Saya ingin bertanya seperti kes Sibu yang mana kita lihat hakim apabila didesak kenapa buat keputusan demikian, hakim telah memberi satu penjelasan mengatakan bahawa *you don't underestimate the intelligence of 14 year old girl. So, because of that* dia kena jatuhkan hukuman atau memberikan satu *verdict* bahawa si penjenayah itu tidak bersalah. Apakah pandangan Yang Berhormat Kulai?

■1250

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Yang Berhormat. Pada pandangan saya kita ada undang-undang yang menyatakan bahawa remaja perempuan yang belum mencapai umur 16 tahun, tidak ada kapasiti untuk memberi persetujuan. Dalam kes ini mangsa ini memanglah baru berumur 14 tahun. Ini menunjukkan bahawa dalam undang-undang kita, kita ada satu *loophole* yang membenarkan bahawa orang dewasa seperti OKT di dalam kes ini untuk menyalahgunakan undang-undang dan menjadikan remaja ini seorang mangsa. Jadi saya rasa ini menunjukkan bahawa sudah lama NGO dan ahli pembangkang wanita membangkitkan isu ini di dalam Parlimen. Saya rasa ini bukan sahaja seruan daripada ahli Parlimen wanita daripada pembangkang, tetapi juga ahli Parlimen wanita dari Barisan Nasional. Jadi saya harap kali ini kerajaan kita memang akan mengambil berat tentang isu ini dan buat kajian secepat mungkin.

Selain daripada itu, isu kedua yang saya hendak sentuh pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, adalah tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Alor Setar pagi tadi. Walaupun usulnya telah ditolak, tetapi saya rasa isu yang dibangkitkan oleh beliau memang ada satu isu yang cukup serius. Sekiranya laporan *special branch* itu berkenaan rasuah berleluasa di sempadan ini tidak ditangani serta-merta ia akan mengakibatkan penguat kuasa undang-undang di sempadan negara untuk gagal berfungsi dengan keselamatan negara akan diancam. Jadi soalan saya di sini adalah, selain daripada KDN, apa tindakan yang akan diambil oleh pihak SPRM kerana ini adalah isu rasuah. Jadi SPRM juga perlulah ambil tindakan terhadap pegawai-pegawai yang terlibat dalam kes-kes rasuah ini di sempadan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, menurut jawapan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Paul Low Seng Kwan, MACSPI pada tahun 2011 peruntukan yang mereka terima adalah sebanyak RM202.8 juta dan peruntukan untuk SPRM telah meningkat sebanyak 40% dan

pada tahun ini peruntukan mereka adalah sebanyak RM287.3 juta. Bukan itu sahaja kakitangan untuk SPRM kita juga meningkat setiap tahun. Pada tahun 2011 kakitangan mereka hanya sebanyak 2264 orang. Tetapi pada tahun ini setakat bulan Februari kakitangan mereka sudah meningkat sebanyak 12% iaitu 2549 orang. Tetapi yang pelik adalah walaupun peruntukan yang kita beri kepada SPRM meningkat, walaupun kakitangan SPRM juga terus meningkat, tetapi kes yang disabitkan selepas perbicaraan penuh di mahkamah, tidak meningkat tetapi sebaliknya bilangan kes ini menurun. Pada tahun 2012, kes yang disabitkan di mahkamah adalah sebanyak 339 kes.

Pada tahun 2013 ia menurun ke 265 kes dan juga pada tahun 2014, kes yang disabitkan hanyalah 245 kes sahaja. Bukan itu sahaja, jumlah nilai rasuah yang terlibat dalam kes-kes yang disabitkan itu juga semakin menurun. Pada tahun 2012, jumlah nilai rasuah terlibat adalah sebanyak RM17 juta. Tetapi untuk tahun 2013 ia hanya tidak melebihi RM7 juta dan untuk tahun 2014 hanyalah RM10 juta. Jadi ini menunjukkan bahawa walaupun *resources* kakitangan peruntukan bagi SPRM semakin meningkat, tetapi nampaknya keberkesanan mereka semakin menurun kerana kes yang dibawa ke mahkamah menurun, kes yang disabitkan ke mahkamah menurun, dan juga jumlah nilai rasuah yang terlibat juga semakin menurun. Saya rasa SPRM kita selalu cakap bahawa mereka hendak mencontohi ICAC di Hong Kong. Di sini saya hendak memberi satu kes di mana pada tahun 1977 iaitu tahun ke empat ICAC Hong Kong ini ditubuhkan. Tetapi dalam satu operasi mereka berani untuk menangkap 87 anggota polis pada masa itu.

Ini menjadi salah satu kita cakap '*facebook*' case untuk ICAC di Hong Kong. Jadi saya hendak tanya di sini SPRM kita selalu cakap mereka hendak mencontohi ICAC Hong Kong. Jadi saya hendak tanya SPRM, berani tidak SPRM ini memulakan satu operasi terhadap pegawai-pegawai yang terlibat dalam rasuah di sempadan negara kita dan juga tidak perlu tangkap 87 orang pegawai. Saya rasa kalau sekurang-kurangnya kalau satu operasi mereka boleh menangkap pegawai yang terlibat dalam rasuah ini seramai 30 orang, 50 orang saya rasa ini adalah menjadi satu pencapaian yang cukup mengagumkan. Tetapi janganlah kita selalu cakap duit mahu banyak sedikit, kakitangan mahu ramai sedikit, tetapi pada akhirnya kita tidak nampak ini tindakan yang tegas daripada SPRM ini.

Hasrat MACC ini adalah mereka hendak mencapai mempunyai kakitangan seramai 5000 orang. Sebenarnya saya tidak bantah dengan hasrat ini kerana kalau kita bandingkan dengan ICAC Hong Kong ini. ICAC Hong Kong ini sekarang mereka mempunyai staf yang seramai 1200 orang. Tetapi jumlah populasi di Hong Kong adalah 7.2 juta orang. Tetapi di Malaysia populasi kita adalah seramai 29 juta. Jadi untuk SPRM kita mempunyai 5000 kakitangan, saya rasa itu adalah satu sasaran yang cukup munasabah. Tetapi yang paling penting adalah saya harap SPRM boleh tunjuk kepada kami apa pencapaian selepas ia ditubuhkan selama tujuh tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu artikel *The New York Times* yang bertarikh '8haribulan 2015' ini. Dalam artikel ini dia menyatakan bahawa walaupun Yang Amat Berhormat Pekan

gajinya hanya lebih kurang USD100 ribu ataupun kita cakap tidak sampai setengah juta ringgi di Malaysia, tetapi di dalam artikel tersebut ia banyak menyentuh tentang cara hidup yang cukup mewah. Perbelanjaan yang cukup mewah oleh ahli keluarganya termasuklah isteri Perdana Menteri dan anak dia yang mampu membeli kondo di Amerika Syarikat yang sebanyak USD3.5 juta dan juga USD 17.5 juta di Beverly Hills.

Pada 20 April yang lalu saya bersama dengan dua orang ADUN di Johor membuat satu laporan di Pejabat SPRM Johor dan saya minta SPRM untuk pergi siasat tentang artikel ini, tuduhan di dalam artikel ini sama ada berasas atau tidak berasas. Sebab di dalam artikel tersebut mereka ada sentuh, mereka ada nyatakan bahawa mereka mempunyai resit dokumen yang menunjukkan bahawa cara perbelanjaan yang cukup mewah oleh isteri Perdana Menteri. Ia amat mengecewakan tetapi saya tidak rasa hairan saya terima satu jawapan daripada Perdana Menteri yang bertarikh 28 Mei yang menyatakan bahawa memiliki harta mewah bukanlah merupakan satu kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 kecuali pemilikan harta-harta ini adalah hasil daripada kesalahan rasuah oleh seseorang. SPRM tidak boleh menyiasat seseorang yang dikatakan mempunyai harta mewah yang berlebihan tanpa mempunyai asas siasatan di bawah Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, jadi di sini saya rasa kita perlulah sekali lagi mencontohi ICAC Hong Kong. Kalau di Hong Kong seksyen 10 *Prevention of Bribery Ordinance* yang Hong Kong ini yang menyatakan seperti berikut, *I quote* dengan izin, “*Any person who, being or having been the Chief Executive or a prescribed officer maintains a standard of living above that which is commensurate with his present or past official emoluments or is in control of pecuniary resources or property disproportionate to his present or past official emoluments, shall, unless he gives a satisfactory explanation to the court as to how he was able to maintain such a standard of living or how such pecuniary resources or property came under his control, be guilty of an offence.*” Dan juga di bawah seksyen 12 of *The Independent Commission Against Corruption Ordinance*, pesuruhjaya ICAC *has a statutory duty to investigate possible allegation under POBO*”.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Iaitu satu undang-undang yang saya rujuk tadi. Saya akan gulung. Jadi saya rasa di sini kalau di Hong Kong mempunyai harta benda yang berleluasa yang bukan gaji seorang Perdana Menteri, seorang Menteri, seorang Ahli Parlimen yang boleh mampu. ICAC di Hong Kong boleh pergi siasat dan ini menjadi orang yang kena siasat itu menjadi tanggungjawab beliau untuk memberi penjelasan di mahkamah kenapa di Malaysia kita tidak boleh buat sedemikian? Takut ke Perdana Menteri kita? Takut ke menteri kita? Takut ke ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional kita? Kalau semua tidak takut, biarlah kita ubahlah Akta SPRM. Saya janji di sini, ahli Parlimen pembangkang di sini kami semua akan sokong pindaan kepada Akta SPRM ini. Jadi saya harap kalau Perdana Menteri kita tidak takut, Menteri kita tidak takut, Ahli Parlimen Barisan tidak takut biarlah kita bentangkan pindaan ini di Parlimen supaya kita pada

masa akan datang sesiapa yang memiliki harta benda yang luar daripada kemampuan gajinya kita boleh minta dia memberi satu penjelasan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini, sekian sahaja terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jam 2.30 petang nanti Yang Berhormat Setiu akan mula bahas. Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.02 tgh

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Setiu, sila.

2.32 ptg.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Ayat surah Al-Imran ayat ke-26. "Katakanlah wahai Muhammad, wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan, Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah mencabut kuasa pemerintahan daripada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."*

Jadi daripada ayat ini merujuk kepada naik turunnya dan jatuh bangunnya sesebuah kerajaan itu adalah rahsia dan kekuasaan penuh Allah SWT serta bukannya di tangan makhluk. Jadi peringatan adalah kepada kepimpinan kerajaan bahawa kerajaan iaitu Barisan Nasional yang sedang memerintah sekarang ini adalah amanah daripada Allah dan dalam kekuasaan Allah SWT ini terdapatnya segala kebaikan. Selagi mana Allah Taala tidak mengizinkan maka sehingga itulah mana-mana pihak sekalipun tidak dapat melawan ketentuan Allah. Kena faham semua ya. Dengan mengambil kira perjalanan dan juga pembangunan dan pertumbuhan negara yang mencapai kemerdekaan daripada tahun 1957 jelas menunjukkan bahawa satu pencapaian yang mengagumkan. Ini yang mana rancangan Malaysia tidak pernah gagal sebenarnya iaitu untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Jadi RMKe-11 juga merupakan satu rancangan Malaysia yang terakhir sebelum negara ini menjadi sebuah negara yang maju. Jadi di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan asalnya daripada satu parti yang sama semenjak tahun 1957, perikatan Barisan Nasional telah mengangkat taraf hidup sebenarnya rakyat Malaysia yang tanpa gagal. Dalam pada usaha RMKe-11 ini sebenarnya perlu dijadikan satu realiti. Dua konsep utama yang perlu kita terapkan dan diperhalusi oleh setiap rakyat Malaysia ialah konsep kasih dan juga konsep percaya. Jadi kasih dan percaya ini adalah yang dianggap semakin berkurangan di kalangan rakyat Malaysia. Terutama kepada barisan pemegang amanah rakyat iaitu Kerajaan Barisan Nasional.

Jadi rakyat perlu percaya bahawa selama ini kerajaan yang sama dan parti yang sama juga telah berusaha untuk memandu negara sehinggalah menjadi sebuah negara yang dapat menikmati hasilnya pada hari ini. Konsep percaya ini juga perlu ada kerana kerajaan telah pun mempunyai polisi untuk memandu negara menjadi sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020. Jadi konsep kasih pula juga perlu ada di kalangan rakyat kita terutama kepada kepimpinan kerajaan jadi kasih untuk menyatakan sokongan dan kesepaduan agar kepimpinan tertinggi negara ini tidak perlu risau tentang perkara lain dan dapat menumpukan sepenuh perhatian untuk memajukan negara dan juga rakyat. Jadi apabila perasaan kasih ini sudah lenyap dan perasaan marah mengambil alih, jadi kepimpinan tertinggi negara terpaksa membahagikan tumpuan mereka untuk menyelesaikan masalah kemarahan tersebut.

Jadi saya ingin meneruskan Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan beberapa kenyataan sebelum ini terutama yang menyebut fasal RMKe-10. Di mana dikatakan bahawa terdapat begitu ramai di kalangan rakyat kita yang masih tidak mempunyai tanah, merempat serta masalah pengangguran siswazah dan juga masalah kemiskinan. Jadi saya ingin menegaskan bahawa gambaran yang diberikan oleh mereka ini adalah kurang tepat.

Kajian yang terperinci telah pun dijalankan bagi menyokong fakta bahawa kadar kemiskinan di negara ini telah pun menurun daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 0.6% pada tahun 2014. Malah sekiranya kita mengikut kenyataan Bank Dunia melalui laporan terbarunya yang menyentuh tentang kemajuan di Malaysia negara kita sebenarnya hampir-hampir berjaya membasmi kemiskinan. Jadi ini merupakan suatu yang perlu dibanggakan. Malah kerajaan sehingga kini masih meneruskan agenda yang membawa ekspresi rakyat dalam memastikan kesejahteraan rakyat dapat terus dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham adalah menjadi lumrah bagi mana-mana negara yang membentangkan hasil pencapaian pada suatu perkara akan mendapat tentangan daripada mana-mana pihak dalam negara itu sendiri. Ini adalah sesuatu perkara yang biasa. Namun saya amat berharap agar ketidaksepakatan dalam membenarkan hasil dapatan ini dapat disokong dengan hujah yang bernas serta berfakta dan bukannya dibuat melalui penilaian yang semberono. Dalam konteks ini hasil kajian yang dijalankan adalah melalui pelbagai kaedah yang telah ditetapkan serta

sejajar dengan standard antarabangsa. Oleh itu, saya mintalah pihak sana itu seharusnya menyokonglah bukannya menghentam kerajaan dalam hal ini. Tidak ada sebab mengapa pihak sebelah sana perlu merasa ragu-ragu dengan pencapaian negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Setiu, saya tengok Yang Berhormat Lipis macam hendak bangun sahaja dari tadi.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Selama 15 minit ini tidak sempat ini. Banyak lagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak bagi peluang ya. Orang kawasan Yang Berhormat Lipis ada datang ini.

■1440

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini saya dapat satu nota daripada Wanita-wanita UMNO Bahagian Lipis yang diketuai oleh Puan Siti Fatimah binti Yahaya. Dialu-alukan kedatangan mereka. *[Tepuk]*

Malah saya perhatikan pihak sana juga perlu berbangga apabila pendapatan bulanan isi rumah juga telah berjaya ditingkatkan lebih 20 kali seperti yang disebut iaitu daripada RM264 pada tahun 1970 kepada RM6,141 pada tahun 2014. Pada masa yang sama juga, pendapatan menengah meningkat daripada RM166 kepada RM4,585. Jadi, jurang pendapatan yang semakin mengecil seperti yang ditunjukkan oleh pekali gini daripada 0.513 pada tahun 1970 kepada 0.401 pada tahun 2014. Ia juga merupakan kejayaan yang wajar diberikan pujian.

Terlanjur menyebut tentang pendapatan, saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi tahniah atas kejayaan kerajaan berhubung pendapatan per kapita nasional yang telah meningkat lebih 25 kali daripada USD402 pada tahun 1970 kepada USD10,796 pada tahun 2014. Jadi ini juga menunjukkan bahawa Malaysia berada dalam landasan yang betul bagi melepasi paras pendapatan minimum ekonomi berpendapatan tinggi iaitu USD15,000 menjelang tahun 2020.

Jadi ini tidak mungkin berhasil sekiranya pendekatan yang efisien ini tidak diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional yang telah menerajui pemerintahan ini dulu, kini dan selamanya, *insya-Allah*. Jadi memandangkan pembangkang biasanya ada menimbulkan ketidakpuasan hati mereka berhubung isu pemilikan rumah, di sini saya ingin menyatakan bahawa pemilikan rumah di kalangan isi rumah miskin juga telah mencapai 75.3% pada tahun 2014 manakala 76.1% pula daripada isi rumah bagi tahun yang sama.

Jadi ini merangkumi semua lapisan rakyat tanpa mengira etnik dan lokasi di negara ini. Jadi tidak dinafikan bahawa negara kita mengalami masa-masa yang mencabar apabila isu kenaikan hartanah di bandar ibarat "*digenggam takut mati, dilepas takut terbang*". Begitulah ibaratnya permasalahan tersebut yang harus ditangani dengan penuh berhemah, "*umpama menarik rambut di dalam tepung*". Namun syukur kita ke hadirat Allah SWT.

Walaupun isu tersebut bagaikan memberi tekanan kepada kerajaan dan rakyat, namun statistik pemilikan rumah ini jelas menunjukkan strategi kerajaan dalam membantu rakyat dalam

memiliki rumah menemui hasil yang memberangsangkan. Jadi ini sekali gus menepis gambaran pihak sana seolah-olah rakyat negara ini hidup dalam serba kedaifan sedangkan pembangkang juga biasanya turut terlibat dalam isu permasalahan pemilikan rumah di kalangan rakyat berpendapatan sederhana dan ke bawah apabila mereka lebih gemar menumpukan projek perumahan mewah seperti yang berlaku di Pulau Pinang dan akhirnya rakyat terpaksa lari ke pinggir-pinggir bandar kerana tidak mampu berdepan dengan tekanan dan juga cabaran yang dihadapi.

Saya juga berharap agar sasaran tambahan 6,600 unit rumah yang akan dibina bagi memenuhi keperluan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana dapat dipenuhi dalam RMKe-11. Malah tidak keterlaluan jika saya memohon agar kontraktor-kontraktor bumiputera dapat sama-sama diberikan peluang untuk bekerjasama dalam menyediakan keperluan ini bagi meningkatkan lagi pemilikan rumah bagi golongan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah berhubung dengan kadar pengangguran. Pengangguran di kalangan graduan yang selalu dibangkitkan. Kadar pengangguran negara hanya mencatatkan 3% bagi suku kedua pada tahun ini. Ini menunjukkan bahawa jumlah pengangguran dalam negara masih terkawal atau tidak terlampau serius. Jadi berdasarkan *International Labor Organization*, mana-mana negara yang mempunyai kadar pengangguran di bawah 4% dianggap sebagai negara yang mencapai tahap guna tenaga kerja penuh.

Ini menunjukkan bahawa Malaysia adalah salah satu negara yang mencapai tahap guna tenaga kerja sepenuhnya. Namun kerajaan tidak pernah menutup sebelah mata dalam menghadapi isu pengangguran ini. Pelbagai inisiatif dilakukan oleh pihak kerajaan, syarikat GLC dan juga pihak swasta bagi mengatasi isu pengangguran di kalangan siswazah seperti mengadakan karnival-karnival kerjaya, tabung bantuan memulakan perniagaan dan berbagai-bagai lagi langkah-langkah yang dirasakan perlu.

Apa yang menjadi isu di sini ialah apabila tawaran pekerjaan yang ada di pasaran yang tidak sesuai dengan kelayakan ataupun jurusan yang diambil oleh siswazah. Justeru, saya memohon agar mana-mana lepasan graduan yang masih tercari-cari pekerjaan yang sesuai dengan bidang pengajian yang diambil agar dapat merebut dahulu mana-mana peluang pekerjaan yang ada di pasaran kerana pengalaman yang ditimba itu nanti amat berguna dalam membina tapak kerjaya mereka di masa hadapan.

Saya juga ingin menyarankan kepada pihak sana juga agar berhentilah daripada menakutkan pelabur asing untuk melabur di negara kita ini, sekali gus membantutkan pertumbuhan peluang pekerjaan di kalangan rakyat. Ini dapat dilihat apabila pelbagai projek usaha yang dilakukan oleh kerajaan akan sentiasa disabotaj oleh pihak-pihak tertentu sehingga menimbulkan persepsi negatif pihak pelabur daripada luar dan ini akhirnya merugikan rakyat. Justeru itu, saya menyokong hasrat kerajaan dalam meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju melalui pembelajaran sepanjang hayat serta peluasan sumber dalam talian yang disesuaikan

mengikut keperluan siswazah dan dilihat dapat membantu menyediakan siswazah bagi menghadapi masa hadapan yang dinamik melalui penerapan pengetahuan dan kemahiran yang kritikal.

Jadi, pewujudan Indeks Gaji Nasional nanti juga diharapkan dapat memastikan penetapan gaji yang adil sekali gus membantu mengisi lambakan peluang pasaran pekerjaan yang kurang diminati oleh graduan. Saya juga menyokong hasrat kerajaan dalam menyasarkan dua universiti dalam kalangan 100 terbaik QS *World University Ranking* dan berharap agar matlamat dalam mencapai kadar pengangguran dan juga guna tenaga penuh kepada 2.8% berjaya dicapai dalam RMKe-11 ini. Sebelum saya mengakhiri, ingin saya sentuh sedikit berkenaan dengan GST.

Ketika ini kita lihat rakyat begitu marah. Kemarahan rakyat meningkat dengan pengenalan cukai barang dan perkhidmatan dan seruan dibuat supaya ia dimansuhkan. Apa yang saya hendak beritahu sama ada perlu dimansuhkan ataupun tidak. Sebenarnya kalau kita lihat cukai pelbagai peringkat itu akan menambah sebenarnya hasil kerajaan dan ini amat diperlukan bagi mengimbangi defisit negara yang meningkat dan kalau kita lihat sebenarnya pelaksanaan GST ini sudah lama tertangguh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ringkaskan Yang Berhormat Setiu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ya, saya cuba habiskan. Ia sebenarnya membolehkan kita memperluaskan asas cukai sebenarnya dan membenarkan kerajaan meraih lebih banyak pendapatan dan bagi menguruskan kewangan dengan lebih baik. Jadi, sekiranya GST ini dibatalkan, masalahnya ialah lebih menjejaskan keyakinan pelabur dan juga mengundang masalah jangka panjang yang lebih besar bagi ekonomi negara. Kajian terhadap GST juga sudah lama bermula. Lebih dua dekad dan keputusan melaksanakannya ditangguhkan beberapa kali seperti yang saya sebutkan tadi.

Jadi kita kena tanya sampai bila. Sampai bila kita akan bersedia? Kalau kita batalkan, maka tindakan tersebut akan dianggap satu tindakan yang melulu dan tidak bertanggungjawab. Kita juga perlu ingat bahawa dalam penyediaan untuk mengenakan GST ini, sebenarnya banyak yang kerajaan telah belanjakan. Berbilion dengan mengambil kira-kira 3,000 kakitangan Jabatan Kastam dan juga sektor perniagaan membelanjakan banyak untuk melatih kakitangan mereka dan juga untuk membeli *software* dan sebagainya.

■1450

Semua negara yang bermasalah sebenarnya pada peringkat awal sahaja iaitu enam bulan hingga satu tahun. Selepas setahun, biasanya apabila semuanya sudah teratur, ia akan diterima dan pemantauan akan mempunyai impak yang lebih besar. Jadi kita tunggulah, belum sampai enam bulan lagi. Jadi, negara kita sebenarnya kalau tanpa GST, tidak akan dapat mencapai status negara maju tanpa peningkatan yang amat diperlukan dalam hasil daripada kutipan cukai.

Jadi kita tidak sepatutnya bercakap tentang menghapuskan GST itu sendiri tetapi bagaimana untuk memperbaiki mekanismenya dan sedikit sahaja lagi, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniahlah kepada rakan-rakan saya yang menang dalam Muktamar PAS tempoh hari dan takziah kepada yang kalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, siapa rakan-rakan itu?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ada rakan-rakan saya dekat sinilah, dah tak ada dah. Yang Berhormat Bukit Gantang. Diam sahaja Yang Berhormat Bukit Gantang? Tahniah ya tapi masalahnya menang, menang juga, yang kalah. Masalah yang timbul, ada satu rencana saya baca satu rencana dalam *Malaysian Insider*, ada pihak mengatakan, ada satu calon ini mengatakan dia kata kesemua kawasan yang mencalonkannya semestinya dipimpin oleh mereka yang berani melawan arus serta menilai hujah berdasarkan fakta dan bukan sentimen. Bermakna yang sebelah menang barangkali sentimen. Itu yang cuba dikatakan dan dia kata lagi, jika ikutkan hati dan perasaan, sebenarnya beliau lebih cenderung untuk tidak bertanding kerana beliau melihat budaya kempen yang merosakkan jemaah sedang diamalkan.

Saya tak tahu apa dimaksudkan budaya kempen jemaah. Jadi pengalaman bertanding paling buruk yang dialami selama 30 tahun dalam PAS. Mungkin ianya terbawa-bawa dengan semangat Muktamar ke-60 di Johor. Saya tak tahu apa benda ini yang terbawa-bawa yang mempunyai keanehan dan sedikit ketidaksiuman. Hebat. Dia cuba perkatakan sesuatu. Kalau dah kalah, kalahlah. Sepatutnya bagi peluang kepada yang menang. Jadi, kalau mengikut apa dia kata lagi, selama ini pertandingan dalam PAS dianggap sebagai... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Sekarang tak ada *[Berucap dalam bahasa Arab]* seolah-olah macam itu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Apa isu rumah tangga orang lain dibahaskan di sini? Apa relevannya? *[Ketawa]* Mahu jadi ahli PAS kah?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Masa ucapan, masa ucapan tahniah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Salah tempatlah, sepatutnya duduk sini *[Ketawa]*.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kita bagi ucapan tahniah. Ini peringkat dasar ini ya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Apa dasar yang kena ini? Boleh bagi laluan?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kita nak tahu sebab jangan campur hal kita. Kadang-kadang hal sendiri cuba selesaikan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu tak boleh dijawab oleh Menteri itu, kita nak tahu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Masalah saya nak cuba beritahu mengatakan bahawa semua yang diam, berdiam diri bila dikata macam ini.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Menteri mana nak jawab itu?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Seolah-olah pemilihan itu tidak telus.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tak tahu Menteri mana yang jawab hal ehwal PAS ini? *[Ketawa]* Ada Menteri yang jaga hal ehwal parti-parti mana?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Jadi saya nak mintalah yang menang ini sokonglah RMKe-11.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Setiu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Setiu dah lari topik ini.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Banyak lagi ini, kalau saya baca ini teruk dia kata ini. Kempen memburukkan dan menjatuhkan seseorang bagaikan satu kebiasaan. Memang berlaku macam itu kah? Maknanya kalau kita nak salahkan orang, "*nampak kuman di seberang, gajah depan mata tak nampak*" ini. Tak puas hati semua ini, apa yang berlaku baik pun dia kata tak baik. Ha ini serupa juga, kerajaan buat baik pun tak baik. Begitulah keadaannya.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Boleh sikit? Yang Berhormat Setiu, sikit.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya masa dah nak habis dah. Peringkat gulung dah ini, peringkat gulung dah ini.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Gulung? Sikit sahaja, nak tanya pertelingkahan tadi.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Akhir sekali, saya ingin berterima kasihlah kepada Ahli Parlimen Marang yang bersikap rasional apabila menyatakan pendirian di dalam portal *Harakah Daily* bertarikh 22 Mei 2015 berhubung terdapat perkara positif yang dapat dilihat di dalam RMKe-11 yang dibentangkan tempoh hari. Jadi sekurang-kurangnya ada juga yang menyokong ya. Masih terdapat pemimpin yang sebelah sana yang tidak gelap hati, yang lain itu gelap dan sengaja membutakan mata atas segala usaha kerajaan dalam membawa negara kepada satu tahap yang lebih baik.

Di sini saya ingin menyebut bahawa Ahli Parlimen Marang ini ada menyatakan bahawa pelbagai infrastruktur dapat dilihat dan telah pun dibangunkan di negara ini melebihi RMKe-10 namun ia masih memerlukan penambahbaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya dengar leteren-leteren di sebelah, saya dengar.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Akhirnya, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, lepas Yang Berhormat Setiu dah ucap tahniah kepada Yang Berhormat Bukit Gantang, tahniah. Yang

Berhormat Setiu dikatakan ambil masa lebih, jadi Yang Berhormat Bukit Gantang, terpulanglah. Sila.

2.56 ptg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang saya kasihi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Setiu. Saya ingat ucapan Yang Berhormat Setiu tadi dalam Muktamar PAS Kuala Selangor, mungkin lepas ini ada borang PAS belakang. *[Ketawa]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya ialah negara kita sudah ada 10 RMK yang telah pun berlalu. Ertinya tahun depan kita akan menyambut pula satu lagi seruan pelaksanaan untuk RMKe-11. Walau bagaimanapun, realiti pencapaian kita di dalam RMKe-10 yang lalu pertama ialah nilai tukaran wang ringgit kita. Dalam RMKe-10, Julai tahun 2013, USD1 bersamaan RM3.12 sen. Kini hari ini pula, USD1 merudum kepada RM3.76 sen. Hampir dengan 50 sen kenaikan dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Hebat Naib Presiden.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang kedua ialah hutang negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Biasa cakap hal pendidikan, hari ini hal ekonomi.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Hutang negara pula ialah pada tahun 2011, dulu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini sahabat saya di UKM ini, sila.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Tuan Yang di-Pertua dulu ini anak usrah saya.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Ha, usrah sekali dulu rasanya.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Hutang negara kita pada tahun 2011 dahulu sebanyak RM257 bilion, itu tahun 2011. Kini melambung kepada RM740 bilion. Yang ketiga, kadar pengangguran pada tahun 2011...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bukit Gantang tak sebut timbalan presiden usrah saya.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Dulu sebanyak 3.1%, kini meningkat kepada 3.2%. Yang keempat, senario di kadar inflasi. Tahun 2011 dulu sebanyak 2.5%, kini pada tahun 2014 sebanyak 3.3%. Memang kalau kita lihat daripada segi RMK yang dibentangkan, kita lihat cantik kerana yang buat itu ialah pakar-pakar ekonomi kita. Memang kita tak nafikan tetapi gagal apabila sampai kepada peringkat pelaksanaannya dia. Sebab itu kalau untuk mencapai

kejayaan dalam RMKe-11, yang perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan ialah pertama, kesilapan yang lalu jangan diulang iaitu elakkan ketirisan supaya wang kerajaan dapat dijimatkan.

Teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara mesti diambil perhatian oleh pihak kerajaan. Kita tak hendak dia hanya membaca sahaja ataupun diberikan kepada Ahli Parlimen teguran demi teguran kerana yang buat ini ialah Ketua Audit Negara, ini bukan Bendahari PAS Cawangan Sungai Jelok, ini Ketua Audit Negara. Sebab itu kita harapkan supaya ketirisan ini dan perhatian ini perlu diambil kira. Yang kedua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sengaja sebut Sungai Jelok itu nak ingatkan saya, sendiri itu. *[Ketawa]* Sila, sila.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang kedua, berilah kontrak kepada mereka yang memang betul-betul seorang yang mampu buat kerana *track record* daripada segi perniagaan dan juga pengurusan projek selama ini.

■1500

Jangan kita beri kerana dia itu kita kenal atau orang kita tetapi bukan kerana kebolehannya. Akhirnya projek terbengkalai dan kos meningkat. Ketiga, buanglah sikap pilih kasih kepada kawasan pembangkang. Layanlah sama rata kerana mereka dipilih melalui jalan yang sah. Keempat, kuat kuasa undang-undang seperti mana yang pernah disebutkan oleh sahabat saya dari Kuala Kangsar untuk dikenakan hukuman yang lebih berat kepada kontraktor yang gagal untuk melaksanakan projek.

Kelima, banyakkann program pembinaan insan kerana ini aset negara yang penting dan ia merupakan bahan yang cukup bernilai kerana kita dapat mengelak daripada manusia yang terlibat dengan rasuah apabila mereka menjadi pemimpin, ahli politik dan juga yang berkhidmat di sektor awam ataupun swasta.

Keenam, tingkatkan peruntukan inovasi di universiti-universiti dan juga IPT supaya negara tidak perlu bergantung kepada tenaga luar dan juga daripada hasil ciptaan luar, yang lebih penting lagi ialah kita akan dapat eksport kita punya hasil inovasi kita kepada negara lain.

Ketujuhnya, manfaatkanlah tanah subur di negara kita. Contohnya kita lihat tidak kurang satu tahun 22 bilion negara kita import makanan sama ada daging beras, hasil tenusu, koko, biji-bijian, sayuran, semuanya diimport. Ini menyebabkan wang negara kita itu mengalir ke luar. Kelapan, negeri Kelantan jangan diketepikan kerana rakyat Kelantan ini mempunyai modal insan yang cukup tinggi, rakyatnya mempunyai intelektual yang cukup tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian saya hendak bercakap berkenaan soal masalah pekerja MAS. Seramai 6,000 orang pekerja MAS dibuang kerja. Ini besar dari segi sektornya kerana mereka ini dibuang bukan kerana mereka tidak *perform* kerja, bukan kerana servis mereka tidak baik tetapi ialah kerana berpunca daripada tata kelola dan pengurusan yang tidak baik. Beberapa kali penstrukturan MAS dibuat sejak daripada tahun—sejak dipimpin oleh Tan Sri Tajudin Ramli, disambung pula oleh Dato' Sri Idris Jala melalui *turn round plan*. Sekarang giliran Christoph

Mueller, semuanya gagal. Akan tetapi yang disalahnya ialah kepada pekerja. Sekarang kita lihat nasib 6,000 orang pekerja ini berat.

Kita hairan kerana MAS ini kita tengok jumlah penumpang meningkat. Tahun 2012, penumpangnya sebanyak 17.2 juta meningkat kepada 28.5 juta pada tahun 2013. Pendapatan juga meningkat. Kita lihat tahun 2012, pendapatan MAS RM13.8 bilion. Tahun 2013, pendapatan meningkat sebanyak RM15.1 bilion. Sedangkan menurut laporan gaji kakitangan hanyalah RM60 juta sebulan sahaja. Ini bererti tidak sampai RM1,000 juta ataupun tidak sampai RM1 bilion untuk penggajian. Persoalannya, mana pergi RM14 bilion lagi? Toyol makankah atau pun manusia yang makan?

Tuan Yang di-Pertua, maka kita lihat juga faktor umur di sana, mereka di kalangan pekerja-pekerja meningkat. Syarikat mana yang hendak ambil mereka? Sedangkan mereka mempunyai hutang rumah dan kereta perlu dibayar. Saya bimbang mungkin kalau yang tidak ada ketahanan diri, mungkin meningkatnya orang yang sakit jiwa. Berlakunya krisis rumah tangga. Kita tahu penceraian mungkin berlaku dalam keadaan suami tidak ada pendapatan, dalam keadaan isteri tidak bekerja, maka inilah perlu yang diambil kira. Kalau dakwaan MAS rugi, kenapa vendor kepada MAS mengambil pekerja seramai 5,000 orang daripada pekerja-pekerja asing. Dari Nepal, Bangladesh dan Indonesia. Kenapa mereka diambil sedangkan pekerja-pekerja tempatan pula ditamatkan.

Jadi di antara cadangan saya ialah:

- (i) buanglah pekerja asing, ambil rakyat tempatan;
- (ii) berhentikan pekerja-pekerja yang mempunyai masalah kesihatan;
- (iii) jika suami isteri bekerja di MAS, ambillah seorang dan seorangnya diberhentikan, boleh tahanlah sedikit;
- (iv) siasat dan tubuhkan suruhanjaya diraja untuk siasat dan tangkap jerung-jerung yang makan anak buah di MAS; dan
- (v) buanglah lantikan orang-orang VIP yang tidak kompeten yang tidak mempunyai kebolehan untuk dilantik untuk menguruskan MAS itu.

Isu yang ketiga ialah berkenaan dengan hal yang berkaitan dengan masalah iaitu penggunaan aplikasi uber iaitu hal yang berkaitan dengan kereta sapu ataupun kereta haram. Tadi saya menerima memo daripada Badan Bertindak Pemandu Teksi Bermeter. Mereka minta supaya *uber application* yang digunakan untuk hendak menaiki teksi atau menaiki kereta sapu ini digunakan melalui tempahan yang dibuat melalui internet.

Sedangkan mereka ini tidak mempunyai kelulusan daripada SPAD, tiba-tiba mereka ini boleh beroperasi. Saya hairan kenyataan yang bercanggah. Kenyataan Pengerusi Tan Sri Syed Hamid Albar pada 27 Ogos, dia menyebut bahawasanya, *Uber application transport* ini dianggap sebagai satu kegiatan yang haram. Tiba-tiba pula, satu surat yang dikeluarkan, 15 Januari 2015 dia tidak menyebut kerana tidak ada undang-undang yang untuk mengawal perkhidmatan Uber ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya ada satu undang-undang digubal untuk memastikan kerana tidak menindas pemandu-pemandu teksi kita yang mereka ini sudahlah ditindas kerana mereka terdiri daripada kalangan orang-orang yang kena bayar kepada syarikat-syarikat teksi yang kita anggap sebagai satu bentuk penindasan, tiba-tiba bersaing pula dengan kereta haram ini tadi.

Akhir sekali ialah saya hendak menyebut khusus berkenaan dengan hal yang berkaitan dengan khusus di Parlimen Bukit Gantang. Pertama saya hendak bercakap lagi berkenaan dengan kes R&R. Saya hendak beritahu kepada Kementerian Kerja Raya. Hal yang bersangkutan dengan peniaga-peniaga R&R. Peniaga R&R ini selalu di*warning* oleh pihak PLUS. Antara yang mereka beritahu, "*Siapa yang beri maklumat banyak kepada Ahli Parlimen Bukit Gantang yang duduk bercakap berkenaan dengan PLUS ini*", satu.

Keduanya ialah saya tidak puas hati kerana ada satu perjanjian yang dibuat di kalangan peniaga R&R. Peniaga R&R ini ada buat perjanjian sekarang ini lima tahun berniaga. Tidak apa lima tahun okeylah itu. Ada kes yang berlaku. Antaranya berlaku kepada seorang suri rumah Puan Rokiah Idris. Dia lumpuh, suami dia meninggal. Bayangkan apabila suaminya meninggal, R&R memberi tempoh tidak sampai lima bulan mesti dikeluarkan daripada berniaga di premis R&R Bukit Gantang. Bawa rayuan dan bawa dia jumpa dengan R&R. Pihak PLUS tidak mahu terima. Saya harapkan supaya kementerian biar pihak PLUS ini ada hati perut sedikit. Jangan saya pantun pada dia...

*Limau purut buah petai;
buta perut tidak ada akal.*

Kita tidak mahu cakap begitu. Itu satu. Sebab itu kita harapkan supaya kes ini kita minta supaya hak yang meninggal itu disambung balik oleh waris sekurang-kurangnya beri cukup lima tahun. Mereka ini menanggung kos. Antaranya ialah kos hutang kepada pembekal-pembekal. Hutang kereta atau kenderaan, yang mereka tidak *plan* mati. Siapa hendak tahu, yang berlaku di kawasan R&R ini tiga orang. Paling menyayat hati sekali ialah Puan Rokiah ini seorang yang lumpuh, bawa jumpa dengan pihak PLUS, pihak PLUS tidak terima rayuan daripada pihak Puan Rokiah ini tadi.

■1510

Kedua ialah berkenaan dengan hal yang berkaitan dengan soal— saya hendak tanya Kementerian Pendidikan. Kami wakil rakyat ini tidak boleh masuk ke sekolah kerana hendak beri kek saja? Saya baru-baru ini berlaku Hari Guru, kita hendak beri kek ke sebuah sekolah. Sekolah lain beri, satu sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Tinggi, ia tidak mahu terima kek Hari Guru. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kena semak itu. Guru Besar itu dia *team* mana dahulu.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *[Ketawa]* Dia tidak mahu terima. Itu peliklah. Ini kita bukan hendak politik. Kita hendak beri kepada guru. Jadi, guru-guru di situ sudah bising, kenapa Yang Berhormat tidak datang sekolah kami. Saya kata, hendak datang macam mana, Guru Besar awak tidak mahu terima kek saya.

Ketiganya ialah meminta supaya pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan menambah baik jeti di Kuala Sepetang untuk khususnya kepada pelancong-pelancong yang melancong di kawasan itu untuk melihat keindahan hutan bakau dan juga di samping untuk digunakan sebagai untuk nelayan berlabuh kerana keadaan yang agak daif. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada masa lagi.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Wallahualam.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Hebat Naib Presiden PAS Bukit Gantang. Dari isu kelip-kelip kepada isu ekonomi dan antarabangsa, sehingga Yang Berhormat Shah Alam dengan Yang Berhormat Pokok Sena pun masuk Dewan mendengar ucapan. Menghormati, termasuk Menteri Besar Selangor.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Samarahan.

3.11 ptg.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Pertama sekali, saya ingin hendak merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya sama-sama membahas Rancangan Malaysia Kesebelas 2016 - 2020 yang bertemakan Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin hendak merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada yang Amat Berhormat Pekan atas pembentangan Rancangan Malaysia Kesebelas tempoh hari. Segala perincian yang telah dibentangkan menunjukkan bahawa kerajaan di bawah Barisan Nasional terus utuh, teguh dalam usaha membela nasib rakyat seiring dengan hasrat membawa pembangunan kepada negara menuju Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya rancangan Malaysia banyak membantu pembangunan negara dan juga negeri-negeri di Malaysia. Bermula dengan Rancangan Malaysia Pertama hingga Rancangan Malaysia Kesepuluh, banyak perubahan telah di kecapi, tidak terkecuali untuk Sabah dan Sarawak. Bagi negeri Sarawak, banyak pembangunan telah dilaksanakan dan telah dinikmati juga dirasakan oleh rakyat. Namun begitu, memandangkan keadaan geografi Sarawak yang amat luas menyebabkan lebih banyak lagi pembangunan yang perlu kita laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pencapaian-pencapaian yang telah dicapai melalui RMKe-10 perlu diteruskan untuk pembangunan yang lebih mampan dan berterusan pada masa akan datang. Secara keseluruhannya, saya amat bersetuju dengan segala perancangan dan unjuran yang dilakukan oleh kerajaan dalam tempoh lima tahun akan datang berdasarkan kesinambungan dalam perancangan RMKe-10.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Rancangan Malaysia Kesebelas, bidang pendidikan akan terus diberi tumpuan utama dalam usaha membangun modal insan dan memacu ke arah negara maju. Pelan yang berteraskan prinsip bangsa Malaysia iaitu Dasar Transformasi negara mengekalkan tumpuan berpaksikan rakyat melalui model ekonomi baru. Model ini menetapkan matlamat untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi yang eksklusif serta mampan. Justeru itu, melalui teras ketiga iaitu meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju iaitu mengutamakan pekerjaan berkemahiran tinggi dengan menambah baik kualiti pendidikan dan meningkatkan kecemerlangan dan pencapaian murid-murid melalui peningkatan *access* dan kualiti.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak menyentuh terus kepada keperluan pembangunan yang berterusan untuk Kerajaan Negeri Sarawak dan juga kawasan saya. Oleh itu saya masih mahu menyentuh mengenai kualiti infrastruktur dan kemudahan persekolahan di Sarawak dan di Kota Samarahan yang masih memerlukan perhatian daripada pihak Kerajaan Pusat bagi memastikan pelajar dan guru berada dalam kondisi pembelajaran yang baik. Isu kritikal yang dihadapi di kawasan pedalaman khususnya di Kota Samarahan, kesesakan pelajar di sekolah rendah dan juga di sekolah menengah.

Di Kota Samarahan terdapat tiga buah sekolah menengah yang sedia ada tidak dapat menampung pertambahan penduduk di samping sebahagian besar sekolah rendah mengalami kerosakan struktur serta uzur yang mana boleh memberi kesan kepada keselesaan dan kualiti sistem pendidikan. Dalam hal ini, saya membawa beberapa cadangan untuk menambah baik prasarana pendidikan di Kota Samarahan untuk dimasukkan atau diberi perhatian dalam perancangan RMKe-11. Antaranya ialah membina sekolah SMK Seri Samarahan, sebuah sekolah menengah baru, berprestasi tinggi dan sebuah sekolah menengah harian di Bandar Kota Samarahan bagi menampung limpahan pelajar SMK Muara Tuang dan SMK Kota Samarahan. Begitu juga saya hendak menarik perhatian kementerian, pelaksanaan projek gantian sekolah rendah khususnya SK Rupila, SK Endap, SK Asajaya Laut, dan menaik taraf sekolah-sekolah gantian rendah di kawasan Kota Samarahan. Begitu juga gantian sekolah menengah SMK Muara Tuang dan SMK Sebuyau. Ini juga bertepatan dengan perancangan RMKe-11 dalam teras ketiga iaitu menambahkan kualiti pendidikan bagi meningkatkan *outcome* pelajar dan kecemerlangan institusi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya di dalam inti pati ucapan RMKe-11 ada disentuh mengenai bekalan air bersih dan terawat melalui projek bekalan air luar bandar dengan dana lebih RM10 bilion yang akan diluluskan. Negeri Sarawak mengalu-alukan program ini kerana banyak lagi

kampung-kampung di kawasan pedalaman yang masih belum menikmati bekalan air bersih. Bagi Kota Samarahan, saya ingin membawa isu utama yang sering dihadapi oleh penduduk Kota Samarahan iaitu tekanan air yang kurang dan kritikal, khususnya kawasan Asa Jaya dan beberapa kawasan di Muara Tuang, Zon Empila dan Serian. Saluran perpaipan sedia ada yang lama serta kapasiti kecil menyumbang ke arah permasalahan ini. Tekanan air menjadi rungutan rakyat kerana keberadaan saluran paip di rumah tidak membawa erti sekiranya tidak ada air yang boleh digunakan.

Dalam hal ini, saya mencadangkan agar projek bekalan air luar bandar dapat dilaksanakan di Kota Samarahan. Antaranya, Projek Bekalan Air Asajaya Fasa 2 serta menaik taraf saluran-saluran paip sedia ada dengan menggantikan paip sedia ada dengan yang lebih besar dan membina lebih banyak *high level tank* di kawasan Seria dan juga di kawasan Serian.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pembangunan jalan raya, Lebuhraya Pan Borneo sepanjang 2,239 kilometer yang sedang dibina akan meningkatkan hubung jalin di Sabah dan Sarawak. Pelaksanaan projek ini akan membawa perubahan yang besar kepada landskap pembangunan negeri Sarawak di samping menjana limpahan kesan ekonomi yang besar. Justeru, menjadi pemangkin kepada pertumbuhan kawasan luar bandar dan pesisir negeri Sarawak. Saya secara peribadi merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan Pusat kerana berusaha merealisasikan Lebuhraya Pan Borneo ini terlaksana bagi kemudahan penduduk Sabah dan Sarawak.

■1520

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan pesisir Sarawak adalah sebahagian besarnya terdiri daripada kaum bumiputera. Sepanjang kawasan-kawasan pesisir ini banyak bandar, pekan-pekan, pekan kecil dari Sematan hingga ke Lawas yang telah menjadi nadi kepada ekonomi negeri. Justeru itu bagi melengkapkan pembangunan lebuh raya pesisir ini saya menyeru agar Kerajaan Pusat mempertimbangkan dan mempercepatkan pembinaan-pembinaan jambatan terutama di laluan pesisir ini.

Saya turut mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri dan Kerajaan Pusat yang telah meluluskan pembinaan Jambatan Batang Sadong dan Jambatan Batang Samarahan yang giat dalam proses pelaksanaan. Oleh itu saya dan Sarawak merayu agar beberapa jambatan seperti Jambatan Batang Rambungan, Jambatan Batang Lupar, Jambatan Batang **Serdas**, Jambatan Kuala Igan, Jambatan Batang **Taluh**, Jambatan Batang Lasa, dan Jambatan Sungai Kerian dapat dilaksanakan bagi menyelesaikan ataupun melengkapkan lebuh raya pesisir pantai bagi membantu penduduk-penduduk bumiputera dalam hubungan dan juga pembangunan ekonomi di kawasan tersebut.

Selain daripada itu bagi kawasan Samarahan saya amat berharap agar dapat dipertingkatkan juga jalan raya di kawasan kampung-kampung bukan sahaja untuk tujuan

komunikasi, ekonomi tetapi untuk memudahkan perjalanan masyarakat luar bandar untuk ke bandar untuk mendapat pelbagai kemudahan termasuk kemudahan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon agar beberapa cadangan penambahan baik sistem jalan raya di Kota Samarahan kepada Jabatan Kerja Raya agar dapat menaik taraf sistem perhubungan jalan raya dengan menyediakan jalan alternatif untuk Samarahan Asajaya. Dengan terbinanya ataupun dengan siapnya Jambatan Batang Samarahan sudah pasti jalan raya yang sedia ada tidak dapat menampung keperluan kenderaan-kenderaan ataupun laluan yang ada di situ setiap hari.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga isu berkaitan dengan bekalan elektrik. Isu bekalan elektrik juga menjadi isu popular di kawasan luar bandar. Ia merujuk kepada kapasiti kuasa bekalan elektrik yang tidak mencukupi khasnya di kawasan saya di Asajaya yang menjadikan banyak gangguan-gangguan bekalan elektrik yang menyebabkan kerosakan dan juga rungutan masyarakat setempat. Oleh itu saya amat berharap kerajaan dapat menyelesaikan isu yang membelenggu kawasan luar bandar dengan menyediakan sistem bekalan elektrik yang sempurna melalui projek bekalan elektrik luar bandar. Di kawasan saya masih terdapat kampung-kampung yang belum menikmati bekalan elektrik dengan baik dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin memohon kepada Kementerian Kesihatan untuk memberi penekanan untuk infrastruktur kesihatan di kawasan saya dengan jumlah penduduk yang makin hari makin meningkat. Keberadaan klinik-klinik kesihatan yang ada tidak dapat menampung jumlah penduduk yang bertambah. Dengan populasi penduduk di Kota Samarahan yang hampir mencecah 100 ribu, saya percaya pembinaan sebuah hospital daerah perlu diwujudkan dan amat diperlukan. Saya juga mencadangkan kepada kementerian agar menaik taraf Klinik Kesihatan Kota Samarahan dan Asajaya bagi menampung keperluan yang makin mendesak.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu berkaitan ataupun masalah perkara berkaitan dengan perparitan dan saluran. Hampir saban tahun berlaku banjir di Kota Samarahan. Kota Samarahan mengalami era pertumbuhan sektor perumahan yang pesat dan ianya telah mempengaruhi sistem perparitan yang sedia ada yang tidak dapat menampung perkembangan tersebut. Maka banyaklah kejadian-kejadian banjir kilat di beberapa kawasan utama perbandarahan yang telah menyebabkan banyak kerosakan kediaman, harta awam dan juga infrastruktur awam.

Jadi isu utama yang menyebabkan perkara ini berlaku ialah kurangnya penyelenggaraan parit dan sungai yang sepatutnya diurus dengan baik oleh pihak yang bertanggungjawab yang mana apabila hujan turun tidak sampai satu jam, air sudah melimpah. Jadi untuk itu saya merayu kepada kementerian yang terlibat untuk memberi perhatian kepada projek-projek ataupun program-program untuk menaik taraf sungai-sungai di kawasan Kota Samarahan khasnya sungai yang berdekatan dengan SK Jalan Muara Tuang, UNIMAS, Summer Mall, Kampung Sindang, IPG Tun Abdul Razak, Taman Uni-Garden dan juga Kampung Tanjung Bundong Fasa 3.

Tuan Yang di-Pertua, isu terakhir yang ingin saya hendak kemukakan di sini adalah isu sosial. Tidak dapat dinafikan dalam mengejar mencapai negara maju, faktor kesejahteraan masyarakat menjadi pendukung kepada keseimbangan ekonomi dan cara hidup. Proses perbandaran pesat adalah merupakan di antara penyumbang kepada wujudnya pelbagai isu-isu sosial yang semakin meningkat di kawasan ini. Dengan jumlah penduduk yang semakin meningkat maka jumlah masalah sosial juga akan semakin meningkat didorong dengan kecelaruan dan momokan anasir-anasir luar.

Namun demikian, masalah kemudahan dan keadaan balai polis yang sedia ada adalah sangat kurang dan perlu di naik taraf. Oleh itu saya memohon agar pihak kerajaan dapat membina balai polis baru dan kuarters kediaman di kawasan Asajaya bagi menggantikan bangunan yang sedia ada.

Selain daripada itu saya juga berharap kerajaan dapat menambah bilangan kakitangan pegawai keselamatan di kawasan Parlimen Kota Samarahan demi mencapai capaian RMKe-11, mengurangkan indeks jenayah sebanyak 5% setahun, meningkatkan persepsi rasa selamat daripada 39% pada tahun 2014 kepada 60% pada tahun 2020, mempercepatkan masa respons polis terhadap panggilan kecemasan daripada 12 minit kepada lapan minit dan mengurangkan kadar penularan berlaku jenayah kepada 5% dan mengurangkan kadar penagih dadah berulang kepada 35% menjelang 2020. Begitu juga saya memohon kerajaan membina balai bomba di kawasan Asia Jaya bagi meningkatkan kualiti penyelamatan apabila berlaku kecemasan di kawasan Kota Samarahan yang selalu berlaku pada akhir-akhir ini.

Tuan Yang di-Pertua, RMKe-11 merupakan fasa terakhir perancangan lima tahun Malaysia bagi mencapai negara maju dan berpendapatan tinggi iaitu RMKe-11 disifatkan sebagai kemuncak 30 tahun perjalanan menuju Wawasan 2020. Oleh itu saya berharap perkara-perkara yang perlu dititikberatkan, perlu diambil perhatian untuk kesejahteraan dan keselesaan rakyat perlu diambil perhatian terus dalam RMKe-11. Oleh itu Kota Samarahan mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Stampin.

3.29 ptg.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana masa yang singkat saya akan terus masuk kepada isu yang saya hendak bangkitkan iaitu pertama Hospital Umum Sarawak (SGH). Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang wakil rakyat semasa turun ke padang saya amatlah kluatir dan prihatin terhadap kawasan hospital di kawasan saya terutama Hospital Umum Sarawak (SGH) di mana secara umumnya keseluruhan kawasan rakyat Sarawak iaitu kawasan sebesar Semenanjung Malaysia hanya hospital itu sahaja yang mampu menampung keperluan kritikal rakyat Sarawak.

■1530

Maka adalah amat kritikal supaya hospital lain seperti di Miri, Sibul, Bintulu dinaikkan taraf secepat yang mungkin supaya sentimen dianaktirikan boleh dibuktikan tidak benar. Supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta isteri Yang Amat Berhormat boleh tidur dengan lebih selesa seperti yang dikatakannya beberapa hari yang lalu di Sarawak. Jadi *Sarawakian* perlu tahu setiap peringkat dari segi sasaran jangka masa naik taraf ataupun *milestone* setiap hospital umum yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada gunanya Pelan Malaysia yang Kesebelas jika ianya hanya semata-mata *marketing material* dan tersasar daripada sasarannya. Jadi memandangkan kerajaan serius, jika serius sudah tentu wujudnya *milestone* di mana wujudnya pelan terperinci. Jadi kita *Sarawakian* perlu tahu setiap *milestone* serta pelan terperinci tersebut dan biarlah rakyat serta wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat menjadi sebagai hakim serta mengawasi proses naik taraf tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu perkara yang sama yang berikutnya soalan saya, berapakah jumlah hospital umum yang ada di Malaysia dan daripada jumlah tersebut hospital umum manakah yang memperoleh JCI ataupun *Joint Commission International Accreditation*? Memandangkan saya adalah wakil daripada Sarawak jadi saya ingin tahu hospital umum manakah di Sarawak yang telah pun diisytiharkan oleh JCI? Jika tidak, apakah sasaran kita dari segi jangka masa untuk mencapai pengisytiharan tersebut bermula daripada Hospital Umum Sarawak, SGH?

Tuan Yang di-Pertua, semasa menjalankan tugas saya dan bertemu juga dengan kakitangan serta pihak profesional perubatan saya dapati di antara kebimbangan mereka adalah keadaan hospital umum kita yang tidak memuaskan dan akibatnya kes-kes *hospital acquired infections* ataupun HAI wujud di mana di antara pesakit yang meninggal dunia kerana jangkitan akibat pengendalian hospital.

Jadi saya anggap ini adalah sesuatu perkara yang begitu kritikal serta terdapat kes-kes juga di mana protokol tidak diikuti oleh sesetengah kakitangan hospital di mana ia membawa risiko kepada pesakit. Jadi kualiti itu perlu diperhatikan maka pentingnya akreditasi JCI ini.

Seterusnya saya juga turut setuju kepada keadaan SGH. Seperti yang saya katakan tidak seperti Semenanjung Malaysia, di mana terdapat banyak hospital-hospital di setiap negeri. Di Sarawak, seluruh tumpuan adalah SGH. Maka jadi di mana pengendalian hospital adalah lebih berat serta lebih rumit. Jadi soalan saya bilakah *integrated wireless* ataupun *system* boleh diadakan seperti yang terdapat di Universiti Hospital KL. Ini boleh meningkatkan pengendalian yang lebih efektif secara beberapa kali ganda seterusnya terutamanya meringankan kerja-kerja kakitangan perubatan hospital. Kita pun tahu apabila kita pergi ke SGH lama pesakit perlu tunggu jadi dengan adanya sistem ini dia boleh menjimatkan lagi masa.

Selain itu sekali lagi sudah banyak kali saya bangkitkan isu ini. Di mana peralatan serta pengendalian membaik pulih peralatan hospital yang begitu teruk. Sebagai wakil rakyat saya ingin menuntut ataupun *demand* kementerian untuk meneliti akan hal ini serta memberikan suatu

jawapan yang komprehensif. Seperti MAS, Malaysian Airlines adalah pengetahuan kepada semua bahawa syarikat-syarikat yang mengendalikan pembaik pulih ini adalah syarikat kroni di mana peralatan dibeli dalam harga yang berkali ganda harga pasaran.

Bayangkan jika tidak, kita boleh memperoleh banyak lagi peralatan ataupun peralatan yang lebih canggih. Ini adalah kes serius di mana ada di antara mesin-mesin analisis oleh pakar doktor tidak boleh digunakan dan bukan itu sahaja doktor perlu tunggu masa yang begitu panjang bagi mendapatkan hasil analisis tersebut. Etika membaik pulih yang begitu teruk di mana syarikat hanya mementingkan keuntungan.

Jadi saya ingin desak kementerian bukan sahaja *blacklisted* kerana tidak pernah pun syarikat tersebut di *blacklisted* tetapi tamatkan kontrak secara ringkas. *Fire the company*, Tuan Yang di-Pertua sekali lagi beberapa hari yang lalu kesemua mesin radioterapi di SGH tidak boleh digunakan. Tiga mesin, dua rosak lebih kurang 3 minggu, *the last one also* rosak. *Many lives are at stake, people are suffering*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah kita sebut *Blue Ocean Strategy* lagi ataupun strategi-strategi apa ataupun program apa yang kerajaan anjurkan. Tengok apa yang terjadi kepada MAS. Jadi sebagai seorang wakil rakyat suara rakyat saya minta kementerian sila mengambil keprihatinan pada kes ini. Secara *official* saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri bersama saya, wakil rakyat di negara yang demokrasi ini yang dipilih oleh rakyat mewakili rakyat, suara rakyat sebulat suara melawat SGH untuk meneliti situasi di situ dengan secepat mungkin. Boleh, jika boleh saya minta jawapan bila supaya saya yakin tahu Menteri memang serius dalam menangani isu sebegini.

Terakhir sekali tentang Hospital Umum. Soalan saya minta Menteri memberi jawapan, berapakah nisbah terbaru bilangan doktor di Sarawak kepada bilangan penduduk di Sarawak? Serta nisbah doktor pakar di Sarawak kepada penduduk di Sarawak. Sekali lagi saya ingin membangkitkan sekali lagi cadangan saya di mana utamakan kemasukan kedoktoran di Universiti Sarawak kepada rakyat Sarawak terlebih dahulu tanpa kuota. Setelah kekosongan itu dipenuhi barulah buka kepada orang bukan Sarawak dengan syarat mereka perlu berkhidmat di Sarawak sekian lama yang ditentukan yang bersesuaian.

Tuan Yang di-Pertua, langkah ini penting bagi mengatasi kekurangan doktor di Sarawak terutamanya doktor pakar di mana Menteri pun setuju kita sekurang-kurangnya kita ada kekurangan doktor di luar bandar. Selain daripada doktor satu lagi isu kritikal iaitu soalan yang sama. Berapakah Sarawak *General Practitioner*, MO, *medical officer*, doktor biasa yang didaftarkan dalam Program University Master Degree sejak lima tahun dahulu sehingga tahun ini.

Dalam pandangan yang sama indeks Sarawakian perlu ditingkatkan kerana yang kurang adalah doktor pakar. Seorang MO mereka perlu menyertai *master programme* ini sebelum mereka jadi doktor pakar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani bangun. Sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Stampin, sedarkah Yang Berhormat Stampin bahawa ramai pelajar-pelajar kita yang balik daripada luar negara dan juga dalam negara yang lulus dalam ijazah kedoktoran tetapi tidak dipanggil oleh kerajaan untuk menyertai perkhidmatan kerana dimaklumkan kerajaan tidak mempunyai kewangan untuk menggaji mereka untuk menjadi doktor-doktor di hospital. Sedarkah Yang Berhormat Stampin tentang itu?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Yang Berhormat. Sila masukkan dalam saya punya ucapan. Ya, memang betul. Begitu banyak kita ada satu jawapan yang bercanggahan. Kita mempunyai banyak doktor yang belum di *hired* akan tetapi di Sarawak kita kekurangan doktor. Jadi apa yang sedang berlaku? Jadi saya harap kementerian boleh memberi satu jawapan yang *you know* terperinci dan Yang Berhormat Menteri juga bersetuju bahawa di Sarawak kita ada kekurangan doktor di luar bandar. Jadi kenapa kita tidak mahu gunakan doktor yang belum pun di *hired*. Jadi saya harap Menteri boleh menjawab.

Bersambungan dengan apa yang saya katakan, mereka perlu sambung *master degree programme* ini baru mereka boleh menjadi seorang pakar. Daripada *feedback* yang saya dapat dalam suatu program kemasukan daripada 18 orang hanya 2 orang *Sarawakians* yang dipilih. Ini adalah tidak munasabah memandangkan bilangan pakar yang begitu kekurangan di Sarawak.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, *point* saya yang kedua iaitu mengenai SBST ataupun *Stage Bus Service Transformation*. Soalan saya berapakah peruntukan tahunan bagi projek SBST di Kuching? Saya minta Yang Berhormat Menteri berikan jumlah tahunan kerja sejak implementasi sehingga yang terkini. Begitu juga bagaimana peruntukan ini digunakan? Saya minta jawapan terperinci termasuk jumlah serta jenis subsidi yang dibahagikan secara terperinci termasuk justifikasi subsidi tersebut.

Point saya yang ketiga iaitu tentang Parlimen. Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, seperti kata pepatah dengan izin, "*leadership starts from home*". Sebagaimana yang kita tahu terdapat delegasi-delegasi antarabangsa yang sentiasa melawat Dewan yang mulia ini. Tidak perlu saya panjang lebar bayangkan apakah imej yang akan kita paparkan? Adakah imej yang kita paparkan mempunyai semangat kecemerlangan ataupun *the spirit of excellent* ataupun sebaliknya, jika rumah kita sendiri pun tidak teratur bagaimana rakyat ada *confidence* terhadap kerajaan untuk mengendalikan negara kita.

■1540

Jadi saya ingin tahu berapakah jumlah kos inovasi yang terlibat yang telah pun dikeluarkan untuk menaik taraf Dewan Parlimen ini serta kita tahu bahawa sejak Mac 2011, kerja ini telah dimulakan tetapi tidak siap-siap juga. Jadi kita perlu tahu berapakah peruntukan dan berapakah penambahan memandangkan ia juga dipercepatkan proses tersebut.

Jadi saya ingin menunjukan soalan ini kepada Menteri. Sebagai contoh di Dewan yang mulia ini *projector* yang kita pakai dekat Dewan ini tidak boleh nampak pun. Kenapa masih lagi dibuka? Apa yang akan delegasi-delegasi antarabangsa, *what... thing of us either with other projectors or we change anyone?*

Point yang keempat iaitu Malaysia Airlines. Blue Ocean Strategy, kita ada banyak strategi Malaysia Airlines. Tuan Yang di-Pertua, kenapakah kita perlu seorang daripada warganegara yang asing, membayar dia puluhan millions untuk memberitahu kita bahawa Malaysia Airlines ada masalah? Sedangkan perkara ini telah pun dibangkitkan oleh pembangkang sekian lamanya dan kita perlu pakai puluhan *millions for a foreign to ask that we have a problem*. Kita juga hanya lima tahun kepada sasaran 2020 dan kita masih perlukan seorang dari luar negara untuk menjalankan atau menyelamatkan Malaysia Airlines.

Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua, *the top management should be fired, billions of bail out* tetapi kita masih lagi mengambil *top management*. Apa hal ini? Tuan Yang di-Pertua, tahu kah Tuan Yang di-Pertua, saya amat bangga kepada kita punya kabin krew di Malaysia Airlines. Lapan tahun *they won the best cabin crew award* tetapi tidak ada satu tahun pun mereka mendapat bonus. Tetapi *top management* yang perlu berbilion-bilion *bail out* mereka ada dapat bonus. Apa yang terjadi? Kesengsaraan terhadap 20,000 orang pekerja Malaysia Airlines akibat apa? Akibat *mismanagement*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Malaysia Airlines ini adalah *national brand*. Sepatutnya menjaga maruah negara. Kini menjadi suatu yang begitu segan di mana kita seolah-olah memberitahu dunia sejagat, *we openly practice mismanagement, cronisme* ya. Jadi saya harap isu ini boleh dilihat dengan lebih serius. Jadi saya bantah sekali, adakah sebegini *the top management should be fired once and for all*.

Isu yang kelima iaitu berkaitan dengan GST. Ini membawa impak yang begitu besar kepada rakyat Sarawak. Kita pun tahu, kita pun ada baca surat khabar, kita pun ada tengok *Facebook, social media* di mana ada yang membunuh diri kerana GST, kerana mereka tidak tahu macam mana mengendalikan perkara yang begitu rumit. Ya jika mereka tidak menanganinya dengan betul, mereka akan dihukum ataupun dipenjarakan.

Selain daripada GST, saya ingin membangkitkan dua perkara iaitu tentang- mungkin banyak yang kita tahu. Tentang *company income tax* yang bermula pada tahun ini. Dengan izin saya akan membaca, "*Announcement regarding the application of subsection 77A(4) and section 140B of Income Tax Act (ITA) 1967. Point* yang kedua, "*Loan or advances to director by a company. Section 140B of ITA 1967*". Saya baca dengan izin, "*A company, that gives loan or advances to its director without interest or with interest below arm's length rate, the company is deemed to have received interest on the loans or advances given. The interest is ..*

Seterusnya, "*the provision applies to a director who is defined under subsection 75A(2) of the ITA 1967 and loans or advances which are financed by the company's internal fund only.*

Maksudnya jika kita membuka sebuah sendirian berhad, *directors invest the money, fund in the money to the company* dan dia mengeluarkan duit tersebut dan mereka akan dicajkan *interest* bermula pada tahun ini.

Jadi ini akan membebankan lagi rakyat. Di Sarawak, kita perlu menggalakkan ekonomi yang baru tetapi dengan perubahan *income tax* ini ia akan membebankan lagi rakyat. Sudah ada GST yang begitu rumit. Mereka perlu, *they have to get used the GST* dan sekarang *income tax* pula yang ditukar. Satu lagi yang saya hendak bangkitkan juga perkara yang serius iaitu The Filling Program For Income Tax Return Foam (ITRF) in the year 2015, ini juga yang baru. *Point* yang kedua,...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, masa sudah cukup.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Ya saya ringkaskan. *Companies limited liability partnership trust bodies and cooperative society which are dormant and/or have not commenced business. Companies limited liability partnership trust bodies and cooperative societies which are dormant and/or have not commenced business and require the furnish (ITRF) including Form E.*

Company sudah *dormant* tetapi mesti juga *submit Form E*. Apabila kita *submit Form E*, perlu lagi akauntan. *Dormant company* ini juga perkara baru tahun ini. Jadi saya harap Menteri boleh lihat isu ini dengan lebih serius kerana sudah ada GST yang membebankan, membawa kesengsaraan emosi kepada rakyat dan dua akta ini lagi yang baru. Jadi itu sahaja pembentangan saya pada hari ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Piai.

3.46 ptg.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut serta membahaskan Rancangan Malaysia Kesebelas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: ya saya tengok lebih kurang 40 orang lagi hendak berucap. Jadi terpulanglah kepada Yang Berhormat walaupun masa 15 minit, cuba ringkaskan.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi ada beberapa isu yang penting saya akan sampaikan di Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Hari ini hari terakhir untuk perbahasan.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Tuan Yang di-Pertua, industri pembuatan perabot merupakan satu industri yang intensif buruh. Sehubungan dengan itu, kekurangan buruh untuk bekerja dalam sektor ini amat membimbangkan kerana dikhuatiri pengilang tidak dapat memenuhi permintaan produk yang mencukupi untuk pasaran eksport.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, Malaysia Furniture Association dan Muar Furniture Association telah memperoleh kebenaran untuk mendapatkan *calling* visa bagi pekerja-pekerja asing dari negara Nepal. Akan tetapi memandangkan Nepal baru sahaja terlibat dalam gempa bumi yang kuat pada 25 April 2015 lalu, ramai warga Nepal tidak lagi dapat bekerja di Malaysia seperti mana yang dijangkakan.

Saya difahamkan bahawa baru-baru ini kerajaan telah memutuskan membenarkan *calling* visa bagi rakyat Nepal ini digantikan dengan *calling* visa untuk rakyat Bangladesh. saya ingin mendapatkan kepastian daripada agensi yang berkaitan. Bilakah pengusaha-pengusaha itu dapat membuat gantian kepada *calling* visa untuk membolehkan pekerja daripada Bangladesh datang bekerja di Malaysia? Kepastian dalam hal ini dapat memberi kestabilan kepada industri pembuatan perabot di samping memulihkan produktiviti yang terjejas akibat daripada kekurangan buruh pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak sentuh berkaitan dengan isu pembangunan projek mega di Parlimen Tanjung Piai kerana kesannya terhadap nelayan. Pembangunan projek berskala besar di Tanjung Piai telah mula memberikan impak ekonomi dan sosial kepada masyarakat di sekitar tersebut. Kesan kepada pembangunan tersebut tidak dapat disangkal lagi dengan penyertaan warga Tanjung Piai dalam pembangunan projek dan mewujudkan tambah nilai ekonomi di kalangan masyarakat.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu dipandang serius oleh pihak kerajaan dalam melaksanakan projek tersebut. Baru-baru ini saya dimaklumkan sebuah lagi projek berskala besar iaitu pembinaan sebuah hab logistik petrokimia akan dibangunkan di Tanjung Piai. Projek yang dikatakan menyebabkan pembinaan sebuah pulau buatan seluas 1,000 ekar dikatakan akan diletakkan di laluan Selat Tanjung Piai.

Projek yang dianggarkan bernilai beratus-ratus juta sudah tentu akan memberi impak yang positif dan juga negatif kepada sesuatu kawasan khususnya Selat Tanjung Piai. Persoalan saya adalah apakah langkah yang diambil oleh pihak yang berwajib bagi memastikan sistem ekologi terkawal? Oleh sebab berdasarkan pemerhatian saya projek ini mampu menjejaskan kepada pendapatan nelayan pantai. Saya difahamkan juga projek tersebut telah mendapat kelulusan mesyuarat oleh Jabatan Alam Sekitar. Mungkin atas faktor itulah kerja-kerja awal telah dimulakan.

Melihat kepada perkara tersebut, saya kluatir dan gusar pengalaman lepas melibatkan Pelabuhan Tanjung Pelepas, projek jana kuasa arang batu Tanjung Bin dan petrokimia turut memberi kesan tempas kepada pendapatan golongan nelayan di Tanjung Piai. Pendapatan nelayan mungkin berkurangan, kesihatan masyarakat setempat mungkin terjejas.

Kita sedia ketahui bahawa kebanyakan nelayan hanya bergantung kepada hasil laut dalam pencarian rezeki mereka. Andai kata pelaksanaan projek ini lebih memberi kesan negatif, di manakah nelayan akan mendapatkan mata pencarian mereka?

■ 1550

Justeru itu saya dengan izin mengetengahkan persoalan, adakah perkara ini diberikan perhatian dan perkiraan semua pihak yang terlibat dengan projek mega tersebut. Saya juga ingin tahu apakah langkah-langkah jangka pendek dan panjang yang disediakan bagi membantu nelayan yang terjejas supaya kehidupan mereka mendapat pembelaan agar kumpulan ini tidak menjadi mangsa pembangunan. Dalam..

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Yang Berhormat, boleh tanya? Tanya sikit sahaja. Setujukah Yang Berhormat bahawa projek ini diberhentikan sampai EIA dipamerkan dan dengan semua pertimbangan ini dibuat sebelum projek dilaksanakan. Terima kasih.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Saya sebagai Ahli Parlimen Tanjung Piai, memang itulah prihatin saya. Apa yang penting adalah untuk mendapat maknanya mengikut prosedur yang sedia ada dan tidak menjejaskan terutama kepada nelayan di kawasan saya. Itu amat penting bagi saya sebagai Ahli Parlimen.

Dalam keghairahan mengejar arus pembangunan, kerajaan haruslah juga dilihat peka kepada permasalahan golongan ini. Kita tidak mahu lebih banyak nelayan pantai hilang kebergantungan dan pendapatan dan kerajaan seperti merealisasikan pepatah, 'kera di hutan disusukan, anak sendiri mati kelaparan'.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada projek petrokimia yang disebut sebentar tadi saya juga difahamkan mengenai sebuah projek benteng pemecah ombak telah mula dilaksanakan di Tanjung Piai dengan tujuan mengatasi masalah hakisan pantai. Walaupun pada dasarnya projek tersebut memberikan impak positif di kalangan masyarakat, namun pada masa yang sama juga ia dilihat lebih banyak memberikan impak buruk kepada nelayan khususnya bagi aktiviti penangkapan ikan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, projek pembentengan di pesisiran pantai di kawasan Tanjung Piai telah pun dijalankan selama lebih kurang lapan bulan. Projek ini dijangka selesai selama dua tahun lagi. Sebagai kesan, hampir lebih 400 orang nelayan telah terjejas akibat hasil penangkapan ikan yang merosot. Benteng yang dibuat bagi mengelak kesan hakisan terletak kira-kira 500 meter dari pesisiran pantai. Panjang benteng ini pula adalah 2.3 kilometer selari dari pantai.

Oleh sebab kedudukan benteng tersebut ia telah menyulitkan pergerakan nelayan dan mengganggu mata pencarian mereka. Saya difahamkan bahawa dengan pemasangan benteng tersebut, ikan-ikan tidak lagi membiak dan telah beredar dari kawasan yang terlibat dengan pembentengan. Pelbagai aduan telah dibuat dan apabila aduan tersebut dianjurkan kepada kerajaan negeri, pihak kerajaan negeri pula menyatakan bahawa projek pembentengan tersebut merupakan tanggungan Kerajaan Pusat.

Persoalannya, siapa yang bertanggungjawab terhadap perkara tersebut? Sehingga kini tiada tindakan yang lanjut dilakukan bagi membantu nelayan-nelayan pesisir pantai ini. Kerajaan

sewajarnya dapat atau cepat mencari jalan kepada permasalahan ini. Oleh itu, saya cadangkan agar Kerajaan Pusat memberi pertimbangan beri bantuan atau memberi pampasan kepada nelayan yang terlibat dalam tempoh pembinaan benteng pemecah ombak tersebut.

Kerajaan juga seterusnya memikirkan satu alternatif kepada nasib nelayan yang akan hilang mata pencarian apabila projek tersebut dilaksanakan. Saya difahamkan pendapatan nelayan dijangka menyusut sebanyak 50% daripada jumlah yang diperoleh sebelum projek pembentengan terlaksana. Selain daripada itu, kerajaan juga harus memberi amaran awal kepada penduduk setempat yang terlibat dengan projek pembentengan ini sekiranya kerajaan mempunyai perancangan pembangunan lain seperti menambak dan menambah kawasan pantai. Rakyat harus diberikan peluang untuk menyesuaikan diri dan mengurus pendapatan mereka selain kerajaan memberikan pampasan yang sesuai terhadap kesusahan mereka.

Bersempena dengan pelaksanaan RMK-11 yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, dalam konteks strategi untuk meningkatkan kesejahteraan untuk semua, adalah wajar bagi kerajaan memikirkan dengan cepat dan drastik dalam menangani permasalahan ini agar masa depan nelayan pantai dapat dibela dan kita tidak mahu nelayan-nelayan ini mengemis dan menjadi orang susah di negara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin sentuh berkaitan dengan pusat transformasi luar bandar (RTC). Tuan Yang di-Pertua, limpahan pertumbuhan pembangunan di Iskandar Malaysia bukan sahaja menyemarakkan pertumbuhan industri pengeluaran dan pembuatan malahan juga telah memberikan banyak ruang terutama dalam aspek pemasaran produk berdasarkan pertanian. Hal tersebut dijangka digunakan bagi menampung keperluan makanan dan bahan asas penduduk berasaskan pertanian.

Difahamkan menjelang tahun 2020, penduduk di Wilayah Pembangunan Iskandar akan mencapai kepadatan lebih lima juta orang. Kawasan Tanjung Piai dan Pekan Nanas yang dilihat jiran terhampir kepada Wilayah Pembangunan Iskandar juga terus terkena tempias. Diiktiraf sebagai kawasan yang mempunyai banyak rangkaian kampung dalam penggunaan hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan ternakan, kawasan tersebut juga dilihat terkenal dengan penghasilan buah-buahan seperti durian, pulasan dan duku. Pada masa kini, sistem pengeluaran dan pemasaran yang dilaksanakan oleh orang kampung masih lagi secara konvensional dan tidak bersifat kolektif.

Penghasilan produk berasaskan agro makanan juga dilihat mula berkembang dan diceburi oleh orang-orang kampung. Walaupun dilihat dalam skala yang agak kecil, pengeluaran-pengeluaran makanan asas tani seperti pembuatan kuih tradisional kini telah mula menampakkan kesan positif di kampung-kampung seperti di Kampung Melayu Raya, Kampung Parit Haji Adnan, Kampung Seri Puning, Kampung Tengayun dan Kampung Pangkalan Raja.

Kawasan seperti ini dilihat mampu membentuk kepada menjadikan Tanjung Piai sebagai hab pengeluaran makanan tersebut. Pendekatan yang kerajaan laksanakan dalam menubuhkan

pusat transformasi luar bandar atau RTC di kawasan tertentu juga telah memperlihatkan suatu model terbaik dalam meletakkan hasil pertanian di mata masyarakat di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan senario di atas, saya mencadangkan kepada Kementerian Luar Bandar dan Wilayah dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi menubuhkan sebuah pusat RTC di kawasan Pekan Nanas. Saranan ini adalah sebagai galakan kepada masyarakat luar bandar khususnya penduduk Pekan Nanas yang terlibat dengan aktiviti pertanian. Selain itu, kewujudan RTC ini juga dilihat dapat menambah baik atau memberikan nilai tambah terhadap hasil pertanian negara melalui pengetahuan baru yang diperoleh melalui pusat transformasi luar bandar.

RTC yang kita sedia maklum mempunyai banyak penglibatan agensi dan diharapkan dapat membantu dari segi penglibatan agensi dan diharapkan dapat membantu dari segi khidmat nasihat, cara mendapatkan pensijilan, pemasaran, nasihat kewangan, maklumat mengenai akta-akta pertanian dan sebagainya.

Pendekatan baru yang digunakan dalam sektor pertanian ini juga dilihat amat penting bagi menyesuaikan kehendak pasaran semasa dan di samping menjadikan para petani dapat bergerak ke arah pertanian moden melalui nilai tambahan yang diperoleh.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan Pekan Nanas dilihat mempunyai beberapa kawasan yang berpotensi bagi membangunkan RTC, kawasan tanah yang lapang dan strategik boleh dijadikan asas pembinaan RTC di kawasan ini.

Walau bagaimanapun, bagi menjamin langkah penjimatan oleh pihak kerajaan, saya cadangkan agar pembinaan RTC ini dilaksanakan melalui perkongsian bijak antara Kerajaan Persekutuan dengan pihak berkuasa tempatan di kawasan saya bagi menggunakan bangunan sedia ada seperti bangunan kompleks pertanian Johor Barat di Batu 29, Pangkalan Raja ataupun lain-lain tempat yang sesuai bagi pembangunan RTC dan menggunakan pendekatan sewa atau beli bangunan mungkin boleh menjimatkan dana kerajaan sebanyak 30% berbanding membeli sebuah bangunan baru.

Harapan saya adalah dengan adanya pusat transformasi luar bandar ini, sedikit sebanyak akan meningkatkan pengeluaran berasaskan pertanian dan sekali gus meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat luar bandar..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Piai, boleh gulung.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Khususnya di kawasan Pekan Nanas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila gulung, sila gulung.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Satu lagi isu, ini isu terakhir. Berkaitan dengan jalan pintas Johor Bahru – Pekan Nanas – Pontian.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan Parlimen Tanjong Piai seperti yang kita sedia maklum merupakan sebuah kawasan yang termasuk di dalam Koridor Pembangunan Wilayah Iskandar. Kesan yang turut terkena tempas hasil pembangunan wilayah dilihat akan mendapat satu lonjakan pembangunan yang sistematik. Perkembangan pesat dalam sektor pembuatan dan kerancangan pertumbuhan taman-taman perumahan dilihat bergerak seiring dengan pembangunan sedia ada.

Walau bagaimanapun, kita harus ketahui bahawa pembangunan ini tidak akan dapat dilaksanakan seandainya tiada infrastruktur yang lengkap dalam pelaksanaan pembangunan dan salah satu elemen yang penting adalah jalan raya.

■1600

Oleh yang demikian, saya ingin saya ingin ajukan pertanyaan mengenai laluan jalan Johor Bahru, Pekan Nanas, Pontian yang kita sedia maklum merupakan kawasan yang sentiasa sesak di waktu puncak. Tambahan lagi apabila menjelang musim perayaan. Saya telah dimaklumkan bahawa Jabatan Kerja Raya telah mencadangkan agar pembinaan sebuah jalan pintas dari Johor Bahru ke Pekan Nanas dan seterusnya ke Pontian sejak dari Rancangan Malaysia Kelapan.

Walau bagaimanapun perancangan pembinaan jalan tersebut masih tidak nampak hasil. Hal ini telah menjadi buah mulut di kalangan masyarakat setempat kawasan saya, terutama dalam menuntut janji kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, untuk tempoh daripada RMKe-8 hingga RMKe-10 jalan sedia ada menjadi semakin sesak dan sentiasa mendapat aduan awam.

Walaupun pihak JKR ada membuat penambahbaikan jalan berkenaan dengan melebarkan sedikit di sesetengah bahagian laluan, namun ia masih jauh daripada penyelesaian yang diharapkan. Kepadatan penduduk daripada saban hari dan penggunaan di jalan raya memperlihatkan lagi perlunya ada satu tindakan yang segera oleh pihak kerajaan melalui agensi bagi mengatasi masalah tersebut. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini memohon agar Kementerian Kerja Raya mengutamakan projek tersebut untuk dilaksanakan dalam RMKe-11 ini. Seandainya tidak ada tindakan segera, saya gusar kesesakan akan menjadi semakin teruk dan kos pembinaan juga teruk meningkat berganda.

Saya difahamkan ketika cadangan pertama di bentangkan ke Rancangan Malaysia Kelapan, kos yang terlibat hanya RM100 juta. Akan tetapi sekarang ini setelah mengambil kira semua aspek, harga pembinaan dijangka meningkat kepada RM200 juta. Saya bimbang angka ini akan meningkat dari semasa ke semasa seandainya tiada tindakan yang segera. Jadi, inilah perbincangan saya. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ampang.

4.02 ptg.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Alhamdulillah hirobbil alamin*, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Rancangan Malaysia

Kesebelas yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bertemakan Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat yang mengharap akan dapat memacu usaha Malaysia untuk mencapai negara maju pada tahun 2020.

Malangnya Tuan Yang di-Pertua, bapa wawasan dengan bapa *wasatiyyah* sudah bertelagah sekarang. Jadi, tidak dapat bertemu di PWTC. Jadi, saya rasa memang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tadi Yang Berhormat Ampang tegur Yang Berhormat Setiu. *[Ketawa]* Sebab itu jangan tegur Yang Berhormat Setiu.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Saya rasa ini relevan kerana Yang Berhormat Setiu sebut adalah *internal* parti PAS. Akan tetapi ini ada berkenaan dengan kerajaan iaitu Perdana Menteri kita. Jadi, saya rasa ini relevan. Jadi, kalau ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Itu anggapan masing-masing.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ya, okey. Jadi, saya di sini ingin menyebut di sini bahawa paksi-paksi atau pun teras yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat adalah termasuk strategi tumpuan *inclusivity*, kesejahteraan rakyat, modal insan, pertumbuhan hijau, infrastruktur dan juga inovasi dan produktiviti. Juga menggunakan perkataan yang trend sekarang, *game changer*. Apa itu *game changer* Tuan Yang di-Pertua?

Game changer adalah satu *event, an idea*, dengan izin, atau pun *procedure that affects a significant shift in the current manner of doing and achieving something*. Jadi, selagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Kerajaan Barisan Nasional masih tidak berani lagi, tidak ada *courage* untuk meletakkan satu daripada terasnya adalah *good governance*, maka saya rasa ini tidak boleh tercapai, Malaysia negara maju pada tahun 2020.

Apa itu *good governance*? *Good governance* itu menyelesaikan masalah-masalah yang ada, yang banyak telah dipertikaikan rakyat. Isu 1MDB lah, yang sekaranglah yang hebat dan isu Tabung Haji lah dan sebagainya. Mesti ada keberanian untuk meletakkan dalam buku ini agar baru rakyat percaya bahawa ada kesungguhan untuk mengekalkan negara ini dengan amanah. Jadi, kalau sekiranya ini tidak ada keberanian untuk meletakkan satu terasnya adalah *good governance*, saya rasa perkara ini akan terus bertindih-tindih dan tidak akan tercapai seperti apa yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri bahawa pencapaian RMKe-10 hanya baru setakat- yang tidak tercapai 40%, yang hanya baru di capai 60%. Jadi, ini juga akan terjadi kepada RMKe-11 ini, Tuan Yang di-Pertua.

Saya lihat perbandingan yang diletakkan oleh Yang Berhormat Pekan dalam buku ini, meletakkan bahawa 1970 kita punya KDNKK begini dan sekarang sudah meningkat. Akan tetapi kalau kita lihat, kenapa tidak kita berbanding prestasi kita dengan negara lain. Pada tahun 1970, Korea, Singapura dan juga Taiwan ada di belakang Malaysia. Akan tetapi sekarang mereka sudah ke depan daripada kita. Apakah acuannya? Acuannya, inilah acuan Malaysia yang disebutkan oleh

wakil-wakil sebelah sana. Acuan Malaysia yang tidak berani hendak banteras kronisme, tidak berani banteras korupsi, tidak berani banteras rasuah, tidak berani banteras salah guna kuasa dan ketidakcekapan. Ini lah acuan Malaysia.

Jadi, adakah ini kita hendak teruskan? Kalau acuan ini tidak ada, kita telah jauh lebih maju daripada negara-negara yang saya sebut tadi. Jadi, ini harus diberhentikan. Oleh sebab itu saya kata kalau tidak berani untuk meletakkan *good governance* dalam buku ini, maka tidak bolehlah tercapai Rancangan Malaysia Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak sebut di sini, kalau kita hendak kata kita hendak menjadi sebuah negara maju, sistem pendidikan itu penting. Ramai kawan-kawan sudah sebut tentang pendidikan macam mana dan tahap dan sebagainya. Saya hendak fokuskan tentang sistem pendidikan orang kurang upaya (OKU). Saya ingin kerana hampir setengah juta rakyat Malaysia tergolong daripada OKU dan 47,000 mengalami sindrom autistik.

Sekiranya PERMATA yang telah dibangga-banggakan oleh Kerajaan Barisan Nasional, mengapa tidak berikan tumpuan kepada sistem pendidikan untuk OKU, khasnya agar nampak hasilnya dengan jelas dan tidak payahlah dipersoalkan di sini, dalam Parlimen ini berkali-kali minta untuk bantangkan perbelanjaan PERMATA. Akan tetapi sampai sekarang tidak ada yang berani untuk membentangkan bagaimana *details* perbelanjaan PERMATA. Kalau sekiranya ini menjadi dapat tumpuan oleh PERMATA untuk fokus kepada pendidikan OKU, kalau kita kata kita hendak menjadi negara maju, ini satulah *benchmark* yang mana kita dilihat sama ada kita mampu untuk memperkasakan, memberikan kejayaan, memberikan *empowerment*, pemerdayaan kepada orang-orang OKU ini.

Kalau kita dapat mencapainya, barulah kita mengatakan bahawa kita bolehlah tahap di negara maju kerana orang OKU juga di *empowered* untuk mendapat pencapaian yang hebat-hebat. Jadi, PERMATA tidak payahlah hendak sibuk-sibuk buat KEMAS lah, buat itu, buat ini, tidak payah. Cuba fokus ini. Jadi, hasilnya lebih jelas dan *clear*. Di sini juga saya hendak sebut, PERMATA di bawah isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah juga untuk memperkasakan, memperjuangkan hak kaum Penan untuk hendak mengadakan pendidikan, pembelajaran.

Akan tetapi sehingga sekarang juga... [*Dewan riuh*] Eh, kenapa ini? [*Disampuk*] Kenapa? Tidak, ini saya tidak kata buat salah. Saya sebut di sini ini telah dijanjikan oleh isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa akan membantu keluarga Penan, anak-anak gadis Penan, orang Penan, anak-anak Penan untuk meneruskan persekolahan di sana. Akan tetapi sampai sekarang masih belum lagi ditepati janji kepada keluarga Penan ini.

Orang Sarawak tiap-tiap hari berkata itu dan ini. Sekolah tidak ada, ini sana, wakil rakyat belah Barisan Nasional merengek-rengok, tidak ada sekolah, tidak ada jalan, tidak ada apa. Merengek, macam-macam minta itu dan ini dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, rasanya bolehkah? Dapatkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya sudah agak Yang Berhormat Kinabatangan mesti bangun. Saya tunggu Yang Berhormat Masjid Tanah bangun.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Jangan merengek ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, saya sebetulnya kita bukan merengek. Kita memberi maklumat dan saya bertanya kepada Yang Berhormat iaitu tuduhan dengan PERMATA ini kononnya tidak membawa kebaikan. Ini saya pun tidak tahu pendirian Yang Berhormat ini. PERMATA buat yang baik untuk...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Okey.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan sahaja di Malaysia, di seluruh negara, di luar negara pun ada. Akan tetapi Yang Berhormat langsung tidak memberi penghargaan.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Saya dah sebut. Okey, okey, cukup.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Orang buat salah, tidak buat kerja pun salah.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Okey, masa saya tidak banyak lagi. Sebentar lagi masa Yang Berhormat Kinabatangan, okey. Terima kasih kerana beri saya peluang untuk jawab, okey. Yang Berhormat Kinabatangan sebut, memang saya kata, saya kata tidak mahu bertindih kerja ini, kerja ini sudah ada orang yang buat. Cuma fokus kepada OKU, itu yang saya sebutkan. Saya kata kenapa merengek, kerana dia kata dah 10 tahun kata janji hendak sekolah, sampai hari ini pun tidak ada, tidak kah itu merengek? Itu merengek namanya. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekolah bukan tidak ada. Sekolah ada.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Saya tidak sebut pasal PERMATA, saya sebut...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Cuma perlu dinaiktarafkan.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: ...benda lain.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan, jangan.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Eh, saya ada...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan manipulasikan isu itu.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ada yang sebut, ada yang cakap, kalau *check Hansard*...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau manipulasi itu memang tidak bolehlah.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Kinabatangan, *check Hansard*. Ada yang kata sudah buat upacara pecah tanah lah...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Daripada awal Yang Berhormat merengek terus.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: ...pecah batu lah tapi sekolahnya tidak ada lagi. Ya, itu dia. Okey.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Saya hendak teruskan, saya hendak teruskan. Minta duduk, minta duduk.

■1610

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya bimbang, saya tengok laki dia di rumah takut macam ini keadaan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Kinabatangan, jangan kacau wanitalah.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Ini apa laki, laki ini? Cakap faktalah. Cakap lelaki. Mencemarkan nama orang, pandai. *"Cakap tidak serupa bikin"*. Jangan kacau, jangan kacau.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Saya tidak dengar apa yang Yang Berhormat Kinabatangan sebut tadi. Boleh bangun sekali dan cakap dengan jelas?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya pun tidak dengar kerana bising.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh saya jelaskan, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak perlulah Yang Berhormat Kinabatangan, sebab saya tidak dengar. Yang Berhormat Ampang pun tidak dengar. Tidak apalah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak apa. Kalau dia perlu, saya jelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak payah, tidak payah. Tidak perlulah.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Tidak payahlah. Tuan Yang di-Pertua pun tidak mahu dengar. Kacaulah. Duduk! Duduk! Sudah, sudah. *"Kacau daun!"* Duduk!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak boleh pakailah budak ini!

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Minta sedikit penjelasan, Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Okey, Yang Berhormat Sungai Petani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani. Sebelum itu saya ingatkan, hanya 15 minit sahaja.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, sementara Yang Berhormat Ampang masih dalam tajuk pendidikan dan pembelajaran. Saya ingin mendapatkan pandangan Yang Berhormat Ampang, bagaimana seperti di Universiti Sains Islam Malaysia? Universiti Sains Islam Malaysia adalah sebuah universiti milik kerajaan dan di universiti tersebut ada satu fakulti, Tuan Yang di-Pertua. Fakulti Syariah dan Undang-undang dan ia mengeluarkan Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang dengan Kepujian. Sudah sembilan *batch*. Sembilan keluaran. Ijazah tersebut tidak mendapat pengiktirafan dan ribuan graduan-graduan tidak boleh menjadi *lawyer*. Tidak ada usaha-usaha oleh kerajaan, khususnya universiti ini untuk mendapat pengiktirafan. Bukankah ini menunjukkan, Yang Berhormat Ampang, tidak ada kesungguhan untuk kerajaan untuk mengiktiraf apa yang dia sendiri buat. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Saya setuju dengan Yang Berhormat Sungai Petani kerana kita lihat dalam keadaan sekarang, isu-isu kurang guru dan sebagainya. So, ada *batch* yang sudah menunggu untuk memberikan khidmat mereka tetapi telah dibiarkan. Ini yang saya sebut tadi. Kalau dalam RMKe-11 ini tidak berani untuk mengatakan *good governance*, maka tidak mungkinlah rakyat Malaysia akan dapat menikmati apa yang dijanjikan dalam buku ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut tentang pertumbuhan kemajuan wanita dalam negara ini. Dalam satu laporan yang dibuat oleh *Inter-Parliamentary Union* dan juga *UN Women Body* mengatakan bahawa *sluggish progress on women in politics will hamper development*. Saya lihat di Malaysia ini, kedudukan wanita Malaysia di tahap dunia dalam Laporan Economic Forum iaitu *Global Gender Gap Report*. Kedudukan Malaysia semakin lama semakin menurun. Sekarang kita di tangga 107 daripada 142. Kita ini hampir sepuluh ke bawah. Negara-negara seperti *Philippines*, Singapura, Laos, Thailand, Vietnam, Brunei dan Indonesia jauh ke hadapan daripada kita.

Jadi, ini melihatkan bahawa tidak ada komitmen, tidak ada satu kesungguhan untuk memastikan bahawa kedudukan wanita di dalam negara ini dapat dipertingkatkan agar mutu hidup mereka juga dipertingkatkan dan juga kedudukan wanita di negara ini dapat pencapaian indeks yang lebih baik. Kalau kita lihat di peringkat *Southeast Asia*, Malaysia ini *second last*. Kedua terbawah, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat di kalangan negara berpendapatan sederhana, kita hampir yang kesepuluh teratas sekali.

So, Tuan Yang di-Pertua, ini tidaklah akan dapat menjamin bahawa kita harapkan pertumbuhan penglibatan wanita dalam bidang ekonomi dan negara kita ini untuk mencapai sebanyak 57% apa yang telah dicatatkan dalam buku ini, saya percaya ia tidak mungkin dapat tercapai. Dari segi *political empowerment*, pembudayaan politik, Malaysia sepuluh ke bawah juga. 132 daripada 142. Kenapa ini, Tuan Yang di-Pertua? Ini kerana kita lihat bahawa kerajaan yang ada sekarang, Barisan Nasional tidak ada kesungguhan, tidak ada upaya untuk memberdayakan wanita tetapi perdayakan wanita, ada. So, pemerdayaan wanita itu *is about empowering them. Putting them in position*. Selagi kerajaan yang ada kuasa untuk melantik wanita dalam peringkat

menteri tidak menggunakan kuasa itu dan tidak menggunakan kuasa untuk meletakkan lebih ramai calon wanita di tahap pembuat dasar atau membuat keputusan, maka negara Malaysia akan tetap berada di tangga sedemikian.

Berbanding dengan Selangor. Kita selama tujuh tahun baru perintah di negeri Selangor.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan, Yang Berhormat?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *What is our political will?*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Tidak apalah. Yang Berhormat Kinabatangan ini cakap merepeklah. Duduk dulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan merepek.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Merepek ini orang. Tidak mahu. Duduk dulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Barisan Nasional letak banyak calon wanita.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Kasi saya habis dahulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Akan tetapi masalahnya calon wanita itu kalah.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Saya hendak sebut. Saya hendak sebut. Saya hendak sebut di sini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dikalahkan oleh wanita juga. Sebab itulah kita tidak boleh mencukupi untuk membantu.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Di Selangor, walaupun tujuh tahun baru memerintah. Tuan Yang di-Pertua, mengganggu saya berucap. Tolong kalau boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Calon wanita UMNO yang selamat ialah Yang Berhormat Tenggara. Yang lain-lain kalah .

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada dua minit lagi.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Kalau hebat sangat perjuangan wanita, kenapa Yang Amat Berhormat Pekan menjadi Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat?

Okey, jadi saya hendak sebut di negeri Selangor. Tujuh tahun kita memerintah. Selangor sekarang, 27% ADUN kita adalah daripada wanita. Hampir 30% kalau dibandingkan dengan purata Kerajaan Barisan Nasional, jauh ke belakang Kerajaan Barisan Nasional. Ahli majlis wanita juga 26% ke atas.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Calon banyak tetapi dikalahkan oleh wanita-wanita pembangkang. Itu sebab dia tidak datang ke Dewan ini. Kalau dia kasi menang, banyaklah wanita sini.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *Female Speaker* yang pertama dalam negara kita adalah seorang wanita yang diletakkan di Dewan Undangan Negeri Selangor. Ini adalah kesungguhan yang ditunjukkan kepada kita daripada pemimpin Pakatan Rakyat, khususnya pemimpin wanita Pakatan Rakyat. Dua YDP daripada 12 PBT adalah wanita. Dua DO daripada sembilan pejabat daerah adalah wanita. Barulah kita dapat mereka yang dalam jawatan yang tinggi ini, bila mereka duduk di situ, mereka boleh membantu wanita untuk diberdayakan agar mereka mendapat jawatan yang sesuai untuk mereka. Tidak ada diskriminasi. Akan tetapi kalau kita lihat Kerajaan Barisan Nasional memerintah 50 tahun, 50 tahun memerintah, sampai sekarang tidak tercapai. Menunjukkan ada diskriminasi dan mengetepikan kebolehan orang perempuan dalam Barisan Nasional, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, boleh gulung, boleh gulung.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Gulung. Saya juga sedih bila kita ada dengar Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang membuat *statement*. Wanita hendak jadi pengarah, *board of director*, main golf. Apa punya jawapan ini? Apa punya cadangan ini? Selepas itu ada isu kononnya rakyat kita, populasi kita makin lama makin menurun, tidak ada rakyat muda dan sebagainya, dia kata beranak sahajalah. Tidak kira *quality of life*. *What is this*, Tuan Yang di-Pertua? Kita cakap tentang *quality of life of the women in Malaysia*. *So that, they can produce quality children*. Akan tetapi ini dia kata buat— dengan gaji RM900, saya hendak tanya bolehkah? Mampukah mereka untuk melahirkan anak yang ramai untuk mencapai cita rasa populasi negara ini?

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: [Bangun]

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Sepatutnya Yang Berhormat Menteri mesti memikirkan bagaimana hendak mengatasinya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Masjid Tanah bangun.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Bagaimana memberikan insentif-insentif. Tidak apa, Yang Berhormat Masjid Tanah. *You can speak later, because I got no time, I'm finishing already*. Terima kasih. *Sorry*, ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

So, saya minta mesti ada perancangan fikir insentif untuk pembiayaan *medical*, insentif untuk anak-anak yang dilahirkan. Susu dan sebagainya. Jadi, ini seolah-olah tidak berfikir panjang. Jadi, oleh kerana saya sudah kena gulung, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Beberapa Ahli: Gulung, gulung, gulung.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Takut? Takut? Saya hendak sebut, Tuan Yang di-Pertua. Selagi negara ini ada Ahli Parlimen yang duduk sebelah sana yang tidak ada pendirian. Memuji-muji selepas itu merengek-rengok. Selagi ada menteri yang tidak ada kualiti yang memberi jawapan. Kalau harga gula naik, tidak apa. Kurangkan makan. Nanti tidak ada kencing manis. Kalau hendak makan piza, buat dekat rumah. Kalau hendak turunkan perbelanjaan, tanam sayur. *[Disampuk]*

Seorang Ahli: GST, masak sendiri.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Kalau GST, masak sendiri. Kalau ada menteri berkualiti macam ini, Tuan Yang di-Pertua, mana mungkin tercapai RMKe-11. Selagi juga kita ada Perdana Menteri yang berdolak-dalik. 1MDB pun tidak berani jawab, macam mana? Tabung Haji pun tidak boleh jawab. Jadi, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya kena *quote* satu jawapan daripada pembaca *MalaysiaKini*.

'I agree, the Finance Minister of Malaysia and the Prime Minister is probably either the stupidest person or just a liar. We are spending billions of dollars to ensure that the system is in place to prevent money laundering and here you have an idiot Finance Minister whom the Bank Negara is too strict. That's why your Finance Ministry-Owned Company is trying to hide the money in Singapore.

He want to control Bank Negara tetapi you larikan duit kerana takut dengan system sendiri.

■1620

What is this, dengan izin Tuan Yang di-Pertua? Inilah Tuan Yang di-Pertua saya rasa tidak mungkin selagi kita juga ada kes-kes yang tidak diselesaikan....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua berapa minit dia curi waktu ini?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Selagi kita ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Banyak betul dia curi waktu ini.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Jangan *jealous* selagi kita ada lagi lembu tinggal di kondo, ada lagi kapal selam yang tidak boleh selam, ada lagi jet yang tidak ada enjin dan ada lagi orang yang mati tidak ada pembunuh maka selagi itulah RMKe-11, jangan bermimpilah Tuan Yang di-Pertua. Sekian *wassalamualaikum*, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jelebu.

4.20 ptg.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan RMKe-11. Rancangan Malaysia lima tahun ini merupakan sesuatu dokumen penting yang kita laksanakan setiap lima tahun sekali dan kali ini ialah yang ke-11. Dikatakan merupakan rancangan

lima tahun kita yang terakhir sebelum kita mencapai ataupun menuju ke negara maju berpendapatan tinggi. Jadi oleh kerana itu penting. *[Disampuk]* Awal sangat gulung. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Jadi oleh kerana itu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Pekan dan kerajaan kerana membentangkan satu rancangan lima tahun yang komprehensif yang sudah melihat cadangan-cadangan dan juga merangkumi semua aspek soal ekonominya, modal insannya dan sebagainya. Ia merupakan satu rangka kerja...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat?

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Baru hendak mula hendak minta penjelasan yang mana satu itu?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tanya sekejap sahaja.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Okey, okey sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tanya Yang Berhormat tadi Yang Berhormat pun mendengar hujah Yang Berhormat Ampang. Dia kata rancangan ini tidak ada langsung kesampaian dia, tiada hala tuju tetapi Yang Berhormat cakap perancangan komprehensif. Boleh Yang Berhormat jelaskan komprehensif dari mana rancangan ini kepada Yang Berhormat Ampang.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Hanya mereka yang buta hati dan buta mata yang tidak dapat melihat sesuatu yang baik daripada rancangan-rancangan yang sudah wujud.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Boleh dapatkan jawapan berfakta?

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Kehadiran Yang Berhormat Ampang dalam Dewan ini juga ...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Boleh dapatkan jawapan berfakta?

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Merupakan lahir daripada sistem rancangan lima tahun Malaysia sejak sekian lama. Lupa, kufur nikmat, tunggulah azab Allah SWT. Komprehensif yang dimaksudkan itu ialah kita lihat daripada dahulu mula merdeka sampai sekarang banyak statistik sudah dikemukakan. Iaitu membuktikan bahawa RMKe-5 atau rancangan Malaysia lima tahun ini dan khususnya RMKe-11 ini merupakan satu rancangan yang sebelum ini sudah meningkatkan dari satu tahap ke satu tahap.

Beberapa statistik yang jelas telah dikemukakan iaitu rancangan Malaysia lima tahun ini melahirkan pertumbuhan yang stabil sejak tahun 1970 pada kadar 6.2%. Pendapatan per kapita nasional juga sudah meningkat pada tahun 1970 iaitu USD402 kepada USD10,800 tahun 2014. Ini merupakan peningkatan 25 kali begitu juga pendapatan purata bulanan isi rumah. Kalau dibandingkan dengan tahun 1970 RM264 meningkat kepada RM6,000 lebih.

Ini merupakan di antara bukti-bukti begitu juga dengan taraf kesihatan yang sekarang ini telah meletakkan dan menempatkan rakyat kita dengan izin Allah. Mempunyai jangka hayat yang lebih panjang iaitu dikatakan 75 tahun meningkat lebih daripada 10 tahun berbanding dengan awal-awal dahulu. Jadi kalau ini bukti-bukti yang sudah nyata lagi jelas tidak dapat di rasa denyutnya sah Yang Berhormat Ampang buta hati dan buta mata. *[Ketawa]* Jadi saya tidak mahu membuat 'lamentarsi' yang banyak berkaitan kejayaan-kejayaan itu. Akan tetapi bagi mereka yang tidak dapat melihat, mereka sebenarnya bukan tidak mahu mengakui tetapi sengaja tidak mahu mengakui sekadar kerana kepentingan politik murahan mereka kepada usaha kerajaan yang dibuat sekian lama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu memanjangkan berkaitan dengan perkara yang sudah dicapai itu. Akan tetapi saya mengucapkan tahniah kerana Yang Berhormat Pekan kali ini dalam RMKe-11 ini sudah mengambil kira segala aspek dalam larian terakhir untuk mencapai negara maju dengan berpendapatan tinggi yang cuba dicapai kepada USD15 ribu per kapita mengikut dasar yang ditetapkan oleh antarabangsa. Jadi dalam usaha itu beberapa teras strategik enam perkara yang sudah dinyatakan dan sudah dibahaskan banyak oleh rakan-rakan kita di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya tidak berhasrat untuk menyatakannya satu persatu tetapi sebelum daripada itu saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pekan kerana menjadikan Negeri Sembilan Barat sebagai satu kawasan pertumbuhan baru dalam RMKe-11 yang dipanggil *Malaysia Vision Valley*. Walaupun ada yang tidak bersetuju kerana soal yang saya sendiri pun tidak faham tetapi ini merupakan sesuatu yang sangat penting dan besar ertinya kepada rakyat Negeri Sembilan dan kepada negara.

Jadi kawasan-kawasan seperti Nilai, Seremban, Port Dickson akan mendapat limpahan daripada RMKe-11 untuk tahun-tahun yang akan datang. Terima kasih dan yang penting bagi perancang-perancang harus memberi perhatian kepada elemen-elemen soal geopolitik dan sebagainya ini. Kepada kumpulan-kumpulan sasar yang berpendapatan rendah, soal pendidikan dan kemudahan-kemudahan dan bangunkan kawasan ini sejajar dengan pembangunan moden yang mengambil kira segala aspek. Bukan sekadar kepada pembangunan fizikal semata-mata dan akhirnya akan menjarakkan jurang kita sesama kita mengikut kawasan dan mengikut ras.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang cuba dicapai dalam RMKe-11 ini dilihat banyak menumpu kepada soal pencapaian per kapita penduduk. Ini merupakan sesuatu yang digariskan oleh penarafan antarabangsa tetapi saya bersyukur kerana Yang Berhormat Pekan juga mengambil perhatian. Ini kerana dalam pengukuran KDNK itu dan juga per kapita itu juga diambil kira soal pendapatan isi rumah dan juga kesejahteraan masyarakat itu sebagai kayu pengukur kepada taraf negara maju yang kita hendak capai itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan pencapaian per kapita ini iaitu yang membimbangkan saya ialah soal kos hidup. Betul dan benar

nanti *insya-Allah* kita mencapai negara maju tahun 2020 tetapi saya bimbang kos kehidupan masa itu bagaimana keadaannya. Ini kerana kita boleh lihat trend kos kehidupan daripada dahulu sehingga sekarang menunjukkan peningkatan yang sangat membimbangkan.

Iaitu kalau saya ambil satu angka kajian yang dibuat oleh Jabatan Statistik Negara, Perangkaan Negara iaitu angka tahun pada tahun 1993, tahun 1994 didapati bahawa corak perbelanjaan isi rumah ialah RM1,161 satu bulan dan meningkat kepada RM2,190 sebulan pada tahun 2009, tahun 2010. Ini merupakan peningkatan yang cukup tinggi iaitu sekitar 88% peningkatan dalam kos hidup. Jadi kalau kita mencapai negara maju purata per kapita negara sampai kepada USD15 ribu tetapi dengan kos kehidupan yang meningkat juga sama. Kuasa beli itu jatuh dan ia tidak memberi makna yang besar kepada rakyat.

Jadi saya mahu melihat dan menyeru ataupun meminta kerajaan apakah langkah-langkah dan juga rancangan-rancangan yang diambil bagi memastikan kos hidup ini terus berada tidak menaik...

■1630

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jelebu boleh sambung selepas usul 18(1) ya, ada lima minit lagi.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

GEMPA BUMI DI RANAU, SABAH

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah dibuat pada pagi tadi, satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan untuk dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang memulakan pembahasan usul ini. Pihak pencadang akan diberi 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi kawasan Kinabatangan sila kemukakan.

4.30 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua sebab membenarkan usul gempa bumi Sabah di Ranau untuk dibahaskan, dibincangkan dalam Dewan Rakyat pada petang ini. Seperti yang telah saya nyatakan awal pagi tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan melengahkan waktu sebab 30 minit ini saya akan kongsi bersama-sama dengan Yang Berhormat Putatan, dengan Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Sandakan

dan juga Yang Berhormat Penampang. Jadi kita kongsi-kongsi, tidak apa. Saya bukan macam Yang Berhormat Gombak, dia tidak mahu kongsi.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Kinabatangan, saya minta laluan juga, minta juga.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *“Boleh bha kalau kau”.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *[Ketawa]*

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Boleh bha? Terima kasih. Saya pun Sabah di Kota Kinabalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian pakar geologi hari ini, baru sebentar tadi iaitu gegaran yang berlaku 54 kali dalam tiga hari merupakan satu gegaran gempa bumi yang amat luar biasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini amat menggerunkan dan mereka telah meneliti satu demi satu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bercadang untuk bagi lima enam minit bagi pihak sini untuk sama-sama berbahas?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sudah, sudah. Sudah runding.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, baik.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya akan berhenti, saya bukan macam Yang Berhormat Tenom itu hari, dia lajak sahaja. Saya tengok... *[Ketawa]*

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Jangan begitu Yang Berhormat Kinabatangan, saya bagi peluang juga.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu kejadian ini saya ingin merakamkan takziah sekali lagi daripada BNBBC dan mungkin seluruh warga Ahli-ahli Parlimen di seluruh negara kita sebab kejadian ini memang tidak diduga dan di luar dugaan kita sebagai manusia biasa. Walau bagaimanapun, kita melihat bahawa cabaran ini mungkin peringatan daripada Allah, daripada Tuhan supaya kita manusia berikhtiar.

Bermakna ikhtiar ini saya mencadangkan beberapa perkara. Pertama, kerajaan dengan serta-merta mewujudkan jawatankuasa khas untuk memantau gempa bumi di seluruh negara. Jawatankuasa ini mungkin kita letakkan pakar-pakar daripada seluruh dunia untuk memastikan bahawa gempa bumi yang berlaku pada masa akan datang dapat kita rasa sebelum menghempas bumi kita ini sebab kita tidak mahu seperti berlaku di Jepun, di Nepal baru-baru ini dan di negara China. *“Malang ini tidak berbau”*, akhirnya rakyat dan negara kalau berlaku di Kuala Lumpur contohnya, ini akan melumpuhkan ekonomi negara kita.

Saya juga meminta kerajaan supaya membina jalan serta-merta. Jalan yang selamat untuk pendaki-pendaki Gunung Kinabalu pada masa-masa akan datang dan *standard operating procedure* untuk mereka yang mendaki Gunung Kinabalu ini harus diperketat sebab kita tidak mahu lagi ada mereka yang tidak mengetahuinya mencabuli akan budaya adat istiadat orang tempatan itu sendiri.

Kepada mereka pula, khususnya kepada pelancong-pelancong asing, mereka harus diberi pendedahan yang sebenar apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan. Saya juga Tuan Yang di-Pertua, ingin mencadangkan pendaki di bawah umur 18 tahun ditegah sama sekali untuk mendaki Gunung Kinabalu sebab ini merupakan mungkin apabila dia umur belum begitu matang, berlaku kejadian seumpama ini, mereka panik, mereka tidak tahu apa yang mereka laksanakan.

Saya juga ingin mencadangkan iaitu malim Gunung Kinabalu ini diiktiraf sebagai *mountain ranger* untuk Sabah itu sendiri sebab mereka ini mengikut laporan mereka-mereka yang terperangkap, di seluruh dunia mereka memperakui mereka hilang akal tetapi malim-malim yang mengemudi mereka begitu pantas dan bijaksana menyusun strategi di mana mereka perlu mengasingkan diri dan berbagai-bagai lagi. Kalau bukan malim yang bijaksana, maka sudah tentu pendaki-pendaki gunung itu akan mungkin lenyap semuanya. Ini selaras dengan pantun;

*Kapal belayar di waktu malam,
Mari menuju lautan dalam,
Kalau bukan malim yang faham,
Di situlah banyak kapal tenggelam.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Atas gunung ada kapal Yang Berhormat?

[Dewan riuh]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kerana itu, atas kebijaksanaan malim-malim itu maka terselamatlah dan cuma lebih kurang 19 mayat yang mati dan enam lagi sedang dicari. Dicari oleh skuad SMART kita dan saya ingin merakamkan terima kasih kepada beberapa buah negeri dari Sarawak juga menyumbang RM1 juta. Daripada Terengganu menyumbang 'RM200'...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Eh, RM200 ribu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Dengan menghantar pasukan mereka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: RM200 ribu Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: RM500 ribu ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: RM200 ribu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, RM200 ribu. MCA Sabah bagi RM50,000, saya dengar-dengar DAP Pulau Pinang pun menyumbang RM100 ribu. Saya dengar-

dengarlah dan hari ini Selangor, dia punya Menteri Besar saya tidak berani kasi *on behalf*. [Ketawa] Kalau ada, tahniah dan terima kasih. Jadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun hari ini berada di Kota Kinabalu, Ranau menyampaikan bantuan dan melihat di sekitar kejadian yang berlaku di Ranau.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Berapa juta? RM10 juta disumbangkan oleh kerajaan untuk Tabung Bencana Gempa Bumi. Juga saya meminta kerajaan, pertama *reward* kepada malim Gunung Kinabalu ini sebab mereka adalah renjer yang berani. Kedua, mereka sudah hilang sumber pendapatan mereka sebab gunung ini ditutup, kita tidak tahu sampai bila sebab mengikut pakar geologi, gunung ini belum selamat lagi untuk dibuka.

Jadi oleh kerana itu, saya telah berjanji tadi untuk memberi Yang Berhormat Putatan dan yang lain-lain maka saya melihat perlu kerajaan mengambil serius dan mengambil tindakan kepada pendaki-pendaki yang telah mencemar budaya mendaki Gunung Kinabalu ini diambil tindakan segera dan mereka tidak dibenarkan mendaki Gunung Kinabalu sampai bila-bila sebab ini pada saya merupakan satu faktor kepercayaan orang-orang tempatan, mereka telah mencemar kesucian Gunung Kinabalu itu sendiri. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Putatan.

4.38 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri atas seruan rakyat di negeri Sabah untuk menyokong usul yang dibawa oleh sahabat saya dari Kinabatangan. Sebagai anak tempatan negeri Sabah, mereka mahu saya membawa usul ini terutama sekali mengucapkan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini terutama sekali kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Speaker-speaker yang lain membenarkan usul yang atas malapetaka di negeri Sabah atas bencana gempa bumi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan nangis Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terutama sekali saya bagi pihak rakyat negeri Sabah mengucapkan takziah dan *condolences to all*, semua mangsa yang terkorban. Juga ucapan tahniah kepada semua penyelamat terutama sekali malim-malim gunung kita yang termasuklah kepada terima kasih rakyat negeri Sabah kepada kerajaan dan rakyat negeri Sarawak kerana menyumbang seberapa yang boleh dan negeri-negeri lain seperti Terengganu, Selangor.

Selangor tidak tahulah berapa dia mahu kasi. Saya harap Selangor boleh buat satu komitmen pada hari ini. Pulau Pinang sudah buat dan negeri-negeri lain dan Kerajaan Pusat. Tadi saya terlupa Gabenor sendiri yang pertama orang yang datang melawat tempat kejadian itu. Terima kasih bagi pihak rakyat negeri Sabah dan juga kepada semua menteri, Timbalan Perdana

Menteri, Presiden PKR, Presiden PAS dan semualah yang terlibat. Terima kasih bagi pihak rakyat negeri Sabah.

■1640

Jadi saya juga ingin mengucapkan sumbangan terima kasih kepada saya *the talking points* yang disuruh oleh sebilangan rakyat negeri Sabah, SMS kepada supaya bawa perkara ini. Banyak SMS dan pesanan-pesanan rakyat negeri Sabah telah pun dikemukakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan. Tidak perlulah saya ulang cadangan-cadangan yang patut diambil oleh tindakan kerajaan. Saya mengharapkan supaya tindakan segera mengatasi masalah-masalah seperti ini tidak akan berlaku pada masa akan datang. Kita bukan disangka-sangka.

Kita tidak menyangka perkara ini akan berlaku di negara kita. Ini di luar jangka dan saya tidak salahkan sesiapa. Oleh kerana saya akan membuat satu teguran di sini. Bukan kritikan daripada rakyat negeri Sabah, tetapi teguran. Saya harap sesiapa yang tertuduh ini tidak mengambil hati, tidak kecil hati. Sebab banyak masalah yang dihadapi, terutama sekali pendaftaran, antara siapa yang naik gunung.

Kita tidak tahu statistik Tuan Yang di-Pertua. Berapa orang? Ada yang katakan sedemikian, 137 ada yang menyatakan 196. Mana yang betul. Rekod yang orang naik bukit, orang kampung yang naik gunung itu. Siapa? Kita tidak tahu sama sekali. Jadi saya tidak mengkritik kerajaan negeri. Tetapi ini satu teguran, supaya pada masa akan datang, rekod-rekod yang mendaki itu patut ada dalam senarai mereka. Jadi sekarang ini kita tidak tahu Tuan Yang di-Pertua berapa orang yang terkorban.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Manifest* yang tepat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *Manifest* yang tepat. Jadi ini satu teguran ya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Siapa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Lenggong... okey, okey.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Hari ini kita bercakap isu gempa bumi yang berlaku di Sabah. Kalau kita lihat laporan dari media, laporan daripada beberapa pakar yang mempunyai kredibiliti untuk bercakap isu ini, kekhuatiran ini bukan hanya berlaku di Sabah sahaja, tetapi disebut di Kuala Lumpur dan bandar-bandar utama. Sudah tentu ini sedikit sebanyak menimbulkan rasa bimbang di kalangan rakyat. Pertamanya tentulah mahukan supaya mereka dilindungi dan kerana itu apakah Yang Berhormat Putatan bersetuju kalau kita minta supaya kerajaan merancang dan merencana dan

mengemukakan pelan tindakan secara keseluruhan terhadap isu ini kerana terjadinya di Kundasang, ia sebenarnya mencetus kebimbangan di seluruh negara. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Putatan?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Setuju 200% dan masukkan dalam ucapan saya Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya setuju, terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Jadi kalau kita sentuh dengan pemusnahan yang terkorban, termasuklah harta benda, anggaran itu belum kita ketahui lagi. Jalan-jalan terputus, ada juga jalan-jalan kampung yang terputus, kita tidak tahu kemusnahan kerosakan dia berapa. Jadi saya harap kerajaan mengambil *step* untuk membuat tindakan segera di atas kemusnahan ini.

Bekalan air terputus, bangunan bukit runtuh termasuklah padang golf Tuan Yang di-Pertua di Ranau. *Track* menuju ke puncak itu teruk sekali. Sekarang ini tidak ada laluan. Jadi saya bercadang supaya satu tempat berteduh dibuat dengan serta-merta. Cadangan Yang Berhormat Kinabatangan yang 18 tahun ke bawah tidak dibenarkan. Saya tidak berapa bersetuju sebab ini minat daripada budak-budak sekolah, anak-anak murid dari sekolah ingin untuk naik ke Gunung Kinabalu. Itu bukanlah satu penyelesaian. Penyelesaian dia adalah melaksanakan benteng-benteng ataupun tempat-tempat berteduh sekiranya terdapat gegaran. Jadi mereka boleh berteduh dan malim-malim kita ini harus diberi latihan sepenuhnya pakar gunung. Jadi oleh kerana saya memberi ruang kepada sebenarnya banyak lagi perkara ini, saya harap Yang Berhormat Sepanggar boleh teruskan sentuhan dari...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya yang panggil Yang Berhormat Sepanggar Yang Berhormat, bukan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Sebab Yang Berhormat Kinabatangan yang senaraikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Sepanggar.

4.45 ptg

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan bacakan apa nota yang telah saya buat. Pada pagi Jumaat 5 Jun berlaku gempa bumi berukuran 5.9 skala richter. Gempa yang terbesar pernah berlaku dalam sejarah negara kita yang mengorbankan 16 pendaki tempatan dan juga pelancong asing. Tidak ada kata dapat diungkapkan, tidak mampu kita bayangkan bagaimana trauma dan takutnya pendaki terdiri daripada kanak-kanak seusia 12 tahun yang terperangkap dalam suasana yang menakutkan itu.

Apa pelajaran dan pengajaran yang kita peroleh daripada kejadian ini? Pertamanya dari segi peraturan kita kenakan had bahawa pendaki di bawah umur 18 tahun, saya setuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan, tidak dibenarkan mendaki kerana kita sedar mereka ini masih di

bawah usia di bawah umur yang perlu dikawal, dijaga oleh ibu bapanya walaupun dibenarkan untuk mendaki.

Keduanya sudah sampai masa dan saat kepada kerajaan mengambil langkah-langkah proaktif meningkatkan ciri-ciri keselamatan pendakian dengan membina laluan ataupun *track* mendaki dengan menyediakan *railing* yang kukuh bagi menggantikan tali. Saya lihat gambar-gambar yang *diviralkan* itu, pendaki-pendaki yang terkorban itu dengan tali-tali dia sekali jatuh ke bawah. Perlu juga dipasang tangga simen yang mana boleh dipasang lampu jalan seperti mana jalan raya ada di bandar ini di waktu malam kita boleh nampak cahaya supaya ini dapat memberikan *guidance* kepada pendaki-pendaki untuk turun naik.

Ketiganya membina semula *rest house* Laban Rata yang musnah sama sekali dengan *heater* dan kelengkapan stor untuk menempatkan selimut dan keperluan ubat-ubatan.

Tuan Yang di-Pertua, peraturan dan adat tempatan juga perlu diambil perhatian oleh para pendaki dengan pihak kerajaan menyediakan *handbook* pantang larang yang perlu mereka ikuti. Saya bagi contoh, dalam selepas gempa itu berlaku kekecohan di Kota Kinabalu di mana seorang anggota APMM telah membuat *posting* dalam *Facebook*nya yang berkata, '*Kena gempa bumi baru hendak kecoh, standardlah negeri penuh dengan sosial aktiviti, pub, night club terbanyak dalam Malaysia. Hendak goyangkan, Tuhan sudah bagi goyang, kenapa takut*'.

Ada lagi, "*Gempa yang berlaku sebab orang Kadazan-Dusun suka mabuk, percaya pada fahaman kafir*". Semua ini adalah perbuatan yang tidak sepatutnya dilakukan oleh anggota kerajaan. Saya syorkan di sini supaya pegawai ini diambil tindakan dan demi keselamatan dia melihat kepada komen-komen dalam *Facebook* itu pegawai ini yang terlibat perlu ditukar serta-merta daripada Sabah. Kerana kita khuatir keselamatan beliau. Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tuaran bangun Yang Berhormat.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sepanggar. Adakah Yang Berhormat Sepanggar juga mencadangkan supaya pegawai-pegawai keselamatan yang terlibat dalam penyelamatan *rescue and operation* terutama sekali di pergunungan supaya diberi latihan khas. Saya telah berbincang dengan malim-malim gunung pada hari...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, latihan *and equipment* Yang Berhormat.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Latihan, *equipment* satu lagi latihan dengan pengalaman di gunung itu. Mereka tidak berani naik dan sebenarnya ramai malim yang tidak terlibat langsung pada awalnya di kampung isteri saya sendiri, Bunotuhan 80 orang naik pada 6 hari bulan. Dia sendiri naik kerana mereka mahu menyelamatkan nyawa. Mereka berani naik sebab mereka mengetahui, dia tahu apa yang ada di atas. Akan tetapi pegawai-pegawai

keselamatan ini dia tidak tahu, bagaimana keadaan di atas bukit dan sebagainya dan adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya pasukan keselamatan yang sedia ada juga diberi latihan tentang gunung ini apabila membuat penyelamatan.

■1650

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Itu sebahagian daripada apa yang akan saya sebutkan sebenarnya. Masukkan dalam ucapan saya. Bukan itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Para malim kita ini walaupun dari segi fizikalnya nampak kecil, pendek macam saya, tetapi mereka ini kuat boleh mengangkat simen, mengangkat....

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Orang pendek hebat.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: ...dan apa-apa benda yang berat. Boleh berulang kali sampai lima kali sehari turun naik gunung. Jadi inilah kelebihan malim gunung yang berasal dari Ranau ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperingati mereka yang terkorban, salah seorang daripada isteri malim itu saya terbaca dalam *facebook* berasal dari Britain dan dia datang untuk melawat ataupun menziarahi mendiang suaminya dan saya difahamkan dia punya masa dia tinggal di Malaysia amat terhad. Jadi kita minta supaya kerajaan berikan pertimbangan khusus, kalau dia mahu tinggal setahunkah atau dua tahun untuk bersama dengan keluarga mertuanya, tolonglah berikan kelulusan khas.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang perlu diambil perhatian oleh kerajaan iaitu anggota malim ini mempunyai pengalaman yang luar biasa berbanding dengan anggota SMART kita terutama sekali dari segi pendakian gunung dalam keadaan situasi yang begitu kritikal. Maka mereka ini saya syorkan supaya diserapkan dalam anggota SMART kita dan diberikan pengiktirafan serta kalau boleh dibangunkan satu tugu, monumen di *National Park* itu dengan nama-nama dan gambar-gambar mereka yang terkorban itu diabadikan di situ supaya orang ramai dapat mengetahui pengorbanan kita. Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya menyokong usul yang di bawa oleh Kinabatangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Penampang.

4.52 ptg.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada rakan-rakan saya lebih-lebih lagi kepada Yang Berhormat Kinabatangan kerana memberi ruangan awal tadi dalam perjanjian. Saya dengan ahli-ahli dari sini dan juga di sana merakamkan simpati dan *condolences* kepada keluarga mangsa-mangsa 5 Jun 2015. Saya juga ambil nota bahawa sudah diberikan *freezes* kepada *effort* yang dibuat oleh kerajaan dan juga SMART *team* dan juga agensi-agensinya yang terlibat pada *search and rescue operation* itu. Akan tetapi ada – kerana singkat masa saya akan terus kepada isu yang *of concern*. Satu daripadanya

Tuan Yang di-Pertua adalah gambar yang kita nampak, *viral* dalam *What up* dan *Facebook* di mana mangsa seperti mana yang saya diingatkan oleh mayat *uncle* saya dari Putatan bahawa mayat diseret, *in a very uncivilized manner* oleh pegawai *rescue and search team* kepada helikopter.

I think they should learn how to carry the bodies properly, respects the dead, juga dengan *interview* yang diberi oleh Vee Jin Dumlao, di *Australian Broadcasting News* bahawa mereka tunggu selama sembilan jam dan mereka tidak dapat diselamatkan. Ia hanya diselamatkan melalui malim Kinabalu yang ada bersama mereka. Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Sepanggar, *we must honest this people*. Saya ingin menamakan empat mayat yang saya telah baca yang telah *sacrifice*, malim Kinabalu ini. Mereka ialah Valerian Joannes, Ricky Masirin, Joseph Solugin, dan nama yang selalu disebut adalah Robbi Sapinggi. *This are our heroes and our people of Kinabalu. [Tepuk]* Kepada keluarga mereka terima kasih *for them and for the sacrifices that they did for us*.

Saya juga ingin membawa satu perhatian bahawa kita telah diberi amaran kepada *expert* geologi dan meteorologi seperti Dr. Mohd Rosaidi Che Abas. Di Sabah, Dr. Felix Tongkol, dia telah memberi amaran bahawa gempa bumi ini akan menjadi lagi di Sabah. Dalam laporan yang saya dapat, sembilan gempa bumi di Ranau Sabah telah direkodkan tarikh dan skala *richtemya* oleh Jabatan Meteorologi adalah 1 Februari 2014 - 4.0 *richter*; 7 Mei 20113 - 3.0 *richter*; 9 April 2013 - 3.2 *richter*; 8 Februari 2010 - 2.6 *richter*. Banyak lagi rekod gempa bumi di Sabah *then I urge the government to immediately setup a serious unit concentrated purely to give us early warning*. Dengan itu, sekian lagi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu.

4.56 ptg.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera. Pertama sekali saya ingin ucapkan takziah kepada seluruh mangsa gempa bumi di Sabah yang berlaku pada 5 Jun yang lalu. Saya menyokong apa yang dicadangkan oleh Ahli Parlimen Kinabatangan untuk menubuhkan sebuah pusat bencana. Kita sama-sama orang Sabah, kita mesti bersatu pada masa ini. Ini adalah gempa bumi paling kuat pernah berlaku di Sabah. Terima kasih kepada *rescue team* yang terlibat dan kepada semua *volunteer* yang membantu operasi menyelamatkan. Memang sangat hebat sekali, *bravo! They are all our beloved heroes, it will be always be remember in history. You are really a friend indeed*, dengan izin.

Saya ingin menyeru kerajaan supaya tingkatkan *efficiency* pasukan menyelamatkan kerana banyak laporan mengatakan bahawa operasi di puncak gunung Kinabalu lewat tiba. Helikopter hantar bekalan makanan pun di tempat yang salah. Ini tidak patut berlaku Tuan Yang di-Pertua. Semasa lawatan ke Kundasang dan Ranau pada 7 Jun, banyak bangunan rosak seperti sekolah,

premis perniagaan, masjid, kuarters kerajaan dan rumah orang awam. Saya harap kerajaan akan memberi bantuan segera untuk menampung kos kerosakan mereka yang terlibat serta membina semula bangunan tersebut kerana sudah tidak selamat. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang segera memberikan bantuan dana sebanyak RM100,000 kepada ahli keluarga mangsa yang terlibat.

Begitu juga dengan Kerajaan Negeri Sarawak, Kerajaan Negeri Selangor, dan lain-lain. Apabila kejadian gempa bumi ini berlaku, kita dapat melihat kesungguhan dan kecekapan *mountain guide* menyelamatkan mangsa. Malah, mereka lebih cekap daripada agensi penyelamat kita. Oleh itu saya ingin cadangkan kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk serap *mountain guide* kepada jawatan tetap dengan gaji minimum RM3,000 sebulan. Dengan peruntukan yang juga diberikan oleh Kerajaan Persekutuan, Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains, Dato' Yunus berkata, Gunung Kinabalu dan Lahad Datu berisiko mengalami gempa bumi yang lebih besar. Saya setuju dengan cadangan beliau iaitu wujudkan sebuah pusat memantau gempa bumi.

■1700

Ini amat penting memandangkan sekarang negara kita tiada unit pemantauan terhadap penggerakan tanah. Profesor dari UTM juga berkata bahawa Semenanjung, khususnya di Kuala Lumpur juga mempunyai risiko mengalami gempa bumi. Saya juga cadangkan supaya kerajaan menubuhkan sebuah kaunseling unit bertujuan untuk memberi sokongan psikologi kepada mangsa dan penduduk sekitar yang trauma.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Pada masa yang sama saya cadang penubuhan sebuah unit pendidikan bencana yang bertujuan memberi pengetahuan dan latihan kepada masyarakat, terutamanya kanak-kanak di sekolah. Dengan ini rakyat akan lebih tersedia dan juga tahu apa yang mahu dilakukan jika berlaku bencana. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

5.01 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan yang telah membawa usul berhubung dengan gempa bumi di Ranau dan Gunung Kinabalu baru-baru ini. Terima kasih kepada kawan-kawan lain yang telah mengambil bahagian iaitu Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Penampang dan juga Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Sebelum daripada saya teruskan, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada agensi penyelamat, mencari dan menyelamatkan, termasuk juga individu serta

NGO. Di peringkat awalnya kena saya sebut dahulu sebab operasi ini belum habis lagi. Sekarang ini pasukan SAR masih berada di puncak sana untuk memastikan tidak ada lagi mangsa yang tertinggal dan membuat apa-apa yang perlu. Seramai 30 sekarang yang berada di puncak sana yang telah diterbangkan oleh helikopter sebanyak empat kali.

Terima kasih saya kepada teman-teman Sabah, malim gunung, agensi-agensi penyelamat yang kita jangan lupa bahawa mereka sedang bertungkus-lumus untuk mencari dan menyelamatkan. Akan tetapi bila kita tengok media sosial, seolah-olahnya mereka terpinggir. Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat, saya ucap terima kasih kepada polis, angkatan tentera, bomba dan penyelamat, JPAM, Kementerian Kesihatan, SMART *team*, individu, Kerajaan Negeri Sabah dan juga lain-lain sukarelawan. Kerajaan Pusat juga ingin mengucapkan takziah kepada mereka yang telah meninggal dunia yang terdiri daripada orang-orang tempatan dan juga orang-orang asing. Saya akan beritahu jumlahnya semasa saya membaca maklumat ini.

Pertama sekali, gempa bumi biasanya berlaku sepanjang garis sesar aktif ataupun *active fault line*, retakan memanjang di dalam bumi semasa pembalikan elastik berlaku. Kejadian gempa bumi di Ranau berkait rapat dengan kehadiran sesar aktif ini. Ini bukan dalam *ring of fire*. Ini adalah sesar aktif. *Ring of fire* ini ia duduk sebelah Sulawesi dan di sebelah sini yang dikaitkan dengan Kuala Lumpur itu ialah di sebelah Sumatera. Akan tetapi ini adalah garis sesar aktif. Jadi, retakan memanjang di beberapa tempat di Sabah dan juga di Semenanjung ini tempat yang dikenal pasti ialah di Bukit Tinggi.

Gunung Kinabalu terletak di kawasan sesar aktif tersebut. Kejadian gempa bumi yang bermagnitud 5.9 skala Richter pada 5 Jun 2015, jam 7.15 pagi merupakan gempa bumi yang paling kuat yang pernah berlaku di Malaysia. Kejadian gempa ini telah menyebabkan kerosakan kepada infrastruktur awam seperti masjid, sekolah dan premis perniagaan di Ranau serta runtuhannya batuan di Gunung Kinabalu. Sebanyak 116 gempa bumi telah direkodkan di seluruh Sabah sejak tahun 1976 dengan skala lemah sehingga sederhana.

Keupayaan sains dan teknologi sehingga kini cuma dapat mengesan gempa bumi sebaik ianya berlaku. Teknologi yang sama juga diguna pakai di negara-negara maju seperti di Amerika Syarikat, Jepun dan China. Sehingga kini terdapat enam unit alat pengesan iaitu *weak motion* iaitu di Sabah yang berkeupayaan mengesan gelombang gempa bumi. Unit-unit ini terdapat di Sandakan, Kudat, Kota Kinabalu, Sapulut, Tawau dan juga Lahad Datu. Sebanyak tiga alat pengesanan yang sama kini sedang dalam penambahan iaitu di Ranau, Semporna, Lembah Danum dan dijangka siap dalam bulan September ini.

Semasa kejadian gempa bumi di Ranau, maklumat awal yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi melalui sistem pesanan ringkas adalah pada 7.23 pagi iaitu lapan minit selepas kejadian. Selepas itu disusuli pula dengan makluman kedua yang dikemas kini pada jam 7.38 pagi, 23 minit selepas kejadian melalui SMS pada semua agensi pengurusan bencana. Satu kenyataan akhbar telah dikeluarkan kepada media untuk disebar kepada orang awam termasuk *crawler*

oleh Radio dan Televisyen Malaysia serta lain-lain stesen utama. Kenyataan akhbar turut dimuat naik dalam laman sosial dan juga laman web MetMalaysia.

Pusat Gempa Bumi dan Tsunami Nasional operasi 24 jam di ibu pejabat MetMalaysia, Petaling Jaya dan memantau kejadian gempa di seluruh dunia, khususnya di Malaysia secara *real time*. Pusat ini mempunyai tiga seksyen iaitu seksyen sistem amaran awal tsunami, seksyen teknikal geofizik dan seksyen pemodelan geofizik. Sebanyak 54 gempa dan gegaran susulan telah direkodkan selepas kejadian gempa utama pada 5 Jun, jam 7.15 pagi dengan gegaran susulan terakhir pada 7 Jun 2015, jam 9.31 malam.

Manakala kekuatan gegaran susulan tertinggi direkodkan pada 6 Jun 2015, jam 1.45 petang dengan bacaan 4 skala Richter. Jabatan Mineral dan Geosains telah menghantar sepasukan pakar untuk menilai dan merekod kesan daripada kejadian gempa ini. Pasukan ini sedang melakukan pemetaan dan mengenal pasti zon bahaya dan juga zon kawalan di sekitar kawasan Gunung Kinabalu.

Kejadian gempa bumi adalah satu benda yang tidak boleh diramalkan bila, di mana dan berapa magnitudnya. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada aktiviti tektonik dan sesar aktif di Sabah, kejadian gempa bumi boleh berlaku lagi di masa hadapan. Sehubungan dengan itu, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, Jabatan Neurosains telah merancang untuk melaksanakan kajian yang komprehensif...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bagi saya baca habis. ...komprehensif mengenai sesar aktif dan risiko gempa bumi. Kajian tersebut meliputi kawasan Ranau dan Lahad Datu di Sabah dan beberapa kawasan di Sarawak, Semenanjung Malaysia. Secara keseluruhannya bagi apa yang berlaku, seramai 294 orang yang terlibat dalam kejadian gempa bumi di Gunung Kinabalu ini yang terdiri daripada 222 orang warga tempatan dan 72 orang warga asing. Daripada jumlah ini seramai 276 orang terselamat dengan pecahan 216 orang warga tempatan dan 60 warganegara asing. Manakala 18 orang telah dilaporkan meninggal dunia seperti yang telah disebutkan.

Ya, sebenarnya dalam masa ini tidak perlu soal jawab ini. Akan tetapi saya bagi *chance*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Penjelasan ya. Oleh sebab ini melibatkan gegaran. Mana tahu di Dewan ini pun boleh gegar Yang Berhormat Menteri. Saya ada *curious* sikit, ada keraguan. Apakah benar bahawa gegaran gempa bumi ini tidak boleh dikesan awal iaitu cuma akan boleh dikesan selepas gegaran. Ini bermakna bumi sudah runtuh, baru kita boleh dapat kesan orang sudah mati. Bermaknanya, tiada gunalah kita kesan.

Jadi, apakah cuba Yang Berhormat Menteri betul-betul *clarify*, apakah benar tidak ada teknologi di dalam dunia ini yang boleh mengesan gempa bumi awal sebelum berlaku. Bermakna, kita boleh bagi maklumat, bagi *alert* kepada kawasan yang *time off* ia akan bergegar. Tolong beri

penjelasan betul-betul sama ada, ada atau tidak ada. Takut dituduh pula kita ini berbohong di Dewan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sebenarnya, bila saya pergi ke Kundasang, ke Kinabalu Park pada hari yang pertama kejadian, soalan yang pertama saya itu. Saya terus bertanya dan terus bertanya dan mendapat maklumat, dua-dua orang Ketua Pengarah berada di belakang sana dan maklumkan itulah teknologi yang ada.

■1710

Ini adalah di seluruh dunia. Dia tidak boleh kita kata, kita boleh kesan bahawa ini akan berlaku. Kita mungkin ada satu teknologi yang sedang dibina di Jepun untuk mengesan gempa ini. Akan tetapi walaupun dikesan, gempa yang sebenarnya berlaku, itu kita tidak tahu. Kita tidak tahu hari apa. Mungkin kita katakan sebulan akan berlaku gempa tetapi hari hendak berlaku kita tak tahu. Ini ialah yang dimaklumkan oleh MetMalaysia kepada saya dan saya minta mereka mengeluarkan kenyataan akhbar berhubung dengan perkara ini. Oleh sebab ini ialah soal teknikal yang saya tidak mahu mempertahankan perkara-perkara yang berhubung dengan mereka...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau begini, kita banyakkkan doa Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Doa sahaja yang boleh menyelamatkan kita kalau begini.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, ini ialah bila berlaku kejadian gempa tetapi Tsunami boleh kita sebut kejadian awal. Sebab apa? Ia berlaku gempa dulu, baru berlaku Tsunami. Itu sebab Tsunami, kita boleh kata, boleh dapat kesan awal sebab ombak yang akan datang kepada kita itu ia akan datang dalam tempoh mungkin sejam dan sebagainya. Berlaku gempa dahulu, baru berlaku tsunami. Akan tetapi gempa, kita tidak dapat kesan. Ini geosains bagi tahu dekat saya dan saya tidak boleh bercakap lebih daripada itu sebab saya bukan pakar geosains. Akan tetapi saya dimaklumkan bahawa ini yang telah...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, kita buang masa untuk membuat *lecture* ini. Seharusnya kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Menjawab kepada teguran-teguran kita itu. Ini kita tidak mahu dengar sebab kita sudah baca.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, ya, jadi saya, ini ialah soal teknikal yang biarlah...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, Lenggong sikit, sikit. Sikit sahaja.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya. Dalam peraturan dunia ini tak boleh diganggu hak kerajaan ya. [Ketawa]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Akan tetapi kepentingan awam ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar teliti tadi Yang Berhormat Menteri sebut perancangan Rancangan Malaysia Kesebelas. Lambat lagi ini. Kemudian Yang Berhormat Menteri sebut juga tadi bila-bila masa boleh berlaku. Jadi, isunya perkara ini boleh berlaku bila-bila masa. Akan tetapi nampaknya hendak tunggu Rancangan Malaysia Kesebelas. Jadi, ini kebimbangan. Soal yang saya sebutkan tadi dilaporkan dalam media dengan pelbagai pandangan dari pakar.

Ia menimbulkan suasana kegusaran di kalangan rakyat. Apa tindakan serta-merta kerajaan? Bolehkah tidak, kalau kita tidak ada kepakaran, bawa pakar dari Jepun, daripada negara-negara yang biasa mengalami isu ini untuk memberi nasihat kepakaran kepada kita. Oleh kerana ini isu besar yang bukan hanya melibatkan nyawa tetapi boleh meruntuhkan ekonomi. Bayangkan Yang Berhormat Menteri, *nau'uzubillah* kalau di Kuala Lumpur, Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, okey. Saya hendak memaklumkan bahawa tadi saya sebut bahawa ini ialah kajian. Jadi, saya sudah bagi tahu kepada MetMalaysia dan saya akan memaklumkan kepada menterinya supaya kajian itu dibuat serta-merta, tidak perlu ditunggu Rancangan Malaysia Kesebelas. Akan tetapi dalam kes ini, pemasangan alat itu, itu yang penting. Pemasangan alat itu saya telah sebutkan bahawa ia akan beroperasi dalam bulan September.

Akan tetapi untuk mengesan gempa di seluruh Malaysia ini, kita alat yang daripada KK, *the nearest one* ialah KK itu, sudah dapat mengesan, tidak ada masalah. Jadi, cuma hendak bagi spesifik, di Ranau itu dipasang alat dan kita akan beroperasi dalam bulan September. Yang Berhormat, dari segi soal teknikal saya ingat biar teknikal ini diselesaikan, biar MetMalaysia selesaikan perkara ini dan keluarkan kenyataan penuh supaya orang mengetahui bahawa ini dia kedudukan gempa bumi di seluruh dunia.

Akan tetapi untuk apa yang berlaku di Sabah ini dipanggil seperti yang telah saya sebutkan di peringkat awal iaitu garis sesar aktif. Ini bukan dalam *ring of fire*. Kita *ring of fire* ini berlaku ada di Sulawesi yang paling dekat sekali dan kalau berlaku Tsunami, sudah pasti ia akan mendatangkan bencana kepada kawasan sebelah Timur. Akan tetapi buat masa sekarang ini ialah berdasarkan kepada sesar aktif...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang ada, memang ada...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tolong jawapan yang teguran dulu, cadangan kami itu. Apakah apa komitmen kerajaan? Itu kita sudah baca semua itu Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang penting itu teguran kami itu dan cadangan dan adakah kerajaan membuat komitmen?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kalau Yang Berhormat tak ganggu saya, sudah pasti teguran termasuk dalam ucapan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Berapa panjang?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak. Akan tetapi Yang Berhormat hendak cakap, saya sudah tahu. Itu sebab saya tulis. *[Ketawa]* Yang Berhormat, berhubung dengan teguran tadi, saya hendak bagi tahu ini ialah berhubung dengan malim gunung dan juga pasukan penyelamat. Dia ada jarak beza. Akan tetapi saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat, ini kedudukan malim gunung, siapakah mereka? Yang pertama, kriteria untuk menjadi malim gunung. Yang Berhormat pun belum tahu berapa orang malim gunung di Sabah. Di Sabah kita ada 150 orang. Untuk membolehkan mereka menjadi malim gunung, mereka mestilah tinggal sekitar Gunung Kinabalu. Kenapa disebut sekitar Gunung Kinabalu? Sebab dia kena *acclimatize*, dengan izin, suasana bernafas di tempat tinggi. Yang Berhormat, saya pernah naik Gunung Kinabalu, ada sijil ya dan saya tahu tang mana yang bengkok, yang patah itu.

Saya hendak bagi tahu Yang Berhormat, apabila kita naik di peringkat tinggi, udara nipis. Makna kata, kita bernafas pendek dan kurang bertenaga. Akan tetapi bagi orang yang sudah *acclimatize*, dia boleh berjalan dengan cepat dan boleh bernafas dengan cepat. Yang Berhormat, Yang Berhormat ini, ini tak boleh ganggu ini. Tahu? Yang Berhormat, bagi saya habis dahulu. Yang Berhormat Bintulu, bagi saya habis dahulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Mahu tanya sikit...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bagi saya habis sat dulu sebab nanti terganggu jawapan ya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Oh, boleh, boleh, boleh.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ini adalah berhubung dengan malim gunung. Sihat tubuh badan, tidak terlibat dengan aktiviti jenayah. Mempunyai kelulusan Tingkatan Tiga, boleh berbicara dan menulis. Ini yang penting, tolong dengar ini. Dia mesti mengikuti kursus asas pertolongan cemas, *rock climbing* dan juga pengenalan flora dan fauna. Mereka mesti membawa tidak lebih daripada enam orang, Yang Berhormat. Tugas mereka ialah memandu arah dan juga memberi pertolongan di mana yang perlu semasa pendakian dibuat. Jadi, itulah sebahagian daripada tugas mereka untuk memastikan supaya anggota yang dibawa itu tertuju ada arah pandunya dan dalam masa yang sama, mereka memberi pertolongan di mana yang perlu.

Semasa kejadian berlaku, kita tahu bahawa untuk orang biasa, saya sendiri agak lambat perjalanan saya. Bila saya membuat pendakian, walaupun saya semasa saya mendaki dahulu, saya masih kuat lutut orang kata, itu pun saya buat tujuh jam mendaki dan turun lima jam. Johan pendakian gunung ialah dua jam 28 minit, itu beza.

Saya sendiri buat 12 jam. Jadi Yang Berhormat, orang SAR di peringkat bawah ini daripada Gerbang Timpohon untuk sampai ke Laban Rata, itulah masa yang mereka kena. Sudah

pasti sebab mereka ini kumpulan SAR, saya percaya saya tidak dapat lagi tempoh waktunya. Akan tetapi sudah pasti mesti ada tempoh di antara empat ke lima jam untuk mereka sampai ke sana.

Okey Yang Berhormat, bila sahaja kita dapat maklumat- boleh tak saya cerita sikit apa yang berlaku.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Berlaku sudah dah. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]* Memanglah, ini Putatan ini selalu kacau sahaja. Yang Berhormat Menteri, tadi saya tertarik isu alat. Kita masalah sini kita selalu tidak ambil proaktif *move*. Macam-macam berlaku dalam negara. *We only reactive*, kita tidak proaktif. Contoh, macam kita gempa bumi, memang kata ini pertama kali banyak teruk. Akan tetapi dulu sudah kena ada sikit-sikit. Akan tetapi *we take it easy*, dengan izin. *We take it lightly*, kita tidak bersedia. Kita fikir selalu kita tidak akan kena ataupun tidak akan jadi. Masalah sampai hari ini saya tengok ini kata *rescue team*. Kita perlu ada lagi betul-betul *rescue team*, aspek dalam ini, hal-hal bencana ini. Macam itu *pilot* semua kita tidak *training* cukup. Masa itu kita pun buat datang macam itu helikopter semua, kita takut pembangkang balun. Sekarang apa sudah jadi? Tanya pembangkang, siapa mahu tanggung? Kita boleh berani sikit, belilah peralatan yang canggih. Bila masa... *[Disampuk]* ...juruterbang... memanglah, ini kongkalikunglah. *[Ketawa]* Itu *all the equipment must be well equipped*. Kita *spend money* sikit. Jangan kita beli peralatan dia orang bisung, kita pun takut. Sampai ini kejadian, dia orang patut pembangkang maki sama kita sahaja.

■1720

Rancangan Malaysia Kesebelas kasi masuklah. Kasi masuk sekarang. Kalau boleh..

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini Rancangan Malaysia Kesebelas lambatlah Yang Berhormat Bintulu, ini segera.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini mustahak.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya ada 10 minit sahaja Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak apalah rakyat punya nyawa lagi mustahak. Rakyat punya nyawa lagi mustahak. Kita berkali-kali berlaku barulah kita hendak fikir macam mana hendak selesai. Macam tentera itu semua kita hantar pergi luar negara kasi *training* sama dia, termasuklah pilot semua. Hantar pergi mana-mana negara *rescuing expert*. Masuk baru boleh tolong.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey, Yang Berhormat. Saya hendak jawab Yang Berhormat. Pertama sekali, saya hendak beritahu bahawa anggota penyelamat, aset-aset yang telah dihantar ke sana ialah 3 helikopter daripada Tentera Udara, satu daripada Eurocopter, dua daripada polis dan satu daripada bomba. Ini ialah jumlah helikopter. Yang Berhormat semua pilot untuk SAR ialah *search and rescue*, dengan izin ialah pilot yang berpengalaman.

Saya tengok semua di sini. Pengalaman pilot yang telah terbang 2000 jam dan sebagainya. Yang Berhormat kena terima hakikat semua ini bahawa ini Gunung Kinabalu, Laban Rata, tinggi dia 10,000 kaki Yang Berhormat. Gunung Kinabalu sendiri tingginya lebih daripada

13,000 kaki. Yang Berhormat, helikopter polis yang pertama sampai telah cuba untuk mendarat tetapi tidak dapat dan mereka walau bagaimanapun berjaya menurunkan selimut dan juga makanan.

Ini contoh helikopter ya, 6 hari bulan Yang Berhormat, helikopter telah mencuba dan saya berada di sana. Yang Berhormat, di sana helikopter hanya mampu mendarat 1 minit lebih sebab angin terlampau...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Menteri paling mustahak buat ini *search and rescue* punya helikopter mesti mahu besar sedikit. Jangan helikopter kecil punya angin tiup satu kali sudah mahu terbang pergi mana pun tidak tahu. Bagilah besar sedikit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pinjamlah Yang Berhormat Bintulu punya. Begitu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Itu setuju, itu setuju membeli helikopter yang lebih besar itu setuju. Okey dan saya telah sebut baru-baru ini semasa banjir kita menghadapi masalah sebab helikopter kita tidak dapat turun di beberapa tempat kerana awan yang tebal tetapi pada 6 hari bulan bomba telah berjaya mengeluarkan 6 mayat. Bomba ini ialah berkapasiti besar dan TUDM telah mengeluarkan 3 mayat. Pada 7 hari bulan kita keluarkan 5 mayat tetapi 8 hari bulan kelmarin, kelmarin kita tidak boleh terbang.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Menteri itu bomba punya helikopter sangat kecil. Itu kalau bomba angin tiup kuat sikit sudah hilang itu nanti kita mahu *search* sama dia lagi. Helikopter pergi mana. [*Dewan riuh*]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar Yang Berhormat minta supaya beli helikopter yang besar saya setuju. Cukuplah hendak cakap apa lagi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Boleh disegerakan tidak?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Disegerakan ini kena berunding dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ya lah, berbincang sama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang dia sangat ambil perhatian atas isu ini.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *Sure*, tepat sekali. Okey Yang Berhormat. Saya hendak beritahu pilot saya bercakap tadi dengan pilot. Dia tanya apa pengalaman kamu? Ini pengalaman seorang pilot bomba. Dia beritahu dia adalah antara pilot yang cukup senior. Dia beritahu dia cuba 4 kali. Cuma dia berjaya kali yang terakhir, kali ketiga dia hampir, dia terpaksa terbang mengikut angin dan selepas itu mereka minta supaya salah satu daripada pokok itu dipotong untuk membolehkan helikopter mendarat. Bila dia mendarat dia mengeluarkan 6 mayat. Itu percubaan yang dibuat dalam keadaan Gunung Kinabalu dia punya angin lain. Anginnya tampan di gunung dan dia datang balik, *turbulence* yang cukup hebat.

Jadi Yang Berhormat berhubung dengan cadangan penambahan aset itu dipersetujui tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat kita berbincang ini pertama sekali kita ambil maklumat

daripada media sosial. Media sosial menunjukkan gambar seolahnya ada anggota tarik mayat tetapi gambar yang sebenarnya kita telah terangkan. Saya telah edarkan di kalangan anggota Ahli Parlimen pun saya sudah edarkan. Itu dia gambar yang sebenarnya.

Sebab apa helikopter itu mendarat dalam masa 1 minit 30 *second*. Dia kipas tidak diberhentikan. Dia terpaksa bergerak dengan cepat kalau tidak di akan menghadapi pelbagai masalah di gunung sana. Jadi saya walau bagaimanapun, saya untuk yang ini saya hendak ucapkan terima kasih kepada unit helikopter kita daripada polis, tentera, bomba dan walaupun Eurocopter kita tidak dapat mendarat tetapi mereka telah membuat percubaan.

Saya juga berterima kasih kepada Ketua Menteri Sabah yang telah mengumumkan supaya Majlis Rumah Terbuka Malaysia kalau setakat makan itu dibatalkan kerana menghormati kepada kejadian gempa bumi yang telah berlaku. Maknanya pada 8 Jun yang lepas, telah diisytiharkan sebagai hari berkabung kepada seluruh negeri Sabah bagi memperingati mangsa yang terkorban akibat gempa.

Selain daripada itu taman-taman Sabah juga telah mengumumkan penutupan serta-merta secara sementara di kawasan sekitar Gunung Kinabalu bagi memberi ruang pekerjaan kerja-kerja pembaikan. Penutupan ini termasuklah program-program awam dan juga lain-lain lagi. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengadakan lawatan dan mengumumkan wang bantuan ihsan sebanyak RM10,000 akan diberikan kepada keluarga mangsa yang terkorban. RM5,000 adalah daripada Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana dan RM5,000 lagi ialah merupakan sumbangan kerajaan negeri Sabah.

Selain itu sumbangan sebanyak RM2,000 turut akan diberikan kepada mangsa yang cedera dan RM1,000 kepada mangsa yang selamat dan tidak cedera. Sehubungan wang ihsan ini hanya akan diberikan kepada warganegara Malaysia yang merupakan mangsa kejadian Gunung Kinabalu. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan lawatannya sebentar tadi di Ranau telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM10 juta kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi memperbaiki kerja-kerja membaik pulih kerosakan di Gunung Kinabalu.

Jadi apa Yang Berhormat cadang itu kita sudah bagi RM10 juta. Penubuhan Jawatankuasa. Yang Berhormat, arahan 20 itu meliputi semua, meliputi gempa, ribut, banjir, kemalangan industri dia semua telah disenaraikan dan tiap-tiap satu ada jawatankuasa. Jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Ranau ini...

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sandakan, tidak ada masa sudah Yang Berhormat Sandakan. Kita perlu...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ranau ini polis sementara Pengerusi SAR adalah bomba. Ini kita buat jawatankuasa yang telah ditentukan oleh arahan 20 Majlis Keselamatan Negara. Jadi Yang Berhormat oleh kerana tidak ada masa semua yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil tindakan yang sewajarnya dan taman-taman Sabah

walaupun Menteri Pelancongan telah umumkan bahawa 3 minggu akan ditutup tetapi kita belum tahu lagi keadaan sebenarnya berapa lama akan ditutup.

Walau bagaimanapun, kita hendak ucap terima kasih kepada beberapa tabung yang ditubuhkan termasuk membantu malim-malim gunung yang terhenti pekerjaan ataupun pendapatan mereka oleh kerana gunung ini ditutup. Saya tengok banyak senarai tabung bantuan ini termasuk salah satu daripadanya yang terkini ialah daripada Wanita UMNO Malaysia memulakan dengan RM20,000 dan kerajaan-kerajaan negeri serta parti-parti politik telah mengisytiharkan akan memberi bantuan kepada mangsa bencana terutamanya malim gunung.

Saya juga hendak maklumkan bahawa sementelahan saya sebahagian daripada anggota Yayasan Ikhtisas Islam Malaysia kita mengumumkan bahawa kita akan beri bantuan kepada malim gunung sahaja RM100,000. Bagi kerajaan-kerajaan negeri termasuk Selangor dan lain-lain lagi yang hendak umumkan boleh beritahu kepada saya bagi signal sedikit hendak tunjuk berapa ataupun tidak mahu beri lagi ataupun sebagainya terpulang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Akan tetapi yang paling penting di sini kita melahirkan rasa simpati yang tidak ada tolok bandingnya kepada mereka yang telah ditimpa kemalangan.

Kemudian yang keduanya kita berterima kasih yang tidak terhingga terutamanya malim gunung peringkat awal dan selepas itu diikuti oleh kumpulan mencari dan menyelamatkan dan juga semua pihak. Jadi terima kasih banyak-banyak dan kita tidak mahu membandingkan mana-mana orang yang telah memberi sumbangan sehingga ada orang lain yang kecil hati. Saya hendak beritahu ada dua-tiga orang malim gunung yang saya jumpa di kata kenapa pameran muka saya.

■ **1530**

Saya bukan satu orang yang membantu mangsa. Kami ada kumpulan. Saya ambil kumpulan yang terakhir jadi gambar dia masuk. Dia kata pameran gambarnya seorang seolah-olah dia menjadi hero padahal kumpulannya adalah kawannya daripada peringkat awal Laban Rata, tanggung orang yang kedua dan sebagainya.

Demikian juga pasukan penyelamat. Saya hendak beritahu bahawa di pihak kerajaan ini ialah kita hendak ucapkan terima kasih tetapi media sosial kadang-kadang dia mengambil secebis berita dan dianggap itulah bantuan mencari dan menyelamatkan. Berhubung cadangan supaya kita membeli helikopter dan sebagainya, ini telah pun diputuskan di peringkat awal lagi semasa banjir baru-baru ini.

Kemudian cadangan-cadangan yang telah dibawa oleh Ahli Yang Berhormat berhubung dengan jawatankuasa khas. Jawatankuasa yang ada sekarang ini sebenarnya memadai tetapi kita akan bermesyuarat di peringkat negeri, Majlis Keselamatan untuk melihat sejauh mana jawatankuasa ini dapat dipertingkatkan.

Walau bagaimanapun saya hendak beritahu kumpulan mencari dan menyelamatkan yang ada yang telah dihantar ke sana itu mencukupi untuk membantu mereka yang terlibat dengan kejadian gempa. Kita kena ingat bahawa baru-baru ini banjir besar yang berlaku menyebabkan 750,000

orang. Kita walaupun ada sedikit komen pada hari pertama tetapi pada hari yang kedua pasukan penyelamat dan juga Jawatankuasa Bencana di peringkat daerah telah dapat mengendalikannya dengan baik.

Demikianlah jawapan saya. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat hendak cakap apa lagi, itulah yang kita ada. Kita bersimpati, kita berterima kasih dan kita tidak mahu mana-mana pihak menggunakan gambar-gambar tertentu untuk mengatakan itulah sebenarnya yang berlaku. Kita telah jawab semua dan kena ingat bahawa bukan orang yang membantu untuk mencari dan menyelamatkan itu walaupun mereka kecil hati saya hendak beritahu bahawa kami pihak kerajaan dan juga Ahli Parlimen semua berterima kasih kepada usaha-usaha mereka dan tidak ketinggalan kepada hero-hero tidak didendang, malim-malim gunung. Terima kasih, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masa sudah cukup dalam perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan yang demikian saya tutup perbahasan ini. Saya jemput Yang Berhormat Jelebu untuk menyambung lima minit Yang Berhormat.

[Perbahasan atas RMKe-11 disambung semula]

5.32 ptg.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya baru cakap lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Dekat mana saya berhenti tadi? *[Ketawa]* Ini berkaitan dengan kos sara hidup. Kos sara hidup yang semakin meningkat dan angka yang telah saya kemukakan tadi tidak akan memberi makna kalau sekiranya kita mencapai per kapita yang tinggi pun kalau dengan per kapita dan jumlah itu tidak dapat membeli barang sama dengan apa yang kita dapat hari ini.

Oleh sebab itu saya seru dan minta kerajaan menyatakan langkah-langkah dan tindakan yang perlu diambil dan disusun bagi memastikan sara hidup ini atau *cost of living* ini dengan izin terus kekal dan tidak membebankan rakyat.

Berkaitan dengan kos sara hidup itu saya juga hendak tahu daripada kerajaan, apakah inisiatif-inisiatif dan langkah-langkah yang hendak diambil terhadap masyarakat luar bandar yang bergantung hidup kepada komoditi-komoditi asas getah dan juga kelapa sawit ini yang harganya semakin hari semakin menurun dan ini juga merupakan suatu yang akan membebankan mereka walaupun kita mencapai negara maju 2020 tetapi mereka di kampung dan luar bandar akan terus berada pada tahap yang sedemikian. Ini minta penjelasan daripada kerajaan apakah cadangan-

cadangan dan juga langkah-langkah yang hendak diambil tindakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya dengan lajunya menyatakan supaya EPU ataupun Economy Planning Unit dengan izin dapat melihat semula akan doktrin konvensional mereka dalam menentukan *priority* projek-projek dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini, di mana biasanya EPU akan meletakkan projek-projek itu menjadi keutamaan sekiranya memenuhi syarat yang boleh menyumbang kepada pertambahan KDNK ataupun menyumbang kepada kesan baik kepada ekonomi.

Jadi ini menyebabkan elemen-elemen itu tidak ada di kawasan luar bandar. Elemen-elemen itu banyak berada di bandar. Jadi menyebabkan selalunya projek-projek ini ditumpu kepada kawasan yang memang sudah membangun dan mempunyai kemudahan asas. Kalau sekarang sudah ada internet, hendak pergi kepada lebih tinggi lagi, kalau sekarang sudah ada jalan yang baik, ia hendak ada MRT dan sebagainya.

Akan tetapi di kampung kalau dibuat impak kepada GDP itu tidak bagus ataupun tidak tinggi dan impak kepada ekonomi itu pun tidak tinggi. Jadi menyebabkan tidak ada *priority*. Jadi oleh sebab itu kalau dasar ini tidak berubah maka kawasan luar bandar akan terus ketinggalan dan menjadi *less priority* selama-lamanya.

Jadi oleh kerana itu saya mohon kepada kerajaan melihat semula dasar EPU ini dan dalam konteks itu saya Parlimen Jelebu mohon supaya satu projek yang menjadi *catalyst* kepada pembangunan masa akan datang ditempatkan di Jelebu khususnya berkaitan dengan permohonan ini sudah saya bangkitkan dahulu untuk ditempatkan sebuah pusat pengajian tinggi awam di kawasan itu sebagai pemangkin kepada ekonomi masa depan kawasan Parlimen Jelebu.

Berkaitan dengan itu juga dahulu saya bangkitkan kepada dalam Dewan ini untuk dibina sebuah jalan baru, jalan keselamatan daripada Triang Hilir ke Kampung Cenah itu. Ini merupakan menyambung Dewan Undangan Negeri Cenah itu yang sekarang ini terpisah oleh sebab tiadanya jalan yang menghubungkan dua tempat Triang Hilir dan Kampung Cenah ini menyebabkan kita terpaksa melalui beberapa kawasan Dewan Undangan Negeri lain sebelum sampai ke bahagian lain di Dewan Undangan Negeri Cenah itu.

Seterusnya yang kedua berkaitan dengan keberkesanan khidmat dan juga sistem *delivery* kerajaan khususnya berkaitan dengan konsolidasi pejabat-pejabat perkhidmatan kerajaan dan juga GLC. Ini umum bukan sahaja di Jelebu tetapi di kawasan-kawasan Parlimen lain juga begitu termasuklah Tampin di mana sebagai contoh TNB atau Tenaga Nasional Berhad kalau di Jelebu itu ada pejabatnya tetapi keputusan semua ditadbir di kawasan Kuala Pilah.

Oleh sebab itu *delivery* dan keputusan tidak boleh dibuat di kawasan kita. Ini tidak efektif dan kita mohon supaya GLC-GLC yang seumpama ini melihat balik semula supaya melihat persempadanan Parlimen itu sebagai struktur pejabat pengurusan mereka kalau mahu menjadikan khidmat kepada rakyat berkesan dan juga efektif.

Begitu juga dengan pejabat pendidikan daerah. Ini juga sudah saya bangkitkan di dalam persidangan-persidangan yang lepas Parlimen Jelebu dan daerah Jelebu, pegawai pendidikan atau pejabat pendidikan daerah itu bergabung dengan daerah Jempol. Jadi oleh kerana itu semua keputusan pembesar-pembesar negara berada di Jempol.

Jadi oleh kerana itu kalau permasalahan di Jelebu lambat responnya, lambat tindakannya dan ia tidak boleh memberi tumpuan kepada keperluan-keperluan di dalam daerah dan kawasan Parlimen yang saya wakili itu. Oleh sebab itu saya perlu mengingatkan semula Kementerian Pendidikan supaya ambil perhatian ini kalau mahu melihat *effectiveness* kepada khidmat dan juga *delivery* kerajaan.

Sehubungan dengan itu juga lawatan saya ke Sekolah Menengah Triang Hilir, saya dapati sekolah ini ada satu bangunan yang dibuat secara gotong-royong dan sumbangan orang ramai dan bangunan itu tidak mempunyai sijil kelayakan. Oleh kerana itu wajar kementerian melihat bangunan ini diruntuhkan dan dibina satu bangunan baru yang bertingkat dan disediakan dewan dan juga mempunyai pejabat gurunya. Oleh sebab gurunya duduk dalam satu kelas bilik gurunya dengan 30 orang yang tidak selesa, bagaimana mereka hendak memberi pendidikan dan khidmat yang lebih sempurna.

Seterusnya ialah soal kesejahteraan rakyat. Saya terpaksa sebut perkara ini kerana saya dibisikkan oleh kakitangan KEMAS dalam kumpulan M17 ini, dalam penstrukturan semula kakitangan KEMAS dan juga kakitangan-kakitangan kontrak lain di jabatan-jabatan kerajaan yang lain dikatakan tidak diserapkan ke dalam jawatan tetap yang sedang mereka susun sekarang ini kecuali mereka yang ada diploma dan seterusnya kumpulan ini akan dimasukkan dalam kakitangan tetap.

Akan tetapi kumpulan M17 terkeluar dan menyebabkan mereka yang sudah berkhidmat berpuluh tahun ini tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya.

■1740

Oleh sebab itu saya mohon Kementerian Luar Bandar supaya memberikan perhatian dan timbangan semula kepada kakitangan ini termasuklah kakitangan PAR atau Pembantu Am Rendah ini yang dibayar RM400 sebulan dan mana boleh menjalankan kehidupan yang sedemikian rupa.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua iaitu ada satu kampung, Kampung Dusun Durian di mana ia memerlukan masjid baru. Masjid ini sudah dibina lebih daripada 30 tahun dan kawasan sekeliling sudah membangun begitu baik tetapi tidak nampak penyerlahan pembangunan itu kerana mempunyai masjid di tengah-tengah bandar yang sudah usang dan disambung begitu banyak dan menyebabkan *ventilation* yang tidak baik dan sebagainya.

Jadi akhirnya saya yakin dan percaya bahawa Rancangan Malaysia Kesebelas yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini mempunyai kewajaran dan ketepatan waktunya dan akan beroleh kejayaan dan *insya-Allah* kita akan berjaya mencapai

Wawasan 2020, negara maju berpendapatan tinggi ini. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

5.41 ptg.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, 15 minit Yang Berhormat ya.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya teruskan saya ingin menyatakan sokongan penuh kepada *Parliamentary reform* oleh Tuan Yang di-Pertua iaitu menjalankan *Prime Minister' Question Time*. Jika kita mahu menjadi negara maju dan moden, kita perlu pastikan Institusi Parlimen kita juga maju dan ke hadapan. Jangan jadi harimau kertas Tuan Yang di-Pertua, seolah-olahnya hanya dikawal oleh *outsider*, contoh IGP.

Langkah pertama ialah *Parliamentary reform* barulah kita boleh menjadi negara yang kuat dan maju ke hadapan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesebelas bagi Sabah. Sabah antara paling banyak dapat peruntukan Rancangan Malaysia dari RMKe-8 hingga RMKe-10 sebanyak lebih RM11 bilion diberi kepada Sabah. Namun saya rasa sedih kerana pertumbuhan ekonomi Sabah hanya 30% sahaja. Alah susahnya ini. Angka 30% ini kurang daripada 50% dari purata pertumbuhan nasional iaitu sebanyak 6% Tuan Yang di-Pertua. Kita sama-sama orang Sabah malu lah, betul-betul. Ia perlukan 10 tahun hingga 20 tahun untuk perlu pulih.

Persoalannya ialah apakah peruntukan projek-projek pembangunan Rancangan Malaysia ini dapat dilaksanakan dengan baik untuk tempoh lima tahun akan datang. Berapakah jumlah perbelanjaan kerajaan untuk capai sasaran pendapatan bulanan, purata isi rumah kepada RM10,540 pada tahun 2020, yang mana purata pendapatan isi rumah Sabah masa kini adalah hanya RM4,000. Mahu tingkatkan RM6,000 lagi dalam masa lima tahun. Apa macam boleh tingkatkan? Selain itu, adakah RMKe-10 sudah siap atau terus *keep on rolling*, dengan izin. Jika belum, berapa peratus projek RMKe-10 Sabah sudah selesai dan berapakah dalam pembinaan? Mengapa berlaku kelewatan? Saya mohon jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, isu dan masalah di Kota Kinabalu. Kota Kinabalu tidak boleh menjadi sebagai *growth catalyst city* tanpa *process democratization*, dengan izin. Hanya melalui proses ini. Misi untuk menjadikan Kota Kinabalu sebagai *growth catalyst city akan* mencapai matlamat. *Process democratization* bermaksud adanya agihan kuasa iaitu peralihan kuasa dari pusat kepada peringkat tempatan melalui Pilihan Raya Kerajaan Tempatan iaitu ialah satu-satunya cara untuk menjamin kepentingan penduduk tempatan. Saya ingin cadangkan supaya Kerajaan Negeri Sabah laksanakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan untuk membeli *mayor dan councilor* dan ia boleh mulakan di kota Kinabalu.

Tuan Yang di-Pertua, antara masalah utama di Kota Kinabalu ialah kesesakan lalu lintas dan kurang tempat letak kenderaan. Jika kita mahu Kota Kinabalu sesak seperti Kuala Lumpur. Soalan saya, bilakah kerajaan akan tunaikan janji membina tapak letak kereta bertingkat di kawasan Foh Sang. Sampai sekarang 500 petak *car park* itu masih belum dibina. Sudah setahun janji. Tuan Yang di-Pertua, selain itu saya ingin menyeru kerajaan mencontohi Copenhagen yang sediakan lalu basikal dan seluruh bandar.

Dalam pelan koridor Sabah, kerajaan merancang laluan basikal sepanjang 23.5 kilometer dari Tanjung Aru ke Universiti Malaysia Sabah. Akan tetapi hingga sekarang Tuan Yang di-Pertua, hanya lima kilometer sahaja siap dibina mengambil masa tujuh tahun Tuan Yang di-Pertua. Ini apa macam ini? Macam malas pula. Bilakah, ada tinggalan lagi 19.5 kilometer akan disiapkan. Ini jalan kaki sahaja, kaki yang jalan untuk basikal sahaja. Jumlah projek ini adalah RM17.5 juta. Berapakah yang telah digunakan? Siapkan hanya kurang lebih lima kilometer.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Jika laluan pejalan kaki dan basikal tidak boleh disiapkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan bangun Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Dengan baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ya. Yang Berhormat Putatan nanti dulu. Inikan pula projek-projek lain. Basikal bukanlah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan masih bangun Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Basikal bukan sahaja aktiviti sihat tetapi dapat promosikan pelancongan dan mengasah bakat sukan bertaraf dunia. Kota Kinabalu adalah bandar pelancongan. Berjalan tahun 2020, kita perlu fokus kepada naik taraf kemudahan mesra berguna seperti laluan pejalan kaki dan basikal ini.

Saya juga ingin bertanya berapakah nilai projek *city cruise* terminal. Bilakah boleh dibinakan?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh Yang Berhormat Kota Kinabalu?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Dan bolehkah disiapkan? Bolehkah disiapkan semasa tahun 2020.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Sebab Yang Berhormat Kota Kinabalu sentuh kawasan saya.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Jangan terlampau banyak ya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Sebab sentuh. Bagilah laluan saya cakap dahulu, duduklah, duduk, ya lah duduklah duduk.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sudahlah, jangan cakap sahaja kamu.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini Yang Berhormat Bintulu kacau. Ini Menteri dia dengar, ini soal laluan basikal di Tanjung Aru, yang mana ya Yang Berhormat? Ini banyak betul peruntukan Yang Berhormat sentuh tadi itu. Adakah itu peruntukan daripada Kerajaan Pusat atau pun daripada kerajaan negeri. Jadi saya terkeliru sikit sebab saya dengar ini kerajaan...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: ...Peruntukan dari Kerajaan Pusat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Dari Kerajaan Pusat ya.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Cukuplah, cukup biar saya habiskan

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Barisan Nasional lah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: ...Sampai KK,..

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jadi Yang Berhormat..

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Sampai Kota Kinabalu, sama-samalah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya bantu Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Pergi sembang di luar lah kalau macam ini.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: So, kita sama satu keluarga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sorang-sorang Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya tahu

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kalau macam ini sembang luar lah senang.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: ...Seorang yang dikatakan bumiputera.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini, ini, ya saya bantu dia. Saya difahamkan Yang Berhormat ini juga mempunyai...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: ...Cukup sudah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ada mempunyai mahkamah negeri punya *certificate*...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Okey Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat bagi lagi. Banyak saya masa ... sudah singkat...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Perjelaskan bahawa...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: ...Suruh diam, minta dia duduk.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: ...Jangan kacau sudahlah.. ini tidak ada kaitan sama dia punya cadangan lah. [*Dewan riuh*]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua, suruh mereka sembang luar. [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan duduk.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, sistem pengangkutan awam di Kota Kinabalu masih ketinggalan.

■ 1750

Walaupun KPKK telah merangka pelan dasar bagi pengangkutan awam Kota Kinabalu, ia tidak mampu tercapai tanpa sokongan Kerajaan Persekutuan daripada segi inisiatif dan peruntukan. Seperti yang dirancang dalam Koridor Pembangunan Sabah dan *Greater Plan Kota Kinabalu 2008*, pembangunan pengangkutan awam sepatutnya sudah dimulakan. Bilakah projek bas rapid transit akan dimulakan? Berapakah nilai projek ini? Sebagai MP Kota Kinabalu, saya tidak minta banyak, kita minta *BRT service* dibangunkan. Ini paling minimum kita minta. Bolehkah kerajaan terima, *honest request* ini.

Selain itu, antara projek yang tertangguh ialah pembinaan Terminal Kepayan. Terminal Kepayan masih tertangguh, bilakah ia akan dimulakan? Adakah dalam lima tahun boleh disiapkan, Tuan Yang di-Pertua? Saya juga ingin bertanya berapa banyakkah *fly over* yang akan dibina dalam lima tahun bagi *Plan Greater Kota Kinabalu*, dalam lima tahun ini, dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Tuan Yang di-Pertua, serap GST. Bagi kurangkan kos hidup rakyat, saya cadangkan supaya Kerajaan Sabah serap cukai GST seperti dilakukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Sarawak, Terengganu dan Johor. Saya menggesa Ketua Menteri Sabah segera umumkan penyerapan GST oleh Kerajaan Sabah. Bagi pandangan saya, jika Kerajaan Sabah prihatin, mereka perlu berbuat demikian kerana Sabah mempunyai bajet yang paling tinggi iaitu setiap tahun lebih RM4 bilion Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya Sabah mampu tampung kos serap GST kerana mempunyai sumber yang banyak dan cukup seperti petroleum, balak, minyak sawit dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua.

Pengangkutan udara satu-satu pilihan bagi rakyat di Sabah dan Sarawak untuk ke Semenanjung untuk pelbagai urusan. Saya juga menggesa supaya kerajaan hentikan cukai GST terhadap pengguna *domestic flight* berbanding *international flight*. Ia seolah-olah mahu rakyat negara kita melancong ke luar negara berbanding melancong dalam negara. Saya berasa perkara ini amat tak adil dan mendesak kerajaan cari mekanisme lain memansuhkan GST terhadap pengguna *domestic flight*. Ada seramai lebih kurang tiap-tiap tahun 30 ribu anak Sabah yang bersekolah di Semenanjung, tiap-tiap tahun. Kalau campur-campur semua tidak kurang ratusan ribu yang berulang alik ke Semenanjung. Saya merayu kepada kerajaan, tolonglah simpati kepada orang Sabah yang miskin termasuk Tuan Yang di-Pertua dan sama saya.

Tuan Yang di-Pertua, tapak rumah untuk rakyat. Dalam sidang DUN Sabah baru-baru ini, Kementerian Perumahan Tempatan telah sahkan ada 20 ribu permohonan bagi 500 unit sahaja PPR, ini hanya memenuhi 20.5% permintaan. Bilalah boleh dapat *satisfy* sama orang miskin? Ini

menunjukkan ramai rakyat perlukan rumah. Jadi saya minta kerajaan melalui agensi PR1MA atau SPNB segerakan projek rumah kos rendah untuk rakyat Sabah. Saya pun ada cadangan untuk cecutkan supaya rakyat boleh dapat rumah, saya ada satu cadangan yang murah jugalah. Kita juga minta supaya pemaju juga selain bina rumah kos rendah, saya ingin cadangkan kepada kerajaan memberi tanah seluas 1500 *square feet* hingga 2500 *square feet* bersama geran kepada permohonan penduduk miskin. Kasi tanah sama dia, kasi tanah kepada yang belum dapat rumah. Sekurang-kurangnya mereka boleh buat pinjaman di bank kalau ada geran. Kasi dia tanah sahaja, dia buat dia sendiri punya rumah. Mungkin akan cepat sedikit. Kerajaan hanya sediakan infrastruktur, jadi mereka boleh bina rumah mengikut kemampuan. Rumah bukan hanya untuk tidur tetapi mestilah selesai.

Tuan Yang di-Pertua, rasuah punca pembangunan Sabah lewat. Saya percaya RMKe-11 seperti mimpi di siang hari atau *day dreaming*. Ini kerana banyak projek pembangunan di Sabah masih ketinggalan terutamanya di kawasan pedalaman. Saya mahu ambil satu contoh seperti Sekolah Menengah Tinggi Titinggan II di Tawau. Saya tak tahu bagaimana projek ini boleh diluluskan. Sekolah itu sudah siap beberapa tahun tetapi tak boleh digunakan. Ini berjuta-juta kerana tiada jalan. Sudah siap bina tetapi tidak ada jalan masuk pergi sekolah, apa ini? Banyak yang sudah hilang di dalam sekolah itu. *Aircond*, *frame* pintu dan tingkap, tiang lampu, kabel elektrik, bumbung pun kena curi. Tidak ada orang jaga. Soalan saya, bilakah masalah, bila masalah ini dijangka selesai? Berapa kos sebenarnya projek sekolah ini? Adakah ini sudah 'hint' kepada kementerian? Siapakah kontraktor projek sekolah ini? Siapa itu? Dia tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, memperkasakan ESSCOM. Saya ingin tahu apakah yang dilakukan ESSCOM sekarang ini dalam usaha menjaga keselamatan ESSZONE. Baru-baru ini saya dan beberapa teman dari Sandakan dan ADUN Seri Tanjung menghantar memorandum kepada Perdana Menteri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Shahidan bin Kassim. Di dalam memorandum kami membuat aduan mengenai operasi ESSCOM. Sebahagian daripada operasi ESSCOM terutamanya di kawasan bandar dilihat kurang berkesan dan telah menakutkan dan *blackmail* orang awam. Saya nak tegaskan bahawa kami hargai jasa dan pengorbanan anggota keselamatan yang melindungi Sabah. Apa yang kami timbulkan ialah kritikan terhadap operasi ESSCOM memerangi isu sebenar iaitu pencerobohan dan penculikan kerana walaupun ESSCOM buat operasi, kes culik terus berlaku.

Saya tidak kata ESSCOM tidak ada buat kerja, ESSCOM memang buat kerja, memang ada rajin tetapi apa yang kami mahu tegaskan ialah biarlah kerja yang ESSCOM lakukan mengikut landasan yang betul. Saya menggesa kerajaan supaya dapat selamatkan dua orang tebusan tersebut tanpa membayar wang tebusan. Jangan hancurkan harapan tinggi rakyat Sabah terhadap keselamatan yang kononnya dijamin oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat aduan ada pihak yang tangkap pendatang asing tanpa minta duit, mereka ada dokumen sah pun kena tangkap. Ini bukan perkara main-main. Orang awam yang mengadu kepada rakyat. Ada yang sengaja tangkap semata-mata mahu dapat duit. Tangkap dapat wang, lepas. Minta duit sahaja. Banyak mengadu beritahu saya dia takut mahu lapor kerana nanti kena marah lagi. Katanya mereka pegawai keselamatan minta RM500 sampai RM1000 seorang. Ada yang mahu sampai RM5000. Ini bukan cakap sembarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Saya pun mahu, saya pun macam tidak percaya tetapi inilah realitinya Tuan Yang di-Pertua. Mereka bukan tangkap orang jahat tetapi tangkap wang, apa yang rakyat kita umumkan Tuan Yang di-Pertua.

■1800

Jadi saya minta pihak Menteri dan SPRM siasat. Tugas saya hanya sampaikan masalah rakyat. Nasi sudah ada, masih saya mahu supkah? Janganlah malas saya mahu tolong tetapi bila saya cakap saya kena marah. Tuan Yang di-Pertua, saya apa yang menakutkan adalah insiden culik di Sandakan adakah dirancang? Adakah dirancang? Buka pintu. Ada operasi, persoalannya kenapa ada *curfew* pun penculik boleh lari, mustahil *impossible to escape? How can it happen?* Dalam *curfew* masa boleh *escape* dalam rancang, macam pintu sudah dibuka kasi jalan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya masa habis Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kes culik berlaku pada 14 Mei lalu. Hari ini sudah 9 Jun sudah 27 hari berlaku. Saya hendak tanya ESSCOM apakah perkembangan terkini? Apa yang telah dilakukan ESSCOM untuk menyelamatkan mereka? Jika kita lihat insiden di Singa Mata pula bila penculik datang polis pun lari. Haiya! Betulkah? Polis lari dahulu. Ini bukan sebarang aduan nampaknya apa yang berlaku *very suspicious, highly suspicious*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan juga siasat kerana ada yang mengadu minyak milik unit keselamatan dijual kepada *third party*. Perkara ini sudah lama ramai yang sudah tahu. Ini seolah-olah jual kita punya *security*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat masa sudah habis Yang Berhormat, masa habis.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ada lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habis Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Okey sedikit lagi saya tutup sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tutup Yang Berhormat, tutup.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Jadi saya sangat sedih dan kecewa. Kita harap ESSCOM jaga keselamatan, jaga keselamatan tetapi "*harapkan pegar, pegar makan padi*" pula. Saya sangat-sangat berharap supaya kerajaan siasatlah aduan ini. Saya minta tolong kepada pihak kerajaan supaya siasat dan ambil tindakan yang tegas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habis Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Saya menyeru kerajaan tubuhkan jawatan, saya minta jawatankuasa khas pantau operasi unit keselamatan seluruh negara khususnya ESSCOM. Dengan itu saya minta sedikit masa untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habis sudah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Untuk *conclusion*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sedikit pun habis sudah Yang Berhormat, masa sudah habis Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ini kerana dia kacau saya minta dua minit kasi *conclusion*. Jadi saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ramai hendak berucap Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Okey.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Kinabalu duduklah Yang Berhormat.

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Sudahlah Yang Berhormat, Yang Berhormat Masjid Tanah pun hendak juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Masjid Tanah pun hendak berucap juga.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Saya sedikit sahaja satu minit sahaja minta, satu minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habis sudah Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Satu minit, satu minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hari ini kita hari akhir Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Akhirnya Tuan Yang di-Pertua saya ingin simpulkan bahawa RMKe-11 ini tidak memberi sebarang keyakinan kepada rakyat jika rasuah tidak dikawal dan dihentikan. Di Sabah ada *vacuum cleaner* kuat hisap duit, Tuan Yang di-Pertua. Akibat rasuah pembangunan negara akan cacat dan rakyat pula akan terus susah. Jika kerajaan pemimpin Perdana Menteri bertegas dalam soal ini Malaysia khususnya Sabah pasti akan lebih

maju. Sekali lagi saya beri amaran Malaysia akan bankrap jika tidak urus ekonomi dengan baik. Satu caranya ialah dengan tukar kerajaan dalam pilihan raya untuk dapatkan kepercayaan rakyat. Ubahkan Parlimen kita. Jika tidak tiada apa-apa perubahan 'Rahman *prophecy*' is end for Najib. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Kubang Pasu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kubang Pasu bukan Yang Berhormat Bintulu, bukan Yang Berhormat Bintulu Yang Berhormat Kubang Pasu.

6.05 ptg.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bercakap memohon mengetengahkan dua tiga perkara iaitu berhubung kait dengan negeri Kedah ini. Saya berharap bahawa pihak EPU khasnya apabila untuk melaksanakan projek-projek dalam Rancangan Malaysia mestilah mengambil kira projek-projek yang kritikal. Macam di Kedah, di Kedah projek yang memang ditunggu-tunggu oleh rakyat ialah projek tebatan banjir.

Sekarang ini Kedah kita berhadapan dengan masalah banjir yang sering melanda kita, boleh katakan setiap- macam kawasan saya di Kubang Pasu dua minggu lepas mengalami banjir di mana sebahagian besar penduduk-penduduk di kawasan saya terpaksa berpindah dan banyak kerosakan telah berlaku pada harta benda dan juga taman. Umpamanya dalam banjir yang lepas iaitu sebelum banjir di Kelantan, Kubang Pasu telah mengalami banjir dan sampai hari ini kerajaan terutama sekali Kementerian Pertanian belum lagi membayar atau memberi wang ihsan kepada sebahagian besar daripada petani-petani dalam kawasan saya yang telah mengalami banjir pada ketika itu.

Ini menunjukkan bahawa masalah banjir ini kritikal di negeri Kedah. Dalam Rancangan Malaysia yang lepas-lepas banyak projek yang telah kita mohon untuk dilaksanakan terutama sekali dalam kawasan MADA. Projek yang paling kritikal yang kita mohon ialah projek Sungai Pendang di mana memerlukan lebih kurang RM300 juta. Supaya sungai ini dapat digunakan untuk terusan air yang datang dari hulu untuk dibawa ke laut supaya ianya tidak berlaku banjir di kawasan MADA yang selalu mengalami banjir.

Sejak dari tahun 2005 sampai sekarang kerajaan telah membayar lebih kurang RM100 juta lebih untuk wang pampasan atau wang ihsan kepada kerosakan tanaman di negeri Kedah ini. Saya lihat baru-baru ini kerajaan telah meluluskan sebuah projek iaitu projek lebuhraya daripada Gurun ke Pulau Bunting sebanyak RM225 juta. Saya rasa projek ini tidak penting. Projek ini kalau tidak dilaksanakan pada waktu ini pun tidak ada masalah kerana projek lebuhraya ke Pulau Bunting itu tidak memerlukan satu keperluan yang penting pada ketika ini. Sekarang ini projek ini

terpaksa melalui kawasan tanah sawah yang begitu banyak dan pengambilan tanah di kawasan MADA ini sudah pasti akan mengurangkan kawasan tanaman padi di negeri Kedah ini.

Jadi sebab itu kita harap supaya projek-projek seperti ini mesti dikaji sebelum dilaksanakan. Pada RMKe-10 kita telah melaksanakan beberapa projek yang hari ini yang telah dilaksanakan dan telah siap tetapi ianya tidak memberi apa-apa faedah kepada rakyat negeri Kedah. Saya berharap supaya pihak EPU melihat kembali projek tebatan banjir di negeri Kedah terutama sekali di kawasan MADA. Baru-baru ini kerajaan telah meluluskan projek untuk *upgrading* kita punya kawasan pengairan lebih kurang RM600 juta telah diluluskan. Projek-projek ini walaupun akan dilaksanakan dan apabila siap nanti kalau sekiranya projek tebatan banjir ini tidak dilaksanakan sudah pasti ia juga akan menjejaskan hasil tanaman padi apabila berlakunya banjir di kawasan ini. Oleh sebab itu projek tebatan banjir ini lebih penting.

Selain daripada itu juga di Kedah yang penting sekarang ini ialah pagar keselamatan. Saya sudah berkali-kali bercakap berkenaan dengan pagar keselamatan di mana kita tengok kawasan kita selaku dicerobohi oleh berbagai-bagai pihak daripada penyeludupan manusia dan berbagai-bagai lagi. Apa yang berlaku di Perlis menjadi satu pengajaran kepada kita bagaimana kawasan kita telah diceroboh oleh pihak yang tertentu sampai telah berada di sana sekian lama. Baru-baru ini barulah kita dapat mengesannya.

■1810

Jadi, salah satu projek yang paling kritikal ialah projek pembinaan pagar keselamatan. Jadi, kita harap supaya dalam Rancangan Malaysia Ke-11 ini, projek pagar keselamatan ini diteruskan supaya sekurang-kurangnya dibina di kawasan-kawasan yang kritikal.

Selain daripada itu juga, soal Lapangan Terbang Alor Setar. Lapangan Terbang Alor Setar juga kritikal yang perlu diberi perhatian kerana sekarang ini kita mempunyai banyak penerbangan. Sedangkan kawasan menunggu dalam lapangan terbang itu terlalu kecil untuk menanggung penumpang yang sekian ramai hari ini dan bertambah ramai. Pada waktu yang tertentu kita ada empat *flight* sekali yang menyebabkan kekeliruan sehingga berlaku ketinggalan penumpang-penumpang yang tidak sedar bahawa mereka telah patutnya masuk *boarding* pada ketika itu. Akan tetapi oleh kerana kesempitan tempat dan kesesakan, maka berlakulah perkara-perkara seperti ini. Jadi, Lapangan Terbang Alor Setar perlulah diberi perhatian.

Selain daripada itu juga ialah berkenaan dengan AP. Kerajaan mestilah memberi kelonggaran kepada AP-AP, terutama sekali ialah AP berhubung kait dengan produk-produk pertanian seperti ayam. Kadang-kadang kita tengok apabila berlaku waktu-waktu tertentu, kalau kita kawal soal AP ini, ia menjejaskan harga yang juga melibatkan kepada pelbagai masalah kepada rakyat kita. Selain daripada itu juga, AP kereta dan sebagainya kerajaan patut mengkaji semula.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Boleh masuk ke? Berdiri sebelah pun tidak nampak. Yang Berhormat Kubang Pasu ini. Terima kasih Yang Berhormat Kubang Pasu, terima

kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mencelah. Yang Berhormat Kubang Pasu, setujukah kita sudah masuk Wawasan 2020. Ada *sectors* ataupun kementerian kita mesti mahu buka cabang yang ada sekarang. Kita mesti mahu buka. AP itu bukan masuk ayam sahaja, babi pun sama juga dan lain-lain haiwan. Sepatutnya kita buka AP, kenapa kita mahu hadkan? Kalau dihadkan, bagi peluang kepada pemborong. Membuat harga sesuka hati, menentukan harga naik, dia bagi naik, turun dia bagi turun. Hari-hari kita kata penguat kuasa pergi melaksanakan tugas tetapi penguat kuasa pun kongkalikung punya. Cerita semua syok sendiri. Kenapa kita tidak boleh buka cerita? Buka AP itu hapuskan. Apa guna kita hendak kuota, AP semua? Bagi ayam, bagi babi, bagi haiwan lain-lain. Kita buka semua.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Simpang Renggam, tidak boleh.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Simpang Renggam, tunggulah satu minit. Belum habis celah, dia pun mahu mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat berucap itu Yang Berhormat Kubang Pasu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itulah Yang Berhormat Kubang Pasu, termasuklah kereta. AP itu kita mesti kena lihat juga. Kalau kita hadkan AP bagi masuk, kereta hari-hari naik harga, kali-kali naik harga. Menteri ini kadang-kadang mesti turun padang. Saya minta Yang Berhormat Menteri Pertanian turun padang macam Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, daripada Timbalan Menteri Kementerian Komunikasi, turun. Saya ucapkan terima kasih, turun sampai Bintulu, dia dengar sendiri masalah rakyat. Yang Berhormat Timbalan Menteri Komunikasi, banyak perkara yang selesai. Barulah kita boleh nampak satu perubahan. Barulah kita boleh tahan sampai Wawasan 2020. Setuju tidak Yang Berhormat?

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Saya setuju Yang Berhormat.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Simpang Renggam bangun Yang Berhormat.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Saya berharap supaya kerajaan kaji balik AP-AP yang tertentu supaya dipermudahkan. Oleh kerana kadang-kadang waktu-waktu tertentu kita memerlukan keperluan kepada barang-barang tertentu. Akan tetapi oleh kerana AP-AP dikeluarkan, maka ianya akan menjejaskan bekalan kepada rakyat di negara kita ini.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Pasu. Saya baru-baru ini juga saya terima aduan daripada pengimport khinzir. Mereka kata amat susah untuk dapatkan AP ini kerana kementerian mengeluarkan satu peraturan. Bahawa AP cuma

diluluskan kepada persatuan pengimport khinzir ini. Dalam persatuan pula ada- siapa yang ingin mendapatkan AP perlu bayar komisen.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini sudah kongkalikung.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Ini satu *open secret*. Jadi, secara tidak langsung menyebabkan harga khinzir ini meningkat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, macam mana Yang Berhormat Menteri tidak tahu?

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya setuju untuk memansuhkan sistem AP ini, terima kasih.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Saya setuju. Bukan kata khinzir ini makanan orang-orang bukan Islam. Akan tetapi kita harapkan, bukan semua AP yang ada masalah. Kalau kita memberi kelonggaran ianya memberi faedah kepada rakyat kita, kita harap kerajaan mengkaji semula. Selain daripada itu juga, berkenaan dengan peraturan-peraturan yang hendak dilaksanakan oleh agensi dan juga kementerian. Baru-baru ini kalau kita tengok hari ini dalam surat khabar, dilaksanakan baru ini peraturan menghisap rokok. Memanglah hisap rokok ini satu perkara yang tidak baik. Akan tetapi kalau hendak dilaksanakan undang-undang itu mestilah dikaji supaya ianya tidak menimbulkan masalah kepada rakyat. Kita tengok baru-baru ini...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Bagi peluang, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia suka tajuk merokok.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Yang Berhormat Bintulu tidak merokok. Saya tengok dalam surat khabar hari ini telah diberi satu arahan baru di mana kawasan-kawasan terbuka walaupun di kedai-kedai kopi pun tidak dibenarkan untuk merokok. Ini akan menimbulkan masalah dan juga kegelisahan sebahagian besar daripada rakyat di negara kita dan sudah pastinya ia akan menyebabkan rakyat marah kepada kerajaan. Sebab itu saya harap supaya kementerian dalam apa juga peraturan dan juga syarat-syarat yang dikenakan kepada rakyat atau mana-mana pihak mestilah dikaji kesannya. Ya, Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Pasu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara sebegini saya minta kementerian buatlah analisis isu-isu sedalam-dalamnya sebelum umum kepada orang awam. Saya setuju seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kubang Pasu. Merokok memang tidak baik tetapi kawasan-kawasan pedalaman terutamanya, ramai yang merokok. Kedai kopi tidak pakai *air-cond*, sebab apa hendak hadkan sekarang?

Kita sepatutnya mahu jalankan macam mana kempen kurangkan rokok, bukan hendak rakyat rasa dia kena picit daripada Kerajaan Barisan Nasional. Kita mesti mengeluarkan satu kempen di kawasan masing-masing, beritahu kenapa tidak boleh merokok. Pegawai ini jangan kongkalikung keluaran ikut sesuka hati. Sekarang kita Kerajaan Barisan Nasional tidak popular di bawah, pembangkang lagi cerita, kalau saya jadi kerajaan, besok saya hapuskan semua. Rakyat semua tepuk tangan. Kalau kita sebegini sesuka hati, menteri buat tidak tahu, esok kita memang jadi pening kepala. Yang Berhormat Kubang Pasu, setuju kah tidak? Yang Berhormat Menteri tolonglah jalankan tugas sebaik-baiknya, turun padang, dengar suara rakyat. Jangan kita syok sendiri sahaja. Setuju kah tidak, Yang Berhormat Kubang Pasu?

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Amat setuju. Kita tengok sekarang ini banyak undang-undang yang telah dilaksanakan atau telah dikuatkuasakan. Akan tetapi apabila dikuatkuasakan, tidak dilaksanakan, yang menyebabkan masalah kepada kita sendiri. Apabila ada waktu-waktu tertentu, kita baru hendak melaksanakan. Umpamanya macam kita tengok baru-baru ini iaitu berkenaan dengan tangkapan untuk kesalahan trafik. Akan tetapi pelaksanaannya tidak dilaksanakan dengan baik menyebabkan ramai di kalangan mereka-mereka yang telah melanggar undang-undang ini telah terlepas. Kadang-kadang dikuatkuasakan dan kadang-kadang dikeluarkan waran tangkap dan sebagainya yang akhirnya memberi rakyat marah kepada kita.

■1820

Jadi kita harap supaya semua peraturan dan juga penguatkuasaan mestilah dijalankan konsisten iaitu dilaksanakan secara berterusan walaupun dalam apa-apa keadaan. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya kerajaan melihat balik penguatkuasaan di pintu-pintu masuk terutamanya di Bukit Kayu Hitam, di Padang Besar, di Rantau Panjang dan sebagainya mestilah dikemaskan. Kalau kita tengok, perkara ini selalu saya bangkitkan di dalam Parlimen ini tetapi saya tengok berkenaan dengan pelaksanaan penguatkuasaan masih lagi tidak kuat yang menyebabkan berlakunya ketirisan, penyeludupan dan sebagainya. Kita memerlukan mesin pengimbas yang canggih supaya setiap lori atau kenderaan yang keluar masuk di negara kita ini dapat kita kesan dengan lebih jelas berkenaan dengan barang-barang yang hendak dimasukkan.

Umpamanya sekarang ini kita tengok setiap hari lori daripada Thailand membawa lebih kurang 56 tan cili padi yang masuk ke negara kita dan mereka tidak dapat memeriksa setiap lori yang bawa masuk ini melainkan mereka kadang-kadang membuat *spot check* dan saya yakin di dalam cili padi yang begitu banyak itu, sudah pasti ada barang-barang yang boleh diseludup. Jadi kita harap supaya kerajaan di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri dan juga kastam yang telah memungut banyak hasil daripada kutipan cukai, mestilah kita *upgrade* kita punya kemudahan dan kelengkapan di pintu-pintu masuk supaya tidak berlaku penyeludupan seperti dadah dan lain-lain lagi.

Jadi saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kubang Kerian.

6.22 ptg.

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang untuk sama-sama membahaskan RMKe-11 ini. Perancangan lima tahun yang dibentangkan untuk menjadikan negara Malaysia secara impiannya sebuah negara yang lebih baik dalam semua segi. Saya akan cuba fokuskan perbahasan ini untuk negeri Kelantan kerana Kelantan adalah sebahagian dari negeri yang membentuk negara Malaysia. Maka sudah tentu kemajuan Malaysia tidak boleh lari daripada apa yang ada di negeri Kelantan. Malaysia tidak akan menjadi maju jika sekiranya meninggalkan Kelantan dalam projek pembangunannya lebih-lebih lagi membiarkan Kelantan miskin tanpa bantuan sewajarnya seolah-olah tidak mengakui kebertanggungjawaban sebagai sebuah Kerajaan Persekutuan terhadap ahli gabungannya seperti apa yang diperlakukan selama ini.

Bukan negeri Kelantan yang memilih untuk menjadi anak tiri sebagaimana kata Yang Berhormat Ketereh semalam tetapi ia merupakan pilihan rakyat secara demokrasi dan sukarela untuk menentukan kerajaan pilihan mereka semenjak 25 tahun yang lalu. Adakah jika sekiranya Kelantan ditakrifkan sebagai anak tiri sekalipun, boleh ia dinafikan tanggungjawab seorang ayah yang telah mengambil ibunya sebagai isteri.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya ingin menekankan. Untuk menjadi sebuah negara maju, selain pembangunan fizikal yang dipentingkan, minda dan pemikiran rakyat yang merdeka juga mesti diutamakan. Bak kata mantan Perdana Menteri, buat apa kita mempunyai prasarana kelas dunia tetapi memiliki rakyat dan pemimpin yang berminda kelas ketiga. Orang yang berminda seumpama inilah yang biasanya akan menggagalkan gagasan besar untuk membina negara yang lebih baik. Mereka berdada sempit, hanya memikirkan bagaimana untuk membalas setiap tindakan rakyat yang tidak sebulu dengan meminggirkan jiwa besar yang sepatutnya ditunjukkan untuk membangunkan negara tanpa menghiraukan apa sahaja fahaman dan warna kulit.

Sebab itu saya mengalu-alukan jika kerajaan dapat mengkaji semula penubuhan Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) di Kelantan yang sebenarnya tidak banyak pun memberikan sumbangan positif dalam pembentukan masyarakat yang bersatu. Apalah salah sekiranya segala peruntukan yang ingin disalurkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan terus diberikan melalui kerajaan negeri dan tidak lagi perlukan orang tengah yang sudah tentu akan lebih menyusahkan dan melambatkan sesuatu perancangan projek.

Tuan Yang di-Pertua, keseimbangan pembangunan antara negeri-negeri mesti dikurangkan. Jarak 400 kilometer antara Kota Bharu dan Kuala Lumpur melalui jalan darat boleh dipendekkan masanya. Sebab itu saya tidak membantah apa-apa pembinaan prasarana yang boleh

memendekkan hubungan antara Kelantan dan negeri-negeri yang lain khususnya Kuala Lumpur lebih-lebih lagi jika ia dapat mewujudkan suasana yang lebih kondusif dan selamat untuk rakyat menggunakannya. Cuma beberapa soalan yang saya ingin dapatkan penjelasan berkaitan Projek Central Spine Road (CSR) yang diumumkan dalam pembentangan RMKe-11 baru-baru ini.

Seingat saya bukan kali pertama kerajaan bercakap berkenaan jalan ini. Saya sendiri adalah antara orang yang selalu menggunakan laluan ini untuk ke Kuala Lumpur. Bolehkah kerajaan jelaskan sebenarnya perkara seperti berikut.

- (i) bilakah sebenarnya projek ini bermula? Berapa kilometerkah yang telah siap dan ia mewakili berapa peratuskah secara keseluruhannya;
- (ii) projek ini disebut bermula dari Kuala Krai di Kelantan ke Simpang Pelangai di Pahang. Sepatutnya ia bermula di Kuala Krai. Jadi berapa peratuskah sebenarnya yang telah dibina dalam negeri Kelantan?
- (iii) bilakah ia dijangka siap sepenuhnya; dan
- (iv) kenapakah pelaksanaannya dilihat agak lambat? Adakah masalah peruntukan yang juga perlu diberitahu berapa jumlah sebenarnya atau kerana masalah reka bentuknya yang agak sulit dan pelik. Saya kata pelik kerana banyak jambatan baru yang dibina sepanjang projek fasa tiga antara Merapoh dan Bukit Tujuh walaupun tidak ada sungai di bawahnya.

Saya masih mengharapkan ia dapat disiapkan dalam masa yang cepat. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan penjelasan berkaitan kemudahan *high speed broadband* (HSBB) di Kelantan. Saya mengalu-alukan hasrat kerajaan untuk menyediakan kemudahan ini sehingga mencapai 100mbps kelajuannya supaya rakyat dapat menggunakannya sebagai wasilah bagi mendapatkan maklumat yang lebih luas dan terbuka lebih-lebih lagi apabila media elektronik yang dipunyai kerajaan khususnya masih mengamalkan sikap menutup dan memilih dalam pemberitaan mereka.

Kerajaan sebenarnya pernah menjanjikan untuk menyediakan kemudahan UniFi yang kabelnya terhenti setakat Kuala Terengganu pada akhir tahun 2013. Setelah setahun, apa khabar beritanya? Adakah ia sudah sampai ke Kota Bharu atau bagaimana? Setakat ini berapakah kelajuan capaian Internet yang boleh dinikmati di Kelantan secara amnya dan di Kota Bharu secara khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila bercakap mengenai negara maju, rasanya tidak boleh diketepikan aspek pengurusan bencana. Walaupun kerajaan sebelum ini selalu mendabik dada memberitahu bahawa Malaysia mempunyai keupayaan taraf dunia, namun apabila berhadapan dengan sebenar-benar bencana banjir besar pada hujung tahun lepas, gempa bumi dua tiga hari yang lalu benar-benar menyerlahkan bahawa di tahap dunia mana sebenarnya kita berada.

Saya tidak berhasrat untuk menyenaraikan semula segala kekalutan yang berlaku sebagai bukti ketidakupayaan kerajaan menguruskan bencana ini. Cukup hanya dengan memperingatkan

semula berkaitan tanggungjawab bersama dalam menyediakan kemudahan rumah untuk membantu mangsa-mangsa banjir di Kelantan. Tujuh buah rumah. Saya ulangi tujuh buah rumah kekal yang dibina dalam masa lima bulan sesuatu yang sangat memalukan sebenarnya dan jauh daripada berjaya melaksanakan tanggungjawab sebagai sebuah kerajaan yang baik apatah lagi untuk diukur sebagai sebuah kerajaan yang maju.

Bila ditimbulkan perkara ini, selalunya alasan kelambatan kelulusan tanah oleh kerajaan negeri yang diberitahu. Jika itu yang menjadi penghalangnya, beberapa persoalan saya ingin tanya untuk mendapatkan kepastian.

Pertama, tujuh buah rumah yang telah siap dibina oleh JKR itu, kenapa dapat dibuat tanpa beralasan dengan masalah tanah? Jika kerajaan memilih untuk membina rumah di atas tanah yang sudah mempunyai geran milik tuannya, kenapa hanya tujuh buah itu yang dibuat sedangkan sebanyak 516 buah rumah yang musnah mempunyai geran milik tanah masing-masing. Kenapa tidak didahulukan atau masih menunggu perakuan pihak tertentu tanpa memikirkan keperluan rakyat yang terpaksa hidup kepanasan, berkhemah di siang hari dan berhimpit kesejukan pada malamnya.

■1830

Keduanya, Kerajaan Pusat juga menyatakan bahawa tanah kosong sebagai penempatan baru hanya diluluskan pada April 2015, empat bulan selepas banjir. Sebenarnya jika kerajaan mahukan tanah kosong yang sedia ada dan cepat kenapa tidak digunakan dulu beberapa keping tanah yang sememangnya telah diluluskan sebelum ini untuk Kementerian Pendidikan sebagaimana yang pernah dicadangkan dalam jawatankuasa bersama menangani banjir. Tapaknya strategik dan bagus. Adakah Kerajaan Pusat tidak sanggup mengorbankan tanah yang mereka miliki untuk kemudahan rakyat mereka juga? Di mana keprihatinanmu di dalam menangani masalah kesusahan rakyat yang selama ini didendangkan dengan slogan 'Rakyat Didahulukan'. Ya, memang rakyat yang biasanya kena dulu.

Ketiganya, seingat saya sepanjang menjadi anggota Jawatankuasa Tanah Peringkat Jajahan jarang sekali kami menolak sebarang permohonan milikan tanah oleh Kerajaan Persekutuan melainkan ianya terdapat halangan-halangan yang tidak dapat dielakkan. Jadi cukuplah beralasan. Rakyat masih mengharapkan kehidupan yang lebih baik khususnya untuk menyambut Ramadhan lapan hari lagi daripada sekarang. Akibat dari kelewatan ini juga kos pembinaan rumah ini semakin meningkat lebih-lebih lagi apabila terlaksananya GST. RM48,000 untuk sebuah rumah sudah tidak mencukupi. Bolehkah pihak kerajaan mengeluarkan arahan supaya mana-mana kos barangan yang berkaitan pembinaan rumah mangsa banjir ini dikecualikan daripada GST?

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya GST sesuatu yang menyusahkan rakyat terbanyak. Di semua tempat, di semua masa kecuali mungkin oleh Ahli-ahli UMNO. Mereka boleh jadi sangat gembira dengan sistem percukaian ini. Cukai yang ditunggu-tunggu sejak sekian lama. Cuma

peliknya Yang Berhormat Langkawi yang meminta rakyat yang tidak setuju dengan GST supaya pergi ke bulan rasanya dia pun tidak mahu GST ini dilaksanakan di sana. Ditambah dengan kos sara hidup yang semakin meningkat saya merasakan kerajaan perlu berbuat sesuatu untuk memberi alternatif dan jalan keluar yang lebih baik kepada rakyat dalam membina hidup yang lebih harmoni. Sekali gus dapat membantu kerajaan membina masyarakat yang tidak terlibat dengan banyak masalah. Masalah hutang isi rumah misalnya.

Data 2014 yang menunjukkan ia telah mencapai kepada RM750 bilion ataupun 76.2% Keluaran Dalam Negara Kasar memberi gambaran bahawa rakyat kita suka atau terpaksa berhutang untuk mencapai kehidupan yang lebih baik. Ia juga akan menjadi lebih teruk jika tidak dikawal menjelang tahun 2020 nanti. Apa yang boleh kerajaan lakukan untuk membantu mereka keluar dari kemelut hutang yang membebankan dan tidak berpenghujung ini? Saya suka mencadangkan bukan untuk menggalakkan aktiviti hutang cuma sekadar melepaskan mereka dari bebanan dan menjauhkan rakyat Malaysia dari kemurkaan Allah dalam perkara yang melibatkan harta ialah dengan memberikan kepada rakyat hutang yang bebas daripada riba.

Kerajaan boleh memperkenalkannya bermula dengan kakitangan kerajaan dan menggalakkan institusi kewangan dalam negara untuk menjadikan perkara ini realiti sebagaimana telah diamalkan oleh Kerajaan Kelantan yang dianggap miskin sejak sekian lama. Saya faham akan ada orang yang berkata bahawa kita sudah mempunyai sistem kewangan dan bank yang berasaskan Islam dan tidak terlibat dengan riba. Apa yang cuba saya maksudkan ialah pinjaman yang diberikan bukan sahaja dengan akad yang bebas daripada riba tetapi yang sifar caj tambahan yang membebankan, menindas sama seperti sistem riba. Jika RM100,000 yang dipinjam sebanyak itu jugalah yang perlu dibayar. Insya-Allah negara tidak akan miskin dengan perkara yang baik umpama ini. Dengan pelancaran indeks syariah saya rasa tidak sukar untuk kerajaan melaksanakan perkara sebegini.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya saya ingin mengutarakan isu yang selalu terjadi mengikut musim khususnya musim-musim perayaan yang akan disambut khususnya Aidilfitri sebulan akan datang. Saya mengharapkan pihak kerajaan dapat memberikan respons yang segera terhadap penetapan harga tambang bas yang sekarang ini masih lagi dalam keadaan tergantung antara yang dikenakan oleh pihak pengusaha dan juga pihak kerajaan. Yang menjadi mangsanya ialah pelanggan yang ingin menggunakan kemudahan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Masjid Tanah.

6.35 ptg.

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya membahaskan RMKe-11 pada petang yang sudah hendak masuk ke senja.

Terima kasih kita ucapkan kepada Kerajaan Barisan Nasional atas RMKe-11 yang telah disifatkan pertumbuhan berpaksikan rakyat yang mana kita lihat bahawa antara RMKe-11 ini juga keperluan yang asas menjadi kebimbangan kepada orang muda yang mana selain dari isu pekerjaan kita juga berkenaan dengan pemilikan rumah dan juga kos sara hidup yang agak tinggi. Kos sara hidup terutama sekali dalam menangani masalah dan juga keperluan asas masih tidak jelas. Oleh yang demikian suka saya mencadangkan agar perlunya kepada program-program yang perlu disusun semula terutama sekali bagi mengurangkan kos sara hidup seperti proses pengeluaran makanan dan kos pembuatan produk *Fast Moving Consumer Goods* (FMCG) atau barangan pengguna laris dalam Bahasa Malaysia yang mana kita lihat dari segi perspektif pengguna FMCG ini adalah melalui pembelian yang kerap, penglibatan yang rendah dan juga harga yang rendah.

Kita juga perlu menilai dan melihat semula pengurusan rangkaian nilai sektor-sektor ini dipertingkatkan serta digalakkan juga dalam usaha bagi R&D bagi mencapai kejayaan dalam pengkomersialan berasaskan hasil-hasil serta produk tersebut.

Keduanya saya ingin menyentuh tentang peluang pekerjaan apabila disebut dalam RMKe-11 ini yang mana sangat baik, cantik dan juga molek. 1.5 juta peluang pekerjaan diwujudkan yang mana telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Akan tetapi persoalan yang timbul berapa banyakkah peluang pekerjaan yang dicipta itu yang boleh direbut oleh anak muda? Anak-anak Malaysia? Anak-anak kita? Anak-anak tempatan? Ini adalah kerana sebagaimana yang dinyatakan oleh pihak imigresen yang mana terdapatnya peningkatan yang begitu mendadak dan agak membimbangkan dari segi statistik tadi. Pekerja dengan izin dan juga PATI, pekerja tanpa izin yang telah merampas serta merebut peluang pekerjaan yang telah kita wujudkan untuk anak-anak kita.

RMKe-11 ini wajib kita pastikan bahawa pekerjaan baru yang akan diwujudkan nanti itu mestilah diwujudkan dan direbut oleh mereka. Maka perlu ada mekanisme serta penguatkuasaan serta pengawalan agar mereka hanya dapat dinikmati oleh orang-orang muda dan graduan-graduan yang tidak mempunyai pekerjaan. Kita tidak mahu tahap kebergantungan kita kepada pekerja asing sebagaimana yang telah disebut oleh Profesor Dr. Shazali bin Mansor dalam banjirir pendatang asing tidak boleh dipandang ringan. Ini kerana mereka mampu menguasai ekonomi negara sekiranya mereka diberi peluang malah orang muda kita pula yang bekerja di bawah mereka.

Saya juga ingin memuji usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Barisan Nasional dalam usaha untuk mengurangkan pengangguran di bawah Skim Latihan 1Malaysia yang mana sejak ditubuhkan pada tahun 2011, SL1M telah membantu 53,000 graduan dan saya ucapkan

ribuan terima kasih dan juga penghargaan kepada syarikat-syarikat yang telah bekerjasama dan diharapkan lebih banyak lagi syarikat-syarikat seumpamanya terutama sekali mereka yang telah mendapat keuntungan atau pun kontrak-kontrak daripada Kerajaan Malaysia untuk sama-sama membuat balik servis kepada anak-anak muda graduan ini dengan membantu SL1M dalam mewujudkan juga pekerjaan untuk mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ketiganya berkenaan dengan kebolehpasaran. Sering kali menjadi kekusaran kita apabila bercakap tentang soal IPT adalah soal kedudukan. KPI utama IPT adalah dinilai dari sudut *ranking* ataupun kedudukan dan bukannya kita melihat pada kebolehpasaran graduan-graduan atau anak-anak kita ini yang sepatutnya menjadi keutamaan kita. Kebimbangan kita adalah *employability* graduan yang kita hasilkan. Amat merisaukan apabila graduan-graduan yang keluar IPT walaupun setelah mereka memperoleh skrol daripada universiti masing-masing tetapi mereka masih tidak boleh memasarkan diri mereka dan ianya seolah-olah tidak ada *connectivity*. Tidak ada penghubung. Tidak ada penarik di antara satu sama lain antara program pendidikan tinggi dengan kebolehpasaran kerja graduan kita.

■1840

Malah semangat *entrepreneurship* terutama di kalangan pelajar juga menjadi kebimbangan. Malah sasaran melalui Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) hanya menyasarkan 4% berbanding dengan 2% sebelum ini yang mana kita lihat amat rendah. Oleh sebab apabila disasarkan rendah maka hasilnya itu juga rendah dan tidak mencapai kejayaan, terutama sekali dalam RMKe-11 ini bagaimana kita hendak membantu orang muda khususnya golongan pertengahan yang kita uar-uarkan di dalam RMKe-11 ini. Pasti semangat ataupun hasrat kerajaan melalui RMKe-11 ini akan terbantut.

Sudah tiba masanya kerajaan, saya kira perlu menegaskan serta menekankan kepada semua IPT terutama sekali IPTA untuk menjadikan dua perkara ini. Pertamanya, kebolehpasaran graduan. Keduanya, keusahawanan graduan iaitu sebagai KPI utama mereka dalam RMKe-11 ini. Semua IPT dan IPTA wajib menetapkan KPI mereka masing-masing dengan jelas agar kedua KPI ini dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon, juga merayu kepada pihak kerajaan agar dapat melaksanakan Masjid Tanah Bypass yang mengambil kira iaitu sebanyak 11 kilometer berkenaan dalam Parlimen Masjid Tanah. Ini soal Masjid Tanah. Dua lorong iaitu R5 iaitu dari Solok Duku Tanjung Bidara ke Simpang Ayer Molek. Masjid Tanah semakin membangun. Walau bagaimanapun, jalan raya yang sedia ada tidak dapat menampung kepesatan lalu lintas yang sedia ada. Daripada Tan Sri Rahim Thamby Chik sebagai Ketua Menteri sampai hari ini kita tidak dapat lagi menambah jumlah jalan raya yang baru.

Kalau kata dulu hendak menambah ke empat lorong tetapi kalau empat lorong kita akan terpaksa melibatkan lebih banyak 200 biji rumah. Akan tetapi dengan adanya Masjid Tanah

Bypass ini, kurangnya rumah yang terlibat dan jalannya pun singkat dan limpahan pembangunan di satu kawasan yang baru dapat dilakukan.

Keduanya saya juga ingin merujuk kepada Program Desa Lestari di bawah KKLW yang mana di Melaka antara yang terpilih adalah Kampung Bukit Bulat yang memperoleh 2.2 juta dan keduanya adalah Kampung Paya Lebar, dalam Parlimen Masjid Tanah yang memperoleh 1.2 juta.

Program ini bagus tetapi apabila program ini dalam tempoh yang singkat serta komitmen yang tidak bersepadu daripada pihak koperasi, kampung dan juga pihak KKLW, saya lihat bahawa program ini tidak berjaya. Bukannya semua tempat tetapi sesetengah tempat yang mana dalam Masjid Tanah yang mana kita ada potensi pelancongan, produk pelancongan yang begitu baik kita ada Sungai Linggi, hutan paya bakau, ketam, lokan, udang galah dan sebagainya. Kalau tidak ada infrastruktur yang baik, yang cukup maka produk pelancongan ini tidak dapat dijual, tidak dapat dilihat oleh orang lain.

Oleh yang demikian perlu juga kepada kemudahan pelancongan yang dirasakan dapat memberi impak kepada potensi serta pulangan dalam pembangunan Masjid Tanah, khususnya dalam pelancongan yang mana saya kira sekiranya dikawal, dipantau oleh pejabat daerah dan bukannya koperasi yang terlibat sebagaimana hari ini yang dilakukan oleh Projek Desa Lestari, saya yakin dan percaya impaknya akan lebih membanggakan lagi serta ramai anak muda, orang muda, golongan belia yang dapat limpahan serta pekerjaan daripada Projek Desa Lestari ini.

Begitu juga dengan produk pelancongan yang lain berada dalam Parlimen Masjid tanah iaitu Pantai Pengkalan Balak yang terhakis. Perlunya pada projek pencegahan hakisan pantai dibuat secara tersusun dan juga agar dapat juga dilakukan juga penahan ombak ban-ban itu dilakukan di dalam DUN Kuala Linggi yang mana ramai nelayan yang sampannya rosak akibat dilambung ombak dan hempas ke pantai. Ewah, macam itu pula ya.

Jadi petang-petang ini Tuan Yang di-Pertua terima kasih di atas ini. Saya sangat cepat dan pantas. Saya rasa itu sahaja. Yang Berhormat Sibuti belum dapat berucap. Saya mohon menyokong RMKe-11. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Yang Berhormat Penampang. Yang Berhormat Setiu saya sebut sebelum tadi walaupun kita ada had masa 15 minimum seorang tetapi ramai lagi yang hendak berucap. Ini hari terakhir. Jadi pandai-pandailah beri peluang kawan-kawan yang lain ya. Terima kasih. Sila Yang Berhormat Penampang.

6.45 ptg.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan ringkaskan. Sebelum itu minta mohon izin bahawa perbahasan saya akan bercampur dalam bahasa Malaysia dan juga bahasa Inggeris.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pembentangan RMKe-11 ini banyak soalan daripada orang Sabah lebih-lebih lagi yang tinggal di pedalaman. Saya tidak akan hujah dengan penuh tetapi saya ingin membawa kepada perhatian kerajaan bahawa di kawasan saya Penampang kita sudah lama menunggu satu sekolah menengah di pedalaman Moyog yang telah di umum oleh Yang Berhormat Pekan. Akan tetapi hingga ke hari ini belum pun dimulai.

Ada juga permohonan dan juga janji waktu pilihan raya daripada pihak kerajaan untuk menubuhkan ataupun menolong untuk membina satu sekolah Cina di kawasan Penampang. Sekolah menengah Cina dan juga sekolah rendah. Oleh kerana ini adalah satu fakta Penampang ramai orang bumiputera dan orang Penampang dan juga orang luar Penampang sekolah di sekolah Cina.

Saya juga ingin membawa perhatian kepada kerajaan bahawa hospital di Daerah Penampang walaupun sudah dilancar tapak tetapi tidak dimulai. Sudah dua tahun pelancaran ataupun pecah tanah dirasmikan. Sehari sebelum penamaan calon di pilihan raya yang baru-baru ini. Saya ingin mendapat jawapan daripada kerajaan kenapa lambat sangat hingga ke hari ini.

Selain daripada itu, ada juga isu-isu yang dekat dengan hati saya seperti mana yang telah sebut dan dihujah, dibahas oleh rakan saya daripada Sungai Petani berkenaan dengan isu *equal partnership* antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Saya juga telah membahas isu yang sama pada permulaan penggal ketiga belas ini dan pada perbincangan saya pada waktu itu kita tahu dan kita kata semua faham bahawa pada pembentukan Malaysia, Sabah, Sarawak, Semenanjung Malaysia dan Singapura pada waktu itu telah membuat satu perjanjian. Perjanjian ini direkodkan dan ditandatangani sebagai Perjanjian Malaysia tahun 1963.

Perbincangan juga yang dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Petani dan juga rakan-rakan dan juga pada Barisan Nasional dan di sini adalah masa sudah datang untuk kita menghormati Perjanjian Malaysia tahun 1963 ini. Dari itu saya ingin cadang daripada rakan saya di sebelah kerana mereka memihak kepada kerajaan terlebih lagi kerana mereka menyokong Yang Berhormat Pekan untuk merunding dan mendesak Yang Berhormat Pekan bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini ada maklumat terdalam berkenaan dengan perbincangan pada tahun 1963 pada masa pembentukan Malaysia.

Dari itu saya juga hairan dengan fakta-fakta dan maklumat mereka ada, edisi khas RMKe-11 ini untuk Sabah dan Sarawak pun tidak ada dicadangkan. Maka RMKe-11 ini dibuat sebagai kita di dalam satu Malaysia sahaja. Kita mesti ingat bahawa Sabah dan Sarawak adalah berbeza antara keperluan ekonomi, keperluan rakyat Sabah, keperluan rakyat Sarawak kerana kita selalu berhujah dan selalu membenteng bahawa kita *equal partnership* di Persekutuan Malaysia ini.

Jauh beza kita tengok, Tuan Yang di-Pertua pun tahu bahawa Sabah, jalan raya Sabah bukannya selebar ataupun sebaik dengan jalan raya di Semenanjung. *Connectivity broadband* pun masalah, *connectivity communication* pun masih bermasalah. Dari itu kita ingin kerajaan ini untuk

membawa satu rancangan yang lebih baik bagi Sabah terlebih lagi untuk melaksanakan janji yang ada ataupun obligasi yang ada dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan di mana 40% cukai kutipan dari Sabah dikembalikan kepada Sabah.

■1850

Tuan Yang di-Pertua, kita juga di Sabah dan Sarawak *faces the inconvenience truth* bahawa kita di Sabah adalah *backward* semasa kita *proudly claim* yang bahawa kita adalah rakan kongsi sesama, kita ada *facility* yang tidak cukup. Di hospital, doktor-doktor kita dengan sedaya-upaya melaksanakan tugas sebagai doktor menghadapi satu obligasi dan *responsibility* untuk *to attend to the birth of illegal immigrants*. Ramai penduduk tanpa izin di Sabah menggunakan *facility* hospital kita dan mereka mengambil alih ataupun *they take over the beds of the people of Sabah or the people of the Federation of Malaysia*.

Dari sana doktor-doktor ini ada juga bertemu dengan saya dan telah mendesak saya membawa isu ini kepada kerajaan. Semasa mereka bersalin ataupun *when they give birth or the doctor assist of giving birth* kepada pendatang tanpa izin ini mereka tahu bahawa bayi yang dilahirkan ini akan *eventually* akan jadi rakyat Malaysia dan ada kemungkinan mereka akan ambil alih seperti mana yang sudah kita dengar baru tadi. Mereka akan ambil apa yang sepatutnya yang diberikan kepada rakyat Malaysia tulen, lebih-lebih lagi kami di Sabah.

Saya juga ingin menyebut dengan satu pelantikan yang baru-baru ini yang telah dihebohkan bahawa seorang dari Sabah telah *finally* jadi KSU dalam kementerian. *I don't think we should be very excited* tetapi ia baik tetapi hanya selepas 50 tahun baru satu dari Sabah jadi KSU di kementerian di Kerajaan Persekutuan. Ini yang saya tidak faham.

Dari itu saya mahu mengulas balik perbahasan saya yang berkenaan dengan Borneonisasi tahun lepas. Ramai yang tertanya apakah maksud Borneonisasi ini. Pada Pembentukan Malaysia, ini adalah permintaan khusus Sabah dan Sarawak kerana kita faham pada waktu itu jauh beza antara kemajuan orang Semenanjung dan juga orang Sabah dan Sarawak. Dari itu mereka meminta dengan jelas dalam Perjanjian Malaysia tahun 1963 untuk memborneosasikan jabatan-jabatan dan agensi-agensi di Sabah daripada Persekutuan. Dari pihak Semenanjung mereka tidak dan mereka menyoal mengapakah kamu minta Borneonisasi maka ramai rakyat Sabah dan Sarawak yang bekerja di Semenanjung.

Daripada pihak Kerajaan Malaya waktu itu sebelum Pembentukan Malaysia mereka tidak minta ini. *Instead* mereka minta *Malaynisation of the Federal Civil Service*. Itu adalah untuk Semenanjung bukan untuk di Sabah dan Sarawak. Dari itu pengkajian balik *whether or not* kita telah melaksanakan satu perjanjian kita pada tahun 1963 telah dilaksanakan ataupun tidak dilaksanakan mesti dibuat secepat mungkin.

Dari itu juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh fasal hal penyelesaian antara permintaan orang Sabah dan Sarawak. Baru-baru ini Ketua Menteri Sarawak telah mengumumkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju untuk memberi

autonomi kepada orang dan kerajaan Sarawak. Betul di Sabah pun ini kita minta dan dari itu kita harap bahawa janji ini bukan sahaja dijanjikan kepada Sarawak tetapi kepada Sabah.

Perjanjian autonomi ataupun pemberian autonomi ini bukan sahaja dengan sekadar kata tetapi patutnya dibuat dengan secara *decentralization* ataupun memberikan kuasa penuh kepada jabatan-jabatan di Sabah dan Sarawak untuk melaksanakan kerja-kerja, tanggungjawab yang ada kepada persekutuan tetapi secara *decentralization*. Kita nampak Tuan Yang di-Pertua bahawa dalam *private sector*, bank-bank kalau membuat keputusan memberikan *loan* di Sabah pun terpaksa pergi ke bank pusat di Kuala Lumpur. Kebanyakan pegawai-pegawai di Kuala Lumpur ini kalau bank mereka tidak tahu keadaan di Sabah, mereka tidak tahu bagaimana orang Sabah dan juga cara mereka untuk mengendalikan *business* mereka, lebih-lebih lagi dari golongan muda di Sabah. Dari itu *decentralization of the Federal Government* dan juga *private sector* secara bank sepatutnya *diencourage* oleh kerajaan dan ini adalah autonomi yang patut dimulai oleh Kerajaan Persekutuan sebaiknya dari hari ini hingga ke seumur-umur.

Daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit lagi fasal gempa bumi Sabah walaupun dia sudah diusulkan tadi. Kita nampak bahawa Sabah bukan lagi macam dahulu, ia sekarang sudah melalui satu episod yang kita tidak boleh lupakan. Episod ini akan selalu diingatkan oleh orang-orang Sabah terlebih lagi yang terasa. Saya sendiri pun terasa pada waktu itu pada jam 7.16 pagi bahawa waktu itu saya berdiri dan saya rasa bumi goyang dan rumah pun bergoyang.

Dari itu kami di Sabah pun ingin minta kerajaan untuk mencari penyelesaian yang baik supaya *early warning system*. Saya tahu Yang Berhormat Arau telah menyebut bahawa keadaan-keadaan ataupun mekanisme untuk mendapat kepastian sama ada gempa bumi akan jadi atau tidak adalah setakat tahap ini but *I don't think so. I think they are ways to detect* terlebih lagi dengan amaran-amaran yang diberikan oleh pakar-pakar yang tahu dengan subjek ini.

Saya juga ingin membawa kepada kerajaan dan setuju...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Minta pencerahan, Yang Berhormat.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Okey.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat saya ingin membuat cadangan bahawa Jabatan Perdana Menteri kena tubuhkan satu *taskforce* untuk mengkaji malapetaka bencana gempa bumi pada masa yang akan datang. Ia sepatutnya merangkumi bahan-bahan saintifik yang boleh mengenal pasti bahawa gempa bumi akan berlaku ataupun bila dan sebagainya.

Mala petaka ini sebelum ini tidak pernah berlaku. Ini kali pertama sudah berlaku dan difahamkan akan berulang. Maka saya rasa sebab ini adalah benda baru sebab kita ada beberapa kali banjir berlaku pun kita tidak dapat mengatasi isu banjir dengan agak cemerlang. Akan tetapi gempa bumi ini lain sedikit maka saya rasa *taskforce* secara terperinci wajib ditubuhkan untuk mengkaji dan membawa sistem-sistem canggih dan teknologi daripada luar negara yang memang

gempa bumi sudah biasa berlaku di negara-negara itu. So, apa pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Penampang, sila gulung.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan rakan saya dari Kapar dan soalan beliau juga *will be adopted into my speech*.

Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua sebelum saya menggulung saya ingin membawa kepada perhatian kerajaan bahawa walaupun Yang Berhormat Arau telah mengatakan bahawa malim gunung ini dilesenkan oleh Taman Kinabalu, Yang Berhormat Arau lupa menyebut bahawa malim gunung memang pada masa itu di atas gunung dan tidak menerima mana-mana sebarang arahan daripada mana-mana pihak berkuasa, malah mereka menyelamatkan pendaki gunung semasa bencana alam bukan sebahagian daripada skop kerja untuk malim gunung tersebut. Bantuan yang diberikan oleh malim gunung ini adalah berdasarkan oleh *act of responsibility* dan nilai-nilai kemanusiaan. *They went into harm's way to save the victims*. Yang Berhormat Arau tolong, *please remember they will not part of the search and rescue team* tetapi *they volunteered* lebih lagi di atas Gunung Kinabalu.

Dari itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggulung bahawa permintaan orang Sabah mesti ditunaikan kerana banyak sudah kejadian yang terjadi terlebih lagi dengan gempa bumi yang baru-baru ini dan cara-cara yang kita tidak puas hati, lebih-lebih lagi dengan cara mereka mengendali *search and rescue* dan satu sistem yang baru patut dibawa kepada Sabah terlebih lagi bagi RMKe-11 kerajaan patutnya membuat satu edisi khas untuk Sabah dan Sarawak berkenaan dengan perancangan RMKe-11. Terima kasih.

■1900

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Setiawangsa. Ramai lagi? Sila, sila.

7.00 mlm.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan mengambil masa kurang daripada lima minit untuk menyelesaikan masalah saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Itu yang seelok-eloknya bagi rakan-rakan yang lain.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Pertama, saya ingin mengatakan tentang keinginan kerajaan untuk membina 635,000 unit dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini. Saya difahamkan juga PR1MA yang ditugaskan untuk membangunkan rumah ini hanya akan membina rumah di sekitar 100,000 buah hingga 400,000 buah.

Akan tetapi izinkan saya nyatakan di sini bahawa satu kajian *Housing Affordability Index* oleh World Bank telah memberi satu maklumat bahawa mereka yang bergaji RM2,500 ini hanya

mampu membeli rumah di bawah RM90,000. Manakala mereka yang bergaji RM7,500 sebulan ini hanya mampu membeli rumah pada harga RM270,000 ke bawah. Akan tetapi ini adalah tahap gaji yang telah ditetapkan oleh PR1MA, di mana mereka akan membina rumah kepada mereka yang bergaji RM2,500 hingga RM7,500. Akan tetapi ia tidak mencerminkan gambaran sebenarnya kepada kemampuan rakyat Malaysia bagi mendapatkan rumah itu.

Oleh itu, saya hanya menuntut dalam keinginan kerajaan membina rumah ini, ia mestilah, PR1MA terutamanya, menjuruskan pembinaan rumah yang sekitar RM90,000 kepada mereka yang bergaji RM2,500 isi rumahnya dan juga RM270,000 harga rumah kepada mereka yang bergaji RM7,500 sebulan.

Kedua ialah saya ingin membawa isu tentang JKM atau Jabatan Kebajikan Masyarakat yang sekarang ini memberi bantuan sebanyak RM300 kepada mereka yang mempunyai isi rumah RM720 ke bawah. Saya sekali lagi ingin memberitahu Dewan ini, tidak mungkin di dalam bandar raya, terutamanya Kuala Lumpur, mereka yang bergaji RM720 lalu ia bawah lagi daripada tahap gaji minimum yang ditetapkan oleh kerajaan. Mana mungkin isi rumah RM720 ini bermakna isteri akan mendapat gaji RM300 lebih dan suami RM300 lebih, di mana ia tidak mungkin wujud dan berlaku dalam bandar ini. Oleh itu, saya ingin mencadangkan dalam RMKe-11 ini kerajaan menaikkan tahap gaji ini kepada RM1,500.

Ketiga dan akhirnya, disebabkan akhir-akhir ini kejadian malapetaka yang dahulu kita ingat hanya hujan, ia banjir tetapi sekarang ia bukan setakat banjir, ia hujan, banjir tetapi seolah-olah macam tsunami pula banjirnya. Contohnya, apa yang berlaku di Kelantan. Contohnya, sekarang kita pula ada gempa bumi yang kita tidak pernah terfikir walaupun kita telah diberitahu oleh Dato' Seri Shahidan tadi mengatakan bahawa telah banyak berlaku gempa bumi ini di Sabah tetapi bukan *of this scale*. Ini sekali lagi kita tidak pernah terfikir ia berlaku yang saya difahamkan bahawa *earthquake* punya *fault* ini bermakna laluan *earthquake* ini bukanlah ini tempatnya. Ada juga mengatakan sekiranya ia berlaku di Kuala Lumpur bagaimana?

Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan di peringkat tertinggi satu pusat untuk menangani isu-isu ini yang kita sediakan dengan aset-aset, dengan orang-orang tertentu, mempunyai kepakaran masing-masing untuk menangani *task force*. Terima kasih Yang Berhormat Kapar, untuk menangani isu itu daripada sekarang dengan aset-aset yang diletakkan yang lebih menjurus kepada menyelesaikan masalah ini. Kita [*Disampuk*] ...by laws apa perlu ditukar.

Tuan Yang di-Pertua, ia berlaku sekiranya contohnya sekarang pencerobohan. Itu tidak pernah berlaku, kita tidak pernah fikir pencerobohan ini berlaku tetapi ia berlaku. Pencerobohan berlaku di peringkat tertinggi, banjir berlaku di peringkat yang paling teruk, gempa bumi juga berlaku di peringkat teruk yang tidak dapat fikir, penyeludupan dan sebagainya.

Oleh itu kita mesti fikir *outside the box* untuk memikirkan bahawa sudah sampai masanya aset-aset tertentu, orang-orang tertentu kita letakkan khusus untuk menjaga, untuk menyediakan

kita untuk menangani perkara ini. Contohnya, kita tidak perlu *fighter plane* kerana kita juga tidak berada dalam keadaan perang tetapi kita ada juga takut-takut kalau ada perang kita sudah ada. Akan tetapi sekarang ini sudah sampai masanya kita menyediakan aset-aset tertentu, orang-orang tertentu dengan kepakaran-kepakaran tertentu untuk menyediakan kita kepada perkara-perkara yang mungkin besar berlaku. Sekian, terima kasih. Saya turut menyokong.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, ini memang jujur Tuan Yang di-Pertua, baca balik dalam *Hansard*, memang cukup jujur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup-cukup lima minit kalau Yang Berhormat Kapar tidak ganggu. Ya, Yang Berhormat Batu Gajah. Berapa minit? 10 minit? Sila, sila.

7.05 mlm.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Salam sejahtera dan terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruangan kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas. Tuan Yang di-Pertua, negeri Perak berkeluasan 21,000 kilometer persegi, negeri kedua terbesar di Semenanjung Malaysia dikatakan sebagai bumi bertuah.

Pada suatu ketika dahulu Perak merupakan sebuah negeri yang terkaya dengan pelbagai sumber alam dan aktiviti ekonominya. Akan tetapi pada hari ini Perak amat ketinggalan kerana pembangunan yang tidak seimbang dalam tempoh 30 tahun yang lalu. Kita telah melalui 10 Rancangan Malaysia tetapi pada hemat saya rancangan-rancangan ini telah menggagalkan negeri Perak daripada status negeri kaya yang berkedudukan tinggi kepada sebuah negeri yang semakin ke belakang.

Kerajaan Negeri Perak dan Kerajaan Persekutuan gagal menjana aktiviti-aktiviti ekonomi untuk membekalkan peluang pekerjaan yang banyak dan pelbagai untuk memenuhi cita rasa dan keperluan anak-anak muda. Justeru, anak-anak muda negeri Perak telah berhijrah ke bandar-bandar besar yang lain seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru dan sebagainya.

Pada hari ini, negeri Perak hanya sekadar menghasilkan anak-anak untuk membekalkan sumber tenaga kepada negeri-negeri lain. Anak-anak muda yang masih di bangku sekolah juga sudah mempunyai cita-cita untuk bekerja di pusat-pusat bandar yang lebih besar dan lebih canggih, meninggalkan negeri Perak pada masa hadapan. Apa akan berlaku kepada negeri Perak jika perkara ini berterusan?

Pada hari ini, apabila kita melawat kampung-kampung baru, ladang-ladang, penduduk yang masih tinggal di sana adalah golongan berumur, yang sudah beruban. Oleh yang demikian, saya cukup khuatir bahawa dalam tempoh 10 tahun lagi negeri Perak akan menjadi negeri warga emas, *if the government is not going to take serious action in this matter*, dengan izin.

Saya simpulkan bahawa pembangunan yang tidak seimbang merupakan punca kepada keadaan ini. Dahulu ketika kita masih di bangku sekolah, kita sentiasa rasa bangga apabila kita membaca Ilmu Alam atau Geografi, apabila sebut sahaja negeri Perak, semuanya teratas. Bukan sahaja kita terbaik di Malaysia, malah di peringkat dunia, apabila kita sebut tentang bijih timah terbanyak di dunia, kalau kita sebut getah, hasil getah yang terbanyak di dunia dan sebagainya.

Akan tetapi pada hari ini, Perak menjadi semakin mundur. Mungkin juga ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat akan bertanya, mungkin Perak tidak semundur Sabah dan Sarawak. Akan tetapi kita kena ingat, Sabah dan Sarawak dahulu mundur, sekarang pun mundur juga. Sabah dan Sarawak akan terus mundur selama-lamanya kalau Kerajaan Barisan Nasional terus memerintah negara kita.

Ini bukan saya cakap. Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional dari Sabah dan Sarawak sendiri mengakui bahawa negeri Sabah dan Sarawak masih mundur sehingga hari ini. Saya mengambil satu contoh, semalam saya terdengar ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Bintulu yang menghentam kerajaan kerana GST. Masa perbahasan GST dahulu apabila meluluskan undang-undang GST dahulu, beliau sendiri yang menyokong GST. Kita semua tahu beliau menyokong GST. Akan tetapi semalam dalam Dewan, dia pula mengatakan GST tidak baik dan beliau menuduh kepada pegawai-pegawai kerajaan, beliau menuduh bahawa pegawai-pegawai Kastam tidur, pegawai-pegawai Bank Negara tidur dan sebagainya tetapi sebenarnya siapa yang tidur?

■1910

Pada hakikatnya kita semua tahu beliau pun sendiri tidur dalam Dewan sebab pada masa hendak luluskan GST dahulu dia menyokong pada undang-undang tersebut. Dahulu menyokong GST, sekarang takut rakyat marah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya yang saya hendak bawa ialah berkaitan dengan MAS. Keputusan MAS untuk membuang pekerjanya adalah berita hangat dan amat memeranjatkan rakyat negara kita. Tindakan ini dilakukan oleh MAS sebagai langkah penstrukturan semula organisasi berkenaan. MAS yang diwujudkan pada tahun 1972 sebagai syarikat penerbangan Malaysia yang pertama sedang membuat penstrukturan semula organisasi itu yang melibatkan RM6 bilion.

Tindakan ini bukan sahaja menjejaskan kebajikan kakitangan malah akan menyebabkan kesatuan sekerjanya terburai dengan sendiri. Organisasi besar ini akan diambil alih oleh MAS Berhad pada 1 September 2015 bertujuan untuk memulihkan kedudukan kewangannya. MAS mengalami kerugian secara berturut-turut selama beberapa tahun. Ini telah menyebabkan keadaan kewangan syarikat ini amat tergugat. Dalam keadaan yang terumbang-ambing ini dua lagi malapetaka telah melanda MAS pada tahun 2014 iaitu kehilangan MH370 dan letupan MH17.

Seperti mana sedia maklum MAS telah mengalami kerugian besar berturut-turut selama beberapa tahun. Ini telah menyebabkan organisasi tersebut telah menjadi cacian seluruh rakyat

Malaysia terhadap pengurusan di bawah Khazanah Nasional Berhad yang amat lemah dan gagal memulihkan kedudukan kewangannya.

Saya tidak boleh menyalahkan pihak pengurusan MAS semata-mata. Penglibatan ahli-ahli politik dalam hal ehwal pengurusan MAS juga perlu diteliti dan disiasat. Di sini saya mencadangkan supaya satu Suruhanjaya Diraja ditubuhkan untuk menyiasat segala bentuk penyelewengan, segala bentuk rasuah dan juga segala bentuk kebocoran yang wujud dalam pengurusan MAS tersebut.

Untuk memulihkan dan menyelamatkan MAS, penstrukturan semula mungkin merupakan satu-satunya jalan keluar tetapi penstrukturan semula ini pula menimbulkan masalah baru iaitu lebih kurang 6,000 pekerja MAS akan kehilangan pekerjaan. Kesemua 20,000 orang pekerja MAS dikeluarkan surat buang kerja. Dua pertiga daripada tenaga kerja itu diambil semula untuk bekerja di bawah MAS Berhad. Tindakan ini adalah tidak adil kepada semua pekerja kerana ia menjejaskan kebajikan mereka. Mereka yang dibuang kerja akan kehilangan pendapatan dan tergugat pula sosial ekonomi rumah tangga. Mereka yang diambil pula akan hilang keananan dalam jawatan kerana terpaksa menandatangani kontrak baru di bawah majikan baru MAS Berhad.

Jika 6,000 pekerja ini akan hilang pekerjaan, maka ini merupakan satu mala petaka yang serius dalam sektor perkhidmatan yang terbesar melibatkan sebuah *government-linked company* dalam sejarah kita.

Apa akan berlaku kepada semua pekerja yang dibuang kerja secara tiba-tiba? Mereka ini berada dalam keadaan terperanjat kerana masing-masing mempunyai tanggungan yang tinggi. Mereka akan menghadapi beban hidup yang lebih tinggi setelah dipecat kerana terpaksa membayar pelbagai komitmen diri dan keluarga. Tindakan MAS untuk membuang 6,000 pekerja ini akan menambahkan masalah sosial dan ekonomi dalam negara kita.

Pada dasarnya, tindakan ini merupakan satu bentuk penganiayaan yang dilakukan oleh sebuah organisasi besar dan berimej terhadap kaum pekerja dan tidak dapat dibela di bawah undang-undang yang sedia ada.

Penstrukturan semula ini dibuat secara licik dan ternyata terdapat motif jahat secara tersirat dalam tindakan yang dilakukan. Tambahan pula, penstrukturan semula ini juga akan mencabut nyawa kesatuan sekerjanya. Kesatuan pekerja-pekerja MAS Semenanjung Malaysia (MASEU), yang mewakili 13,500 pekerja, pewujudan pengurusan baru ini iaitu MAS berhad menggantikan yang lama secara automatik akan membubarkan kesatuan sekerja organisasi itu.

Ini juga merupakan pandangan Setiausaha Eksekutifnya Mohamad Jabarullah yang mencadangkan supaya kesatuan sekerja itu digantikan dengan satu badan koperasi MAS. Apabila MASEU dibubarkan, ia tidak boleh dihidupkan kembali kerana pengurusan baru MAS Berhad akan menjadi batu penghalang mengawal aktiviti segala kesatuan sekerja masa hadapan. Mungkin juga pengurusan baru ini akan menubuhkan sebuah kesatuan sekerja yang lebih *friendly* kepada

majikan yang tidak boleh menjaga kebajikan pekerja secara keseluruhannya. Menteri Pengangkutan dan Menteri Sumber Manusia harus memberi penjelasan dalam Dewan yang mulia ini berhubung dengan keputusan MAS membuang begitu ramai pekerjaanya. Kita harus bertanggungjawab terhadap nasib 6,000 orang pekerja MAS supaya mereka tidak teraniaya oleh syarikat tersebut.

Kita tidak boleh membiarkan 6,000 orang pekerja hilang punca pendapatan akibat program penstrukturan semula organisasi berkenaan.

Kerajaan harus lebih prihatin terhadap kebajikan pekerja-pekerja syarikat ini yang bakal menjadi mangsa akibat keputusan korporat yang amat mengecewakan. Kita maklum bahawa AirAsia dan Malindo sedia menawarkan peluang pekerjaan kepada kakitangan MAS yang diberhentikan.

Selain daripada itu, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk membantu pekerja-pekerja yang dibuang kerja itu? Bagi mereka yang diambil kerja pula, gaji dikurangkan. Sebagai contoh, juruterbang dipotong gaji lebih daripada RM3,500 dan cuti tahunan dikurangkan daripada 32 hari kepada 21 hari. Mereka diberi tempoh sehingga 12 Jun untuk membuat keputusan.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, ramai di antara pekerja-pekerja yang diambil kerja itu diturunkan pangkat dan dipotong gaji. Ini telah melemahkan semangat dan motivasi mereka untuk terus bekerja dengan penuh komitmen. Tujuan penstrukturan semula adalah untuk memulihkan institusi MAS tetapi bagaimana ini boleh tercapai dengan pekerja-pekerja yang lemah semangat? Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri, benarkah ada pekerja-pekerja diberi pampasan berjuta ringgit dan ramai juga yang menerima habuan sahaja. Nyatakan pampasan tertinggi dan pampasan terendah yang diterima oleh pekerja-pekerja MAS. Ramai yang bekerja berpuluh-puluh tahun diberhentikan manakala yang baru masuk dikekalkan. Adakah ini benar? Nyatakan pendirian kerajaan berhubung dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Perdana Menteri membentangkan Rancangan Malaysia Kesebelas, beliau telah memulaukan masyarakat India sama sekali. Saya terdengar beliau menyebut bahawa satu *blueprint* akan disediakan untuk membantu masyarakat India. persoalannya, kenapa strategi ataupun rancangan-rancangan pembangunan ekonomi kaum India tidak dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas tetapi disediakan sebagai satu dokumen yang lain? Kerajaan berjaya merangka buku tebal Rancangan Malaysia Kesebelas tetapi tidak mempunyai ruangan untuk menyelitkan program-program pembangunan bagi kaum India. Saya rasa kecewa kerana *blueprint* yang disebut itu akan menjadi satu lagi janji kosong seperti Nambikkai yang tidak boleh dipercayai lagi.

Sama seperti MoU yang ditandatangani oleh Kerajaan Barisan Nasional dengan mantan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, *Vedamurthy*. Jelas, *Vedamurthy* dan kaum India tertipu sebaik sahaja selepas pilihan raya. Kegagalan kerajaan menyelitkan program

pembangunan ekonomi kaum India di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas merupakan satu lagi kecuaiian dan ketidakbertanggungjawaban pemimpin-pemimpin MIC yang sibuk memberi fokus dalam politik dalaman dan pergaduhan sesama sendiri, mengabaikan rakyat yang menaruh kepercayaan terhadap mereka.

Kalau kerajaan benar-benar serius dan prihatin tentang pembangunan dan kebajikan kaum India, sudah tentu perkara ini dimasukkan dalam isi kandungan Rancangan Malaysia Kesebelas. Apakah rasional untuk kerajaan mewujudkan satu *blueprint* yang berasingan untuk kaum India? Kalau dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, akan menjadi satu komitmen tetapi kalau *blueprint* yang berasingan akan menjadi satu manifesto pilihan raya yang akan datang bagi pilihan raya akan datang.

Berikut adalah beberapa persoalan yang perlu dijawab oleh Perdana Menteri berhubung dengan *blueprint* yang dijanjikan itu:-

- (i) apakah tahap persediaan yang sedang dibuat dalam merangka *blueprint* berkenaan?;
- (ii) siapakah yang bertanggungjawab untuk merangka *blueprint* itu?;
- (iii) bilakah *blueprint* ini akan siap dirangka?;
- (iv) bilakah kerajaan bercadang untuk mengumumkan *blueprint* yang dirangka itu?;
- (v) apakah garis panduan ataupun aspek-aspek yang dirangkumi dalam *blueprint* tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, ke manakah hala tuju kita?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, boleh gulung.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Ya, habis sikit sekejap. Sehingga September 2014, negara kita di lambak 5.8 juta orang pekerja asing. Daripada jumlah itu lebih kurang 2.9 juta sahaja merupakan pekerja yang masuk secara sah. Ini bermakna 50% daripada pekerja asing yang berada di negara kita berada secara haram.

Walau bagaimanapun, statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Negara pada bulan November 2014 menyatakan negara kita mempunyai 6.7 juta pekerja asing. Berapakah jumlah pekerja asing di negara kita sehingga bulan Mei 2015?

Saya masih tidak faham bagaimana perkara seperti ini boleh berlaku di dalam sebuah negara berdaulat yang mempunyai agensi-agensi penguatkuasaan seperti imigresen, PDRM, maritim dan sebagainya.

Untuk enam juta pekerja asing merupakan satu jumlah yang cukup besar dan amat membimbangkan. Sikap rakyat Malaysia yang sangat memilih pekerjaan, sikap majikan suka memilih pekerja asing, sikap pihak penguat kuasa yang membiarkan atau merasuah, inilah antara punca-punca yang menyebabkan begitu ramai pekerja asing berlambak di negara kita.

■1920

Malaysia menyediakan banyak peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor tetapi sebahagian besarnya diisi oleh pekerja asing. Dalam hasrat untuk mencapai negara maju pada tahun 2020, berapakah jumlah pekerja asing yang akan mencari rezeki di negara ini? Untuk perhatian Dewan yang mulia ini warga asing yang berada di negara ini bukan sahaja membuat kerja-kerja sebagai buruh kasar malah ramai yang terlibat dalam perniagaan. Mereka membuka kedai, mereka mengusahakan pertanian dan sebagainya. Rakyat di negara sendiri tidak mempunyai peluang-peluang ini tetapi mereka begitu bijak berjinak dengan urusan ekonomi negara kita. Apakah kita perlu menunggu kebanjiran pekerja asing atau PATI yang boleh menimbulkan huru-hara atau masalah-masalah sosioekonomi yang lain baru kita akan terburu-buru mencari penyelesaian? Apakah fenomena ini adalah kesan sampingan untuk menjadikan negara kita menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020?

Sudah habis, saya akan menggulung ya. Satu lagi isu mengenai pekerja asing ialah cadangan Indonesia untuk menaikkan gaji pembantu domestik daripada RM800 kepada RM1,200 dalam mesyuarat kumpulan kerjasama antara Malaysia dengan Indonesia berhubung protokol pindaan memorandum persefahaman mengenai perkhidmatan domestik di Putrajaya pada 13 Mei yang lalu. Menurut Timbalan Duta Besar Indonesia di Malaysia, Hermono memberitahu bahawa kertas cadangan telah diserahkan kepada mesyuarat berkenaan.

Indonesia juga mahu supaya memudahkan urusan pemprosesan dokumen serta memansuhkan caj bulanan yang dikenakan kepada pembantu rumah yang dianggarkan sebanyak RM1,800 seorang. Apakah pendirian kerajaan berhubung dengan cadangan kerajaan Indonesia itu? Apakah justifikasi kerajaan Indonesia untuk menaikkan gaji pembantu rumah? Untuk makluman Dewan yang mulia ini dianggarkan lebih daripada 4,000 pembantu rumah daripada Indonesia masuk melalui saluran yang rasmi. Manakala 1,005 pembantu rumah memasuki negara kita secara tidak sah. Adakah angka-angka yang saya sebutkan itu benar? Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan terhadap pembantu-pembantu rumah yang memasuki ke negara kita secara tidak sah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sibuti.

7.22 mlm.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya selaku wakil rakyat Sibuti setelah mendengar meneliti Rancangan Malaysia Kesebelas yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta pasukannya kerana telah berjaya membentangkan Rancangan Malaysia Kesebelas yang

merupakan pusingan terakhir kepada Rancangan Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju dan *inclusive* menjelang tahun 2020.

Kita semua tahu dan faham bahawa RMKe-11 bukan sahaja sebuah dokumen tetapi merupakan garis panduan dan rancangan yang rapi. Kerajaan di bawah Barisan Nasional merealisasikan sasaran Malaysia menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Adalah menjadi harapan rakyat agar kemajuan sebuah negara dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat dan pembangunan ke arah negara maju seimbang antara bandar dan luar bandar. Ini kerana RMKe-11 ini adalah kesinambungan RMKe-10 yang telah lalu.

Dalam RMKe-11 telah menggariskan sebanyak 16 strategik bagi fasa terakhir melangkah kepada negara maju. Saya akan membicarakan beberapa teras strategik ini dalam konteks Parlimen Sibuti di negeri Sarawak.

Kita tahu bahawa diuar-uarkan RMKe-11 ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan memberi keutamaan kepada pembangunan luar bandar. Maka dari itu kita mengharapkan Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar akan memberi dan melihat sebanyak 3,000 kilometer jalan berturap di luar bandar seperti yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bagi tempoh lima tahun yang telah lalu, kita merasakan peruntukan bagi menurap jalan di luar-luar bandar, di kampung, di rumah panjang, telah pun dilaksanakan. Hanya penambahan yang baik lagi untuk masyarakat kita di kawasan Sepin Sepupuk dilaksanakan secepat mungkin dan juga memberi impak ekonomi yang sangat besar kepada 20 buah rumah panjang daripada penduduk-penduduk rumah panjang terutama dalam sektor pertanian.

Dari itu kita mengharapkan bahawa jalan-jalan luar bandar ini akan menambah ekonomi masyarakat kita di luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, kita berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana lawatan beliau ke Sarawak baru-baru ini telah memberi satu kejutan kepada kita bahawa beliau menyokong saranan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak untuk memohon 20% perolehan dari hasil keluaran minyak negeri Sarawak oleh Petronas yang sekarang ini hanya 5%.

Bahkan saya mencadangkan kepada kerajaan dan juga kepada Petronas agar memberi kepada negeri Sarawak 10% ke 20% lagi tiap-tiap *new block or new fuel* dengan izin yang akan dijalankan oleh syarikat-syarikat yang diagihkan kepada telaga-telaga minyak itu kerana Sarawak berhak untuk mendapat lebih daripada 5%. Kita bersetuju kepada apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, dia terus dan terus untuk memohon agar apa yang dipohon untuk mendapat 20% hasil dari minyak itu akan diberi kepada kerajaan negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan mutu kesejahteraan negara, elemen seperti penjagaan kesihatan adalah amat penting. Melalui RMKe-11, Hospital Miri disenaraikan sebagai salah sebuah hospital yang akan dinaik taraf dan saya mengalu-alukan rancangan tersebut memandangkan Miri adalah sebuah bandar raya kedua besar di negeri Sarawak dan Miri diduduki oleh *international staff* daripada Shell, Petronas dan syarikat-syarikat kontraktor minyak di negeri

Sarawak yang akan membawa pembangunan yang lebih pesat lagi kepada bandar Miri, Sibuti dan rakyat di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak merupakan sebuah koridor pembangunan yang dikenali sebagai SCORE ketika ini sedang dalam pembinaan 11 buah kilang yang beroperasi dalam tempoh tiga atau empat tahun. Pada ketika ini dua buah kilang yang beroperasi memerlukan ramai tenaga kerja teknikal mahir dan keperluan pekerjaan ini akan mendesak dalam masa yang terdekat. Koridor ini bukan sahaja membuka ruang kepada anak Sarawak malah tenaga kerja mahir teknikal dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Melalui TVET iaitu pendidikan latihan vokasional merupakan elemen penting bagi memenuhi keperluan tenaga mahir. Di Sarawak sudah banyak kali disampaikan permohonan untuk meningkatkan kapasiti sekolah dan kolej vokasional. Bagi RMKe-11 saya mencadangkan agar kolej vokasional dibuka di Parlimen Sibuti dan lokasi-lokasi yang boleh dikenal pasti di kawasan Sibuti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri KPKT kerana telah berjanji pada tahun lepas bahawa balai bomba di kawasan Sibuti akan dibina pertengahan tahun lepas dan akan siap pada awal tahun ini.

■1930

Saya percaya bahawa ada masalah teknikal dalam rangka pelan pembangunan itu, saya mengharapkan pihak kementerian boleh memberi jawapan mengapa ada kelewatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengejar Malaysia menjadi sebuah negara maju, kita boleh melihat masalah dadah di dalam negara kita. Dalam ketaksuban kumpulan tertentu yang mengheret rakyat untuk berpolitik dan menanam rasa benci terhadap segala urusan kerajaan, saya merasa kerajaan dan rakyat Malaysia sudah tidak melihat dadah sebagai musuh negara. Saya tidak mahu menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 tetapi negara masih mempunyai ramai penagih dadah semakin mudah diperolehi oleh golongan muda. Oleh itu saya menyeru agar pihak berkuasa mengambil tindakan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya ingin mahu memohon kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia agar melihat sekolah-sekolah di luar bandar yang masih dalam kedaifan dalam keadaan yang kurang memuaskan. Walaupun sudah ada dua tiga buah sekolah dibina dengan kabin-kabin yang indah dan cantik, masih ada juga sekolah-sekolah yang masih memerlukan seperti kuarters-kuarters guru dan juga bilik-bilik darjah kerusi dan bangku sekolah yang sudah usang.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon merayu pihak kementerian turun padang untuk melihat beberapa buah sekolah kerana RMKe-11 merupakan *final lap* dengan izin, ke arah negara maju perlulah dihebahkan kepada rakyat menerusi media massa dan sosial rakyat Malaysia terutama sekali rakyat Sarawak merasakan jurang perbezaan antara luar bandar dan bandar itu seimbang seperti apa yang di bandar.

Seperti yang kita lihat kalau di Kuala Lumpur ini jalan dari Johor terus ke Perlis begitu cantik, indah. Jadi kita mengharapkan juga seperti yang dijanjikan jalan raya ini akan menjadi kenyataan dalam sedikit masa lagi. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Nerus. Boleh ringkaskan ya.

7.34 mlm.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mulakan dengan satu firman Allah SWT. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Firman Allah Taala menceritakan kisah Nabi Allah Yusuf a.s., *"Kamu menanam selama tujuh tahun berturut-turut dalam keadaan biasa maka apa sahaja yang kamu dapat hasilnya maka biarkanlah ia pada tangkainya, melainkan sedikit daripada apa yang kamu makan"*. Allah SWT menjelaskan kepada kita kisah Nabi Allah Yusuf a.s. yang merencanakan satu pelan strategik jangka masa panjang berkaitan dengan ekonomi negara.

Jika bajet atau belanjawan tahunan yang kita buat adalah perancangan untuk tempoh satu tahun dan Rancangan Malaysia RMK pula adalah tempoh lima tahun. *Economic strategic planning* yang dicadangkan oleh Nabi Yusuf pula adalah untuk tempoh 14 tahun. Saya tidak menafikan bahawa ia bukan soal lama tempoh ataupun sedikit, tetapi keberkesanan perancangan tersebut untuk kita dapat pengajarannya dan kebaikan untuk negara.

Dalam kisah Nabi Allah Yusuf a.s. menjelaskan kepada kita konsep pendapatan mesti dibahagikan kepada tiga. 1/3 dimanfaatkan pada hadis masa atau tahun semasa dan 2/3 disimpan tujuannya untuk kita gunakan 1/3 di musim sukar atau di waktu berlaku krisis kewangan negara dan 1/3 lagi digunakan di kala mana kita bangkit dari saat krisis ekonomi negara.

Namun apabila kita lihat RMKe-11 yang dibentangkan kali ini dan setelah berlalu 10 RMK sebelum ini, ataupun 12 rancangan ekonomi negara sejak sebelum merdeka, saya merasakan kita masih lagi amat jauh untuk mencapai tahap kayu ukur negara makmur menurut kaca mata Islam. Mendepani tujuh tahun yang subur dan diikuti tiga tahun yang kemarau bukannya mudah untuk diurus. Jika tidak wujud satu konsep *good governance* berteraskan Islam yang merujuk kepada konsep kuat dan juga amanah.

Seperti mana firman Allah Taala *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* *"Sesungguhnya sebaik-baik orang yang kamu beri upah, beri pekerjaan, beri amanah adalah orang yang kuat lagi amanah"*. Kuat maknanya bijak, cerdik, berkemahiran tinggi. Kita tidak kurang orang yang bijak dan cerdik di negara kita tetapi kita kekurangan mereka yang amanah dan itulah yang menjadi penghalang besar untuk negara kita maju ke hadapan.

RMKe-11 kali ini adalah penghujung untuk kita mencapai satu tahap yang dipanggil negara maju pada tahun 2020. Persoalan kita ialah apakah dia ukuran negara maju yang perlu kita garap

dan adakah perancangan RMKe-11 mampu untuk mencapai sasaran yang kita tetapkan dan menurut kayu ukur Islam. Bagi saya kalau kita lihat Al-Quran kita lihat Al-Quran menjelaskan kepada kita konsep negara maju berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah An-Nahl, Allah menceritakan tentang konsep negara [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Ceritanya dua kali ukur, pertamanya kampung atau negara yang aman sentosa dan yang kedua rezeki yang datang melimpah ruah selapang-lapangnya daripada segenap penjuru kepada rakyatnya. Itulah kayu ukur bagi sebuah negara yang baik.

Akan tetapi negara maju selalunya akan berhadapan dengan masalah antaranya pembangunan yang dibuat tidak berdasarkan keperluan ataupun pembangunan yang dibuat itu adalah semata-mata untuk kebaikan pelobi-pelobi projek atau kapitalis atau golongan pemodal ataupun projek itu dibuat dalam bentuk yang mewah dan tanpa keperluan hingga Allah Taala menempelak kisah Kaum Hud a.s., Allah berfirman [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Firman Allah, “*Adakah kamu wahai kaum Hud membina di setiap tempat yang tinggi mercu tanda hanya sekadar untuk bermain-main dan membina bangunan yang besar-besar dengan harapan kamu akan kekal selama-lamanya*”.

Untuk menentukan ataupun kayu ukur bagi negara maju, kita boleh lihat satu hadis Nabi yang menyebut [*Membaca sepotong hadis*] Empat tanda kebahagiaan rakyat. Pertama isteri yang baik, kedua kediaman yang lapang, jiran yang baik dan kenderaan yang baik. Ini dia empat perkara. Atau kalau kita sebut lebih *detail* hari ini kita harapkan agar kita mencapai negara maju sampai ke tahap satunya pendapatan boleh guna rakyat yang tinggi. Kedua kemampuan rakyat memiliki kenderaan, ketiga kemampuan rakyat memiliki kediaman, keempat kejayaan rakyat untuk mendapat rumah tangga yang bahagia, kelima kejayaan rakyat untuk mendapat persekitaran perumahan yang aman, sentosa dan juga baik.

Di antara prinsip pengurusan strategik ekonomi jangka masa panjang yang boleh kita pelajari daripada kisah Nabi Allah Yusuf a.s., pertamanya penjanaan pendapatan mestilah melebihi tiga kali ganda perbelanjaan dan inilah kalau kita lihat berdasarkan apa yang kita bentang dalam setiap tahun kita berhadapan dengan masalah perbelanjaan yang melebihi pendapatan, sedangkan konsep belanjawan dalam Islam sepatutnya mesti dilihat berapa pendapatan kita ada kemudian kita rangka perbelanjaan berdasarkan pendapatan, bukan sebaliknya iaitu kita hanya merangka perbelanjaan kemudian kita rancang banyak mana yang perlu kita cari, itu yang pertama.

■1940

Kedua, kemampuan kita untuk menyediakan *reserve* yang cukup untuk negara. Kisah Nabi Allah Yusuf menggambarkan kepada kita kebijaksanaan pengurusan ekonomi. Pendapatan yang kita peroleh hanya kita gunakan satu pertiga sahaja dan bakinya adalah sebagai *reserve* untuk ke depan. Akan tetapi kalau hari ini rakyat kita dengan duit poket yang mereka dapat menerusi pendapatan gaji mereka, mereka terpaksa membelanjakan kesemuanya. Tidak ramai

yang boleh berbelanja satu pertiga daripada gaji dan dengan satu pertiga cukup untuk mereka menggunakan untuk pembayaran yang wajib, untuk makan minum, untuk kediaman, untuk kenderaan.

Ertinya, kita masih lagi jauh daripada apa yang kita harapkan. Kalau kita tengok sumber kita pada hari ini, kita diberikan oleh Allah SWT sumber yang sangat baik dan banyak untuk negara kita Malaysia. Janji Allah SWT sumber-sumber ini pasti cukup. Janji Allah [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*Tidak ada satu binatang yang melata atas bumi melainkan Allah pasti sediakan rezekinya.*”

Persoalan kita ialah bagaimana kita memanfaatkan rezeki yang diberikan oleh Allah S.W.T. Adakah segala nikmat itu kita syukuri? Janji Allah SWT [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*Kalau kamu bersyukur...*”, firman Allah Taala, “*...pasti Allah Taala akan tambah.*” [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*Akan tetapi kalau kamu kufur...*”, firman Allah, “*...azab Aku ini sangat-sangat pedih.*” Maka, ayat-ayat ini kita harap menjadi panduan untuk negara meneruskan usaha mereka untuk mendapat negara maju. Oleh kerana antara hasil kita yang besar melibatkan petroleum, saya ingin mencadangkan agar petroleum yang diperoleh oleh negara dikenakan zakat.

Sehingga kini, kita lihat Petronas tidak bayar zakat hasil daripada galian berbentuk petrol dan juga gas. Sudah sampai masa Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan membuat satu kajian hukum tentang zakat petroleum yang dikenakan pada hari ini. Zakat petroleum ini boleh dijadikan sebagai sebahagian pendapatan negara, bukan pendapatan Majlis Agama Islam Negeri. Disalurkan untuk kegunaan menyelesaikan masalah kemiskinan dan juga masalah piutang, rakyat yang berhutang dan juga keperluan pendidikan seperti mahasiswa. Supaya rakyat tidak perlu lagi bergantung kepada pinjaman menerusi PTPTN.

Semalam saya ada bertanya pada Menteri tentang takrif kemiskinan dan miskin tegar serta paras garis kemiskinan (PGK) kebangsaan yang terkini. Statistik miskin dan miskin tegar sebuah negara bagi tahun 2011 hingga tahun 2015 mengikut pecahan negeri dan daerah. Yang Berhormat Menteri telah memberikan penjelasan terhadap pecahan itu. Cuma apa yang saya timbulkan ialah tentang kayu ukur dalam kita menentukan PGK, menentukan paras garis kemiskinan. Pertama, kita letakkan kaedah ini ialah berdasarkan makanan dan juga bukan makanan. Itu untuk kemiskinan biasa. Miskin tegar kita letakkan garisnya iaitu mereka yang di bawah tahap PGK untuk makanan.

Saya ingin mencadangkan bahawa kayu ukur ini kita nilai balik kerana kayu ukur itu menyebabkan ramai orang yang benar-benar susah dan kesukaran tidak dimasukkan dalam kategori miskin. Hingga mereka terlepas daripada mendapat pembiayaan dan bantuan sepatutnya. Mengikut kaedah Islam, kayu ukur dibuat berdasarkan tahap bagaimana kemampuan mereka untuk membeli makanan, mendapat kediaman, mendapat pakaian, mendapat pengangkutan dan juga pendidikan. Kalau lima ini gagal diperoleh oleh mereka, bererti mereka berada di bawah paras miskin. Dalam Islam, fakir sebagai contoh, ditakrifkan sebagai orang yang

langsung tiada pendapatan. Maka, mereka yang tiada pendapatan seperti orang tua yang miskin, orang yang lumpuh tidak mampu bekerja, OKU dan sebagainya boleh dimasukkan dalam kategori mereka yang dipanggil sebagai fakir.

Ada beberapa perkara yang menjadi punca sebenar rakyat menjadi miskin dan program-program menangani kemiskinan oleh kerajaan gagal menangani dengan berkesan. Antaranya sistem ekonomi yang diamalkan bersifat ekonomi liberal kapitalis yang mana menyebabkan berlaku jurang yang besar antara kaya dan juga miskin. Kedua, banyak polisi kerajaan pada hari ini menyebabkan rakyat menghadapi susut nilai daripada wang atau pendapatan yang mereka ada. Dengan kejatuhan ringgit yang berterusan dan kenaikan harga barang dan juga perkhidmatan.

Ketiga, rakyat ditindas dengan percukaian yang zalim pada hampir segenap kehidupan masyarakat. GST pada barangan dan perkhidmatan sebagai contoh. Kalau zakat hanya 2.5% dikenakan oleh Tuhan tetapi GST dikenakan oleh kerajaan hari ini pada kadar 6%. Adakah kerajaan ingin menjadi Tuhan atau lebih berkuasa daripada Tuhan. Begitu juga cukai kenderaan. Sehingga hampir dan melebihi 100% kepada para pengguna kereta menyebabkan pengguna terpaksa mendapatkan kenderaan pada harga yang mahal.

Kenaikan harga hartanah akibat spekulasi pula menyebabkan ia meningkat, khususnya di bandar. Justeru, menatijahkan banyaknya miskin bandar dalam kalangan orang Melayu. Daya menyimpan wang di kalangan rakyat juga rendah dan hampir tiada, yang sepatutnya keadaan ekonomi yang baik ini ialah apabila rakyat mampu berbelanja sebahagian daripada pendapatannya untuk memenuhi keperluan hidupnya. Sekurang-kurangnya satu pertiga daripada pendapatan itu dapat disimpan. Wang kekayaan negara hanya berlegar kalangan orang-orang kaya yang meliputi pemimpin negara sahaja yang tidak amanah dan golongan bangsawan serta kelompok yang tamak. Saya ingin menyentuh sedikit tentang isu wanita. Dalam RMKe-11 menyasarkan untuk wanita dilibatkan dengan bidang pekerjaan untuk satu tahap yang lebih baik. Cuma yang kita bimbang ialah penglibatan wanita ini akan menyebabkan wanita terdedah untuk mengabaikan tanggungjawab sebenar mereka di kediaman mereka, di rumah tangga mereka.

Maka, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya mengurangkan waktu bekerja mereka. Kalau hari ini waktu bekerja wanita adalah lapan jam sama seperti lelaki, saya minta kerajaan memikirkan untuk peringkat awal menerusi perkhidmatan awam untuk dikurangkan tujuh jam atau enam jam sahaja tetapi dengan gaji yang sama. Anggaplah apa yang kurang itu sebagai hadiah daripada kerajaan atau negara atas khidmat para isteri, khidmat para ibu untuk anak-anak mereka.

Saya juga ingin mencadangkan agar satu bentuk *business online* dipanggil pada hari ini dijadikan satu projek besar yang boleh kita libatkan para isteri, para ibu yang berada di rumah mereka. Ini kerana mereka boleh berniaga atau mendapatkan lebihan pendapatan dengan berada di rumah sahaja, tidak perlu mereka keluar rumah. Juga boleh memberikan mereka ruang masa

banyak bersama anak-anak dan juga keluarga mereka. Ini memerlukan satu perancangan yang rapi dengan bajet yang besar, dana yang besar dan juga keusahawanan yang kita tujukan kepada para wanita, *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terakhir, saya ingin sebut tentang Kuala Nerus sendiri. Kuala Nerus telah diisytiharkan baru-baru ini sebagai daerah kelapan di negeri Terengganu. *Alhamdulillah* saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat. Di kawasan ini *alhamdulillah*, kita mempunyai kawasan-kawasan yang sangat baik dari segi pembangunannya. Kita ada Airport Sultan Mahmud, stadium runtuh yang baru sahaja siap dibaiki sampai enam tahun, ada hotel mewah, ada universiti, ada pusat pendidikan, pasar raya dan sebagainya. Cuma kekurangan di Kuala Nerus ialah melibatkan bomba. Hari ini rakyat Kuala Nerus terpaksa bergantung kepada balai bomba di bandar Terengganu dan juga Balai Bomba Sukarelawan di Bandar Kuala Nerus. Saya mengharapkan kerajaan memikirkan atau meluluskan satu balai bomba baru untuk Daerah Kuala Nerus.

Kedua, tentang hospital. Hospital Universiti yang dicadangkan oleh kerajaan untuk dibina di UniSZA. Perancangannya tahun 2012 dan baru ini pada bulan September 2014 dibuat satu pelancaran perasmian pecah tanah oleh Yang Berhormat Pekan. Akan tetapi saya lihat dalam web Kementerian Kerja Raya, tender untuk kerja reka bina baru ditutup pada 21 April 2015. Ertinya, pembinaannya masih lagi belum bermula. Saya hendak minta penjelasan, apakah di tahap proses pembinaan hospital ini? Oleh kerana saya bimbang nanti berlaku seperti mana LPT2 yang dirancang tahun 2006, dimulakan tahun 2008, dijangka siap tahun 2010 tetapi akhirnya hanya siap pada bulan Januari 2015.

Ini yang kos asalnya hanya RM1.3 bilion tetapi akhirnya meningkat kepada RM5 bilion lebih. Juga mengikut perancangan kerajaan sebelum ini, dijangkakan untuk RMKe-11 kerajaan akan memperuntukkan untuk fasa kedua bahagian hospital ini sebanyak 200 katil. Akan tetapi saya tidak melihat itu disebut dalam RMKe-11. Saya harapkan penjelasan daripada Yang Berhormat Pekan nanti ataupun Menteri yang berkaitan, *insya-Allah*.

Terakhir, saya ingin mencadangkan supaya kawasan baru di Kuala Nerus ini dijadikan sebagai bandar pelancongan. Dengan merujuk kepada jajaran pantai yang cantik sepanjang Bandar Kuala Nerus dan juga merujuk kepada banyak aset pelancongan di kawasan Kuala Nerus. Sekurang-kurangnya akan meningkatkan tahap pendapatan rakyat Kuala Nerus. Dalam masa yang sama jangan dilupakan mereka yang miskin di kawasan Kuala Nerus, kebanyakan mereka adalah nelayan. Oleh kerana hari ini kita lihat pada nelayan di negeri Terengganu khususnya, pendapatan mereka adalah di bawah paras pendapatan kebangsaan yang ditetapkan LKIM.

■1950

Sepatutnya RM1,600 tetapi pendapatan nelayan di kawasan Terengganu adalah di bawah RM1,400. Kebanyakan mereka sekitar RM500 hingga RM1,250 sebulan. Saya mengharapkan agar koperasi-koperasi yang dibina di bawah pemantauan kerajaan. Koperasi Nelayan dapat dibangunkan sebaik-baiknya supaya sekurang-kurangnya dapat menjana pendapatan lebih diberikan elaun kepada para nelayan terutamanya pada musim tengkujuh yang mana mereka tidak mampu untuk keluar untuk mendapatkan pendapatan seperti mana biasa.

Terakhir saya ingin menyebut tentang isu pengambil tanah Banggol Donas yang saya bangkitkan banyak kali di Parlimen dan jawapan kementerian adalah supaya saya merujuk kepada kerajaan negeri tetapi apa yang saya ingin bangkitkan ialah pengambilan tanah itu tidak menepati Kanun Tanah Negara dan perubahan jajaran jalan raya yang dibuat sehingga terpaksa mengambil tanah orang kampung adalah berniat jahat kerana di sana ada jajaran yang dicadangkan yang tidak langsung mengenai ataupun tidak langsung kena kepada menyasarkan rumah orang kampung. Maka saya harap Kerajaan Pusat menerusi JKR mengubah jajaran jalan raya tersebut agar tidak melibatkan kediaman supaya projek yang dirancang oleh kerajaan untuk mendekatkan laluan dari Kuala Nerus ke Kuala Terengganu dapat dibuat dengan kadar segera, *insya-Allah*.

Itu sahajalah yang saya ingin sebutkan. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sekijang. Ringkas, ya.

7.51 mlm.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang untuk sama-sama berbahas dalam cadangan RMKe-11. Rancangan Malaysia Kesebelas yang bertemakan Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat adalah suatu kertas penting dalam merangka dan merencana pertumbuhan pembangunan serta ekonomi negara kita dalam usaha mencapai negara maju menjelang tahun 2020. Dalam erti kata nama lain, RMKe-11 ini merupakan pusingan terakhir serta penghujung dalam menentukan sama ada negara kita mampu menjadi negara berpendapatan tinggi seterusnya menjadi negara dunia, pertama.

Justeru, segala perancangan yang dibawa dalam kertas kerja ini haruslah menjadi aspirasi serta inspirasi oleh segenap lapisan masyarakat tidak kira umur, kaum mahupun agama agar matlamat utama negara mampu dikecap secara bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana menjadikan pembangunan di kawasan luar bandar sebagai inti sari penting dalam RMKe-11 ini. Harus diakui kawasan luar bandar sebenarnya masih jauh ketinggalan dalam arus pembangunan negara dan melihatkan perancangan yang dibuat di bawah RMKe-11 ini, saya mengharapkan ia mampu dilaksanakan bagi memastikan keseimbangan sosioekonomi mampu dicapai. Selain daripada itu, saya ingin menyampaikan penghargaan saya kepada pihak kerajaan

kerana telah memenuhi janji untuk membina dan menaik taraf jalan raya baru yang menghubungkan kawasan Jementah dan juga Segamat. Buat masa ini, projek tersebut masih lagi berjalan dan ia dijangka siap tidak lama lagi.

Namun begitu, saya berharap agar projek menaik taraf jalan raya ini dapat disambungkan terus ke bandar Tangkak bagi memudahkan akses rakyat terus ke Lebuhraya Utara Selatan (PLUS). Saya berharap perkara ini diberi pertimbangan sewajarnya oleh pihak JKR kerana pada suatu ketika dahulu, Bandar Segamat merupakan laluan utama yang menghubungkan utara dan selatan tanah air tetapi apabila terbinanya Lebuhraya PLUS, Daerah Segamat dilihat agak ketinggalan dan masih kekal dilihat sebagai daerah pertanian.

Saya juga merayu agar kerajaan dapat memastikan laluan Jalan Buluh Kasap yang menghubungkan Jalan Genuang dan Jalan Gemas–Johor Bahru dapat dipercepatkan pembinaannya. Rekod kemalangan yang tinggi di laluan ini saban tahun menunjukkan betapa pentingnya ia diberikan perhatian. Memandangkan laluan ini melalui kawasan tumpuan terutamanya bandar Segamat dan kampung di sekitar daerah, siangnya ia kelak bakal memudahkan perhubungan antara kawasan yang dijangka dapat mengurangkan kemalangan di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Sekijang berada di dalam Daerah Segamat dan ia terletak berhampiran sempadan dua negeri iaitu Negeri Sembilan dan juga negeri Pahang. Buat masa ini jalan raya yang menghubungkan Kuantan dan Segamat telah dinaik taraf namun hanyalah antara Kuantan dan Paloh Inai di Daerah Pekan. Justeru, saya memohon agar laluan tersebut dapat disambung untuk dinaik taraf sehinggalah ke Segamat. Ini sangat penting kerana laluan ini bakal merancakkan sistem perhubungan sedia ada kerana bakal melalui beberapa daerah penting seterusnya ke Lebuhraya Pantai Timur selain akses yang lebih baik ke Daerah Jempol dan Gemas di Negeri Sembilan dari kedua-dua arah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada isu jalan, beberapa tahun dahulu, kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah merancang untuk membina sebuah Maktab Rendah Sains Mara di Daerah Segamat yang boleh menampung sehingga 700 orang pelajar. Untuk rekod, pihak MARA juga telah membeli sebidang tanah di kawasan Sekijang seluas 70 ekar. Saya dimaklumkan sudah lebih lima tahun tanah ini dibeli oleh MARA untuk membina MRSM tersebut yang dijangka bakal menggunakan tanah hanyalah seluas 30 ekar. Saya tidak pasti di mana silangnya, sehingga hari ini pembinaan MRSM tersebut masih belum menjadi kenyataan, walaupun Parlimen Sik diumumkan dalam RMKe-11 sudah dimasukkan untuk MRSM tetapi Sekijang tetap memperjuangkan MRSM ini untuk diadakan di Parlimen Sekijang.

Buat masa ini Parlimen Sekijang hanya mempunyai sebuah kolej komuniti. Apabila terbinanya MRSM ini nanti, maka bertambahlah sebuah lagi institut pendidikan di kawasan ini. Sudah tentu kewujudan MRSM ini kelak pastinya membukanya lembaran baru bagi Daerah Segamat yang mampu dijadikan sebagai hab pendidikan bagi kawasan utara negeri Johor. Saya

ingin mengingatkan pihak kerajaan bahawasanya pembinaan MRSM ini adalah janji yang telah diungkapkan oleh Barisan Nasional dalam manifesto pilihan raya kita yang lalu.

Kita tidak mahu menjadi seperti parti pembangkang yang pernah menyatakan bahawa manifesto itu bukan sebuah janji. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan pastinya sebuah parti yang menepati janji, saya berharap apa yang telah dijanjikan ini dapat segera kita laksanakan. Kita tidak mahu rakyat kecewa jika ia tidak dilaksanakan kerana mereka percaya dengan terbinanya MRSM ini kelak. Secara tidak langsung pembangunan baru lain akan turut dikecap sekali gus mampu merancakkan ekonomi penduduk tempatan yang majoritinya pada hari ini adalah golongan pekebun, petani dan juga mereka yang dikategorikan sebagai pekebun kecil yang berpendapatan rendah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sabar *sat*. Jangan gopoh. Hendak selesai 1MBD dahulu.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Untuk projek tebatan banjir, Tuan Yang di-Pertua, ada hubungan antara MRSM dan juga projek tebatan banjir ini. Saya ambil maklum bahawa beberapa projek tebatan banjir yang sepatutnya dilaksanakan pada RMKe-10 lalu terpaksa dibawa ke RMKe-11. Banjir besar yang pernah melanda negara pada penghujung tahun lalu seharusnya menjadi iktibar kepada semua dan kita lihat rakyat menghadapi masa-masa yang sukar dan di luar jangkaan. Namun, *alhamdulillah* banjir besar yang pernah melanda beberapa negeri pada tahun lalu nampaknya tidak begitu terkesan di Parlimen Sekijang walaupun Yang Berhormat Pokok Sena pernah tersangkut di Sekijang dahulu pada tahun 2011.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Dia sudah lupa!

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Ya, dia sudah lupa. Betul, Yang Berhormat Tenggara.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Mana boleh lupa sejarah.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: ...Selamatkan dia.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Sekijang juga yang hendak menyelamatkan dia itu. Disebabkan itu juga saya mengharap projek tebatan banjir yang telah lama dirancang di kawasan Sekijang ini mampu dilaksanakan secepat mungkin bagi memastikan masalah banjir mampu diatasi. Projek tebatan banjir ini yang merangkumi pembinaan sebuah terusan yang menghubungkan Sungai Segamat dan Sungai Genuang bagi mengurangkan tekanan air di sungai-sungai ini pada musim tengkujuh haruslah disegerakan untuk dilaksanakan kerana masalah ini telah lama membelenggu penduduk di Daerah Segamat.

Selain daripada projek pembinaan terusan ini, projek bagi meninggikan landasan berkembar kereta api. Projek landasan berkembar yang menghubungkan Gemas dan juga Johor ini sering kali mengganggu aliran air di dua batang sungai ketika musim tengkujuh dan ia mestilah berjalan seiring memandangkan kedua-duanya saling berkaitan.

Buat masa ini, yang hanya menjalankan projek tersebut hanyalah Jabatan Pengairan dan Saliran dan Kementerian Pengangkutan yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan hal jambatan untuk landasan kereta api ini masih gagal melaksanakan tanggungjawab tersebut. Saya mendapat makluman sebenarnya JPS telah berhubung dengan pihak Kementerian Pengangkutan untuk meminjam bajet tersebut untuk melaksanakan projek ini secara bersama tetapi pihak Kementerian Pengangkutan menolak dengan alasan projek landasan berkembar ini masih belum dapat dilaksanakan. Jadi saya minta jasa baik daripada kedua-dua kementerian ini, kalau ada *Blue Ocean Strategy*, masa inilah gunakan peluang untuk melaksanakan *Blue Ocean Strategy* ini.

Tuan Yang di-Pertua, RMKe-11 menekankan betapa pentingnya kualiti hidup rakyat menjelang tahun 2020. Bila kita bercakap tentang kualiti hidup, suka atau tidak isu kesihatan merupakan nadi utama dalam *indicator* menentukan tahap kualiti hidup seseorang.

■2000

Justeru itu, saya berharap penekanan yang lebih diberikan dalam aspek kesihatan terutama sekali berkaitan fasiliti dan kemudahan hospital kerajaan. Oleh yang demikian, usaha kerajaan meningkatkan bilangan katil di hospital awam dan swasta sehingga 25% ataupun sejumlah 73,000 katil menjelang tahun 2020 haruslah disokong sepenuhnya oleh semua pihak. Melalui usaha ini, harapan saya agar pembahagian katil-katil ini dibuat secara menyeluruh dengan mengambil kira faktor hospital di luar bandar yang buat masa ini agak kekurangan daripada segi fasiliti.

Apabila ini dilakukan, kebergantungan terhadap hospital-hospital kerajaan di kawasan bandar dapat dikurangkan. Sementara itu saya juga melihat betapa pentingnya Hospital Segamat dinaiktarafkan melalui peningkatan kemudahan perubatan terutamanya peranti-peranti perubatan untuk tujuan diagnosis bagi sesuatu penyakit.

Menteri Kesihatan dan juga Ahli Parlimen Segamat diharap dapat memainkan peranannya untuk memastikan perkara ini dapat dicapai. Seperti yang saya katakan tadi, daerah Segamat adalah sempadan untuk beberapa kawasan negeri lain dan sudah tentu apabila Hospital Segamat dinaiktarafkan, nikmatnya dapat dirasakan oleh segenap lapisan rakyat di daerah berdekatan. Tuan Yang di-Pertua, seperti semua sedia maklum, bayaran bagi mendapatkan rawatan di hospital atau klinik kerajaan adalah serendah RM1 sahaja.

Walaupun harganya adalah sangat rendah, namun masih ramai lagi rakyat tidak melihat ini sebagai satu bentuk subsidi yang ditanggung kerajaan bagi memastikan kualiti kesihatan rakyat berada di tahap terbaik. Dengan bayaran serendah itu, pesakit yang menerima rawatan turut sama dibekalkan dengan ubat-ubatan yang berkualiti tinggi yang semestinya kos ubat-ubatan tersebut diserap oleh kerajaan dan diberikan kepada pesakit dalam bentuk subsidi.

Jadi saya ingin mencadangkan agar Jabatan Farmasi di setiap hospital dan klinik kerajaan mengeluarkan satu resit yang menunjukkan harga sebenar ubat yang diberikan kepada pesakit serta jumlah subsidi yang ditanggung oleh kerajaan bagi ubat tersebut. Cadangan ini dilihat

mampu memberikan penerangan secara tidak langsung kepada rakyat tentang di mana dan ke mana hasil kerajaan dibelanjakan yang saban tahun bagi subsidi perubatan sahaja mencecah lebih RM10 bilion.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sekijang panjang lagi?

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Sikit lagi. Melalui RMKe-11 ini, kerajaan menyangka sebanyak 653,000 buah rumah mampu milik bakal terbina dengan sokongan pelbagai pihak. Ini bermakna secara puratanya sebanyak 131,000 unit rumah akan dibina setiap tahun. Namun begitu, melihatkan keadaan semasa melalui rekod-rekod yang lalu, jumlah itu dilihat sangat besar untuk dicapai memandangkan kebanyakan pemaju hartanah hanya mampu membina 20,000 unit rumah setiap tahun. Itu bukanlah bermakna jumlah 131,000 tidak mampu dicapai tetapi usaha kerajaan sedia ada haruslah dilipatgandakan termasuklah dengan menjalinkan kerjasama strategik antara sektor awam dan sektor swasta dalam membina rumah mampu milik ini.

Untuk rekod, dalam RMKe-10 yang lalu, rumah mampu milik yang dibina oleh pihak swasta adalah berjumlah 74,000 unit sahaja. Memandangkan Sekijang mempunyai akses kepada tanah besar dan luas, dua lokasi ini bolehlah dijadikan tapak bagi perumahan mampu milik untuk RMKe-11. Jika tidak boleh dibina dalam jumlah yang banyak, cukuplah jika kerajaan dapat menyediakan sejumlah 500 hingga 600 unit rumah mampu milik di kawasan ini.

Perkara ini penting apabila melihatkan situasi semasa yang mana ramai orang muda terpaksa berhijrah ke kawasan lain semata-mata untuk membeli rumah kerana kurangnya jumlah projek perumahan yang boleh dibina di kawasan ini. Apabila adanya projek mampu milik di kawasan ini, sudah pasti migrasi penduduk terutamanya orang muda dapat dikurangkan. Sebagai penutup Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ke-11 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini bakal menjadi penentu kejayaan negara dalam tempoh lima tahun yang akan datang. Sama ada negara kita mampu mencapai status negara maju bagi tahun 2020 atau tidak, kertas kerja inilah yang menjadi dokumen penting dalam hala tuju. Sudah tentu usaha murni kerajaan ini tidak akan mampu dikecapi jika tiadanya kerjasama daripada pelbagai pihak terutamanya kerajaan, sektor swasta ataupun rakyat sendiri.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Oleh yang demikian, saya berharap hubungan utuh antara satu sama lain ini dapat kita perkukuhkan agar impian serta cita-cita negara dapat dicapai dan kejayaannya dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat. Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rancangan Malaysia Ke-11. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Kawan.

8.04 mlm.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Impian kerajaan dalam memenuhi Wawasan 2020 tinggal lima tahun lagi, 60 bulan untuk tanah air kita diberi gelaran negara maju. Maka kita dipersembahkan dengan Rancangan Malaysia Ke-11, satu igauan oleh kerajaan bahawa negara ini akan menjadi sebuah negara maju dalam lima tahun lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menunjukkan rasa loya saya terhadap Kementerian Pendidikan di atas kenyataan yang mengelirukan serta jawapan yang berbolak-dalik berhubung isu panas pembinaan bangunan baru bagi SJKT Sungai Bakap di Seberang Prai Selatan. Sejak tahun 2012, pihak PIBG SJKT Sungai Bakap telah berkomunikasi dengan agensi kerajaan, Kementerian Pendidikan sehinggalah Jabatan Perdana Menteri untuk pembinaan bangunan sekolah baru.

Pada Disember 2012, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang memberi surat tiada halangan untuk sekolah dibina di atas keluasan tanah 3.475 ekar di Lot 464 Mukim 4, Seberang Prai Selatan. Tuan Yang di-Pertua, saya memberi fakta-fakta ini sebab saya ada perbincangan selepas ini yang mana fakta ini amat penting dalam perbincangan itu. Surat dari Pelan Tindakan Masa Depan Sekolah di bawah Jabatan Perdana Menteri juga telah dihantar dari Jabatan Perdana Menteri dari Dr. Rajendran ke Kementerian Pendidikan di atas dasar keperluan dengan kadar segera meluluskan dan membina sebuah sekolah baru. Pada Mac 2013, Kementerian Pendidikan telah mengenal pasti tanah yang sama, 3.475 ekar di atas lot yang sama untuk digunakan untuk membina bangunan baru dan peruntukan RM3.5 juta di bawah Pakej Rangsangan Khas 2013.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu artikel di *New Straits Times* bertarikh 26 Mei 2014, Yang Berhormat Hulu Selangor merangkap Timbalan Menteri Pendidikan telah menyatakan dengan *confident* bahawa kerja-kerja pembinaan sekolah ini akan bermula akhir bulan Jun atau Julai 2014 dan kelewatan ini adalah disebabkan oleh pemilihan kontraktor India untuk melaksanakan projek pembinaan sekolah Tamil ini. Tinjauan saya pada bulan September tahun lepas menunjukkan bahawa tanah tersebut masih belum disentuh dan penuh dengan semak. Saya telah menanyakan tiga kali di Dewan yang mulia ini iaitu pada bulan Oktober tahun lepas, Mac dan Mei tahun ini. Soalan saya pada Oktober 2014 adalah bilakah kerja pembinaan SJK(T) Sungai Bakap akan bermula?

Tuan Yang di-Pertua, gugur jantung saya apabila dibaca jawapan hitam putih bahawa kementerian belum menerima permohonan berkaitan pembinaan sekolah tersebut. Soalan saya dalam bulan Mac tahun ini yang meminta tarikh pembinaan sekolah pun jawapan yang saya terima mengejutkan bahawa sekolah ini tidak dapat dibina mengikut masa yang awalnya dicadangkan kerana peruntukan di bawah Pakej Rangsangan Khas 2013 telah digunakan untuk komitmen bagi Pakej Rangsangan Khas 2012 dan akan dilaksanakan menggunakan baki peruntukan Pakej Rangsangan Khas 2014. Bulan lepas Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya sekali lagi kepada Kementerian Pendidikan menyatakan dengan terperinci dengan izin, *timeline* pembinaan sekolah

tersebut. 'Hairan bin ajaib', jawapan yang saya terima adalah kementerian sedang menyemak status pemilikan tanah bagi pembinaan sekolah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan Parlimen, badan tertinggi untuk menggubal dan memansuhkan undang-undang Perlembagaan Negara ini jelas bercanggah dengan semua surat hitam putih dari Jabatan Pendidikan Negeri, Kementerian Pendidikan sehinggalah Jabatan Perdana Menteri. Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan kenyataan di akhbar Tamil semalam menyatakan sekolah ini akan dibina dengan peruntukan RM3.5 juta. Soalan saya, sekiranya wang diperuntukkan, mengapa jawapan Parlimen mengatakan ia telah digunakan dan jika benar ia akan dibina, mengapa jawapan Parlimen menyatakan kementerian masih menyemak tanah walaupun telah jelas dinyatakan dalam surat-surat rasmi? Saya juga ingin tahu siapakah kontraktor yang telah diberikan kontrak untuk membina sekolah ini?

Tuan Yang di-Pertua, apakah kebodohan ini? Jadi tidak salahlah saya bersetuju dengan Allahyarham P.Ramlee mengatakan, "*Alif mim nun wau, alif tendang wau maka sarkaslah.*" Saya berterima kasih ke atas Kementerian Pendidikan di atas inisiatif mereka untuk membina sekolah ini ataupun kenyataan-kenyataan yang *confident* yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Pendidikan tetapi jika komitmen untuk membina sebuah sekolah pun boleh digadaikan seperti ini, di manalah kepercayaan rakyat terhadap Pelan Rancangan Malaysia Ke-11. Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang ingin saya bawa di sini adalah peruntukan bagi Ahli Parlimen BN dan Ahli Parlimen Pakatan Rakyat oleh kerajaan.

■2010

Kata Yang Berhormat Arau merangkap Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 22 Mei 2013, amaun RM1 juta telah disalurkan, dengan izin, ke *state development office* setiap negeri yang terletak di bawah ICU dalam Jabatan Perdana Menteri. Saya telah menelefon ke SDO Pulau Pinang dan telah menanyakan apakah garis panduan untuk saya menggunakan peruntukan itu di kawasan saya untuk rakyat Batu Kawan. Saya bercakap dengan sekurang-kurangnya tiga orang pegawai di SDO Pulau Pinang dan tiada seorang pun yang tahu mengenai peruntukan ini dan permohonan saya. Terkejut sekali saya ditanya oleh pegawai, "*Yang Berhormat dapat berita ini dari mana? Kami tidak diberitahu pun*".

Selepas itu saya mendapat tahu bahawa kelulusan RM1 juta itu tertakluk di atas kelulusan ketua cawangan UMNO. Yang Berhormat Bagan Datoh pula dalam kenyataan beliau di Permatang Pauh dalam bulan April menyatakan bahawa peruntukan khas lebih RM5 juta akan diberikan kepada semua Ahli Parlimen Barisan Nasional jika Barisan Nasional menang dalam pilihan raya kecil itu.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua kenyataan Yang Berhormat Arau berhubung peruntukan RM1 juta dan ucapan sandiwara Perdana Menteri berhubung Rancangan Malaysia Kesebelas, dua-duanya dilakukan di Dewan yang mulia ini. Soalan saya hari ini, bolehkah kata-kata mereka ini boleh dipercayai? Saya ada di sini Tuan Yang di-Pertua. Satu surat pekeliling tahun 2004 dari

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia kepada semua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah serta Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan. Dengan tajuk, '*Peruntukan khas bagi maksud pemberian bantuan segera kepada golongan yang memerlukan*'.

Peruntukan RM20,000 disalurkan kepada setiap Ahli Parlimen oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam bentuk geran tahunan. Walaupun *amount* ini diaudit setiap enam bulan setiap tahun, namun Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen pembangkang atau Pakatan Rakyat tidak mengetahui peruntukan ini. Malah *point* nombor empat dalam surat tersebut menyatakan bahawa bagi kawasan-kawasan yang wakil rakyat terdiri daripada parti pembangkang, perakuan bantuan dibuat oleh ketua bahagian UMNO dan peruntukan diletakkan di bawah tanggungjawab pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri. Permainan apa ini Tuan Yang di-Pertua? Ini wang rakyat tetapi boleh sedap diagih-agihkan kepada puak-puak Ketua Bahagian UMNO.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, memandangkan tidak ada pekeliling atau surat edaran yang telah diberikan kepada mana-mana Ahli Parlimen pembangkang, maka adakah surat ini masih berkuat kuasa. Saya mahukan isu ini dimasukkan dalam *Hansard* untuk rekod dan saya mohon agar satu jawapan diberikan di Dewan yang mulia ini untuk dengan izin, *clarified* peruntukan kebajikan yang perlu melalui tangan Ketua Bahagian UMNO. Tuan Yang di-Pertua, *this may not seem like billion bustard in the notorious 1MDB scandal but every cent of the people's moneys spent must be accounted for*. Bagaimana rakyat boleh mempercayai satu kerajaan yang menindas rakyat, merampas kekayaan negara dan menghabiskan wang rakyat untuk kepentingan mereka untuk terus bermaharajalela di negara ini dengan lima tahun lagi dengan moto mereka, '*Dulu, kini dan selamanya*'.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan infrastruktur harus diimbangi dengan *human development* sekali, dengan izin. Manifesto Barisan Nasional sebelum PRU 2013 menyatakan bahawa lebih 45,000 orang pekerja kontrak akan diserap menjadi pekerja tetap dengan kerajaan. Akan tetapi dalam jawapan Menteri dari Jabatan Perdana Menteri pada 1 April tahun ini, sehingga 31 Januari tahun ini terdapat seramai 47,728 orang pegawai kontrak dalam perkhidmatan awam. Setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk menyerap secara tetap dan automatik kepada mereka yang telah berkhidmat lebih daripada lima tahun.

Saya tahu Tuan Yang di-Pertua, manifesto-manifesto pilihan raya tidak boleh dibawa ke muka pengadilan dan tidak boleh dibawa ke mahkamah. Akan tetapi ini adalah satu pecah amanah rakyat apabila dijanjikan dalam manifesto bahawa pekerja kontrak akan diserap menjadi pekerja tetap tetapi terang-terang di Parlimen, di Dewan yang mulia ini mengeluarkan kenyataan, "*Oh, kami tidak ada hasrat atau kami akan tunggu lagi*". Oleh itu kerajaan tidak memberi komitmen bahawa pegawai kontrak akan dilantik serta diserap secara automatik ke jawatan tetap. Pengalaman berkhidmat dalam kerajaan merupakan satu kelebihan untuk dipertimbangkan

pelantikan ke jawatan tetap. Saya sokong dan setuju dengan kenyataan ini oleh Yang Berhormat Arau. Akan tetapi sekarang ini telah timbul satu tanda tanya apakah nasib 47,000 pekerja kontrak di negara ini.

Lima tahun lagi Tuan Yang di-Pertua, kita akan mencapai negara maju tetap lebih daripada 47,000 pekerja kontrak akan mungkin tiada kerja dalam jangka masa lima tahun ini. Sudah tentu kami juga mahukan pegawai kerajaan dan *civil servants*, dengan izin, mempunyai *skill* atau kemahiran yang berpadanan dengan kerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kalau manifesto Barisan Nasional bagi PRU pun boleh goreng sampai ke tahap ini tanpa komitmen untuk menyerap pegawai kontrak menjadi pekerja tetap, apatah lagi dengan Rancangan Malaysia Kesebelas yang adalah *game changer*, dengan izin, untuk Malaysia menjadi negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun wujud pelbagai kanun dan undang-undang untuk pendakwaan jenayah seksual, namun insiden atau kes jenayah seksual, rogol serta keganasan rumah tangga masih sedang meningkat dengan kadar yang berbahaya. Akan tetapi penderaan kanak-kanak dan jenayah seksual kanak-kanak berada di tahap yang amat membimbangkan sekarang. UNICEF menggesa kerajaan untuk mengambil pendekatan untuk mencegah dan intervensi yang serius supaya kanak-kanak dilindungi daripada jenayah seksual seperti yang dilihat beberapa tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan tahun ini adalah ulang tahun ke-20 Malaysia menandatangani *Convention on the Rights of the Child*, maka saya mengulangi tuntutan UNICEF kepada Kerajaan Malaysia agar Malaysia lebih bergiat dan berusaha untuk melindungi hak kanak-kanak yang dijadikan mangsa jenayah seksual. Selain daripada itu, remaja harus diberi pendidikan kesihatan seksual di bangku sekolah lagi. Implementasi undang-undang serta menambah baik *access* guaman, perundangan bagi mangsa penderaan dan jenayah seksual dan yang paling penting keadilan bagi mangsa-mangsa ini.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, dalam kes, dengan izin, *finger rape* yang berlaku di Sibu, si ayah yang berumur 60 tahun menyatakan bahawa jarinya yang sarat dengan air mani dimasukkan ke dalam kelamin anak perempuannya yang berumur 14 tahun. Seorang kanak-kanak secara jijik melalui, dengan izin, *non sexual intercourse* yang telah menyebabkan anaknya itu mengandung. Kejadian jahil ini menggerunkan seluruh negara. Bukan sahaja di atas kelakuan meluat lelaki ini tetapi dengan keputusan mahkamah yang mendapatinya tidak bersalah.

Saya di sini Tuan Yang di-Pertua, bersama semua wanita di Malaysia, pemimpin wanita Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional serta semua NGO wanita menyokong saranan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani untuk mengkaji semula Kanun Keseksaan berhubung definisi rogol. Saya berharap proses perbincangan akan dipercepatkan dan pindaan tersebut dibentangkan di Parlimen untuk dibahas dan diperhalusi. Sidang Parlimen yang akan datang mesti dimasukkan dengan pindaan ini berhubung definisi rogol

dan semua peruntukan yang berkaitan dalam undang-undang ini. Ia mesti diluluskan tahun ini juga dan Peguam Negara serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat wajar mempercepatkan pindaan ini dan dibentangkan di Parlimen. Ya, Yang Berhormat Sepang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Very limited time.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit, sedikit. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Kawan. Yang Berhormat Batu Kawan, tentang isu *finger rape* tadi itu, memang ada kelemahan undang-undang di situ. Cumanya yang saya musykil kerana apakah pihak pendakwa sudah tahu definisi *rape* itu adalah melibatkan kemasukan kemaluan lelaki ke atas kemaluan wanita, tiba-tiba ia hanya mengemukakan pertuduhan hanya kepada satu pertuduhan sahaja iaitu kes rogol. Sedangkan boleh dibuat pertuduhan pilihan, paling kuranglah iaitu *outrage modesty*. Jadi kalau sekiranya beliau terlepas pun daripada hukuman rogol, masih boleh dikenakan hukuman paling kurang seksyen 354 Kanun Keseksaan. Jadi apakah pandangan bagi pihak Yang Berhormat Batu Kawan?

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Saya setuju dengan rakan saya Yang Berhormat Sepang. Saya rasa dalam kes-kes seperti ini perlu ada *multi pronged approach* dan *multi pronged look*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, supaya ia tidak terlepas daripada apa yang telah dikatakan oleh Ahli Parlimen Sepang tadi. Saya ingin menggulung.

■2020

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan ungkapan Abraham Lincoln, dengan izin, “*You can fool all the people some of the time and some people all of the time. But, you cannot fool all the people all of the time*”. Sekian Tuan Yang di-Pertua, *what Malaysia needs is not just a game changer, but a fate changer. But, most importantly a change of government*. Dengan ini, saya mengakhiri ucapan saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Yang Berhormat, boleh tidak kita kurangkan 10 minit seorang, had? Sebelah sini berapa orang lagi? Pun tidak boleh habis 10 minit. Baiklah, 10 minitlah. Yang Berhormat Sik.

8.20 mlm.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Disebabkan oleh masa berucap semakin pendek, maka saya ingin bercakap mengenai beberapa perkara penting dalam kawasan saya yang ada kaitan dengan strategi utama RMKe-11.

Berdasarkan kepada pembentangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai RMKe-11 terdapat enam strategi utama yang perlu direalisasikan oleh kerajaan iaitu *inclusivity*, kesejahteraan rakyat, modal insan, pertumbuhan hijau, infrastruktur serta inovasi dan produktiviti. Strategi-strategi ini adalah pemangkin ke arah lonjakan yang signifikan bagi menjana ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat secara *inclusive*. RMKe-11 ini jelas bertujuan

memastikan kemakmuran negara akan di kecapi oleh semua lapisan masyarakat tidak kira di bandar ataupun di luar bandar.

Kemajuan yang dirancang untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju yang mana kemajuannya akan di kecapi oleh seluruh rakyat Malaysia. Mempertingkatkan ekonomi pendapatan dan kemudahan-kemudahan asas kepada masyarakat luar bandar sebagai wakil rakyat hasrat kerajaan melalui RMKe-11 ini ialah semoga tiada golongan rakyat yang akan tercicir daripada menikmati manfaat kemakmuran dan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana RMKe-11 yang dibentangkan, beberapa perkara penting dilihat amat dekat dengan kehendak dan keperluan masyarakat luar bandar seperti di Parlimen Sik. Dari segi menangani kos sara hidup, meningkatkan ekonomi dan pendapatan dan seterusnya membawa kemajuan dan pembangunan di kawasan. Keprihatinan kerajaan dalam memastikan purata pendapatan isi rumah B.40 dari RM2,500 sebulan pada tahun 2014 kepada lebih RM5,000 sebulan pada tahun 2010 amatlah dihargai. Sebagaimana yang digariskan bagi menangani kos sara hidup isi rumah B.40, keutamaan kerajaan dalam meringankan kos seharian rakyat luar bandar seperti menyediakan Klinik 1Malaysia.

Saya meminta kerajaan memperuntukkan sebuah Klinik 1Malaysia di Sik walaupun pada dasarnya Klinik 1Malaysia ini adalah untuk rakyat berpendapatan rendah di bandar dan pinggir bandar. Kedai Rakyat 1Malaysia, saya juga berterima kasih kerana Kedai Rakyat 1Malaysia dalam pembinaan di Parlimen Sik. Kedai Kain 1Malaysia dan Kedai Agrobazaar Rakyat 1Malaysia perlulah diberi keutamaan.

Seperti mana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi memastikan golongan belia juga diberi perhatian melalui Dasar Belia Negara, maka golongan belia yang merupakan aset penting dan harapan negara di masa hadapan, khususnya untuk belia-belia di Parlimen Sik. Apalah kiranya kerajaan menyediakan perkara asas bagi menempatkan segala aktiviti belia dengan memberikan peruntukan khusus untuk membina sebuah kompleks belia di Sik.

Di mana nanti aktiviti belia dapat dirancang serta dijalankan di kompleks ini meliputi sukan, kebudayaan, aktiviti berpersatuan dan lain-lain dapat dipusatkan dalam sebuah kompleks sahaja. Maka dengan ini, potensi belia dalam pengupayaan, pendidikan, latihan kemahiran, keusahawanan, sukan, kesukarelawan dan sebagainya dapat dipupuk dan dibentuk untuk menjadikan belia sebagai aset dan harapan negara.

Tuan Yang di-Pertua, menyediakan infrastruktur asas luar bandar seperti kemudahan dan peningkatan jalan-jalan raya adalah perkara yang sering membelenggu masyarakat luar bandar. Dengan 3,000 kilometer jalan berturap yang dinyatakan di dalam RMKe-11, berilah sebahagian daripadanya diperuntukkan kepada Sik untuk menaik taraf jalan-jalan kampung bagi memberi kemudahan dan keselesaan dan masyarakat luar bandar di Sik menikmati kemakmuran ini.

Kepada Kementerian Kerja Raya (KKR), saya memohon Jalan Persekutuan dari Jeniang ke Sik mesti dinaik taraf ke empat lorong. Manakala Jalan Persekutuan dari Sik ke Nami

memerlukan pelebaran lorong daripada tiga meter ke 3.5 meter sejauh 30 kilometer. Saya juga meminta kerajaan memperuntukkan peruntukan pentadbiran supaya dapat mewujudkan satu lagi JKR daerah berikutan permohonan saya untuk mengasingkan JKR Kuala Muda, Sik. Saya pun ini sejak Mesyuarat Parlimen Pertama, Penggal Pertama, saya harap JKR dan KKR bertindak segera iaitu di dalam RMKe-11 ini demi pembangunan Parlimen Sik.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu keprihatinan Perdana Menteri dengan mengumumkan program baik pulih rumah-rumah di kawasan kampung dan luar bandar jelas membuktikan bahawa kerajaan yang memerintah sentiasa berjuang membela nasib rakyat. Sesungguhnya besarlah harapan masyarakat Sik agar diberi perhatian dengan menambahkan bilangan rumah dalam program baik pulih tersebut. Memandangkan rumah-rumah yang didiami masyarakat setempat, terutamanya mereka yang bekerja sebagai penoreh getah dan mereka yang bekerja sebagai pekebun dan penduduk kampung yang tidak mempunyai pekerjaan tetap, rumah mereka perlu diperbaiki.

Selain daripada itu, memandangkan Sik adalah kawasan pertanian sebagai sumber ekonomi utama dalam mempertingkatkan kemudahan dalam aspek berkaitan pertanian dan perladangan ini serta untuk meningkatkan ekonomi petani dan peladang, permohonan bagi membina sebuah kompleks pertanian yang telah saya cadangkan kepada kementerian perlulah diberi kelulusan segera agar urusan-urusan melibatkan para petani lebih mudah dengan menempatkan semua agensi berkaitan di bawah satu bumbung.

Tuan Yang di-Pertua, RMKe-11 ini dilihat sememangnya digariskan dalam usaha antaranya bagi menjadikan kawasan luar bandar tidak ketinggalan dari semua sudut. Seperti mana yang digariskan kerajaan dalam menjayakan pembangunan ekonomi wilayah, maka Koridor Utara juga dilihat amat penting untuk kerajaan terus memberi perhatian yang sewajarnya di dalam RMKe-11 ini. Oleh yang demikian, bagi menjayakan Koridor Utara Kedah-Timur ini, kehadiran pelabur-pelabur luar dilihat boleh mempercepatkan pembangunan koridor ini. Dengan pelaburan ini peluang pekerjaan akan bertambah dan sasaran menaikkan pendapatan kumpulan B40 akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, fikiran saya sentiasa risau apabila memikirkan pendapatan masa depan rakyat Sik yang majoritinya menoreh getah memandangkan masalah harga getah yang tidak menentu. *Alhamdulillah* pada pendapat saya, strategi tumpuan keempat dalam RMKe-11 ini dilihat boleh menyelesaikan masalah ini. Usaha-usaha untuk membela rakyat berada di landasan yang baik apabila Sik telah berjaya menarik minat pelabur dari luar negara untuk melabur dalam pembangunan tenaga solar. Perkara tersebut sedang diusahakan oleh Parlimen Sik bersama-sama GLC Kerajaan Negeri Kedah dan syarikat tempatan sebagai satu usaha membangunkan Koridor Utara ini.

Kawasan Utara Semenanjung seperti Sik yang mempunyai suhu yang tinggi dan tanah kosong yang luas adalah pilihan utama oleh pelabur-pelabur industri solar. Sik merupakan sebuah

kawasan pertanian yang turut mempunyai hutan simpan yang luas. Justeru itu, industri hijau seperti solar ini adalah bertepatan sebagai satu usaha membawa pembangunan di Parlimen Sik tanpa berlaku pencemaran industri dan tanpa memusnahkan alam sekitar dan tanpa juga memberi kesan negatif kepada hutan simpanan.

Oleh yang demikian, usaha ini dilihat perlu mendapat sokongan penuh dari Kerajaan Persekutuan. Seperti mana yang disasarkan kerajaan dalam RMKe-11 iaitu bagi membawa masuk pelaburan keseluruhan sebanyak RM236 bilion dan mewujudkan 470 ribu peluang pekerjaan di kelima-lima Koridor Pembangunan Ekonomi Wilayah. Sementara itu, bagi Daerah Sik melalui Koridor Utara ini turut menyumbang kepada pasaran tersebut apabila nanti peluang pekerjaan juga akan dapat diwujudkan hasil dari pembinaan pembangunan ini. Pembangunan solar, perladangan agrosolar, *solar park*, *solar tourism* dan pembangunan sampingan yang ada di dalam cadangan itu. Pembangunan hijau yang dicadangkan ini juga bukan sahaja boleh memajukan di Parlimen Sik tetapi juga zon Kedah Timur iaitu Padang Terap, Sik dan Baling yang masih agak terkebelakang berbanding kawasan-kawasan lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengumumkan melalui Parlimen ini, kelulusan pembinaan sebuah MRSM di Sik setelah permohonan tersebut saya minta sejak mula menjadi Ahli Parlimen.

■2030

Alhamdulillah dengan peruntukan yang diluluskan tersebut dan dengan pembinaannya nanti, maka daerah Sik akan dapat merasa nikmat sama ada dari segi ekonomi, pendidikan dan sosial yang dilihat akan menjadi antara faktor pembangunan dan kemajuan di daerah Sik. Dalam aspek pendidikan juga, Sik minta Kementerian Pendidikan memberi peruntukan kepada negeri dan daerah supaya mewujudkan satu lagi PPD Daerah dan memisahkan pentadbiran yang selama ini masih berkongsi di antara PPD Baling dan Sik.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan RMKe-11 ini adalah lonjakan atau pusingan terakhir sebelum memasuki gelanggang untuk mencapai status sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi, kawasan-kawasan luar bandar perlulah digerakkan seiring dengan kawasan bandar dengan perhatian dan peruntukan diberi keutamaan sama ada dari segi infrastruktur, kemudahan pendidikan, kemudahan komunikasi dan keperluan-keperluan asas lain yang mana masyarakat akan benar-benar merasa dan menikmati kemakmuran dan kemajuan negara.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa RMKe-11 ini amatlah bermakna dan besarlah harapan kepada masyarakat Parlimen Sik kerana kami telah ketinggalan sejak PRU-12 apabila kerajaan negeri Kedah ketika itu di bawah pembangkang, Yang Berhormat Pokok Sena dan Parlimen Sik juga diwakili oleh pembangkang. Atas kesedaran ini, maka PRU-13 lepas rakyat kembali memberi harapan kepada BN di Parlimen Sik. Oleh itu, janganlah harapan rakyat luar bandar ini menjadi kecewa dan mereka beralih arah. Sekian ucapan bahas RMKe-11

saya Tuan Yang di-Pertua, saya sudahi dengan *wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Yang Berhormat Sik mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Berapa minit Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: 10 minit.

8.32 mlm.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Oleh kerana masa sudah dipendekkan, saya minta maaf awal-awal sekiranya nampak bercelaru sedikit kerana ada *part* yang saya hendak kena potong.

Tuan Yang di-Pertua, antara syarat yang perlu kita capai untuk melayakkan negara kita menjadi sebuah negara maju ialah kesaksamaan di dalam masyarakat. Kesaksamaan hanya boleh tercapai sekiranya wujud keterangkuman atau *inclusivity* di dalam program-program dan polisi-polisi yang dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan dan memang sepatutnya menjadi salah satu teras strategik yang sangat penting.

Keterangkuman bererti setiap kumpulan atau sektor dalam masyarakat mempunyai peluang pencapaian atau *accessibility* dengan izin dan ruang untuk memperbaiki kedudukan sosioekonomi mereka. Secara umum, negara ini telah menyaksikan pertumbuhan yang boleh dibanggakan. Namun, pertumbuhan ini tidak memberi manfaat yang saksama kepada semua kumpulan. Banyak kumpulan atau sektor yang disasarkan oleh kerajaan untuk merangkumkan mereka supaya mereka tidak terasing daripada kemakmuran negara.

Terlalu banyak kumpulan yang perlu diberi perhatian dengan mengumpulkan mereka dalam kumpulan B40, saya khuatir kerajaan akan terlepas pandang sebahagian daripada mereka. Ini kerana program yang bakal dirangka mungkin tidak akan menepati keperluan kumpulan-kumpulan ini. Maka, ketiadaan *blueprints* untuk kumpulan tertentu seperti miskin dalam bandar, minoriti seperti Orang Asli, orang kurang upaya, kaum India dan kaum wanita dijangka tidak akan membenarkan RMKe-11 berjaya dan akhirnya kita mencapai tahap negara maju.

Kajian kerja di negara-negara lain, kaum wanita sama ada bergaji atau tidak bukan sahaja membantu pertumbuhan ekonomi negara tersebut, tetapi yang lebih penting memastikan yang keluarga tidak jatuh ke kancan kemiskinan. Walaupun kita tiada statistik khusus untuk Malaysia, semua menerima hakikat dengan memberi peluang kepada wanita mencapai sumber kewangan dan ekonomi, produktiviti negara bertambah. Kita melihat perbezaan sosioekonomi ketara di antara isi rumah yang kaum wanitanya mempunyai pendapatan dengan yang tidak ada.

Kerajaan sememangnya menggalakkan wanita mengambil bahagian dalam sektor pekerjaan dan semakin ramai wanita bekerja. Namun berbanding dengan lelaki, peratus wanita yang keluar bekerja tidak pernah melebihi 48%. Sementara itu, peratusan kaum lelaki di dalam

tenaga kerja mencecah hingga 85% dalam tahun 1990-an. UNDP dalam kajiannya telah menunjukkan bahawa negara-negara seperti Thailand dan Singapura, kadar wanita keluar bekerja melebihi daripada 50% iaitu 69.9% dan Singapura 62.9% dan Indonesia 53.3%.

Ada beberapa perkara yang negara kita perlu atasi sekiranya hendak mencapai tahap negara maju untuk sektor wanita. Pertama, kita wujudnya perbezaan gaji di antara wanita dan lelaki untuk kerja yang sama. Kedua, sebahagian besar wanita yang terlibat dalam pekerjaan bergaji rendah iaitu perkhidmatan kaunter, peruncitan, kilang dan sebagainya. Perbezaan gaji melebar untuk kerja-kerja berpendapatan rendah. Ada siling kaca yang menyukarkan wanita untuk mencapai tahap yang lebih tinggi. Wanita cenderung untuk terlibat dengan pekerjaan-pekerjaan tertentu, guru, jururawat, kerja pejabat dan lain-lain. Terdapat halangan struktur yang menghalang wanita mencapai potensi maksimum termasuklah diskriminasi dan ketiadaan jaminan ataupun *security* kerja. Oleh itu, kerajaan perlu melihat pada perkara-perkara ini dan perlu mencari jalan untuk mengatasinya.

Walaupun kerajaan telah memberi insentif dan galakan kepada pekerja wanita dan kita akui bahawa di sektor awam wanita mungkin telah mencapai 30% di sektor pembuat keputusan, namun di sektor swasta ia masih lagi jauh daripadanya. Semakin hari kita lihat jumlah yang meninggalkan dunia pekerjaan untuk menjaga keluarga semakin meningkat, terutama daripada kalangan berpendidikan tinggi dan berkelulusan universiti. Sebahagian wanita ini mungkin terlibat dengan keusahawanan, tetapi tidak kurang daripada mereka yang menjadi suri rumah dan berkhidmat menjaga kebajikan keluarga ataupun *caregivers*.

Adakah kerajaan membuat kajian mengenai peratusan wanita yang meninggalkan dunia pekerjaan walaupun mereka mempunyai kelayakan yang tinggi? Tidak semestinya keputusan meninggalkan dunia pekerjaan bergaji suatu perkara yang negatif, namun jika trend ini berterusan, kerajaan mungkin perlu memikirkan polisi-polisi yang sedia ada untuk menyesuaikan dengan kecenderungan kaum wanita. Saya bimbang dan khuatir di masa hadapan, peluang pendidikan tinggi kepada wanita akan dikurangkan atas alasan membazir memberi pendidikan kepada wanita kerana akhirnya wanita tidak keluar bekerja.

Lebih daripada 50% kaum wanita dalam negara kita dikatakan "tidak bekerja". Kita perlu melihat dan mengkaji semula cara pakar ekonomi melihat kepada apa yang dikatakan kerja. Statistik mengenai produktiviti dan pendapatan juga perlu dinilai semula. Sering suri rumah dikategorikan sebagai tidak bekerja. Kita semua tahu ini tidak benar sama sekali. Mereka melakukan pelbagai kerja pada satu masa. Jika hendak dinilai pekerjaan kebanyakan suri rumah, mereka melahirkan pekerja masa depan negara, menyusu, mengasuh dan mendidik, menjadi pemandu, tukang masak, menguruskan pakaian dan banyak lagi. Saya kira semua perkhidmatan ini terpaksa beli dari luar institusi kekeluargaan, perlu mengupah dan bayar perkhidmatan-perkhidmatan tersebut. Itulah nilai dari segi kewangan yang dilakukan oleh suri rumah.

Ini membuktikan nilai kerja mereka ini dan mereka menjadi tulang belakang kepada kejayaan para suami dalam kerjaya., belum disebut tentang kerja-kerja yang mereka lakukan untuk mendapat pendapatan lebih seperti berniaga. Secara tidak langsung, kaum wanita sebenarnya menjadi tulang belakang pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Kalau dikira gaji suri rumah, produktiviti negara kita lebih besar. Kerja-kerja penjagaan yang dilakukan oleh kaum wanita ini dianggarkan oleh UNHCR di antara 10% hingga 39% dari KDNK jika diberi nilai kepada kerja-kerja mereka.

Oleh itu, saya mendesak kerajaan supaya memandang serius kepada sumbangan sebahagian besar wanita yang terlibat dengan kerjaya tidak formal ini dengan mengiktiraf peranan dan sumbangan mereka. Mereka juga perlu dilindungi dan ada *safety net* untuk mereka. Dalam keadaan kependudukan negara menua dan kadar kesuburan atau *fertility* semakin menurun, kerajaan perlu memikirkan polisi untuk memberi insentif kepada wanita yang melahirkan dan membesarkan anak-anak. Program pendidikan, skim dana untuk hari tua dan undang-undang bersabitan tanggungjawab anak-anak kepada bu bapa mereka juga perlu difikirkan untuk membela mereka di hari tua.

Seterusnya, saya hendak sebut sedikit tentang penghalang kepada keterangkuman wanita dalam pembangunan negara. Sudah tentu banyak faktor dan ia ada kait mengait dengan polisi kerajaan. Saya ingin mencadangkan pada kerajaan untuk menilai semula polisi-polisi yang boleh membantu wanita untuk keluar bekerja.

■2040

Saya sebut tadi di antara sebab wanita memilih untuk tidak bekerja adalah kerana kepayahan menguruskan rumah tangga dan anak-anak. Sekarang ini untuk mendapat pembantu rumah asing sekurang-kurangnya memerlukan RM10,000 dan gaji mereka sekarang ini adalah RM800. Baru-baru ini kita dengar Kerajaan Indonesia mencadangkan supaya pembantu rumah Indonesia dibayar RM1,200. Kalau dikira inilah kalau kerajaan kita bersetuju dan saya harap tidak bersetuju bermakna kita membayar gaji pembantu rumah luar ini sebenarnya lebih daripada RM1,500 kerana gaji di tangan RM1,200, makan, kemudian tempat duduk mereka dan sebagainya belum lagi dikira.

Jadi maknanya mereka akan mendapat gaji lebih tinggi daripada graduan yang ada diploma dan sesetengah daripada graduan daripada universiti. Jadi saya mencadangkan kepada kerajaan kita ada lebih kurang, ini adalah statistik yang saya dapat 1.9 juta pendatang asing tanpa izin yang datang mencari rezeki di negara kita. Kita juga ada ramai PATI di negara kita melebihi 1.9 juta ini. Saya diberitahu bahawa anggaran kita ada hampir 10 juta orang pendatang asing di negara kita PATI dan PADI, kedua-duanya sekali.

Saya mencadangkan supaya kerajaan mempermudah wanita bekerja sama ada dalam sektor formal atau tidak boleh mengambil mereka ini, PATI ini sebagai pembantu rumah secara terus, tidak melalui ejen-ejen. Ini kita dapat... levi dan lain-lain pembayaran dibuat terus kepada

kerajaan dan sekali gus kita menyelesaikan sedikit sebanyak masalah PATI dan dengan cara ini mereka menjadi PADI.

Mereka ada majikan yang kini bertanggungjawab ke atas mereka. Kerajaan pun boleh meningkatkan pendapatan negara. Sudah tentu kosnya jauh lebih murah dan kerana kos-kos lain seperti tambang perjalanan, upah ejen sudah tidak ditanggung lagi. Perudahkanlah bagi wanita dan janganlah menyukarkan. Saya kira ini belum lagi kita bercakap mengenai pendatang Rohingya yang ada di sini. Kenapa perlu kita bawa masuk pekerja dari luar negara sedangkan mereka ini sudah ada dalam negara. Kita tidak minta mereka dijadikan PR atau *permanent resident* ataupun sebagai rakyat Malaysia. Kita cuba minta mereka ini didokumenkan kehadiran mereka, mereka ada dokumentasi pengenalan diri dan kerajaan boleh membina pangkalan data pendatang asing tanpa izin ini. Jadi kita halal kehadiran mereka dan mereka boleh menyumbang kepada pembangunan negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Sedikit lagi. Ada lagi ramai?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ramai.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Satu sahaja. Saya cuma hendak cadang satu mengenai penglibatan wanita dalam politik. Saya minta, saya menggesa supaya kerajaan meluluskan Jawatankuasa Hak Wanita dan Hak Asasi Manusia di peringkat Parlimen untuk membincangkan bagaimana kita boleh meningkatkan partisipasi wanita dan wakil rakyat wanita dapat ditambahkan.

Negara kita berada pada posisi 113/140 dalam negara, 190 buah negara dunia dan kita agak corot dan kita hanya mempunyai 10.4% wakil rakyat wanita dalam Parlimen. Kita perlu mengkaji bagaimana kita boleh meningkatkan jumlah wakil rakyat wanita di dalam Parlimen. Jadi saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk mewujudkan jawatankuasa ini mencari jalan supaya lebih ramai wanita boleh menjadi wakil rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dengar itu Yang Berhormat Tenggara. Senyap saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Alor Gajah.

8.42 mlm.

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]: Okey terima kasih. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk membahaskan RMKe-11 pada hari ini. Sukacita saya ingin merakamkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah merancang pembangunan negara kita mengikut hala tuju yang dapat menjaga semua golongan rakyat dari berbilang kaum dan mengikut strategi-strategi yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa semua rakyat jelata yang terdiri daripada pelbagai jenis agama, bangsa dan pekerjaan mempunyai harapan yang tinggi terhadap RMKe-11. Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang bertemakan pertumbuhan berpaksikan rakyat adalah antara jaminan yang dirangka oleh kerajaan bagi membantu merangsang lagi pertumbuhan ekonomi negara dan sentiasa bersedia untuk menghadapi segala cabaran.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus meningkatkan kesejahteraan rakyat tanpa mengira latar belakang sosio ekonomi mereka. Menerusi fokus dalam strategi ini, kerajaan harus melabur dalam sektor pembangunan rumah kediaman di mana harga jualan sanggup dan mampu dibayar oleh mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana. Di sini saya ingin merakamkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berjaya melancarkan Skim Rumah Mampu Milik.

Untuk mencapai hasil yang lebih positif, Kerajaan Pusat adalah digalakkan untuk bekerjasama strategik dengan kerajaan negeri serta pemaju swasta supaya dapat memenuhi sasaran membina lebih banyak rumah mampu milik di bawah RMKe-11. Ini adalah penting kerana ia membolehkan semua pihak yang berkaitan berkongsi teknologi terkini serta tenaga kerja. Kerajaan Pusat boleh memperkenalkan insentif daripada segi cukai hasil, lesen pemaju perumahan dan sebagainya.

Manakala kerajaan negeri boleh memberi insentif daripada segi isu tanah termasuk bayaran premium memiliki tanah kerajaan, tukar syarat kelulusan pembangunan dan sebagainya yang berkaitan kepada pemaju-pemaju swasta yang bersedia membantu kerajaan untuk merealisasikan pertumbuhan pembinaan rumah mampu milik ini.

Dengan kemudahan-kemudahan yang diberikan sebagai insentif ia dapat menggalakkan lebih ramai lagi pemaju-pemaju swasta untuk menyertai program dan projek kerajaan bagi merealisasikan pembinaan rumah mampu milik yang memberi peluang bagi golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana termasuk rakyat-rakyat di kawasan Parlimen Alor Gajah untuk memiliki rumah kediaman sendiri yang selesa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu rakyat jelata memiliki rumah kediaman sendiri kerajaan boleh juga melalui Bank Negara memperkenalkan lebih banyak lagi Skim Pembiayaan Perumahan Mampu Milik seperti rumah sewa beli, Rumah Pertamaku, Skim Perumahan Belia dan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta serta pembangunan rumah transit untuk belia bujang dan pasangan muda yang baru berkahwin. Bank Negara boleh meneliti semula dan memudahkan syarat-syarat pinjaman bank bagi membolehkan mereka yang berhasrat membeli rumah mampu milik.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus bertindak proaktif untuk menubuhkan konsep bank tanah khususnya untuk pembinaan rumah mampu milik di kawasan bandar. Ia dapat membendung kenaikan kos rumah mampu milik dan disebabkan oleh harga tanah yang terlalu mahal. Dengan

adanya konsep bank tanah serta pelbagai insentif yang disediakan, kerajaan boleh mempelawa atau menjemput pemaju-pemaju swasta untuk bekerjasama dengan kerajaan untuk merealisasikan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan demi mencapai negara maju menjelang 2020.

Tuan Yang di-Pertua, bagi RMKe-11, rancangan yang lebih besar dijangkakan kerana antara tahun 2016 hingga tahun 2020 adalah tempoh sasaran maklumat Malaysia menjadi negara maju. Oleh itu kerajaan perlu juga ambil perhatian bahawa RMKe-11 harus memberi tumpuan kepada projek pembangunan yang mengalami kelewatan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh terutamanya di kawasan pedalaman dan luar bandar khususnya dari segi penyediaan kemudahan asas dan infrastruktur perhubungan yang perlu diberikan keutamaan seperti yang dijamin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kerajaan dalam pelaksanaan RMKe-11 akan berikhtiar bersungguh-sungguh supaya tiada golongan rakyat yang tercicir daripada menikmati manfaat kemakmuran dan pembangunan negara.

Dengan kata-kata di atas Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rancangan Malaysia Kesebelas menyokong agar rancangan-rancangan berkaitan dapat dilaksanakan oleh pihak yang tertentu seperti yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Sekian terima kasih.

■2050

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Selayang.

8.50 mlm.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, RMKe-11, matlamat dan cadangan memang menarik tetapi seperti yang mereka berkata...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita cuma ada 20 minit.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Ya, saya boleh ringkaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya bagi Yang Berhormat 10 minit tetapi kalau Yang Berhormat hendak bagi lima minit, tiga minit untuk Yang Berhormat Indera Mahkota saya izinkan kerana selepas itu saya akan bagi 10 minit untuk dua orang dari sini ya.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Ya, terima kasih. Tadi yang saya kata *the things of the pudding is in the eating* dan ini bermakna, pelaksanaan projek itu adalah lebih penting daripada cadangan. Kalau kita melihat pelaksanaan projek-projek RMKe-9 dan RMKe-10 ini tidak memberikan keyakinan. Kita melihat MRR2 yang retak, stadium yang runtuh, bumbung sekolah yang runtuh, hospital, balai polis, bangunan yang dibina tidak dapat digunakan, lewat disiapkan, ada *defect* dan sebagainya.

Masalah ialah, biasa kita melihat kontrak diberikan dengan cara perundingan terus. Walaupun kita telah beberapa kali berkata amalan ialah untuk mengadakan tender terbuka tetapi kita melihat ini masih terus diadakan dan kita melihat kontraktor yang telah diberikan kontrak

secara perundingan terus tidak layak dari segi kepakaran, pengalaman atau kewangan atau kedua-duanya. Saya meminta kerajaan memberikan perhatian untuk memberhentikan amalan memberikan rundingan kontrak secara perundingan terus.

Kedua adalah juga satu perkara yang kita melihat di mana kita ada satu fenomena yang dikatakan *multi-layer subcontracting* bahawa kontraktor utama memberikan sub kontrak kedua, ketiga, keempat dan di dalam rantaian ini kontraktor yang terakhir tidak akan mendapat keuntungan. Biasanya tidak cukup wang kerana kita melihat *last ten person* tidak dapat siap kerana mereka tidak ada wang. Inilah satu amalan yang hendak juga diberhentikan supaya kita mengadakan kontraktor yang layak. Proses itu tidak bermakna kalau mereka diberikan peluang untuk mengadakan subkontraktor.

Ketiga ialah masalah di mana JKR yang bertanggungjawab untuk mengawal selia, untuk memastikan bahawa spesifikasi kontrak dikuti dan kerap kali kita melihat itu tidak dibuat dan akhirnya kepincangan masalah ini menimbulkan satu persepsi tentang kewibawaan JKR. Di dalam tujuh tahun saya menjadi ahli PAC, saya tidak pernah dengar Menteri JKR datang untuk memberitahu kepada PAC bahawa JKR akan memulihkan cara mereka bekerja untuk mengubah JKR untuk menjadi lebih cekap dan bertanggungjawab. Inilah sebab cara amalan perundingan terus dan ini memberikan banyak peluang kepada mereka untuk mencari kemewahan.

Perkara yang kedua ialah tentang teras memperkukuhkan pembangunan inklusif. Di sini saya meminta kerajaan untuk memberikan perhatian kepada Laporan Pembangunan Manusia Malaysia 2013 di mana ada banyak cadangan yang boleh diambil kira yang boleh dipakai.

Perkara ketiga ialah tentang teras strategik membangunkan sistem pengangkutan dan logistik bersepadu. Di sini saya meminta kerajaan untuk memberikan perhatian kepada sistem yang pada hari ini kita mengadakan lebih kurang empat agensi Puspakom, JPJ, SPAD, pihak berkuasa tempatan yang berlainan dan akhirnya untuk mendapat satu lesen kenderaan berat mengambil empat sampai enam bulan. Ini hendaklah disepadukan dan menyelaraskan. Kedua ialah di Lapangan Terbang Antarabangsa seperti di Senai sebab masa yang lama dan panjang telah diambil untuk mendapatkan permit untuk mendaratkan pesawat kargo. Kita melihat bahawa pengilang eksport menggunakan Singapura. So, saya mencadangkan bahawa kerajaan memberikan perhatian untuk *simplify* dokumentasi.

Perkara yang keempat ialah tentang hasrat untuk mengadakan Pelabuhan Kelang untuk menjadi *top ten* dengan menaikkan *through put* tetapi pada hari ini kita melihat kontena yang diangkut oleh lori ada kesesakan jalan ke Pelabuhan Kelang kepada Pulau Indah kerana lori itu adalah begitu berat, jalan yang sempit, jalan menjadi rosak dan berlubang, risiko untuk kemalangan. Saya meminta kerajaan memberikan perhatian untuk menaikkan taraf jalan supaya hasrat untuk Pelabuhan Kelang menjadi *top ten* dapat dicapai.

Akhirnya ialah tentang teras strategik mengukuhkan sektor pembuatan. Masalah memang ialah tentang pekerja asing yang kurang kemahiran. Di sini saya meminta kerajaan mengambilk

satu polisi holistik iaitu mengadakan satu migran polisi. Memang kita mengadakan jawapan kepada mereka yang kita panggil *dirty* dan *dangerous* tetapi cara kami membuat untuk membenarkan pekerja asing datang dua tahun, kita melatih mereka dan mereka kembali. Lebih baik kita melatih dan mereka dapat berada di sini untuk memberikan sumbangan kepada ekonomi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, tiga minit Yang Berhormat Indera Mahkota.

8.57 mlm.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya di luar dugaan saya. Sebenarnya, persiapan untuk 30 minit tetapi saya mengucapkan terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ambil mungkin setinggi-tinggi 30 saat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut sejarah melancarkan Rancangan Malaysia ini adalah yang pertama dilakukan oleh Almarhum Tun Razak pada tahun 1970. Ini setelah berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969 dan ketika itu Tun Razak memanggil semua orang yang bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran negara inklusif benar-benar bermuhasabah diri dan memuhasabah apakah kelemahan, kesilapan kita yang lampau. Sebab sebuah negara ini dia macam orang juga. Seperti mana Harry Wilson pada tahun 60-an, 70-an. Harry Wilson kata, "*Lets put the GREAT back into Britain*". Dia memuhasabah diri dan melihat tentang mana kesilapan, kelemahan maka diperbaiki kelemahan, kesilapan itu maka '*GREAT*' was put back into Britain to become Great Britain.

Begitu juga dari segi manusia Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada manusia di dalam dunia ini tak buat silap. *Even great man they make mistake but they look at themselves*. Tengok apa kesilapan dia, baik kesilapan dia, tak ulang kesilapan dia. Akhirnya *they become great people, people like Einstein* dan sebagainya. Begitu juga negara kita mampu melakukan sedemikian. Saya hendak mengata begini, saya hendak minta secara ikhlas Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan yang ada pada hari ini muhasabah diri, inklusif, ikhlas dan saya percaya bahawasanya tidak ada masalah di dalam negara kita tidak dapat dirumuskan. Saya ucap sekali lagi ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, tak sampai satu minit. Akan tetapi itulah ringkasan ke 30 minit saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Ya, cuma ada 10 minit, 12 minit. Jadi bagi dualah antara Yang Berhormat Libaran dan Yang Berhormat Lawas. Ya, Yang Berhormat Libaran dulu.

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Berapa minit Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Lima minit.

8.59 mlm.

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terus ke perkara yang saya mahu nyatakan iaitu menjurus ke kawasan sayalah iaitu mengenai dua perkara meningkatkan kesejahteraan rakyat dan memperkukuhkan infrastruktur bagi pertumbuhan

■2100

Kesihatan rakyat merupakan elemen penting di dalam pembangunan sesebuah negara. Daerah Sandakan, bukan Parlimen Sandakan ya, hanya mempunyai sebuah hospital iaitu Hospital Duchess of Kent yang dikongsi bersama oleh tiga buah Parlimen yang mempunyai bilangan penduduk lebih kurang 450 orang. Katil yang diperlukan adalah mencukupi sebanyak 400 buah. Akan tetapi selepas 10 tahun Tuan Yang di-Pertua, penduduk Sandakan dianggarkan lebih kurang 700,000 orang. Jadi, dijangka memerlukan katil sebanyak 1,035 buah dan untuk itu saya walaupun 10 tahun tetapi jangka ini tidak begitu panjang.

Jadi, saya mahu minta supaya Kementerian Kesihatan dapat memikirkan sama ada menambah bangunan atau pun membuat hospital baru di kawasan Parlimen Libaran. Tanah kita sediakan. Di Hospital Sandakan ini juga kekurangan doktor pakar. Jadi, itu saya memohon supaya kementerian juga dapat memberikan doktor. Oleh kerana doktor yang ada sekarang ini merupakan doktor pewartaan iaitu dalam enam bulan hingga 18 bulan kemudian pakar-pakar ini akan bertukar ke Semenanjung selepas itu.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, di Hospital Sandakan ini hanya ada lima buah kuarters dan 58 buah rumah staf. Jadi, agak kekurangan. Di samping itu, kuarters-kuarters ini ada bumbung bocor, *manhole* tersumbat dan banyak perkara yang perlu diperbaiki. Jadi, saya memohon supaya kementerian dapat melihat ini. Di samping itu, oleh sebab di daerah Sandakan ini ada tiga Parlimen. Jadi, saya memohon supaya klinik-klinik kesihatan di kawasan Parlimen Libaran ini juga dinaik taraf memandangkan keperluan dari semasa ke semasa amat diperlukan. Terutama sekali menambah kemudahan asas di Klinik Kesihatan Pulau Libaran, Klinik Kesihatan Pulau Menoyan dan juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sedang ini juga perkhidmatan doktor udara di Beluran digantikan dengan klinik kesihatan Yang Berhormat. Klinik desa, klinik kesihatan.

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Ya, ya itu perlu. Saya ingat juga saya memohon supaya tiga buah klinik baru di Sungai Tiram, Dunda Dalit dan juga di Batu 32. Tuan Yang di-Pertua, mengenai perumahan. Kebetulan Menteri Kesejahteraan dan Perumahan ada di sini. Seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat, sebanyak 653,000 unit rumah mampu milik akan dibina. Jadi oleh hal yang demikian, memandangkan Parlimen Libaran ini kita sudah menyusun pembangunan semula iaitu ada tiga buah pekan diwujudkan, Pekan Muhibah, Pekan

Gonggong, Pekan Sungai Tiram. Jadi, kalau boleh sebanyak 1,500 unit diadakan di situ membolehkan rakyat juga di kawasan saya dapat rumah mampu milik ini.

Keselamatan Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan persekitaran hidup lebih selamat. Saya mencadangkan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) bersama Kerajaan Pusat dan Kementerian Luar bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa Selatan Filipina, duduk semeja bagi membincangkan pendekatan terbaik untuk menangani isu jenayah ini. Di mana susulan kejadian di Restoran *Ocean King* baru-baru ini memerlukan kerjasama secara holistik, termasuk mengadakan perbincangan meja bulat dan kawasan perairan koordinasi bersama di wilayah perairan ESSCOM, terutama di laut Sulu. Di mana kebetulan Parlimen Libaran merupakan kawasan yang luas pantainya, menghala ke kawasan laut Sulu. Oleh itu, sebagai sokongan kepada keselamatan ini saya memohon supaya aset dan juga penambahbaikan pos-pos kawalan yang sedia ada seperti Pulau Selingan, Pulau Libaran, Kuala Gonggong dan juga pondok polis di Sungai Tiram ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Termasuk di Jambungan dan Kampung Terusan Sugut lah.

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Ya, termasuk. Supaya aset-aset seperti bot laju, helikopter, penambahan anggota dapat dibagi di kawasan-kawasan pos kawalan. Di samping itu juga, saya ingin memohon supaya penambahan pos kawalan di Kuala Semawang, Tanjung Pisau dan Daling. Jadi, dengan wujudnya ini, mudah-mudahan ia dapat membantu kepada ESSCOM untuk menjaga keselamatan di pesisir pantai.

Mengenai pendidikan. Pendidikan merupakan pelaburan jangka masa panjang negara kepada rakyatnya sama ada di bandar atau pun di luar bandar. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya juga di kawasan saya bahawa sekolah-sekolah rendah yang sejak zaman merdeka lagi perlu dinaiktaraf. Memandangkan juga kemudahan-kemudahan asas yang lain seperti jalan dan juga air, elektrik harus juga ada di kawasan ini. Ada permohonan dua buah sekolah menengah di luar bandar. Rakyat selalu bertanya, jawapan saya kepada rakyat di kawasan saya bahawa SMK Gonggong Dua telah diluluskan oleh EPU. Begitu juga SMK Libaran telah diluluskan pada Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pelajaran atau Pendidikan, bilakah kedua-dua sekolah menengah ini dilaksanakan? Jadi, bila terlaksana, bukan sahaja janji Kerajaan Barisan Nasional dapat ditunaikan tetapi sekurang-kurangnya dapat mengurangkan beban rakyat di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih.

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Sedikit lagi, infrastruktur, boleh kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habis sudah Yang Berhormat. Yang Berhormat Lawas Yang Berhormat.

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Lawas.

9.08 mlm.

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak penduduk kawasan Parlimen P.222 Lawas, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia di atas keprihatinan dan komitmen untuk membawa perubahan dan pembangunan ke kawasan luar bandar melalui Dasar Transformasi Kerajaan. Contohnya, dalam pembentangan RMKe-11 tempoh hari, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan kelulusan sebuah lapangan terbang baru untuk daerah Lawas. Saya berharap kerajaan akan dapat menjalankan pelaksanaan projek tersebut dengan jayanya mengikut jadual yang ditetapkan.

Berkaitan dengan projek ini, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pengangkutan sama ada cadangan awal bagi dimasukkan atau dipakej bersama projek Lapangan Terbang Lawas, pembinaan sebuah jambatan menyeberangi Sungai Lawas untuk memberi laluan mudah kepada pengguna atau pelanggan MAB dari kawasan sekitar sempadan Sabah dan Sarawak, termasuk dari daerah jiran, Sipitang.

Tuan Yang di-Pertua, RMKe-11 merupakan langkah terakhir bagi Malaysia mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Ke arah ini, kerajaan harus memberi fokus yang lebih kepada kawasan yang mundur dan kurang maju. Di mana penduduknya perlu bersaing untuk mendapatkan bahagian masing-masing dalam bidang penting seperti pendidikan, ekonomi, sosial dan lain-lain.

■2110

Contohnya dalam bidang pendidikan, di mana anak-anak khususnya luar bandar Sarawak belum mencapai tahap kecemerlangan yang tinggi. Antara sebab mengapa perkara ini berlaku ialah kerana kurangnya infrastruktur asas, kemudahan kelengkapan serta tenaga pengajar yang tidak mencukupi. Justeru itu saya menyeru kepada Kementerian Pendidikan supaya memberi keutamaan kepada pembangunan modal insan luar bandar dengan melengkapkan keperluan di sekolah luar bandar serta membina dan menggantikan bangunan yang sudah uzur untuk memberi keselesaan dan suasana yang menggalakkan para pelajar dan guru untuk lebih berjaya dalam usaha mereka mencapai kecemerlangan. Di samping itu saya menyarankan agar lebih ramai guru-guru sekolah SK dan SMK dari Sarawak dilatih menjadi guru supaya dapat memberi perkhidmatan dan menyumbang bersama ke arah kemajuan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulang saranan kepada Kementerian Pendidikan bagi penambahbaikan sekolah yang uzur seperti SMK Lawas, SK Long Semadoh, SK Pangi dan lain-lain di Daerah Lawas dan saya ingin tahu apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian terhadap perkara ini.

Selain itu, keperluan menempatkan institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Lawas harus menjadi keutamaan kerajaan dalam menyediakan modal insan luar bandar selaras dengan wawasan transformasi kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, saya merayu kepada kementerian dan kerajaan supaya mewujudkan dan menempatkan institusi pendidikan yang lebih tinggi seperti kolej guru, sekolah vokasional dan lain-lain di Lawas. Untuk makluman Dewan, tahap pendidikan tinggi yang terdapat di Lawas sekarang ialah peringkat SPM sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya ingin bertanya kepada pihak MARA, bilakah Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) yang telah dijanjikan akan dilaksanakan. Dengan wujudnya institusi pendidikan awam dan swasta di kawasan pinggir bandar seperti Lawas, maka akan dapat mengurangkan kebanjiran pelajar-pelajar dari luar bandar ke kawasan bandar besar seperti di Semenanjung, Kuching, Sibul, Miri di Sarawak.

Pada masa yang sama menjimatkan kos pembelajaran kepada para ibu bapa serta mengurangkan beban ekonomi rumah tangga dan masyarakat. Menyentuh mengenai perhubungan di antara bandar-bandar di negeri Sarawak. Saya yang kini dijalinakan dengan adanya jalan raya utama Pan Borneo dan juga perkhidmatan udara oleh syarikat MAB dan AirAsia. Tidak seperti di Semenanjung dan di Sabah di mana terdapatnya kemudahan laluan dan perkhidmatan kereta api.

Memandangkan jalan raya Pan Borneo sekarang mulai sesak dengan pelbagai jenis kenderaan yang menggunakan jalan tersebut, yang merentasi kepulauan Borneo dari Kuching, Sarawak ke Sabah, maka saya ingin mencadangkan dan menyarankan kepada kerajaan agar merancang dan membina laluan dan perkhidmatan kereta api di Sarawak sebagai alternatif kepada jalan sedia ada dan menyelesaikan masalah yang pasti akan wujud di masa akan datang seperti yang hadapi di Semenanjung khususnya di Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru.

Tuan Yang di-Pertua, apa pun yang diperkatakan, semuanya bergantung dengan keupayaan kewangan kerajaan. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan Pusat menyediakan peruntukan kewangan yang lebih besar untuk negeri Sarawak bagi melaksanakan projek-projek pembangunan di kawasan yang memerlukan supaya dapat dibangun seiring dan seimbang dengan tempat-tempat lain yang sudah maju agar tidak ketinggalan ditelan zaman.

Untuk itu saya menyokong pelaksanaan sistem percukaian GST yang baru dilaksanakan mulai 1 April 2014 yang lalu dan sarankan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, *Tan Sri Datuk Patinggi Haji Adenan Satem kepada Kerajaan Pusat bagi mempertimbangkan peningkatan peruntukan kewangan kepada negeri Sarawak dalam RMKe-11 dan seterusnya pada tahun-tahun yang mendatang.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih.

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Akhir kata dari saya Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong RMKe-11 ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Setakat itulah perbahasan usul RMKe-11. Peraturan mesyuarat 16(3). Saya menjemput Yang Berhormat Menteri.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Kelulusan Bomba Terhadap Pelan Bangunan di Pulau Pinang

9.16 mlm.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang bagi saya menyampaikan ucapan penangguhan ke atas isu kelulusan bomba terhadap pelan-pelan bangunan bagi projek-projek kediaman baru yang melebihi ketinggian 18 meter di Pulau Pinang yang sehingga hari ini masih menghantui banyak projek perumahan sama ada diusahakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ataupun oleh pemaju-pemaju swasta.

Sejak Oktober 2014, pihak berkuasa kuasa tempatan termasuk Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Prai telah menerima satu arahan baru daripada pihak bomba dan penyelamat. Bahawa semua pelan bangunan bagi projek-projek kediaman baru di Pulau Pinang yang melebihi ketinggian 18 meter perlu dirujuk pada ibu pejabat bomba dan penyelamat di Putrajaya untuk kelulusan. Amalan sebelum ini adalah semua pelan bangunan

boleh diperakui dan diberi kelulusan oleh pihak bomba dan penyelamat di peringkat Pulau Pinang tanpa perlunya dirujuk ke bomba Putrajaya.

Arahan yang baru ini telah mendatangkan pelbagai kesulitan kepada pemaju-pemaju swasta termasuk juga projek-projek perumahan mampu milik yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Keadaan ini menyebabkan pelan-pelan bangunan tertentu hanya diberi kelulusan bersyarat oleh MPPP dan MPSP atas sebab kelewatan dari segi kelulusan yang diberikan oleh pihak bomba. Terdapat projek yang diberikan kelulusan bersyarat bahawa kelulusan bomba masih perlu diperolehi sebelum CCC dapat dikeluarkan. Terdapat juga projek yang diberikan kelulusan bersyarat bahawa kelulusan bomba perlu diperolehi sebelum kebenaran memulakan kerja (COW) dapat dikeluarkan oleh PBT.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa arahan baru yang terpakai di negeri Pulau Pinang tidak terpakai di negeri-negeri yang lain. Saya berasa amat hairan kenapa terdapat amalan yang berbeza lagi istimewa bagi negeri Pulau Pinang. Perlu diingatkan bahawa negeri Pulau Pinang menghadapi masalah kepesatan penduduk dan kekurangan dari segi ruang tanah dan amalan perlu bagi projek-projek perumahan mampu milik dilaksanakan dengan kadar paling segera.

Sebarang kelewatan dari segi kelulusan pihak bomba akan menyebabkan pihak pemaju berasa serba salah dan pembeli-pembeli rumah juga akan menghadapi masalah jikalau tiada CCC dapat dikeluarkan walaupun projek perumahan tersebut telah siap dibina nanti. Dengan itu saya berharap Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat memberi hala tuju serta menyediakan satu mekanisme yang lebih baik bagi menangani masalah tersebut demi kepentingan semua pihak khususnya mereka yang amat memerlukan rumah-rumah mampu milik. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

9.19 mlm.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Abd. Rahman Dahlan]: *Bismillahi Rahmani Rahim*, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, kelulusan yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) adalah bertujuan untuk memperakui sesebuah premis yang akan dibangunkan itu selamat dan mempunyai kemudahan keselamatan pencegahan kebakaran dan juga perlindungan kebakaran. Ia perlu dilaksanakan bukannya untuk menyusahkan mana-mana pihak, tetapi bagi memastikan keselamatan penghuni-penghuni bangunan berkenaan.

■2120

Semakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dilaksanakan bagi memastikan kehendak-kehendak atau syor-syor perlindungan dan keselamatan kebakaran menepati aspek-

aspek teknikal seperti yang terkandung dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam UKBS 1984, *Malaysian Standards* dengan izin, piawaian antarabangsa yang berkaitan dan juga bertepatan dengan peruntukan di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988 iaitu Akta 341. Untuk makluman, kuasa untuk memperakukan pelan bangunan adalah terletak di bawah tanggungjawab Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba dan ia dilaksanakan melalui penurunan kuasa kepada Pengarah Negeri mengikut seksyen 7, seksyen 27 dan seksyen 28, Akta 341.

Oleh itu tindakan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mengehendkan kuasa menyemak dan melulus pelan di pelbagai peringkat iaitu ibu pejabat negeri dan zon bukanlah merupakan perkara baru dalam aspek kawalan keselamatan di negara ini. Contohnya, bagi kelulusan taska di premis bertingkat saya pernah meminta supaya pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di ibu pejabat yang menyemak permohonan, bagi memastikan kelulusan yang diberikan kepada bangunan dan premis berkenaan adalah seragam.

Tuan Yang di-Pertua, pemajuan yang diluluskan oleh agensi kerajaan negeri di Pulau Pinang kebanyakannya adalah pemajuan bertingkat dan mempunyai risiko yang tersendiri. Justeru itu pihak bomba dan kementerian berpandangan perkara ini perlu dikoordinasi di peringkat yang lebih tinggi iaitu di Ibu Pejabat JPPM. Ini adalah lanjutan dari kebimbangan Kerajaan Persekutuan terhadap aspek keselamatan dan pencegahan kebakaran yang tidak diberikan perhatian sewajarnya oleh pemaju atau *Principle Submitting Person (PSP)* dengan izin. Ini boleh memudaratkan serta memberikan risiko yang tidak sepatutnya kepada rakyat di Pulau Pinang.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, sama ada kelulusan pelan diberikan oleh Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ataupun di negeri ia sebenarnya tidak menjejaskan tempoh masa yang ditetapkan. Ini kerana melalui inisiatif *One Stop Centre (OSC)* di pihak berkuasa tempatan yang diperkenalkan oleh kementerian, semua agensi-agensi teknikal luaran termasuklah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, ibu pejabat atau negeri perlu mengemukakan ulasan dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam piagam sebelum jawatankuasa OSC di PBT menimbangkan sesuatu permohonan.

Untuk itu pemaju atau *Principle Submitting Person (PSP)* perlu memastikan permohonan yang dikemukakan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia adalah lengkap dan mematuhi semua syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan. Sekiranya sesuatu permohonan itu tidak diluluskan atau diluluskan secara bersyarat pihak bomba tidak seharusnya dipersalahkan. Sebaliknya ia adalah berpunca daripada kegagalan pihak pemaju atau PSP dalam memastikan semua kehendak perundangan dipatuhi. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Status Bangunan Vivekananda Ashram

9.23 mlm.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu keputusan munasabah diperlukan dari Kementerian Wilayah Persekutuan. Bangunan *Vivekananda Ashram* didirikan di Brickfields dan berusia lebih daripada 110 tahun dan ia juga mengundang banyak kepentingan budaya dan warisan. *Ashram* ini adalah ikon di sekitar Little India Kuala Lumpur. Swami *Vivekananda* sendiri telah melakukan lawatan bersejarah ke kawasan itu. Beribu-ribu pelancong dari dalam dan juga luar negara datang untuk melihat bangunan yang *iconic* ini.

Apa yang paling mengejutkan adalah pemegang amanah, *Ashram trustees* telah memohon kepada pihak berkuasa negeri untuk menukar syarat pembangunan kawasan untuk membina sebuah kondominium mega 27 tingkat. Cadangan ini telah menerima bantahan teruk oleh penduduk tempatan dan lain-lain.

Walaupun kempen tandatangan telah dijalankan untuk menyelamatkan *Ashram* itu daripada dibangunkan semula. Lebih 100 ribu orang telah menandatangani petisyen membantah cadangan pembangunan kawasan *Ashram* itu. Ramai penduduk tempatan seperti pengasas Sekolah Undang-undang Brickfields, Raja Singham sendiri telah berjanji untuk menyalurkan sebanyak RM500 ribu untuk simpanan *Ashram* itu daripada dibangunkan semula.

Pemegang amanah **b** telah terbawa-bawa dengan kepentingan komersial dan mereka tidak layak untuk duduk dan memutuskan apa-apa yang terbaik untuk rakyat. Pemegang amanah *trusties* beroperasi seperti masyarakat swasta yang salah kerana kepentingan awam perlu diutamakan. Bangunan *Vivekananda Ashram* itu dibina dengan derma orang ramai dan berada di tengah-tengah Brickfields. Ia perlu dikekalkan seadanya. Apakah Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan setuju supaya memberi keizinan untuk mewartakan tapak *Vivekananda Ashram* sebagai tapak warisan di bawah seksyen 30, Akta 645?

Saya telah menunjukan soalan kepada Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan pada 7 April mengenai status pewartaan *Vivekananda Ashram* sebagai tapak warisan kebangsaan. Yang Berhormat Menteri telah memberi jawapan bahawa pendengaran ini di bawah seksyen 29, Akta 645 akan diadakan oleh Pesuruhjaya Warisan sesudahnya. Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan memberi keizinan di bawah seksyen 30 yang ditulis sebagai keizinan pihak berkuasa negeri. Jika sesuatu tapak terletak di dalam suatu negeri pesuruhjaya hendaklah memperoleh keizinan pihak berkuasa negeri bagi negeri itu sebelum apa-apa penetapan dibuat. Oleh itu saya memohon Menteri mempunyai suara besar untuk memberhentikan pembangunan semula.

Keadaan isu ini adalah amat mustahak untuk Wilayah Persekutuan. Saya pohon Menteri Wilayah Persekutuan membenarkan orang ramai untuk menghadiri pendengaran ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri membenarkan *public hearing* perkara ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

9.27 mlm.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tuan M. Kulasegaran dari Ipoh Barat yang telah menyuarakan pandangan dan persoalan dalam ucapan penangguhan dalam mesyuarat kedua penggal ketiga Parlimen Ketigabelas Dewan Rakyat 2015 ini. Keprihatinan, ketelitian, kepekaan Ahli Yang Berhormat terhadap kesejahteraan hidup dan kebajikan para warga Wilayah Persekutuan khususnya dan rakyat amnya sangatlah kami hargai.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat permohonan menukar kegunaan tanah daripada institusi kepada perdagangan bagi membina satu blok pangsapuri *service* 23 tingkat, 264 unit termasuk lapan tingkat podium tempat letak kereta dengan satu tingkat *basement* tempat letak kereta di atas lot 33 Seksyen 72, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields Kuala Lumpur untuk Tetuan *Vivekananda Ashram* Kuala Lumpur, telah dipertimbangkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pusat Setempat pada 24 Februari 2015.

Mesyuarat ini telah memutuskan permohonan ditangguhkan sehingga keputusan muktamad terhadap status zon warisan bangunan sedia ada *Vivekananda Ashram* ditentukan oleh Jabatan Warisan Negara. Sehingga kini pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur masih tidak mengeluarkan sebarang keputusan muktamad terhadap cadangan pembangunan tersebut kerana masih menunggu kata putus serta maklum balas dari Jabatan Warisan Negara berkenaan pewartaan *Vivekananda Ashram* sebagai tapak warisan kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat di atas penyampaian ucapan penangguhan yang melibatkan bidang kuasa dan tanggungjawab kementerian ini. Segala teguran, pandangan, cadangan, ulasan mahupun kritikan yang membina daripada Ahli Yang Berhormat amatlah kami hargai dalam usaha untuk menambah baik mutu perkhidmatan awam sedia ada dan khususnya kepada rakyat dan negara secara menyeluruh. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat hari ini ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi hari Rabu 10 Jun 2015.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.30 malam]